

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK
DARJAH (PBD) DALAM KALANGAN GURU BUKAN
OPSYEN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT)**

RAMALINGAM A/L DHANAPALAN



**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2025**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

RAMALINGAM DHANAPALAN

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**“PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD)
DALAM KALANGAN GURU BUKAN OPSYEN BAHASA INGGERIS
DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT)”**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **19 September 2024.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
19 September 2024.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Prof. Dr. Fauziah Abdul Rahim

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Zamri Khairani

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Nurliyana Bukhari

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Assoc. Prof. Dr. Mohd. Isha Awang

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) **19 September 2024**

Kebenaran Mengguna

Tesis ini adalah sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan perpustakaan Universiti Utara Malaysia untuk membuat salinan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju membenarkan salinan tesis ini dibuat sebahagian atau keseluruhan, bagi tujuan akademik melalui kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, oleh Dekan Awang Had Salleh, *Graduate School of Arts and Sciences*. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk perolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Pengiktirafan yang sewajarnya haruslah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia. Bagi sebarang penggunaan bahan daripada tesis ini untuk tujuan penulisan, permohonan untuk mendapat kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan secara keseluruhan atau sebahagian haruslah dibuat dengan menulis kepada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman

Abstrak

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diperkenalkan dalam sistem pendidikan Malaysia untuk menyelesaikan pelbagai cabaran yang timbul daripada pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), terutamanya di sekolah rendah. PBD dilaksanakan di seluruh Malaysia untuk mengesan potensi murid secara menyeluruh serta mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam aktiviti pembelajaran. Kajian lepas menunjukkan dapatan yang berbeza berkaitan dengan pelaksanaan PBD, di mana kebanyakan kajian lebih memberi tumpuan kepada aspek-aspek tertentu dalam proses pelaksanaan dan tidak mengkaji keseluruhan proses tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengeksplorasi pemahaman dan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru bukan opsyen Bahasa Inggeris, dengan memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan PBD, terutamanya berkaitan dengan penguasaan bahasa Inggeris yang terhad. Pendekatan kualitatif digunakan untuk mengumpulkan data melalui temu bual, pemerhatian bilik darjah, serta analisis dokumen yang berkaitan dengan PBD Bahasa Inggeris. Kajian ini melibatkan enam orang guru yang berpengalaman sebagai peserta. Hasil kajian mendapati bahawa peserta kajian mempunyai pemahaman yang berbeza terhadap PBD, terutamanya dalam aspek konsep, kaedah pentaksiran, penyediaan instrumen, serta pengurusan fail PBD Bahasa Inggeris. Dapatan kajian juga menyoroti cabaran penguasaan bahasa Inggeris yang rendah dalam kalangan guru dan murid, yang memberi kesan kepada pemahaman instrumen pentaksiran dan komunikasi dalam kelas. Guru-guru melaporkan kesukaran dalam memahami serta menyampaikan bahan pentaksiran dalam Bahasa Inggeris. Ini menghalang mereka daripada memberikan maklum balas yang jelas dan tepat. Selain itu, kekangan masa, kekurangan bimbingan dan rujukan, serta ketidakselarasan dalam peraturan pemarkahan merupakan masalah yang sering dihadapi dalam pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris di sekolah mereka. Kajian ini mencadangkan agar pelaksanaan PBD dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) untuk mengelakkan ketidakadilan dalam pemarkahan. Kajian ini juga mencadangkan agar pihak pentadbiran sekolah memperbanyakkan bengkel dan kursus serta menyediakan kemudahan yang mencukupi kepada semua guru, supaya proses pentaksiran dapat berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

Kata Kunci: Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Guru bukan opsyen

Abstract

Classroom Assessment (CA) was introduced in the Malaysian education system to address various challenges arising from the implementation of School-Based Assessment (SBA), particularly in primary schools. CA is implemented nationwide to assess students' potential holistically and identify their strengths and weaknesses in learning activities. Previous studies have shown different findings regarding CA implementation, with most studies focusing on specific aspects of the process rather than examining it comprehensively. Therefore, this study aims to explore the understanding and implementation of CA among non-option English teachers, with a particular focus on the challenges faced in CA implementation, especially related to limited English proficiency. A qualitative approach was used with data collected through interviews, classroom observations, and the analysis of documents related to English Language CA. This study involved six experienced teachers as participants. The findings revealed that the participants had different understandings of CA, particularly in terms of the concept, assessment methods, preparation of instruments, and the management of CA files in English. The study also highlighted the challenge of limited English proficiency among both teachers and students, which affects their understanding of assessment instruments and communication in the classroom. Teachers reported difficulties in understanding and delivering assessment materials in English. It hindered their ability to provide clear and accurate feedback. In addition, time constraints, lack of guidance and references, and inconsistencies in scoring guidelines were common problems during the implementation of English Language CA in their schools. This study recommends the implementation of CA followed the procedures by the Malaysian Examination Board (MEB) to ensure fairness in assessment scoring. It also suggests that school administrations increase workshops and courses and provide sufficient facilities for all teachers to ensure that the assessment process runs smoothly without disruptions.

Keywords: Classroom Assessment (CA), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Non-option teachers

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Penghargaan khas ditujukan kepada Profesor Madya Dr Mohd Isha Bin Awang, penyelia saya yang penuh dedikasi, memahami dan mengajar saya erti sebenar penyelidikan dan tunjuk ajar dalam penulisan tesis. Tidak cukup sekadar mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau kerana tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk saya menyiapkan tesis ini dengan berjaya. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada bekas penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr Mohd Faiz Bin Mohd. Yaakob yang membantu dan membimbing saya dari pelbagai sudut untuk menghabiskan tesis ini.

Selain itu, saya juga meluahkan penghargaan istimewa kepada isteri tercinta iaitu Puan Lilly Subramanian atas pengorbanan, sokongan dan dorongan yang sentiasa telah diberikan. Dedikasi khas juga turut diberikan kepada anak-anak tersayang iaitu Sharveenthiran Ramalingam, Tharuna Sree Mathavan Ramalingam dan Kishendran Ramalingam atas sokongan sepanjang penulisan tesis ini. Seterusnya, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua ahli keluarga, saudara mara, rakan-rakan sekerja dan kawan-kawan saya atas kasih sayang dan sokongan moral yang telah disumbangkan. Matlamat saya tidak akan tercapai tanpa mereka. Justeru, amatlah saya menghargai segala bantuan yang dihulurkan dan mendedikasikan tesis ini kepada mereka semua.

Sekalung penghargaan turut dirakamkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Bahagian Tajaan Biasiswa yang meluluskan Hadiah Latihan Persekutuan, Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dan mantan Ketua Jabatan SJK (T) Saraswathy iaitu Encik Ravi Ammasi yang menyokong saya menjalankan penyelidikan ini. Akhirnya, terima kasih kepada pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) yang memberikan peluang untuk mengikuti pengajian PhD kepada saya.

Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi kandungan	v
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi
Senarai Singkatan	xii
Senarai Lampiran	xv
BAB SATU: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	1
1.3 Kurikulum Standard Sekolah Rendah	3
1.4 Kurikulum Bahasa Inggeris Dalam KSSR	7
1.5 Konsep Pentaksiran Dalam KSSR	9
1.6 Konteks Kajian	13
1.7 Kerangka Teoretikal Kajian	14
1.8 Pengalaman Penyelidik Dalam PBD Bahasa Inggeris	16
1.9 Penyataan Masalah	18

1.10 Tujuan Kajian	23
1.11 Objektif Kajian	23
1.12 Persoalan Kajian	24
1.13 Kepentingan Kajian	24
1.14 Definisi Operasi	26
1.15 Batasan Kajian	30
1.16 Penyusunan Tesis	31

BAB DUA: SOROTAN KARYA33

2.1 Pengenalan	33
2.2 English Language Teaching Centre (ELTC)	34
2.3 Teori Konstruktivisme	36
2.4 Konstruktivisme Dalam PBD	43
2.4.1 Prinsip Konstruktivisme dalam PBD.....	43
2.4.2 Peranan Guru dan Murid dalam Konstruktivisme dan PBD.....	44
2.4.3 Kajian Empirik tentang Pelaksanaan PBD.....	46
2.4.4 Implikasi Konstruktivisme dalam Pelaksanaan PBD.....	47
2.5 Pemahaman Guru terhadap PBD.....	48
2.5.1 Pengaruh Pengetahuan Guru terhadap PBD.....	49
2.5.2 Kepentingan Pengetahuan Sedia Ada dalam PBD.....	50
2.5.3 Pemahaman terhadap Kurikulum dan PBD.....	51

2.5.4 Kriteria Ilmu Pengetahuan.....	52
2.6 Pengetahuan Guru Terhadap Isi Kandungan	53
2.7 Pengetahuan Pedagogi Guru	57
2.8 Pengetahuan Guru Terhadap Pentaksiran	60
2.9 Isu Kekurangan Guru Opsyen BI di SJKT.....	65
2.9.1 Kesan Pengajaran Guru Bukan Opsyen terhadap PBD.....	67
2.9.2 Kesukaran dan Kerumitan dalam Pelaksanaan PBD.....	68
2.9.3 Jurang dalam Penyelidikan Berkaitan Pelaksanaan PBD.....	69
2.10 Pentaksiran Berasaskan Sekolah	70
2.10.1 Latar Belakang PBS	70
2.10.2 PBD dan PBS Bahasa Inggeris.....	72
2.10.3 Masalah dalam Pelaksanaan Pentaksiran	75
2.10.4 Konsep PBD	78
2.10.5 Komponen PBD	79
2.10.6 Ciri-ciri PBS	81
2.10.7 Ciri-ciri PBD	82
2.11 Pentaksiran Formatif dan Sumatif	84
2.12 Perbandingan PBD <i>Offline</i> dan IdMe	89
2.13 Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (CBAM)	91
2.13.1 Pengenalan Kepada CBAM	91
2.14 Kajian Menggunakan Model CBAM	97

2.15 Kajian-kajian Terdahulu	101
2.15.1 Kajian-kajian PBD di Malaysia	101
2.15.2 Kajian-kajian PBD di Luar Negara	105
2.16 Pengetahuan dan Pemahaman Guru Terhadap Pentaksiran	107
2.17 Kesimpulan	110
 BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN	112
3.1 Pengenalan	112
3.2 Andaian Penyelidikan	112
3.3 Justifikasi Pemilihan Kaedah Interpretivist.....	115
3.4 Kaedah Kajian	116
3.4.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Kajian	117
3.5 Kajian Kes	119
3.5.1 Justifikasi Pemilihan Kajian Kes	120
3.6 Populasi Kajian.....	122
3.7 Peserta Kajian	123
3.7.1 Kriteria Pemilihan Peserta Kajian	125
3.8 Instrumen Kajian.....	127
3.8.1 Temu bual	128
3.8.1.1 Justifikasi Pemilihan Teknik Temu Bual	130
3.8.2 Pemerhatian Bilik Darjah	131

3.8.2.1 Protokol Pemerhatian Bilik Darjah.....	133
3.8.3 Analisis Dokumen	134
3.8.3.1 Justifikasi Pemilihan Analisis Dokumen	135
3.9 Kajian Rintis	136
3.10 Prosedur Pengumpulan Data	138
3.11 Kaedah Menganalisis Data	139
3.12 Triangulasi	142
3.13 Kebolehpercayaan	143
3.14 Etika dalam Penyelidikan Kualitatif	147
3.15 Rumusan Bab	149
BAB EMPAT: ANALISIS DATA DAN INTERPRETASI	150
4.1 Pendahuluan.....	150
4.2 Penyampaian Dapatan Mengikut Kategori Sekolah.....	151
4.2.1 Sekolah Gred A.....	151
4.2.1.1 Kaedah Pentaksiran di Sekolah Gred A.....	151
4.2.2 Sekolah Gred B.....	152
4.2.2.1 Kaedah Pentaksiran di Sekolah Gred B.....	152
4.2.3 Sekolah Kurang Murid (SKM).....	153
4.2.3.1 Kaedah Pentaksiran di SKM.....	154
4.2.4 Kesimpulan Penyampaian Dapatan Kajian.....	155

4.3 Pemahaman Guru Terhadap PBD	155
4.3.1 PBD Sebagai Pentaksiran di Peringkat Sekolah	157
4.3.2 Pentaksiran Yang Dibuat oleh Guru Mata Pelajaran.....	160
4.3.3 Pentaksiran Yang Ditetapkan oleh LPM	163
4.3.4 Pentaksiran Sepanjang PdPc dan PdPr	166
4.3.5 PBD Yang Tidak Berorientasikan Peperiksaan	169
4.3.6 Perubahan Format Pentaksiran	170
4.3.7 Pembelajaran Yang Tidak Ke Arah Peperiksaan.....	172
4.3.8 Pengintegrasian Pentaksiran Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	176
4.4 PBD Sebagai Proses Pembelajaran	178
4.4.1 Kaedah Pentaksiran dalam Bahasa Inggeris	180
4.5 Pelaksanaan PBD dalam Kalangan Guru Bukan Opsyen BI.....	181
4.6 Isu dan Masalah dalam Pelaksanaan PBD	211
4.7 Kesimpulan	223

BAB LIMA: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN

KESIMPULAN.....	224
5.1 Pendahuluan	224
5.2 Perbincangan	225
5.2.1 Pemahaman Guru Terhadap PBD	230
5.2.2 Pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris di Bawah KSSR	233

5.2.3 Masalah Yang Dihadapi Guru Bahasa Inggeris dalam PBD	236
5.3 Model CBAM	241
5.4 Teori Konstruktivisme	242
5.5 Pencapaian Kajian.....	245
5.6 Implikasi Kajian	247
5.7 Cadangan Kajian	251
5.8 Cadangan Kajian Lanjutan	253
5.9 Impak Pelaksanaan PBD Terhadap Pengajaran Bahasa Inggeris.....	255
5.10 Kelebihan Kajian.....	258
5.11 Kelemahan Kajian.....	259
5.12 Kesimpulan.....	260
Rujukan	263




Senarai Jadual

Jadual 1.1 Tahap Penguasaan dan Pengkelasan Mengikut Pencapaian Murid	9
Jadual 3.1 Maklumat Asas Peserta Kajian	125



Senarai Rajah

Rajah 1.1	Lima Elemen Asas Dalam Bahasa Inggeris KSSR.....	8
Rajah 1.2	Kerangka Teoretikal Kajian	14
Rajah 2.1	Lima Fasa dalam Teori Konstruktivisme.....	41
Rajah 4.1	Pemahaman Guru Terhadap PBD	156
Rajah 4.2	Pentaksiran di Peringkat Sekolah	160
Rajah 4.3	PBD Yang Tidak Berorientasikan Peperiksaan	169
Rajah 4.4	PBD Sebagai Proses Pembelajaran	179
Rajah 4.5	Kaedah Pentaksiran PBD Bahasa Inggeris	180
Rajah 4.6	Isu dan Masalah Dalam Pelaksanaan PBD.....	212
Rajah 5.1	Model Penemuan Kajian.....	226



Senarai Singkatan

BI	-	Bahasa Inggeris
BPK	-	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CA	-	<i>Classroom Assessment</i>
CBAM	-	<i>Concern-Based Adoption Model</i>
CEFR	-	<i>Common European Framework of References</i>
DSKP	-	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
ELTC	-	<i>English Language Teaching Centre</i>
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPM	-	Fail Perkembangan Murid
GB	-	Guru Besar
idMe	-	Sistem Pengurusan Identiti
IC	-	<i>Innovation Configuration</i>
idMe	-	Sistem Pengurusan IDentiti
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
JU	-	Jurulatih Utama
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KMY	-	Kuala Muda Yan
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LoU	-	<i>Level of Use</i>

LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia
NUTP	-	<i>National Union of The Teaching Profession Malaysia</i>
PAJSK	-	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan, Kokurikulum
PBD	-	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	-	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PdPr	-	Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PLBS	-	Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah
PP	-	Pentaksiran Pusat
PPsi	-	Pentaksiran Psikometrik
PS	-	Pentaksiran Sekolah
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
RPH	-	Rancangan Pengajaran Harian
RPM	-	Rekod Perkembangan Murid
RPT	-	Rancangan Pengajaran Tahunan
SAPS	-	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SBA	-	<i>School-Based Assessment</i>
SBOA	-	<i>School-Based Oral Assessment</i>
SJKT	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

SKM	-	Sekolah Kurang Murid
SoC	-	<i>Stages of Concern</i>
SPPBS	-	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SPPK	-	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SUP	-	Setiausaha Peperiksaan
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TP	-	Tahap Penguasaan
TQS	-	<i>Total Quality Schooling</i>
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UK	-	<i>United Kingdom</i>
UASA	-	Ujian Akhir Sesi Akademik
USA	-	<i>United States of America</i>



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai Lampiran

Lampiran A: Surat Persetujuan Peserta Kajian	258
Lampiran B: Jadual Perancangan Temu Bual	259
Lampiran C: Jadual Perancangan Pemerhatian	260
Lampiran D: Soalan Temu Bual	261
Lampiran E: Kod dan Kategori Peserta Kajian	263
Lampiran F: Contoh Instrumen PBD Bahasa Inggeris	264
Lampiran G: Contoh Pelaporan PBD	268
Lampiran H: Surat Kelulusan EPRD	271



BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini berkaitan pemahaman dan pelaksanaan Pentaksiran Bilk Darjah (PBD) dalam kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris yang merangkumi beberapa sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil di negeri Kedah. Seterusnya, kajian ini turut membincangkan isu dan masalah yang dihadapi guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris. Dalam bab ini, penyelidik membincangkan latar belakang dan konsep pentaksiran dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, konteks kajian, pengalaman penyelidik dalam KSSR, pernyataan masalah, objektif kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, definisi operasional, batasan kajian serta penyusunan tesis.

1.2 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan sebuah proses yang akan berterusan untuk mengetahui secara lebih mendalam mengenai pencapaian, perkembangan, penguasaan, kebolehan serta kemajuan seseorang murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). PBD mempunyai hubungan dengan memperoleh dan menganalisis maklumat sekaligus menyediakan refleksi setelah sesuatu PdP itu berjaya dilaksanakan. Faizah A. Majid (2022) mengatakan

pelaksanaan PBD secara sistematik akan memberi gambaran yang lebih jelas terhadap penguasaan murid dalam isi kandungan pembelajaran.

PBD pada peringkat sekolah rendah mempunyai perbezaan dengan pelaksanaan PBS sebelumnya, kerana PBD berlaku secara berterusan sepanjang pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku tanpa membandingkan tahap penguasaan antara murid. Ia berlaku semata-mata untuk memperkembangkan penguasaan murid dan menambah baik pengajaran guru (Arumugham, 2021). Menurut Yildizli (2020), kurikulum Matematik yang diperbaharui memerlukan PBD yang dapat menyokong pembelajaran dan meningkatkan motivasi pelajar. Justeru itu, pelaksanaan PBD perlulah dititikberatkan dalam mencapai sasaran yang ditentukan oleh pihak penggubal dasar pendidikan di negara ini.

Mengikut Surat Siaran KPM Bilangan 14 Tahun 2018 bertarikh 19 Disember 2018, sistem peperiksaan yang sedia ada yang merangkumi peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun telah dimansuhkan sepenuhnya. KPM telah memperkenalkan PBD sebagai pengganti kepada peperiksaan. Menurut Abdullah et al. (2020), PBD memberi ruang kepada para pendidik untuk memperkukuhkan proses pembelajaran serta dapat mengenalpasti keberkesanan PdPc. Tambahnya, pelaksanaan PBD membantu guru untuk mengumpul maklumat, menganalisis pencapaian murid serta dapat membuat refleksi untuk penambahbaikan strategi PdPc.


Guru sebagai pendidik merupakan insan yang memikul tanggungjawab yang besar untuk melaksanakan pentaksiran dengan menentukan kaedah, pendekatan serta objektif pembelajaran yang sesuai dengan berpandukan kepada standard pembelajaran yang ingin ditaksir. PBD diwujudkan untuk menambah baik penguasaan dan pembelajaran murid secara pentaksiran sumatif dan formatif (Qian, 2019).

Dalam mengendalikan PBD, seseorang guru akan memberi fokus yang lebih kepada proses PdP yang memberi ruang kepada aspek kemenjadian murid dan pengurusan sahsiah (Zamri et al. 2022). Kaedah pentaksiran dalam PBD dipercayai akan melahirkan individu yang berdaya saing, kreatif, inovatif dan memiliki progresif yang berterusan.

1.3 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Sistem pendidikan Malaysia mengalami perubahan seiring dengan arus kemajuan dan pemodenan negara (Ahmad, 2019). Kajian oleh Aisamuddin (2018) menyatakan sistem pendidikan pada masa kini lebih berfokuskan kepada pembangunan dan pembentukan diri secara holistik iaitu dengan cara menitikberatkan aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual dan juga spiritual. Tahap perkembangan murid dilihat dari perspektif akademik, ko-akademik dan aktiviti kokurikulum.

Seterusnya, hasil kajian Tan Ai Mei (2022) menyatakan potensi pelajar di Malaysia sentiasa dinilai dengan berpanduan kepada kecemerlangan murid dalam bidang akademik di sekolah dan juga pencapaian mereka di peringkat institusi pengajian tinggi. Kurikulum baharu yang direka iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermotifkan untuk melahirkan modal insan secara menyeluruh dan tidak berorientasikan peperiksaan semata-matanya (Laporan NUTP, 2023). Ini adalah kerana kurikulum sebelum ini iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) semata-mata memberi penekanan kepada aspek intelektual dan mengabaikan penilaian pertumbuhan dan perkembangan potensi murid sekaligus member fokus kepada kemenjadian murid.



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti beberapa kelemahan dalam kaedah pentaksiran yang sedia ada dan telah membuat beberapa langkah penambahbaikan iaitu menerusi pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Ia merupakan kombinasi daripada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) serta peperiksaan pusat. Ekoran daripada itu, KPM telah memperkenalkan *School-Based Oral Assessment (SBOA)* untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris sejak tahun 2008 yang lalu.

SPPK juga memainkan peranan dalam memperkenalkan pelaksanaan ujian SEGAK dan psikometrik bagi tujuan pengumpulan data serta maklumat dan graf

perkembangan dan pertumbuhan potensi murid. Justeru, semua kriteria yang dilaksanakan melalui SPPK ini memberi penekanan kepada tahap pengupayaan sekolah dan guru-guru dalam melaksanakan PBD di sekolah masing-masing. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2022).

Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan untuk membuat penyusunan dan penambahbaikan dalam sistem kurikulum persekolahan rendah yang sedia ada dalam persidangan Jemaah Menteri pada 23 Mei 2008, Bil 6/2008. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memutuskan agar Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dilaksanakan semenjak tahun 2011 di sekolah rendah akibat daripada keperluan transformasi yang terdiri daripada lima aspirasi dalam sistem pendidikan Malaysia iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan (Laporan Tahunan LPM, 2021). Noor Azizah (2022) menyatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia perlu diubah bagi memastikan pembangunan insan seimbang dalam semua aspek dapat dilaksanakan. Kenyataan ini seiring dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu mempercepatkan peningkatan kemajuan sistem pendidikan di Malaysia yang beranjak ke arah peningkatan keluwesan operasi.

KSSR bertujuan untuk membekalkan ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir secara saintifik sejajar dengan keperluan semasa untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Kajian oleh Hamzah Omar (2020) menyenaraikan 5 cabaran utama yang

dihadapi guru dalam abad ke-21 iaitu perlu mempunyai kolaborasi dengan semua pihak, melibatkan diri dalam perkembangan professionalism, tidak anti-sosial, membantu murid meningkatkan kemahiran generik dan membimbing semua murid tanpa mengira lat belakang pendidikan, kaum, jantina, status sosial dan sebagainya. Menurut Tan (2022), fokus utama KSSR bertumpu kepada aspek kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) serta meningkatkan kemahiran penaakulan, kreativiti dan inovasi, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta lain-lain elemen keusahawanan di kalangan murid.

Mengikut Modul Teras KSSR Semakan (2017) yang telah dikeluarkan oleh KPM, KSSR diperkenalkan untuk melahirkan insan yang seimbang dalam semua aspek, kritis dan inovatif, berfikiran kreatif melalui tunjang-tunjang komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan mental, keterampilan diri, aspek kemanusiaan dan kerohanian, sikap serta nilai moral. KSSR berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK). KSSR juga berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.


Menurut Rohaya Talib (2022), KSSR berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Dasar Pendidikan Negara. Tambahnya (Rohaya Talib, 2022), KSSR mengambil kira cabaran pada abad ke-21 iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar

untuk hidup secara bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk disiplin (*learning to be*).

Norizan Razak (2023) pula berpendapat bahawa hasrat sebenar KSSR adalah untuk melahirkan murid yang seimbang dari perspektif intelek, rohani, sosial, emosi dan jasmani serta membentuk warganegara yang bertanggungjawab. Beliau (Norizan Razak, 2023) juga turut menyatakan bahawa KSSR melahirkan warganegara yang berperanan di arena global serta mewujudkan pekerja yang berilmu supaya dapat bersaing di pasaran global.

1.4 Kurikulum Bahasa Inggeris Dalam KSSR

Menurut Nor Azimah (2021), KSSR adalah suatu inisiatif baru yang diperkenalkan oleh pihak KPM untuk mengkaji dan menyusun semula serta membuat penambahbaikan dalam kurikulum yang sedia ada agar dapat memastikan semua murid dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir secara kritis, potensi serta nilai-nilai kemasyarakatan untuk menghadapi cabaran pada abad ke-21. Pelaksanaan KSSR adalah untuk menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) supaya dapat meningkatkan minat murid-murid untuk mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (Nor Azimah, 2021).



Rajah 1.1. Lima Elemen Asas Dalam Bahasa Inggeris KSSR Semakan

(Sumber: DSKP Bahasa Inggeris, 2020)

Mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP Bahasa Inggeris, 2020), mata pelajaran Bahasa Inggeris diagihkan kepada lima elemen utama iaitu *listening and speaking*, *reading*, *writing*, *language arts* dan *grammar*. KSSR digubal berdasarkan kepada pernyataan standard iaitu merangkumi standard kandungan (*content standard*) dan kandungan pembelajaran (*learning standard*). Standard kandungan merupakan pernyataan spesifik tentang perkara-perkara yang perlu diketahui murid sepanjang tempoh persekolahan. Seterusnya, standard pembelajaran pula merupakan penetapan kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran yang dapat diukur bagi setiap standard kandungan (LPM, 2021).

1.5 Konsep Pentaksiran Dalam KSSR

Menurut Rozaidi Salim (2019), proses pentaksiran merupakan suatu kaedah untuk mendapatkan maklumat dan membuat penghakiman dan pertimbangan tentang produk sesuatu proses pendidikan. Pentaksiran dalam bilik darjah merupakan proses mengumpul dan menafsir maklumat berkaitan murid untuk membuat sebarang keputusan untuk meningkatkan keberkesanan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Selain itu, Zuraida Kamaruddin (2023) mengatakan bahawa pentaksiran menjadi asas kepada proses pengukuhan dan penambahbaikan dalam PdPc. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyarankan semua sekolah rendah untuk melaksanakan PBS sepanjang tahun dan menilai perkembangan murid berpandukan kepada Tahap Penguasaan (TP).

Jadual 1.1 *Tahap Penguasaan dan Pengkelasan Mengikut Pencapaian Murid*

TAHAP PENGUASAAN (TP)	PENGKELASAN
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau member respons terhadap perkara asas.
2 (Tahu dan Faham)	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau penterjemahan serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3 (Tahu, Faham dan Boleh Buat)	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4 (Tahu, Faham & Boleh Buat dengan Beradab)	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.

5 (Tahu, Faham, dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji)	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif.
6 (Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

(Sumber: Panduan Pengurusan PBD, 2019)

Jadual 1 di atas menunjukkan enam jenis tahap penguasaan yang seharusnya dikuasai oleh murid-murid menerusi PBD. TP 1 merupakan pencapaian minimum manakala TP 6 merupakan pencapaian tertinggi yang diberikan kepada murid-murid yang mempunyai kebolehan yang boleh membuat sesuatu aspek yang ditaksir dengan beradab mithali.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Suhaimi (2023), konsep pentaksiran dalam KSSR terbahagi kepada 3 komponen utama seperti berikut:

i. Pentaksiran Untuk Pembelajaran (*assessment for learning*)

Konsep pentaksiran ini memberi peluang kepada seseorang guru untuk membuat penambahbaikan dan mempelbagaikan teknik dan kaedah serta pendekatan kepada proses PdPc. Ia membantu warga pendidik untuk mempelajari pelbagai kaedah serta gaya pembelajaran murid kerana proses pentaksiran dijalankan secara berterusan iaitu sepanjang tahun. Konsep ini juga membolehkan murid

untuk menggunakan amalan pembelajaran sendiri dalam memahami serta menterjemahkan kehendak soalan atau sebarang tugas yang diberi oleh guru (Suhaimi, 2023).

ii. Pentaksiran Sebagai Pembelajaran (*assessment as learning*)

Konsep pentaksiran ini merupakan suatu proses yang memberi penekanan kepada keupayaan dalam tahap pemikiran pelajar. Pelajar memainkan peranan utama yang menghubungkan antara pentaksiran dan pembelajaran dengan menggunakan pelbagai teknik, kaedah serta kemampuan mereka sendiri. Dengan konsep pentaksiran sebagai pembelajaran, murid-murid dapat mengenal pasti, menghubungkait dan mengaplikasikan maklumat untuk mendapat serta memahami isi pembelajaran (Suhaimi, 2023).

iii. Pentaksiran Kepada Pembelajaran (*assessment of learning*)

Konsep ini memberi fokus kepada pentaksiran kelompok secara sumatif. Ia dibuat bagi mengenalpasti tahap pengetahuan dan keupayaan murid. Seterusnya, mereka memperlihatkan tahap pemahaman mereka terhadap kehendak kurikulum dan pembelajaran secara amnya. Konsep pentaksiran kepada pembelajaran melihat bagaimana seseorang murid itu dilabel dan dihubungkaitkan dengan yang lain (Suhaimi, 2023).

Segala perkembangan murid dalam pentaksiran KSSR dipantau dan hasil kerja mereka disimpan dalam portfolio perkembangan murid (Faizah A. Majid, 2022).

Portfolio tersebut merekodkan sebarang aktiviti dan pencapaian murid sepanjang sesi persekolahannya iaitu sehingga tamat darjah 6. Selain itu, portfolio murid juga merupakan asas dan rujukan kepada pihak guru dan ibu bapa serta membolehkan semua pihak termasuk ibu bapa menilai tahap perkembangan dan kemajuan anak mereka secara tepat serta mengetahui kekuatan dan kelemahan mereka secara berterusan dan mengenalpasti bakat dan minat serta kecenderungan mereka dalam sesuatu subjek berkenaan.

Suhaimi (2023) turut menyatakan bahawa pelaksanaan konsep pentaksiran di bawah KSSR ini menggunakan pentaksiran secara formatif terhadap setiap satu unit, topik, tema serta subtopik pembelajaran yang diajar sepanjang proses PdPc di bilik darjah berkenaan. Menurut Aidarwati M. Baidzawi (2013), PBD dilaksanakan dengan pelbagai kaedah dan teknik pentaksiran. Amalan pentaksiran di bawah kurikulum KSSR adalah secara berterusan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaannya melibatkan ketiga-tiga bahagian atau komponen pentaksiran yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu pentaksiran untuk pembelajaran, pentaksiran kepada pembelajaran serta pentaksiran sebagai pentaksiran. Kesemua konsep pentaksiran di dalam KSSR ini adalah bersifat asli dan holistik iaitu menyeluruh. (Aidarwati M. Baidzawi,2013).

1.6 Konteks Kajian


Konteks kajian ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Negeri Kedah. Terdapat sebanyak 60 buah SJKT di Negeri Kedah. Kesemua sekolah ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu Sekolah Bantuan Penuh / Gred A (12 buah), Sekolah Bantuan Modal Kerajaan /Gred B (18 buah) dan Sekolah Kurang Murid / SKM (30 buah). Kesemua sekolah Gred A dan B terletak di kawasan bandar dan pekan-pekan terkemuka seperti Alor Setar, Sungai Petani, Kulim, Bedong dan Gurun manakala kesemua SKM terletak di kawasan luar bandar iaitu di estet dan ladang. Penyelidik memilih SJKT sebagai konteks kajian kerana kebanyakan SJKT tidak memiliki guru opsyen Bahasa Inggeris dan ini menyebabkan pelbagai masalah terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah yang melibatkan PBD Bahasa Inggeris.

Dari segi bilangan dan saiz kelas, kebanyakan sekolah Gred A dan B mempunyai enrolmen murid melebihi 250 orang pelajar di setiap sekolah manakala SKM dalam lingkungan 10 hingga 30 orang murid sahaja. Latar belakang pendidikan dan tahap sosio-ekonomi antara murid kawasan bandar dan luar bandar agak ketara iaitu hampir 30% daripada murid SKM tidak pernah melalui alam prasekolah (Analisis Taburan Murid SJKT Negeri Kedah, 2022). Kebanyakan murid di SKM dikategorikan sebagai murid miskin dan diberikan Bantuan Pelajar Miskin Dari Dana Persekutuan (KWAPM).

Tenaga pengajar Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Tamil adalah terdiri daripada guru opsyen dan bukan opsyen Bahasa Inggeris. Konteks kajian ini berfokuskan kepada guru bukan opsyen Bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah gred A, B dan SKM. Kekurangan guru opsyen menyebabkan lebih ramai tenaga pengajar dari kategori bukan opsyen terpaksa mengajar Bahasa Inggeris di kebanyakan SJKT. Hasil perbincangan penyelidik bersama guru Bahasa Inggeris semasa menghadiri mesyuarat dan kursus menunjukkan bahawa kebanyakan guru diminta oleh Ketua Jabatan masing-masing (Guru Besar) untuk mengajar Bahasa Inggeris walaupun tidak berminat untuk berbuat demikian. Keadaan ini menyebabkan terdapat jurang yang besar dalam peratus pencapaian akademik UPSR dan pemberian Tahap Prestasi (TP) dalam PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di antara sekolah bandar dan luar bandar (Analisis Post-Mortem UPSR, PPD KMY/2019).

Peruntukan masa untuk kelas Bahasa Inggeris hanya lima waktu seminggu bagi tahap 1 dan enam waktu seminggu bagi tahap 2 di semua sekolah SJKT manakala sebanyak 10 waktu dalam seminggu diagihkan kepada Sekolah Kebangsaan. Peruntukan jumlah waktu yang agak sedikit menjadi isu utama dalam kalangan guru Bahasa Inggeris dari SJKT kerana terpaksa mengejar masa untuk menghabiskan silibus dan mentaksir kesemua deskriptor yang telah digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

1.7 Kerangka Teoretikal Kajian



Rajah 1.2. Kerangka Teoretikal Kajian

Kerangka penyelidikan ini yang menggabungkan dua objektif yang khusus iaitu membuat eksplorasi pemahaman guru-guru Bahasa Inggeris terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan memahami kekangan dan isu yang dihadapi oleh guru Bahasa Inggeris sepanjang pelaksanaan PBD diharap dapat menjawab persoalan kajian iaitu adakah guru-guru memahami konsep PBD bagi subjek Bahasa Inggeris dan beberapa masalah dan isu yang dihadapi oleh guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan pentaksiran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini juga diharap dapat membincangkan sama ada tahap pemahaman guru Bahasa Inggeris tentang pelaksanaan PBD selari dengan

kehendak Concern Based Adoption Model (CBAM) yang membincangkan tujuh tahap pemahaman sepertimana yang disarankan oleh Hall & Hord (2011).

1.8 Pengalaman Penyelidik Dalam PBD Bahasa Inggeris

Sebagai seorang Jurulatih Utama (JU) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, penyelidik sering menghadiri kursus, bengkel, mesyuarat dan sesi perkongsian ilmu bersama guru Bahasa Inggeris di peringkat JPN Kedah. Hasil perbincangan dengan kebanyakan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris pada akhir setiap slot dalam kursus pendedahan PBD telah memberi banyak input kepada penyelidik berkaitan pelaksanaan pentaksiran di SJKT. Antara masalah yang kerap diterima daripada guru bukan opsyen Bahasa Inggeris adalah berkaitan dengan kekurangan pengetahuan, beban kerja, minat, cara penyediaan instrumen pentaksiran dan faktor masa. Justeru, dipercayai bahawa setiap sekolah Tamil di negeri Kedah mengalami kesukaran dalam melaksanakan pentaksiran.

Selain itu, penyelidik juga pernah bekerja di sebuah sekolah gred A dengan enrolmen seramai 1,800 orang murid dan sebuah sekolah SKM dengan enrolmen 30 orang murid. Kewujudan jurang yang besar dari segi populasi murid membezakan beban kerja guru sebagai pentaksir. Guru yang mentaksir di sekolah Gred A dikehendaki menyediakan instrumen dalam kuantiti yang banyak supaya kerap ditaksir manakala beban kerja guru Bahasa Inggeris di SKM dari segi

penyediaan instrumen dan semakan bahan ditaksir tidak begitu berat kerana saiz kelas yang sangat sedikit meringankan mereka (Faizah A. Majid, 2022).

Penyelidik juga mempunyai pengalaman yang luas sebagai Ketua Panitia Bahasa Inggeris. Modul Panduan Pelaksanaan PBD edisi kedua (2019) yang dikeluarkan oleh LPM memerlukan setiap instrumen yang disediakan oleh seseorang guru, harus mendapat pengesahan daripada Ketua Panitia mata pelajaran berkenaan terlebih dahulu. Hasil tinjauan dan pemerhatian penyelidik selaku Ketua Panitia Bahasa Inggeris mendapati ramai guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris mengalami kesukaran dalam menyediakan instrumen pentaksiran. Ini adalah kerana guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris mempunyai tahap pengetahuan yang agak minimum dalam mengendalikan PBD di kelas masing-masing (Noraini Mat Ladin dan Suhaida Abd. Karim, 2019). Kebanyakan instrumen yang dikemukakan kepada penyelidik adalah salinan daripada buku-buku pentaksiran yang dijual di pasaran dan tidak memenuhi kehendak setiap deskriptor yang ingin ditaksir. Oleh yang demikian, penyelidik dapat merasakan perbezaan yang ketara dan beberapa kesukaran yang sering dialami oleh guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam melaksanakan pentaksiran.

1.9 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di Malaysia merupakan satu langkah penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, khususnya dalam membantu memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sejak pengenalan PBD, sistem pentaksiran ini bertujuan untuk menilai perkembangan murid secara berterusan dan menyeluruh, di samping memberi peluang kepada guru untuk membuat penambahbaikan dalam PdP. Namun, walaupun PBD dilaksanakan dengan matlamat positif, pelaksanaannya di sekolah rendah, terutama di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), menunjukkan pelbagai cabaran yang mempengaruhi keberkesanannya, terutamanya dalam subjek Bahasa Inggeris. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami isu-isu utama yang dihadapi oleh guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam melaksanakan PBD di SJKT di negeri Kedah.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD di sekolah rendah masih menghadapi pelbagai masalah yang membelenggu guru-guru, khususnya dalam kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris. Salah satu isu utama yang dikenal pasti adalah kurangnya pemahaman dan latihan yang mencukupi di kalangan guru tentang konsep dan pelaksanaan PBD. Kajian oleh Graham, Hebert & Haris (2021) menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Inggeris memerlukan latihan yang berterusan dan sokongan profesional dalam melaksanakan PBD dengan lebih efektif. Mereka mencadangkan agar guru-guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dan mengintegrasikan komponen PBD dalam

proses PdPc. Namun, kajian oleh Retnawati et al. (2021) pula mendapati bahawa guru-guru Bahasa Inggeris, terutamanya yang bukan beropsyen, sering kekurangan pengetahuan tentang pemilihan kaedah pentaksiran yang sesuai dalam PBD. Kekurangan pengetahuan ini menyebabkan mereka tidak dapat mengumpul dan menganalisis data yang diperlukan untuk tujuan penambahbaikan PdP, serta memberi impak negatif terhadap kualiti pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah.

Di samping itu, isu keadilan (*fairness issue*) merupakan faktor penting yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan PBD. Kajian oleh Noorzeliana Idris, Norazilawati Abdullah dan Saniah Sembak (2021) mengenal pasti tiga isu utama yang mempengaruhi amalan PBD di sekolah rendah. Pertama adalah keyakinan guru, di mana walaupun banyak guru telah menghadiri kursus pendedahan mengenai PBD, mereka masih kekurangan keyakinan dalam melaksanakan pentaksiran. Faktor ini disebabkan oleh kurangnya pengetahuan, kemahiran, dan sumber bahan yang mencukupi bagi menyokong pelaksanaan PBD secara efektif. Isu ini turut diperkukuhkan oleh kajian Raden (2022), yang menyatakan bahawa guru-guru Bahasa Inggeris memerlukan latihan profesional yang lebih mendalam untuk membina pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran. Tanpa sokongan yang mencukupi, guru-guru ini tidak dapat melakukan pentaksiran yang objektif, yang akhirnya akan memberi kesan negatif kepada kesaksamaan dan keadilan dalam penilaian murid.

Isu kedua yang dikenal pasti adalah kesungguhan guru dalam menjalankan pentaksiran. Kajian oleh Noorzeliana Idris et al. (2021) menunjukkan bahawa apabila guru tidak menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan pentaksiran, ia akan menjejaskan keseluruhan sistem pentaksiran. Hal ini terutama berlaku di kalangan guru-guru yang tidak beropsyen Bahasa Inggeris, kerana mereka mungkin tidak memahami sepenuhnya kepentingan pentaksiran yang berterusan dalam meningkatkan kualiti PdP. Amalan pentaksiran yang tidak dilakukan dengan sepenuh hati akan menyebabkan proses penilaian yang tidak akurat, yang memberi kesan kepada perkembangan murid dalam subjek Bahasa Inggeris.

Isu ketiga adalah amalan birokrasi dalam pelaksanaan pentaksiran. Kajian oleh Noorzeliana Idris, Norazilawati Abdullah, dan Saniah Sembak (2021) mendapati bahawa guru-guru sering kali diminta untuk memberi gred yang baik kepada murid, walaupun perkembangan sebenar murid tidak mencerminkan gred tersebut. Arahan daripada pihak pentadbiran untuk memberikan gred yang baik ini menyebabkan PBD hanya sekadar menjadi prosedur formal tanpa memberi perhatian sebenar kepada penilaian perkembangan murid. Penyelidikan oleh Tan Ai Mei (2022) juga menyokong pandangan ini, dengan menyatakan bahawa pemantauan oleh pihak berkuasa pendidikan sering kali hanya berbentuk pemeriksaan bertulis, tanpa melibatkan pemantauan langsung terhadap pelaksanaan PBD di bilik darjah. Isu ini menambah kepada ketidakadilan dalam pentaksiran, kerana guru mungkin terpaksa memenuhi kehendak pentadbiran tanpa menilai kemajuan sebenar murid.

Dalam konteks SJKT di negeri Kedah, kajian yang dilakukan oleh Nor Zaitolakma Abd Samad (2019) menunjukkan bahawa banyak guru, terutamanya yang mengajar Bahasa Inggeris, menunjukkan pelbagai reaksi terhadap pelaksanaan PBD. Kajian ini juga mendapati bahawa pemahaman guru terhadap PBD merupakan faktor utama yang mempengaruhi motivasi mereka untuk melaksanakan pentaksiran secara berkesan. Pemahaman yang mendalam mengenai PBD akan merangsang kesungguhan guru dalam melaksanakan pentaksiran dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa pemahaman guru tentang PBD masih berada pada tahap yang minimum, terutama di kalangan guru yang tidak beropsyen Bahasa Inggeris. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menyusun strategi untuk meningkatkan pemahaman dan pelaksanaan PBD di kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris di SJKT di negeri Kedah.

Selain itu, penyelidik juga mencatatkan bahawa masalah beban kerja guru akibat perubahan dan penambahan program dalam pendidikan turut memberi kesan kepada pelaksanaan PBD. Program seperti Program Intervensi Tambah Opsyen Bahasa Inggeris (PITO BI), Program Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBI), serta Program Penutur Jati (Native Speaker) memberikan tekanan tambahan kepada guru-guru, yang sering kali sudah terbelenggu dengan tanggungjawab lain. Menurut kajian oleh Azizullah Fatahi (2022), perubahan berterusan dalam struktur pendidikan menyebabkan peningkatan beban kepada guru-guru, terutama yang mengajar subjek Bahasa Inggeris. Beban ini memperburuk lagi kelemahan

dalam pemahaman dan pengurusan masa yang diperlukan untuk melaksanakan PBD dengan berkesan.

Kajian oleh Faizah Abdul Majid (2022), Aidarwati M. Baidzawi (2018), dan beberapa penyelidik lain menunjukkan bahawa kekurangan latihan dan bimbingan adalah masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah. Guru-guru tidak mendapat latihan yang mencukupi mengenai pelaksanaan PBD, dan ini menyebabkan mereka kurang memahami konsep asas dalam pelaksanaan pentaksiran berterusan. Kajian oleh Suseela Malakolunthu (2010) juga mengenal pasti bahawa masalah utama dalam pelaksanaan PBD adalah kekurangan bimbingan serta pengetahuan yang terhad mengenai kaedah pentaksiran yang efektif. Kekurangan latihan ini bukan sahaja memberi kesan kepada kompetensi guru, tetapi juga menjejaskan kesaksamaan dalam pelaksanaan PBD di kalangan murid-murid yang berbeza latar belakang.

Secara keseluruhan, kajian-kajian yang telah dijalankan memperlihatkan bahawa pelaksanaan PBD di kalangan guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah, terutamanya di SJKT, menghadapi cabaran yang besar. Kurangnya pemahaman, kurangnya sokongan profesional, dan beban kerja yang tinggi adalah antara isu utama yang menyebabkan kesulitan dalam melaksanakan pentaksiran secara berkesan. Oleh itu, kajian ini akan memberikan penekanan kepada aspek pemahaman guru dan latihan yang diperlukan untuk meningkatkan kompetensi

mereka dalam melaksanakan PBD dengan lebih efektif di SJKT. Selain itu, kajian ini juga akan memberikan penekanan kepada pengumpulan data melalui temu bual bersemuka dengan guru-guru untuk memahami situasi sebenar dalam pelaksanaan PBD dan menyediakan cadangan penambahbaikan yang praktikal bagi meningkatkan prestasi Bahasa Inggeris di kalangan murid.

1.10 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami pemahaman serta pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT di Negeri Kedah terhadap amalan PBD di bawah kurikulum baharu iaitu KSSR. Selain itu, kajian ini juga ingin memahami beberapa faktor yang menjadi isu dan cabaran dalam melaksanakan PBD di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.

1.11 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

i. Meneroka dan menganalisis pemahaman guru-guru bukan beropsyen Bahasa

Inggeris dari SJKT terhadap konsep dan amalan PBD dalam KSSR

ii. Menilai dan menerangkan pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT.

iii. Mengidentifikasi dan memahami isu serta masalah yang dihadapi oleh guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SJKT.

1.12 Soalan Kajian

Untuk meneroka pelaksanaan PBD dalam kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT, penyelidik membina tiga soalan kajian untuk menjawab soalan-soalan utama kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah pemahaman guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT terhadap konsep PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam KSSR?
- ii. Bagaimanakah guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam KSSR?
- iii. Apakah isu dan masalah yang dihadapi guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT dalam melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam KSSR?

1.13 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang besar terhadap guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBD). Dengan melaksanakan kajian ini, penyelidik berharap dapat menyediakan maklumat yang berguna untuk pihak sekolah, terutamanya Panitia Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang terlibat,

bagi memahami dengan lebih mendalam tentang pemahaman dan pelaksanaan PBD oleh guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris. Maklumat ini dapat membantu pihak sekolah mengenal pasti cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD dan memberi peluang untuk berbincang serta berkongsi idea dalam panel masing-masing untuk menyelesaikan isu yang timbul dalam amalan PBD di sekolah rendah.

Kajian ini juga memberi kepentingan kepada Jurulatih Utama (JU) Bahasa Inggeris dan penganjur kursus berkaitan pentaksiran dan KSSR. Hasil kajian ini dapat membantu mereka memahami pemahaman dan pelaksanaan PBD oleh guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris, terutamanya di peringkat daerah. Kajian ini juga berperanan dalam pembangunan kerjaya profesional guru, dengan memberi panduan untuk meningkatkan penguasaan mereka terhadap amalan PBD. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat melahirkan pelajar yang mempunyai pemikiran kritikal dan berkualiti, sekali gus menyumbang kepada pembangunan dan pemodenan negara.

Secara keseluruhannya, kajian ini bermanfaat kepada pihak sekolah dalam menilai perspektif guru terhadap PBD. Ia memberikan gambaran sama ada pemahaman dan pelaksanaan PBD oleh guru semakin bertambah atau tidak, serta meneroka masalah yang dihadapi oleh guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris. Melalui kajian ini, penyelesaian yang sesuai boleh dicadangkan berdasarkan masalah yang

dibangkitkan oleh guru-guru melalui rungutan dan luahan mereka. Dengan cara ini, kajian ini memberi sumbangan dalam usaha meningkatkan amalan PBD di sekolah-sekolah rendah.

1.14 Definisi Operasional

i. Pengetahuan

Menurut Robert C. Calfee (1996), pengetahuan adalah aspek yang memberi kesedaran kepada manusia sebelum melibatkan diri dalam sesuatu perkara. John Dewey (2001) mengatakan pengetahuan sebagai proses belajar untuk mengetahui kebenaran dalam usaha mengetahui apa yang ingin dilakukan. Diikuti dengan pendapat Laurence Richardson (2004) yang megatakan pengetahuan sebagai kefahaman manusia tentang sesuatu peristiwa dan perkara yang berlaku secara sistematik dan secara sedar. Akhir sekali, Mc Laudon (1998) menyatakan pengetahuan sebagai kejadian yang kognitif yang terjadi dalam pemikiran manusia.

Selepas memerhatikan pelbagai takrifan terhadap pengetahuan, maka makna pengetahuan dalam kajian ini adalah lebih menjurus kepada prosedur untuk mengurus dan mengendalikan pentaksiran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT di negeri Kedah.

ii. Pemahaman

Berikut merupakan takrifan yang diberi oleh beberapa pakar dalam bidang penulisan ilmiah terhadap pemahaman:

Menurut Robert C. Calfee (1996), pemahaman adalah aspek yang memberi kesedaran kepada manusia sebelum melibatkan diri dalam sesuatu perkara.

Seterusnya, John Dewey (2001) mengatakan pemahaman sebagai proses belajar untuk mengetahui kebenaran dalam usaha memahami apa yang ingin dilakukan.

Berdasarkan pandangan William (1998) pemahaman adalah konsepsi guru dalam pengetahuan kandungan dan pemahaman pedagogi sesuatu mata pelajaran, konteks, pendekatan, teknik, hasil pembelajaran dan peralatan yang digunakan. Dalam kajian ini, pemahaman guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris lebih berfokus kepada aspek pemahaman, pelaksanaan, pedagogi dan pengurusan PBD di beberapa sekolah Tamil yang dipilih.

iii. Pentaksiran

Pentaksiran merupakan sebuah proses mengumpul, menterjemah, merekod dan menggunakan sebarang maklumat mengenai respon pelajar kepada tugas pendidikan (Linn Choeger, 2018). Seterusnya, Low dan Michelle (2019) menyatakan pentaksiran adalah proses pengumpulan dan membuat penterjemahan secara sistematik tentang sesuatu maklumat yang luas berdasarkan keputusan intervensi dan apabila bersesuaian keputusan ditempatkan dengan cadangan penempatan.

Selain itu, menurut Chris Davidson (2007), pentaksiran didefinisikan sebagai proses pengumpulan data dengan tujuan untuk mengenalpasti sebarang masalah murid serta membuat keputusan. Seterusnya, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2023) telah memberikan maksud terhadap pentaksiran dalam pendidikan iaitu suatu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menterjemah maklumat tentang pembelajaran seseorang murid bagi sesuatu tujuan tertentu.

Dalam kajian ini, konsep pentaksiran adalah merujuk kepada kaedah menilai pemahaman murid sama ada secara pergaulan, lakonan, kerja kursus, kuiz, ujian bertulis dan sebagainya yang boleh dijadikan sebagai alat pengukuran perkembangan murid.

iv. Pelaksanaan

Menurut Santosa Sastropetro (1982:183) pelaksanaan bermaksud usaha atau kejayaan tertentu yang dilakukan untuk mewujudkan rencana atau program. Dalam kajian ini pelaksanaan bermaksud aspek pengendalian PBS di sekolah rendah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SJKT.

v. Kesediaan

Menurut Wilhelm (2008), kesediaan membawa maksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu perkara atau hal, pandangan menerusi

pancaindera atau membuat gambaran dan bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu objek yang dipersepsi secara visual diterima tanpa soal.

Dalam kajian ini kesediaan merupakan pengalaman, pandangan, idea dan pendapat guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris terhadap pelaksanaan pentaksiran di sekolah rendah.

vi. Keprihatinan

Menurut Hall et al., 1977, keprihatinan merupakan gambaran terhadap perasaan, pemikiran, keupayaan, dan kemampuan yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap perubahan yang berlaku. Seterusnya, Cheung dan Yip (2018) pula mentakrifkan keprihatinan sebagai penentu kepada kejayaan sesuatu perubahan yang berlaku.

vii. Bukan opsyen

Royson L. (2011) menyatakan bahawa guru Bahasa Inggeris memiliki kemahiran dan potensi yang baik dalam merancang komponen pengajaran agar dapat meningkatkan minat pelajar terhadapnya. Dalam kajian ini, guru bukan beropsyen bererti guru yang datang dari bukan aliran Bahasa Inggeris dan tidak memiliki kelulusan ikhtisas semasa mengikuti diploma perguruan mereka di institute pendidikan guru. Namun, mereka diarah oleh ketua jabatan untuk mengajar Bahasa Inggeris kerana mempunyai kredibiliti yang tinggi. Walaupun peserta kajian merupakan guru bukan opsyen Bahasa Inggeris, namun penyelidik berharap pengalaman mereka yang luas dalam bidang Bahasa Inggeris dapat menjayakan kajian ini.

1.15 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan limitasi atau kekangan yang dihadapi oleh penyelidik dalam menjalankan sesuatu kajian. Sebagaimana yang diketahui, kajian ini hanya melibatkan seramai enam orang guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam meneroka pemahaman dan pelaksanaan PBD serta mengetahui isu dan masalah yang dihadapi mereka. Bilangan peserta kajian yang tidak begitu ramai tidak akan menggambarkan situasi sebenar di semua SJKT di negeri Kedah tetapi boleh dijadikan panduan kepada sekolah-sekolah lain yang seringkali berhadapan dengan isu PBD terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Seterusnya, kajian ini hanya berfokuskan kepada guru sebagai peserta kajian. Penyelidik beranggapan dapatan kajian yang lebih mendalam boleh diperoleh sekiranya kajian ini melibatkan pihak pentadbiran sekolah atau ketua-ketua panitia Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang dijadikan tempat kajian.

Batasan seterusnya adalah dari segi lokasi kajian. Ini kerana, kajian ini melibatkan sekolah-sekolah Gred A dan gred B yang terletak di kawasan bandar serta Sekolah Kurang Murid (SKM) yang terletak di kawasan luar bandar. Perbezaan lokasi sekolah secara langsungnya mempengaruhi latar belakang sosial dan tahap penguasaan murid dalam sesuatu mata pelajaran. Maka, pemahaman dan pelaksanaan guru juga akan berubah mengikut tahap kemampuan murid di sesebuah kelas terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Selain itu, batasan dari segi tahap kejujuran peserta kajian yang menjawab temu bual juga perlu diambilkira. Ketepatan kajian ini lebih bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan peserta kajian dalam menjawab sesi temu bual tanpa sebarang prejudis. Penyelidik mengandaikan maklum balas yang diberikan menerusi temu bual, pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen adalah diberikan dengan perasaan penuh bertanggungjawab dan jujur.

Akhirnya, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralasikan untuk mewakili konteks SJKT di seluruh negeri Kedah. Walaupun begitu, dapatan kajian ini semestinya boleh dijadikan sebagai rujukan kepada sekolah-sekolah Tamil di negeri Kedah bagi memahami pemahaman dan pelaksanaan serta mencari jalan penyelesaian kepada sebarang isu yang timbul di sekolah berkenaan.

1.16 Penyusunan Tesis

Penyelidik membuat penyusunan tesis berdasarkan kepada lima bab. Dalam bab pertama, penyelidik membincangkan tentang konsep PBD dan KSSR, pernyataan masalah, konteks kajian, pengalaman penyelidik dalam pentaksiran Bahasa Inggeris, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional. Diikuti dalam bab kedua, penyelidik membincangkan jenis-jenis dan ciri-ciri pentaksiran, model yang digunakan dalam kajian ini iaitu Model CBAM, teori konstruktivisme, kajian-kajian terdahulu dengan menggunakan Model CBAM serta pemahaman dan pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris terhadap amalan pentaksiran dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Seterusnya dalam bab ketiga, penyelidik membincangkan kaedah kajian, subjek kajian, tatacara pemerolehan data, proses pengumpulan data, analisis data dan isu etika dalam penyelidikan. Dalam bab keempat pula, penyelidik membincangkan dapatan kajian daripada tiga persoalan kajian secara lebih mendalam. Akhir sekali, dalam bab kelima penyelidik membincangkan intipati dapatan kajian, implikasi kajian, beberapa cadangan untuk kajian lanjutan serta kesimpulan.



BAB DUA

SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan pemahaman dan pelaksanaan guru dalam melaksanakan amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris. Aspek yang dibincangkan adalah seperti peranan *English Language Teaching Centre* (ELTC) terhadap pentaksiran Bahasa Inggeris, konsep dan komponen pentaksiran, ciri-ciri pentaksiran, pentaksiran formatif dan sumatif, kajian terdahulu mengenai amalan pentaksiran dari dalam dan luar negara serta isu dan cabaran yang dihadapi guru dalam pelaksanaan pentaksiran Bahasa Inggeris. Selain itu, dalam bab ini juga turut dibincangkan tentang teori Konstruktivisme dalam amalan pentaksiran, *Concern-Based Adoption Model* (CBAM) dan kajian-kajian terdahulu CBAM dalam pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris.

Kajian literatur atau sorotan kajian merupakan analisis pembacaan dan ulasan kepustakaan yang dipetik dan diubahsuai daripada pelbagai pembacaan bahan-bahan ilmiah seperti tesis, disertasi, artikel jurnal, kajian tindakan, kertas persidangan dan sebagainya. Ini adalah bertujuan untuk memadankan atau membandingkan penulisan dan kajian-kajian lepas dengan kajian yang sedang dijalankan serta untuk mencari *gap in knowledge* atau ruangan antara


aspek-aspek yang telah dan belum dikaji (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2021).

2.2 *English Language Teaching Centre (ELTC)*

Di konteks negara Malaysia, *English Language Teaching Centre* atau Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris merupakan sebuah pusat pendidikan guru yang dipertanggungjawabkan untuk memperluas dan meningkatkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi global dan tuntutan pengajaran bahasa yang lebih cecap dan bertaraf tinggi untuk semua peringkat. Ekoran daripada itu, Kabinet Malaysia memberi persetujuan bagi pembentukan lembaga yang akan menjalankan fungsi meningkatkan kecekapan mengajar serta meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan guru-guru Bahasa Inggeris di seluruh Malaysia.

Pada 1 Jun 2002, ELTC telah ditubuhkan untuk melatih para warga pendidik supaya pakar dalam Bahasa Inggeris. ELTC merupakan sebuah lembaga di bawah Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan, Malaysia. Selain itu, ELTC juga merupakan sebuah unit tugas yang terdiri daripada sepuluh pensyarah senior dipercayai dengan tanggung jawab membina kemudahan infrastruktur awal dan arah profesional pusat Bahasa Inggeris demi keperluan global.

ELTC bertujuan untuk menjadi pusat terkemuka di rantau ini untuk memberi latihan profesional terutamanya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah. Pusat ini juga memainkan peranan untuk merancang dan membangunkan program-program Pengajaran Bahasa Inggeris (ELT) yang mempunyai standard antarabangsa. Selain itu, bahagian ELTC ini juga akan melatih para profesional *in-service* ELT dalam penggunaan amalan ELT terbaik yang telah dibangunkan dan diaktifkan melalui penelitian secara berperingkat-peringkat. ELTC juga memainkan peranan penting dalam pembangunan dasar ELT dan inisiatif dalam negeri, dan akan menyediakan kepakaran perunding yang nescaya akan membantu dalam mempromosikan pembangunan ELT di rantau ini.



Bahagian ELTC memegang kepada enam prinsip yang menjadi tunjang utama dalam mewujudkan lebih ramai guru Bahasa Inggeris yang proaktif dalam bidang PdPc dan pentaksiran. Antaranya ialah:


- i. Untuk menyediakan sistem jaminan kualiti untuk memastikan profesionalisme dan kualiti dalam semua aktiviti dan program ELTC.
- ii. Membangun dan menetapkan piawaian bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di Malaysia.
- iii. Untuk mendapatkan pengiktirafan piawaian di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

- iv. Untuk mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi kursus/program yang ditawarkan oleh ELTC di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa
- v. Merancang dan melaksanakan pemantauan dengan kerjasama inspektorat sekolah untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di semua peringkat sekolah tanpa mengira lokasi atau jenis sekolah.
- vi. Untuk mereka bentuk prosedur penilaian untuk kursus yang dikendalikan oleh ELTC dan agensi lain.

2.3 Teori Konstruktivisme

Secara dasarnya, konstruktivisme merupakan sebuah teori yang cuba menerangkan cara seseorang pelajar belajar (Vygotsky, 1978). Intipatinya adalah meneliti cara seseorang pelajar membina kefahaman dan pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran (Vygotsky, 1978). Misalnya, apabila seseorang murid berhadapan dengan sesuatu yang telah dipelajarinya, murid itu akan cuba untuk menyelaraskannya dengan pengalaman pembelajaran yang lepas. Proses ini dikatakan sebagai suatu proses pembelajaran yang berlaku secara berterusan dan berdasarkan pengalaman pembelajaran yang lepas (Ahmad, 2008; Begum & Farooqui, 2008; Daniels & Bizar, 1998; Gagne & Driscoll, 1975; Gardner, 1985).

Teori konstruktivisme merupakan sebuah teori pembelajaran yang diamalkan di kebanyakan negara (Mohammad Noor, 2019). Teori ini telah dipelopori oleh beberapa orang sarjana seperti Piaget, Vygotsky dan Dewey. Walaupun ketiga-tiga pelopor ini membincangkan teori ini dari perspektif proses pembelajaran dan pengajaran, namun masih terdapat beberapa perbezaan pendapat antara mereka. Piaget (1952) membincangkan proses perkembangan kognitif seseorang murid dan cara seseorang pelajar dapat membina ilmu pengetahuan. Dua asas penting dalam konstruktivisme Piaget ialah pembelajaran adalah aktif dan autentik (Boekaerts & Corno, 2005; Gagne & Driscoll, 1975). Walaupun Piaget membincangkan proses pembelajaran, namun konstruktisme Piaget masih banyak dilihat dari aspek perkembangan kognitif pelajar (Borhan, 2003; Borhan, 2005; Fischer, 1980).



Pendapat Vygotsky (1978) terhadap teori konstruktivisme pula berbeza jika dibandingkan dengan Piaget. Vygotsky telah memperkenalkan tiga konsep yang mempunyai implikasi secara langsung terhadap proses pembelajaran, iaitu zon perkembangan terdekat (*zone of proximal development* atau ZPD), perancah (*scaffolding*) dan aspek sosial terhadap proses pembelajaran (Vygotsky, 1978). Selain membincangkan proses pembelajaran yang melibatkan murid, Vygotsky juga telah menyatakan peranan yang dimainkan oleh seseorang guru dalam proses perkembangan pembelajaran murid (Hamre, Pianta, Downer, DeCoster, Mashburn, Jones & Hamagami, 2013).

Dewey (1964) pula menggambarkan konstruktivisme sebagai suatu proses sosial yang lebih menyeluruh dan meluas. Menurutnya, pendidikan sehalu seharusnya tidak diamalkan dalam sistem pendidikan, sebaliknya proses pendidikan seharusnya bersifat interaksi dua hala di antara guru dan murid (Hussey & Smith, 2003). Melalui proses ini, murid akan belajar melalui pengalaman yang diperoleh. Selain itu, pendapat Dewey tentang proses pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial dalam kalangan murid berkaitan dengan pandangan Vygotsky tentang kepentingan aspek sosial ini. Walaupun perbincangan Dewey agak meluas, namun perbincangannya didapati tidak menyentuh tentang peranan guru dalam teori konstruktivisme.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati walaupun ketiga-tiga orang sarjana tersebut membincangkan teori konstruktivisme, namun pandangan mereka terhadap konstruktivisme adalah sangat berbeza. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih pandangan Vygotsky sebagai panduan asas untuk mendasari skop kajian ini. Hal ini kerana, matlamat kajian ini adalah untuk meneroka pemahaman dan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru Bahasa Inggeris.

Jika dilihat ketiga-tiga orang sarjana tersebut, hanya Vygotsky sahaja yang telah membincangkan peranan guru dalam proses membina ilmu, iaitu guru sebagai pembimbing, perancang dan pemudah cara. Menurut Vygotsky (1978) guru adalah individu yang dapat memperkembangkan proses pembelajaran seseorang

murid dengan menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap penguasaan murid yang berbeza. Justeru, guru perlu memainkan peranan sebagai pembimbing, perancang dan pemudah cara untuk membantu dan membimbing murid untuk membina ilmu sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Selain itu, konstruktivisme juga dijadikan dasar kajian ini disebabkan teori ini menjadi asas kepada pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK yang diperkenalkan pada tahun 1988 menekankan konsep pembelajaran yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017).


Pusat Perkembangan Kurikulum (2007) mendapati, pembelajaran berteraskan JERI boleh dicapai melalui pembelajaran konstruktivisme. Hal ini kerana proses pembelajaran berteraskan konstruktivisme menekankan elemen-elemen seperti murid membina pengetahuan, proses pembelajaran berlaku secara aktif, pembelajaran melibatkan aktiviti reflektif, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan aktiviti penemuan, dan proses pembelajaran sentiasa berkembang. Elemen-elemen ini dikatakan membantu dalam proses perkembangan pembelajaran murid (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2007). Menyedari hakikat ini, KPM bersama dengan BPK telah memperkenalkan

kurikulum pendidikan yang berteraskan elemen konstruktivisme yang membantu murid untuk membina ilmu. Pada masa yang sama, kurikulum yang dibentuk juga adalah bertujuan supaya guru-guru dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan teori konstruktivisme.

Selain itu, fokus utama kajian ini adalah untuk melihat cara guru melaksanakan PBD Bahasa Inggeris. PBD merupakan suatu bentuk pentaksiran yang dilakukan secara holistik dengan melihat kepada pelbagai aspek dan kemampuan yang dimiliki oleh seseorang pelajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Oleh itu, PBD merupakan satu bentuk pentaksiran yang dijalankan untuk tujuan pembelajaran. Justeru, kita dapat melihat peranan teori konstruktivisme yang digunakan dalam aspek pelaksanaan PBD adalah untuk tujuan pembelajaran. Prinsip asas pembelajaran konstruktivisme ialah pembelajaran adalah suatu proses yang aktif, pelajar membina ilmu ketika proses PdP, aktiviti untuk memperkembangkan mental, pembelajaran merupakan aktiviti sosial, pembelajaran berlaku dalam apa jua konteks, dan pelajar memerlukan pengetahuan untuk belajar (Masters & Mislevy, 1991; Romberg, 1993; Swaffield, 2008).

Secara amnya, teori konstruktivisme mempunyai lima fasa yang boleh dikaitkan dengan pelaksanaan PBD di sekolah. Ini adalah kerana, PBD berkait rapat dengan pelaksanaan tugas dan penyediaan bahan bantu mengajar sebelum sesi PdPc

bermula. Persediaan sebelum sesi PdPc dapat menarik minat murid-murid terhadap aktiviti PdPc yang dirancang oleh seseorang guru. Menurut Hazuriana Hajmi & Khairul Jamaludin (2023), teori konstruktivisme menggariskan lima fasa yang boleh dihubungkan dengan kajian ini. Rajah 3 di bawah menunjukkan lima fasa yang terdapat dalam teori konstruktivisme.



Rajah 2.1. Lima Fasa Utama Dalam Teori Konstruktivisme

Sumber: Hazuriana Hajmi & Khairul Jamaludin (2023)

Fasa yang pertama merupakan fasa persediaan. Guru membuat persiapan awal sebelum memulakan sesi PdPc dan mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria serta menarik agar dapat merangsang dan menimbulkan minat murid terhadap sesi pembelajaran. Manakala fasa kedua pula adalah fasa pencetusan idea. Dalam fasa ini, guru merancang aktiviti PdPc dengan mengaitkan pengalaman sedia ada (*prior knowledge*) dengan sesuatu pengetahuan baharu bagi menarik minat murid

terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung, guru mewujudkan peluang kepada murid-murid untuk mencetuskan idea baharu.

Seterusnya, fasa ketiga pula merupakan fasa penstrukturan semula idea iaitu guru akan memainkan peranan untuk mengukuhkan konsep, kefahaman dan idea murid supaya mempunyai kesinambungan antara satu sama lain agar kelihatan lebih sistematik, tersusun dan terancang. Seterusnya adalah fasa ke-empat iaitu aplikasi idea. Pada fasa ini, guru memainkan peranan sebagai fasilitator yang akan membuat pemerhatian dan pentaksiran terhadap gerak geri murid. Di samping itu, murid-murid akan mengaplikasikan idea baharu dalam menyelesaikan masalah yang diberikan. Pada fasa ini, guru sebagai agen pentaksir boleh mentaksir sejauh mana tahap penguasaan murid terhadap sesi pembelajaran yang telah dilaksanakan. Fasa yang terakhir merupakan fasa refleksi. Guru membuat refleksi terhadap sejauh mana keberkesanan aktiviti PdPc yang telah dirancang serta membuat penambahbaikan bagi sesi pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya.

Berdasarkan prinsip asas pembelajaran konstruktivisme dalam FPK dan PBD, maka penyelidik berpandangan bahawa teori ini adalah sesuai untuk mendasari kajian ini. Rasional utama PBD diperkenalkan adalah untuk membantu murid-murid belajar serta membina ilmu dan teori konstruktivisme juga menerangkan cara seseorang murid boleh belajar dengan pelbagai kaedah yang dirancang oleh

guru. Tambahan pula, kurikulum baharu iaitu KSSR dan KSSR Semakan yang digubal adalah berteraskan konstruktivisme. Jadi, untuk membantu penyelidik memahami proses pelaksanaan PBD, maka kerangka teoretikal konstruktivisme telah digunakan sebagai dasar utama dalam kajian ini.

2.4 Konstruktivisme dalam Pelaksanaan PBD

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di Malaysia mempunyai hubungan yang erat dengan teori konstruktivisme yang dicadangkan oleh Piaget, Vygotsky, dan Bruner. Menurut Gijbels, Van de Watering, Dochy, dan Van Den Bossche (2006), teori konstruktivisme menekankan bahawa pembelajaran adalah proses aktif di mana murid membina pengetahuan mereka melalui pengalaman dan interaksi dengan persekitaran mereka. Dalam konteks ini, PBD dilihat sebagai satu pendekatan yang membolehkan murid membangun ilmu melalui aktiviti yang berterusan dan bersifat pembelajaran sendiri, satu konsep yang sangat selari dengan prinsip-prinsip utama dalam teori konstruktivisme.

2.4.1 Prinsip Konstruktivisme dalam PBD

Menurut teori konstruktivisme, pembelajaran bukanlah satu proses pasif yang hanya melibatkan penyerapan fakta semata-mata, tetapi ia melibatkan proses yang lebih aktif di mana murid terlibat dalam membina makna dan pengetahuan melalui pengalaman dan refleksi. PBD adalah pendekatan yang memberi ruang

kepada murid untuk menunjukkan kefahaman mereka secara lebih holistik dan bukan hanya mengukur kemampuan mereka dalam peperiksaan. Hal ini sesuai dengan pandangan Bruner (1986) yang menegaskan bahawa pembelajaran yang efektif berlaku apabila murid diberi peluang untuk mengakses, memproses, dan menghubungkan pengetahuan baru dengan pengetahuan yang sudah ada.

Namun, seperti yang diperhatikan oleh Tsheko (2006) dan Boston (2002), walaupun PBD dilihat mampu mencerminkan prinsip-prinsip konstruktivisme, pelaksanaan PBD di peringkat sekolah menghadapi beberapa cabaran praktikal. Misalnya, kajian oleh Tunstall & Gipps (1996) menyatakan bahawa pentaksiran berterusan memerlukan guru yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan pedagogi yang kukuh tetapi juga kemahiran untuk menilai prestasi murid secara berkesan dalam pelbagai konteks. Tanpa pemahaman yang mendalam tentang tahap penguasaan murid, penilaian PBD mungkin tidak memberi gambaran yang tepat tentang kemampuan sebenar murid.

2.4.2 Peranan Guru dan Murid dalam Konstruktivisme dan PBD

Teori konstruktivisme menekankan peranan guru sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran. Guru bukan hanya bertindak sebagai pengajar, tetapi sebagai pembimbing yang memberikan sokongan yang diperlukan murid untuk meneroka pengetahuan secara lebih mendalam. Kajian oleh Sluijsmans et al. (2001) menggariskan bahawa peranan guru dalam teori konstruktivisme adalah

untuk memberi sokongan dalam bentuk scaffolding, iaitu bantuan awal kepada murid yang kemudian dikurangkan secara berperingkat, membolehkan murid belajar secara berdikari.

Dalam konteks PBD, peranan guru menjadi lebih kritikal kerana guru bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang membolehkan murid menunjukkan kefahaman mereka melalui pelbagai kaedah selain peperiksaan bertulis, seperti projek, kajian kes, dan penilaian lisan. Kajian oleh Katz & McClellan (1997) pula menunjukkan bahawa peranan guru sebagai pemudah cara menjadi semakin penting dalam konteks pembelajaran yang berpusatkan murid, di mana murid diberi lebih banyak kebebasan untuk mengarahkan pembelajaran mereka sendiri.

Di sisi lain, kajian oleh Piaget (1986) dan Vygotsky (1978) menunjukkan bahawa peranan murid adalah aktif dalam membina pengetahuan mereka. Dalam teori konstruktivisme, murid dilihat bukan sebagai penerima pasif ilmu tetapi sebagai peserta aktif yang menyusun pengetahuan mereka berdasarkan pengalaman yang diperoleh. Dalam PBD, ini diterjemahkan melalui penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran yang menggalakkan penyelidikan, refleksi, dan penerokaan.

2.4.3 Kajian Empirik tentang Pelaksanaan PBD

Pelbagai kajian empirikal telah dilakukan untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan PBD di sekolah rendah, dan banyak kajian tersebut menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD masih menghadapi cabaran dalam konteks Malaysia. Kajian oleh Joohari Ariffin dan Kalai Selvan Arumugham (2021) memberikan penekanan kepada cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan PBD di sekolah rendah. Kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman dan kesediaan guru terhadap PBD masih terhad, dan terdapat jurang yang ketara antara guru-guru yang opsyen Bahasa Inggeris dengan guru-guru bukan opsyen Bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun teori konstruktivisme diiktiraf dalam pelaksanaan PBD, terdapat keperluan untuk lebih banyak latihan dan sokongan kepada guru untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan ini.

Dalam kajian lain, Hazuriana Hajmi dan Khairul Jamaludin (2022) mendapati bahawa tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan PBD adalah tinggi. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat masalah dalam mengklasifikasikan tahap penguasaan murid secara adil, yang menunjukkan bahawa walaupun guru mempunyai pengetahuan asas yang kukuh tentang PBD, mereka masih kurang yakin dalam mengaplikasikan prinsip-prinsip pentaksiran yang adil dan tepat.

Kajian oleh Karen Reenai & Maslawati (2020) juga menegaskan isu utama dalam pelaksanaan PBD ialah kekurangan keyakinan dalam kalangan guru untuk menghasilkan laporan PBD yang tepat dan berformat. Hal ini penting kerana laporan PBD menjadi asas untuk menentukan tahap penguasaan murid, dan jika laporan ini tidak dikendalikan dengan betul, ia akan memberi impak kepada penilaian murid secara keseluruhan.

2.4.4 Implikasi Konstruktivisme dalam PBD

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa teori konstruktivisme mempunyai implikasi yang signifikan dalam pelaksanaan PBD. Salah satu aspek penting dalam pelaksanaan PBD adalah keperluan untuk memberi bimbingan awal kepada murid melalui scaffolding, tetapi pada masa yang sama memberi peluang kepada murid untuk membina pengetahuan mereka sendiri melalui pengalaman pembelajaran yang lebih bebas dan aktif. PBD menyediakan ruang untuk guru mengadaptasi prinsip-prinsip konstruktivisme dalam pengajaran dan pentaksiran mereka. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi oleh guru ialah bagaimana untuk memastikan penilaian yang berkesan, adil, dan tepat, yang sejajar dengan tahap penguasaan sebenar murid.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa PBD mempunyai potensi besar untuk mengembangkan pembelajaran murid dengan lebih holistik, tetapi kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada latihan dan sokongan yang mencukupi untuk

guru, serta kesediaan mereka untuk mengaplikasikan teori-teori pembelajaran konstruktivisme dalam konteks sebenar. Dalam kajian ini, penerapan konstruktivisme dalam PBD telah memberi gambaran yang lebih jelas mengenai bagaimana guru dan murid dapat bekerjasama dalam membina pengetahuan secara lebih bermakna, dengan memberi ruang kepada murid untuk meneroka dan berfikir secara kritis.

2.5 Pemahaman Guru Terhadap PBD

Pemahaman guru terhadap Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBD) memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesannya dalam sistem pendidikan. Shulman (1986) menegaskan bahawa terdapat hubungan yang sangat penting antara pengetahuan guru terhadap isi kandungan sesuatu subjek dan pemahaman mereka dalam disiplin bidang tersebut. Dalam kajian beliau, Shulman mencadangkan tujuh kategori pengetahuan yang perlu dimiliki oleh seorang guru untuk meningkatkan pemahaman mereka dalam pengajaran, yang secara langsung mempengaruhi kualiti pelaksanaan PBD. Kategori-kategori ini adalah:

1. Pengetahuan Terhadap Isi Kandungan
2. Pengetahuan Terhadap Pedagogi
3. Pengetahuan Tentang Murid
4. Pengetahuan Terhadap Pedagogi Umum

5. Pengetahuan Konteks Pendidikan
6. Pengetahuan Kurikulum
7. Pengetahuan Hasil dan Matlamat Pendidikan

Setiap satu daripada kategori ini berperanan besar dalam membentuk pemahaman dan keupayaan guru untuk melaksanakan PBD secara berkesan.

2.5.1 Pengaruh Pengetahuan Guru Terhadap Pemahaman PBD

Tahap pengetahuan guru terhadap kandungan sesuatu subjek secara langsung mempengaruhi pemahaman mereka dalam pelaksanaan PBD. Sebagai contoh, kajian oleh Hamimah Abu Naim (2018) menunjukkan bahawa tahap pemahaman guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah sederhana. Hal ini disebabkan oleh pengetahuan yang kurang mendalam tentang pedagogi KBAT yang seharusnya dikuasai oleh guru. Kajian ini menggambarkan bahawa pemahaman yang mendalam mengenai teori pengajaran dan pembelajaran serta pengetahuan yang tepat mengenai strategi pengajaran yang sesuai amat penting bagi keberkesanan pelaksanaan PBD.

Kajian oleh Grossman et al. (1990) dan McDiarmid et al. (1989) pula menyatakan bahawa guru yang mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam isi kandungan subjek akan lebih mudah untuk merancang pengajaran yang berkesan. Apabila

guru kurang mempunyai pengetahuan dalam isi kandungan, mereka akan menghadapi kesukaran untuk merancang dan melaksanakan PBD dengan baik, yang akhirnya memberi kesan negatif terhadap pencapaian murid. Dalam konteks ini, pengetahuan yang mendalam dalam bidang yang diajarkan bukan hanya membantu dalam perancangan pengajaran tetapi juga dalam pelaksanaan pentaksiran yang lebih tepat dan berkesan.

2.5.2 Kepentingan Pengetahuan Sedia Ada dalam Pembelajaran Guru

Pengetahuan yang sedia ada dalam kalangan guru memainkan peranan yang sangat penting dalam memahami konsep baru atau menghadapi perubahan dalam sistem pendidikan. Lee (1994) menyatakan bahawa pengalaman sedia ada dan pengetahuan lampau guru memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu mereka memahami pembelajaran baru dengan lebih mudah. Pengalaman yang dimiliki oleh guru dalam bidang yang diajar serta pengalaman mereka dalam mengendalikan bilik darjah menjadikan mereka lebih bersedia untuk menerima perubahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran.

Sanitah dan Norsiwati (2021) juga menyokong pandangan ini dengan menunjukkan bahawa pengalaman seseorang guru dalam sesuatu mata pelajaran secara langsung mempengaruhi tahap pemahaman dan pengetahuan mereka. Pengalaman ini memberikan guru kemahiran dan keyakinan untuk melaksanakan

perubahan atau memperkenalkan pendekatan baru dalam pengajaran mereka, termasuk dalam konteks pelaksanaan PBD.

2.5.3 Pemahaman Terhadap Kurikulum dan PBD

Pemahaman yang mendalam terhadap kurikulum adalah kunci utama dalam kejayaan pelaksanaan PBD. Kajian oleh Rozaidi Salim (2019) menunjukkan bahawa walaupun pengetahuan mengenai kurikulum baru yang diperoleh melalui model cascading (sumber kedua atau ketiga) sedikit sebanyak memberi cabaran, ia tidak mengurangkan kemampuan guru untuk melaksanakan pentaksiran dengan berkesan. Sebaliknya, pemahaman yang mendalam tentang kurikulum, yang diperoleh melalui latihan dan sumber yang sah, membolehkan guru merancang dan melaksanakan PBD dengan lebih berkesan. Oleh itu, kekurangan pemahaman mengenai kurikulum boleh menyebabkan kegagalan dalam melaksanakan penilaian dengan tepat, seterusnya memberi kesan negatif kepada pencapaian murid.

Pemahaman tentang kurikulum ini juga termasuklah cara guru memahami dan mengaplikasikan standard yang ditetapkan dalam PBD. Dalam hal ini, guru yang mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai kurikulum bukan sahaja dapat merancang pengajaran dengan lebih baik tetapi juga dapat melaksanakan penilaian yang berkesan yang memberi manfaat kepada perkembangan murid.

2.5.4 Kriteria Ilmu Pengetahuan yang Diperlukan oleh Guru

Ishak (2020) menggariskan bahawa guru perlu memiliki empat kategori ilmu pengetahuan utama untuk menjadi pengamal PBD yang berkesan, iaitu pedagogi, isi kandungan, pengetahuan am, dan pengetahuan ikhtisas perguruan. Pengetahuan ini adalah asas kepada pengajaran yang berkualiti, yang turut mempengaruhi keberkesanan PBD. Shulman (1986) juga menekankan bahawa pemahaman guru terhadap subjek yang diajar akan mempengaruhi gaya pengajaran mereka. Tanpa pemahaman yang kuat terhadap topik, guru tidak akan dapat berkomunikasi dengan berkesan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Ini adalah salah satu sebab mengapa guru yang kurang memahami sesuatu subjek mungkin mengalami kesukaran dalam melaksanakan PBD yang tepat dan objektif.



Dengan kata lain, pemahaman yang mendalam dan penguasaan terhadap ilmu pengetahuan dalam kategori-kategori tersebut adalah penting dalam memastikan PBD dilaksanakan dengan sempurna. Keupayaan guru untuk menghubungkan pengetahuan teori dengan amalan bilik darjah adalah kunci utama dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan PBD dalam konteks Pendidikan di Malaysia.

2.6 Pengetahuan Guru Terhadap Isi Kandungan

Seterusnya, pengetahuan isi kandungan juga membawa maksud struktur pengetahuan yang merangkumi teori, prinsip dan konsep sesuatu disiplin (Bruner dalam Shulman, 1992). Oleh yang demikian, seorang guru harus memiliki pengetahuan kandungan yang sepatutnya bagi memahami dan mengajar sesebuah mata pelajaran (Abd. Shatar Che Abd. Rahman, 2019). Seseorang guru boleh mendapatkan pengetahuan kandungan melalui pembelajaran di institusi pendidikan ataupun berdasarkan pengalaman. Pengetahuan kandungan diwujudkan sebagai konsep saintifik dan dibentuk secara teratur menjadikan ia diurus dengan baik. (Abd. Shatar Che Abd. Rahman, 2019).

Cara guru dan bukan guru mendapatkan pengetahuan kandungan adalah berlainan. Misalnya, guru mendapat pengetahuan pelbagai sumber seperti kurikulum, dasar atau pegangan pihak sekolah dan keperluan masyarakat. Tetapi persoalannya ialah sejauh manakah pengetahuan yang dikehendaki oleh seorang guru dalam sesuatu subjek dapat diukur atau ditentukan. Oleh itu, guru harus berusaha untuk mendapatkan pengetahuan daripada pelbagai sumber bagi menyelesaikan masalah dalam PdPc. Abd. Shatar Che Abd. Rahman (2019) menyatakan cara guru merancang dan mengajar sesebuah subjek dipengaruhi oleh pengetahuan kandungan. Beliau menyatakan dalam kajiannya bahawa projek penyelidikan yang berjudul *The Knowledge Growth in Teaching* yang dijalankan oleh Shulman dan kawan-kawannya telah mengkaji pengaruh pengetahuan kandungan dalam

keberkesanan cara pengajaran. Tambah beliau, kajian penyelidikan itu, menerangkan tahap penguasaan isi kandungan guru memberi impak yang bermakna terhadap pemahaman dan perancangan guru sebelum mengajar di bilik darjah.

Menurut Abd. Razak Ismail (2018), seseorang guru mampu melaksanakan PdPc dengan stabil dan menyeluruh dengan adanya sedikit usaha untuk mengembangkan struktur usaha isi kandungan. Guru seperti ini boleh mewujudkan suasana yang menarik semasa menyampaikan kandungan pembelajaran. Dengan ini, guru dapat mencapai objektif bagi sesuatu proses pembelajaran dan juga meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru. Ringkasnya, seseorang guru memerlukan tahap pengetahuan dan pemahaman yang luas tentang kandungan untuk melaksanakan PdPc dengan baik.

Abd. Shatar Che Abd. Rahman (2019) menjelaskan bahawa penguasaan isi kandungan akan memberi implikasi terhadap perancangan mengajar dan aktiviti PdPc. Kajiannya membuktikan segelintir guru tidak dapat menjalankan PdPc yang menarik dan berkesan kerana mereka tidak berfokus agar isi kandungan yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) sebagai panduan semasa penyediaan pengajaran. Ini menyebabkan pelaksanaan PdPc mereka menjadi tidak berjaya atau kurang berkesan.

Shulman (1986) juga mengemukakan pendapatnya supaya setiap guru perlu memiliki pemahaman tentang isi kandungan mata pelajaran untuk tujuan pengajaran. Lilia dan Norlena (2021) mengatakan guru-guru yang lemah dari segi pengetahuan isi kandungan akan melaksanakan pengajaran dan pentaksiran yang lebih bersifat tradisional serta menyetepikan aplikasi teknologi.

Menurut Shirron (2008), pengetahuan guru mempunyai kaitan dan hubungan yang sangat rapat dengan pemahaman guru dan amalan pengajarannya. Justeru, penguasaan pengetahuan dan pemahaman guru tentang isi kandungan sesuatu subjek penting dalam mencerminkan kebolehan guru memindahkan pengetahuan kepada murid menerusi pengajaran. (Cochran,1992; Brophy, 1991). Menurutnya, cara penyampaian guru yang mudah dan pengajaran guru yang berkesan akan mempengaruhi kefahaman murid di bilik darjah. Oleh itu, guru perlu memahami tahap atau peringkat pengetahuan isi kandungan dan kebolehan mereka untuk menyampaikan sesuatu rancangan pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, guru harus memahami bagaimana sesuatu idea berkaitan dengan subjek lain yang diajar. Lopez (2004) mengatakan guru dapat mengajar dengan baik dan berkesan sekiranya mereka dapat menguasai pengetahuan isi kandungan sesuatu subjek.

Menurut Moses (2018), pemahaman guru terhadap isi kandungan berkaitan mata pelajaran yang diajarkan akan memberi implikasi terhadap proses pengajaran guru di bilik darjah. Perkara ini dapat dikenal pasti dalam aspek mengubahsuai bahan

atau isi kandungan yang terdapat dalam silibus atau buku teks serta unsur-unsur yang guru praktikkan dalam menerangkan sesuatu konsep dan prinsip secara lebih mendalam.

Kajian yang dijalankan oleh Aini Hayati, Noor Shah Saad, Mohd Uzi Dollah dan Zulkifley Mohammad (2019), menunjukkan tahap pemahaman guru tentang peranan semasa proses PdPc adalah sangat tinggi. Keadaan ini menentukan bahawa guru mempunyai pengetahuan isi kandungan yang mendalam yang membantu semasa perbincangan dan menggalakkan penglibatan murid dalam bilik darjah. Dengan ini, guru memiliki kebolehan untuk mencabar minda murid dengan mengemukakan soalan dan tugas berkaitan sesuatu tajuk.

Walaupun pelaksanaan PBD diberi keutamaan oleh pelbagai lapisan masyarakat terutamanya guru, ibu bapa, murid dan pentadbir sekolah, namun masih terdapat beberapa isu yang diketengahkan berkaitan dengan pelaksanaan PBD. Kajian yang dijalankan oleh Aziz, Azurawati, Ramiada dan Suzanah (2022) menjelaskan bahawa antara isu tersebut ialah kebolehan guru dalam menguruskan pelaksanaan PBD. Sesetengah guru adalah mahir dalam prinsip PBD, tetapi mereka masih mengalami kesukaran dan kerumitan dalam melaksanakannya (Singh et al., 2017). Guru-guru juga dilihat mengalami masalah dalam memilih dan membina item atau instrumen pentaksiran yang bersesuaian untuk digunakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) yang berlaku. Selain itu, masalah-masalah

seperti kekurangan kemudahan komputer, akses jalur lebar yang terhad, guru yang kurang mahir dalam teknologi maklumat, dan kekangan masa dalam menyediakan bahan PdP secara dalam talian (Norlida et al., 2022) serta adaptasi guru-guru terhadap perubahan teknologi yang memerlukan masa yang agak lama (Hasin et al., 2022) menghambat pelaksanaan PBD ini.

2.7 Pengetahuan Pedagogi Guru

Pengetahuan terhadap pedagogi merangkumi beberapa prinsip dalam strategi, perancangan, pengendalian dan pengurusan kelas (Shulman,1986). Pendapat ini juga disokong oleh Abd. Shatar Che Abd. Rahman (2019). Menurut beliau, pemahaman terhadap konsep pedagogi mempengaruhi kaedah pengajaran guru dari segi pendekatan, teknik dan strategi yang digunakan oleh seseorang guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Jika guru kurang memahami tentang apa yang diajar, maka guru tersebut dianggap lemah dalam pedagogi kerana pengetahuan pedagogi berkait rapat dengan pemahaman guru.

Selain itu, Robson (2019) mendefinisikan pengetahuan pedagogi sebagai pengetahuan tentang cara seseorang belajar dan cara mempermudah proses pembelajaran tersebut supaya faham dengan lebih jelas. Pengetahuan pedagogi merujuk kepada kefahaman tentang gaya pemikiran kognitif, gaya pembelajaran proses-proses kognitif dalam pembelajaran dan kumpulan dinamik. Menurut mereka, pengetahuan terhadap kandungan pedagogi menekankan perkara

mengenai cara mengajar isi kandungan sesuatu subjek, kaedah untuk membimbing murid bagi menguasai pembelajaran, cara mengamalkan pemikiran kritikal dan pembelajaran sendiri.

Bagi menerangkan lagi tentang pengetahuan pegadogi, Kreber dan Cranton (2000;1997) telah menunjukkan proses refleksi berdasarkan pengalaman mereka sebagai guru. Menurutny, guru mahir tentang beberapa perkara seperti berikut:

- Memotivasikan murid
- Menggunakan alat bantu mengajar pada masa yang sesuai
- Dapat menghasilkan pengajaran yang menarik
- Memupuk nilai kerjasama dalam kalangan murid
- menolong murid menyelesaikan masalah kesukaran belajar
- menggalakkan murid supaya berfikiran kritis
- mengenali kaedah khas yang penting untuk mengajar
- mendalami cara untuk dapatkan maklum balas yang bermakna dan masa untuk mendapatkannya.

Seterusnya, Bonner (2011) mentakrifkan pengetahuan pedagogi sebagai persepsi dan kepercayaan seseorang untuk mempengaruhi pemahaman guru dan

pelaksanaan kurikulum. Pemahaman guru tentang pedagogi menentukan perkara yang mereka ajar serta strategi pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di bilik darjah. Jika seseorang guru lemah dari segi pengetahuan dan pemahaman tentang pedagogi, maka guru tersebut tidak akan mendapat kepuasan mengajar dalam sesuatu subjek dan juga dalam kerjayanya. Pengetahuan pedagogi adalah salah satu faktor yang menentukan kepuasan dalam pengajaran (Suhaimi, 2023).

Shulman (1986) menerangkan bahawa keperluan guru dalam mempunyai pengetahuan pedagogi berkaitan dengan mata pelajaran yang akan diajar. Pengetahuan pedagogi menolong guru untuk mengubahsuaikan pemahaman mereka tentang isi kandungan tersebut kepada beberapa bentuk pedagogikal yang lebih efektif serta sesuai dengan kemampuan dan latar belakang sosial seseorang murid. Pengetahuan ini juga memainkan peranan sebagai “peta konseptual” atau panduan kepada golongan pendidik dalam membuat penilaian terhadap pengajaran termasuk objektif PdPc yang hendak dicapai, pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dan jenis lembaran kerja yang perlu diberikan semasa sesuatu pengajaran. Peter et al., (1963) juga menegaskan bahawa suatu cara penyampaian guru yang baik terletak pada faktor pemahaman dan kesesuaian kaedah yang digunakan.

Thomas (2017) mengatakan guru akan mempunyai semangat mengajar dan berasa lebih selesa dalam mengajar sesuatu subjek yang mereka mahir kerana dapat mengubah dan menyesuaikan pengetahuan pedagogi mereka dengan murid yang

mempunyai kebolehan yang berbeza. Cara pengajaran guru yang dapat menarik minat murid terhadap sesuatu pelajaran atau pengajaran guru. Jika pengajaran guru kurang menarik dan tidak memberi sebarang impak terhadap pemikiran murid, maka murid tersebut akan hilang minat dan motivasi dalam sesuatu subjek serta pengajaran guru (Nor Azimah, 2021).

Seterusnya, penyelidikan yang dilakukan oleh Abd. Shatar Che Abd. Rahman (2019) membuktikan guru sekolah rendah dicadangkan mempraktikkan pelbagai pendekatan pengajaran untuk membantu murid-murid agar dapat memahami nilai-nilai murni, menerima dan menunjukkan komitmen terhadapnya. Kajian beliau menunjukkan guru menggunakan pelbagai pendekatan seperti penerangan nilai, perkembangan nilai kognitif, penghayatan nilai, bertimbang rasa dan menganalisis sesuatu nilai.

2.8 Pengetahuan Guru Terhadap Pentaksiran

Guru yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang luas mengenai pentaksiran dapat mentaksir dengan baik semasa pengajaran dan dapat mengenalpasti strategi pengajaran dengan lebih berkesan (Mc Laudon, 1998). Sebaliknya, jika guru kurang pengetahuan dan pemahaman pentaksiran mengakibatkan guru gagal memantau peningkatan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Aini Hayati, Noor Shah Saad, Mohd Uzi Dollah dan Zulkifley Mohammad (2019), membuktikan tahap pengetahuan dan pemahaman guru

terhadap pentaksiran mata pelajaran Bahasa Inggeris sekolah rendah adalah sangat tinggi. Didapati guru-guru faham tentang pentaksiran, sedar terhadap tujuan pentaksiran dan faham tentang keperluan pentaksiran Bahasa Inggeris serta amalan pentaksiran Bahasa Inggeris. Ini menggambarkan para guru mempunyai pengetahuan dan pemahaman untuk menjalankan pentaksiran selepas tamat sesuatu proses PdPc.

Dari sudut global, amalan PBD iaitu classroom assessment telah lama diimplementasikan dengan jayanya oleh negara-negara maju seperti United Kingdom, Finland, New Zealand, Canada, England dan lain-lain lagi (Kumutha Raman & Hamida Yamat, 2022) dan kemudian menjadi ikutan negara-negara membangun termasuk di Malaysia. Meskipun telah lama dilaksanakan semenjak tahun 2011 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), namun mulai 2018 PBD dilaksanakan secara menyeluruh (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018) dan berfokus dengan pemansuhan peperiksaan dwi tahunan bagi murid tahap 1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pemansuhan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun memberi kesan kepada budaya pendidikan di Malaysia yang pada dasarnya berorientasikan kepada peperiksaan (Noorzeliana Idris, 2021). Hal ini kerana guru terbiasa menggunakan kaedah pentaksiran tradisional dalam amalan pentaksiran bilik darjah (Acar-Erdol & Yildizli, 2021).

Pelbagai kursus, bengkel, mesyuarat, perkongsian amalan terbaik giat dilaksanakan di seluruh negara bagi memberi pendedahan kepada warga pendidik terhadap amalan PBD. Walau bagaimanapun, guru-guru masih tidak yakin dalam amalan mentaksir murid. Hal ini disebabkan mereka kurang latihan, pengetahuan, kemahiran dalam melaksanakan PBD. Kajian secara online' yang dibuat oleh LP (2021), mendapati 90% guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris di tahap 1 iaitu Tahun 1, 2, dan 3 tidak jelas tentang konsep pentaksiran. Guru-guru ini menyatakan pentaksiran dilakukan selepas pengajaran sedangkan pentaksiran boleh dilakukan semasa proses PdPc (Stiggin, S., 2015). Perkara ini berlaku kerana tiada pemantauan yang dibuat dan guru tidak diberi tunjuk ajar yang sepatutnya. Selaras dengan saranan Shepard (2010), bahawa untuk mengubah paradigma sesuatu sistem pendidikan, guru sebagai pelaksana dan agen perubahan perlu didedahkan secukupnya ataupun dilatih agar mahir untuk melaksanakan perubahan tersebut. Oleh yang demikian pelaksanaan PBD akan melibatkan isu kepercayaan, sikap, latihan, pengetahuan dan kemahiran guru (Shepard, 2010).

Selain itu, ketidaksediaan guru dalam pelaksanaan PBD juga menimbulkan pelbagai isu seperti isu kesahan, kebolehppercayaan, praktikaliti, pentadbiran, pemantauan dan penyetaraan, (Yaakop, 2022). Kajian Suzana Abd Mutalib dan Jamil Ahmad (2021) pula mendapati guru gagal memantau pembelajaran murid atas faktor kekurangan pengetahuan, penghasilan keputusan yang tidak adil dan kelemahan perancangan pengajaran sehingga gagal mencungkil potensi sebenar murid dan mengakibatkan pelaporan prestasi murid yang tidak tepat.

Di samping itu, Ravikumar Varatharaj (2021) berpendapat bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan dalam kalangan guru untuk melaksanakan pentaksiran. Menurut Acar-Erdol dan Yildizli (2021), bentuk pentaksiran ini adalah untuk mendapatkan gambaran tentang perkembangan dan kemajuan pembelajaran, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid supaya tindakan susulan yang sesuai sama ada untuk meningkatkan atau memperbaiki pembelajaran murid dapat diambil secara serta-merta disamping dapat memberi maklum balas tentang keberkesanan pengajaran guru.

Hasil kajian kualitatif yang dijalankan oleh Lee dan Mohd Zahuri Khairani (2021) yang melibatkan 10 orang guru Bahasa Inggeris melaporkan bahawa guru-guru Bahasa Inggeris memilih instrumen pentaksiran yang sesuai dengan tahap penguasaan murid berdasarkan instrumen yang dibekalkan oleh KPM. Semasa mentaksir, latar belakang murid dan aspek pemikiran murid diambil kira oleh pihak sekolah terutamanya guru-guru yang menjalankan PBD. Guru mendapat data dan maklumat murid melalui interaksi dengan guru yang pernah mengajar murid-murid tersebut pada tahun-tahun sebelumnya. Cara menganalisis murid yang digunakan oleh guru adalah berbeza mengikut situasi. Apabila mengetahui kelemahan murid, guru-guru akan memberi bimbingan kepada murid serta merta. Pelaksanaan PBD oleh para guru membolehkan pihak sekolah dan ibu bapa mendapat maklum balas secara kualitatif dan kuantitatif tentang diri murid (Ahmad dan Mohamod, 2020).

Faizah Majid (2022) mengatakan pemahaman guru adalah bergantung kepada pengetahuan dan pemikiran guru. Seseorang guru yang baik harus menguasai dan memahami isi kandungan mata pelajaran yang diajar serta mempunyai pengetahuan pedagogi tentang mata pelajaran tersebut. Guru kurang memahami mengenai subjek dan proses pedagogi kurang berkesan jika guru tersebut mempunyai pengetahuan yang sedikit tentang bidang pengajaran. Kebanyakan aktiviti PdPc untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris pula bersandarkan pada komunikasi dalam kehidupan harian.

Justeru, guru sebagai pendidik perlu mempunyai pengetahuan dan pemahaman untuk menjalankan proses PdPc semasa di bilik darjah dengan baik. Guru harus mempunyai pemahaman yang mendalam tentang ciri-ciri PdPc yang berkesan. Seterusnya, pengetahuan sedia ada juga penting untuk guru memahami sesuatu perkara baru dengan lebih mudah. Lee (1994) mengatakan bahawa pengalaman lampau dan pengetahuan sedia ada adalah penting bagi guru untuk memahami pembelajaran baru dan menerima sesuatu perubahan dalam keadaan yang baik. Sanitah dan Norsiwati (2021) juga menyokong pandangan ini dengan menerangkan bahawa pengalaman seseorang guru dalam sesuatu subjek akan memperlihatkan tahap pemahaman dan pengetahuan mereka.

Seterusnya, pengetahuan tentang kurikulum baru yang didapatkan daripada sumber kedua atau ketiga (cascading model) yang tidak memberi sebarang kesan kepada pemahaman guru dalam melaksanakan dengan lebih berkesan.

Ringkasnya, pemahaman guru terhadap sesuatu kurikulum adalah sangat penting bagi membolehkan pelaksanaannya berjaya. Kemenjadian murid pasti akan terjejas dan menimbulkan kesan yang tidak baik jika pelaksanaan dalam menjalankan sesuatu kurikulum gagal. Menurut Ishak (2020) guru harus mempunyai empat kriteria ilmu pengetahuan iaitu konsep penyampaian dan perancangan pedagogi, isi kandungan, pengetahuan am dan pengetahuan ikhtisas perguruan. Ringkasnya, pemahaman guru adalah bergantung kepada pengetahuan dan pemikiran seseorang guru. Seorang guru yang baik harus menguasai dan memahami isi kandungan mata pelajaran yang diajar serta mempunyai pengetahuan pedagogi tentang subjek tersebut.

2.9 Isu Kekurangan Guru Opsyen Bahasa Inggeris di SJKT

Isu kekurangan guru opsyen Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) telah menjadi cabaran utama dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa tersebut di sekolah-sekolah berkenaan. Dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia, kemahiran komunikasi dalam bahasa ini adalah penting untuk memperkasa generasi pelajar yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa (Abu Bakar & Abdul Ghani, 2021). Namun, kekurangan guru yang terlatih dan berkelayakan dalam Bahasa Inggeris sering menyebabkan murid-murid SJKT menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap penguasaan bahasa yang diharapkan, khususnya dalam penulisan dan komunikasi lisan.

Kajian oleh Chitra dan Kumaran (2020) mendapati bahawa hanya sebilangan kecil guru Bahasa Inggeris di SJKT mempunyai kelayakan formal dalam subjek tersebut. Ini disebabkan oleh kekurangan pengambilan guru opsyen Bahasa Inggeris dalam bidang ini, memaksa pihak sekolah untuk menugaskan guru-guru bukan opsyen Bahasa Inggeris untuk mengajar subjek tersebut. Ketidakpadanan ini bukan sahaja menjejaskan kualiti pengajaran, malah menambah beban kerja guru bukan opsyen yang sudah perlu menangani subjek lain yang lebih dekat dengan kelayakan mereka (Kannan & Latifah, 2019).

Sebuah kajian oleh Ramalingam et al. (2021) juga menyokong pandangan ini dengan menekankan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru bukan opsyen dalam memenuhi standard pengajaran Bahasa Inggeris yang telah ditetapkan. Guru-guru ini sering kali tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai kaedah pengajaran bahasa yang berkesan, dan keadaan ini seterusnya membatasi potensi pelajar untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Kesukaran ini turut diakui dalam laporan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), yang menyarankan perlunya lebih banyak latihan dan program pemerksaan untuk guru-guru bukan opsyen dalam subjek bahasa.

Dalam konteks ini, kekurangan guru opsyen Bahasa Inggeris di SJKT dilihat sebagai isu kritikal yang perlu diberi perhatian segera. Sokongan dalam bentuk latihan intensif atau program khas mungkin dapat membantu guru bukan opsyen

untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran Bahasa Inggeris, sekaligus memperbaiki tahap pencapaian pelajar dalam subjek ini. Selain itu, usaha bersepadu untuk menarik lebih ramai calon guru Bahasa Inggeris ke SJKT boleh memberi impak jangka panjang terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah berkenaan.

2.9.1 Kesan Pengajaran Guru Bukan Opsyen dalam Pelaksanaan PBD

Kajian lepas menunjukkan bahawa guru bukan opsyen menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berbanding dengan guru opsyen, terutamanya kerana kekurangan kepakaran khusus dalam subjek yang diajar (Ismail & Ahmad, 2018). Guru bukan opsyen sering menghadapi kesukaran dalam memahami kandungan mata pelajaran dan menerapkan strategi pengajaran yang efektif, yang mana ia boleh memberi kesan kepada kualiti penilaian dan pentaksiran yang mereka jalankan. Sebagai contoh, kajian oleh Haron dan Sahar (2020) mendapati bahawa guru-guru yang tidak mempunyai latar belakang khusus dalam mata pelajaran Matematik menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan strategi pentaksiran KBAT yang menuntut pemahaman mendalam dalam subjek tersebut.

Kajian-kajian lain, seperti yang dijalankan oleh Kamarulzaman et al. (2019), menunjukkan bahawa guru bukan opsyen mungkin cenderung menggunakan pendekatan yang lebih umum, yang boleh menjejaskan kemampuan mereka untuk

menilai perkembangan murid secara berkesan melalui PBD. Justeru, peranan guru bukan opsyen dalam pelaksanaan PBD menjadi isu penting yang perlu diteliti, terutamanya untuk mengenal pasti sokongan dan latihan yang dapat membantu mereka meningkatkan kecekapan dalam menilai kemajuan murid secara menyeluruh.

2.9.2 Kesukaran dan Kerumitan dalam Pelaksanaan PBD

Pelaksanaan PBD tidak terlepas daripada pelbagai cabaran dan kesulitan yang dihadapi oleh guru, terutamanya dalam konteks sistem pendidikan yang kompleks seperti di Malaysia. Menurut kajian oleh Ariffin et al. (2021), antara cabaran utama yang dihadapi adalah kekangan masa. Guru sering kali perlu memenuhi keperluan kurikulum yang padat, di samping melaksanakan pentaksiran yang bersifat formatif dan berterusan. Kekurangan masa menyebabkan guru-guru menghadapi kesukaran untuk menjalankan pentaksiran PBD secara menyeluruh, terutamanya dalam situasi bilik darjah yang mempunyai jumlah murid yang besar (Razak & Hashim, 2022).

Selain itu, cabaran lain termasuklah sumber latihan yang terhad dan kekurangan bimbingan profesional dalam kalangan guru untuk memantapkan pelaksanaan PBD. Hal ini juga diperlihatkan dalam kajian oleh Lee (2020) yang menyatakan bahawa ramai guru merasakan bahawa latihan yang disediakan masih belum mencukupi untuk mempersiapkan mereka dalam melaksanakan PBD dengan baik.

Selain itu, isu pengetahuan tentang standard tahap pencapaian juga menjadi antara cabaran yang membantutkan keberkesanan pelaksanaan PBD, terutamanya apabila guru tidak mempunyai pemahaman mendalam tentang kriteria penilaian yang digunakan untuk menilai tahap penguasaan murid (Naim, 2019).

2.9.3 Jurang dalam Penyelidikan Berkaitan Pelaksanaan PBD

Walaupun pelbagai kajian telah dilakukan berkaitan pelaksanaan PBD, terdapat beberapa jurang yang masih wujud dalam literatur yang sedia ada. Pertama, kajian yang memberi fokus khusus kepada kesan pengajaran guru bukan opsyen masih kurang, dan kajian-kajian yang dijalankan kebanyakannya hanya meneliti cabaran umum tanpa membincangkan implikasi lebih mendalam kepada hasil pembelajaran murid. Kedua, isu-isu seperti penerimaan dan keberkesanan PBD dalam kalangan murid jarang dibincangkan secara mendalam, khususnya dalam konteks murid-murid yang berbeza dari segi tahap kebolehan dan sosio-ekonomi (Ahmad & Rahim, 2018). Hal ini menunjukkan keperluan untuk kajian yang lebih menyeluruh mengenai persepsi murid dan juga pandangan ibu bapa terhadap PBD. Selain itu, terdapat jurang yang signifikan dalam memahami bagaimana faktor-faktor seperti beban tugas dan persekitaran sekolah mempengaruhi kesediaan guru untuk melaksanakan PBD. Jurang ini penting untuk diisi kerana dengan memahami cabaran dan kekangan yang dihadapi, lebih banyak strategi dapat dirumus untuk memperbaiki pelaksanaan PBD di peringkat sekolah, dan seterusnya meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

2.10 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

2.10.1 Latar Belakang PBS

Pelaksanaan PBS di seluruh negara mulai tahun 2011 di peringkat sekolah rendah dipercayai dapat mewujudkan modal insan yang seimbang dan mempunyai nilai-nilai relevan dari perspektif jasmani, emosi, rohani dan intelek serta sosial (JERIS) sepertimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Faizah A. Majid, 2022). Dalam zaman pemodenan ini, sistem pendidikan negara yang terlalu berorientasikan peperiksaan dilihat sebagai tidak sesuai untuk diamalkan kerana sistem tersebut hanya memberi fokus terhadap tahap pencapaian dalam bidang akademik sekaligus menyebabkan penglibatan murid kurang memuaskan dalam aspek kokurikulum (Rohaya Talib, 2022).

PBS merupakan suatu proses yang melibatkan pengumpulan data murid serta tahap perkembangan mereka oleh seseorang guru secara berterusan dalam bentuk formatif mahupun sumatif (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2010). Sebelum KSSR diperkenalkan pada tahun 2011, pendidikan negara kita telah hanya berfokuskan kepada penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira sepertimana yang dinyatakan dalam KBSR. Kajian oleh Rohaya Talib 2022, telah menyatakan bahawa suatu perubahan yang ketara perlu dibuat dalam dasar pendidikan supaya dapat melahirkan generasi masa depan yang berpotensi dan berdaya saing seiring dengan kehendak pasaran.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Zohir Ahmad (2010) telah menjelaskan permasalahan yang terkandung dalam KBSR. Menurutnya, beberapa prinsip utama KBSR tidak dijalankan dengan efisien sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ini menyebabkan kesepaduan kemahiran dan pengetahuan tidak mencapai matlamat sebenarnya.

Oleh yang demikian, PBS telah diperkenalkan untuk menambahbaik sistem penilaian kepada pelajar dengan menggunakan standard prestasi kerana sebelum ini penilaian pusat adalah lebih berorientasikan peperiksaan semata-matanya. Berdasarkan maklumat dari Laporan LPM (2012), PBS merangkumi empat komponen utama iaitu pentaksiran sekolah (PS), pentaksiran pusat (PP), pentaksiran psikometrik (PPsi) dan pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum (PAJSK).

Walau bagaimanapun, kejayaan dasar PBS adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti gaya kepimpinan pengamal dan pelaksana, tahap pemahaman dan kesungguhan guru terhadap proses pengajaran dan pembelajaran, bengkel dan latihan, pengetahuan dan kemahiran guru dalam kriteria pentaksiran. Black dan William (1998) menyatakan bahawa pentaksiran guru merupakan kriteria penting ke arah memperkaya pengalaman pembelajaran seterusnya mencapai pendidikan berkualiti.

Menurut Jamil Adimin (2009), PBS merupakan sebuah dasar baru kerajaan dalam arus pendidikan negara yang mendatangkan implikasi positif dalam arena pendidikan negara. PBS telah diperkenalkan di seluruh negara kepada murid tahun satu yang memasuki alam persekolahan bagi sesi 2011. Pelaksanaan PBS di Malaysia merupakan antara inisiatif utama diambil oleh pihak KPM bagi melahirkan generasi masa depan secara menyeluruh (holistik) dengan memberi penekanan kepada tahap penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran intelektual, pembentukan budaya dan sikap yang progresif dan amalan gaya hidup yang sihat berserta dengan nilai-nilai murni, (Hussain, 2011).

2.10.2 PBD dan PBS Bahasa Inggeris

Dalam konteks Malaysia, Bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran wajib. Berdasarkan Dokumen Standard Bahasa Inggeris KSSR (2011), PBD Bahasa Inggeris meliputi empat komponen utama iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan seni bahasa. Kesemua komponen ini mula ditaksir dalam pentaksiran sekolah mahupun pentaksiran pusat yang telah pertama kali diadakan di bawah KSSR sejak tahun 2016.

Menurut Aidarwati M. Baidzawi (2018), guru Bahasa Inggeris yang menjalankan PBD mengalami kesuntukan masa untuk menyediakan instrumen pentaksiran. Tambahnya, guru Bahasa Inggeris juga memerlukan latihan dan bengkel untuk menguruskan pentaksiran secara lebih efektif.

Transformasi pendidikan yang dilancarkan pada tahun 2011, menghendaki para guru untuk melengkapkan diri dalam segala aspek intelek dan rohani supaya dapat memainkan peranan yang dipertanggungjawabkan dengan sempurna. Abdul Khadir (2017), berpendapat bahawa guru pada masa dahulu menumpukan perhatian mereka sepenuhnya dalam mengajar murid dengan ilmu, tetapi pada zaman ini seseorang guru perlu mengembangkan potensi pelajar dalam bidang intelek, rohani, emosi, jasmani dan sebagainya.

Seterusnya, Faizah A. Majid (2022) menyatakan tugas, peranan dan tanggungjawab seseorang guru Bahasa Inggeris pada zaman ini bukan sekadar berbeza berbanding dahulu, tetapi juga menjadi lebih berat dan semakin kompleks. Ini adalah kerana pembangunan dan perkembangan skop pentaksiran Bahasa Inggeris yang pesat. Tambahnya, perubahan dalam sistem pendidikan negara terutamanya dalam Bahasa Inggeris memerlukan seseorang guru mengalami transformasi ke arah sikap, pandangan, ilmu pengetahuan, daya usaha, kemahiran professional keguruan serta mahir dalam pelbagai bidang.

Kajian oleh Chris Davison (2007), mendapati tahap keyakinan guru Bahasa Inggeris berdasarkan topik dan sukatan pelajaran adalah berada pada tahap yang rendah. Ini adalah kerana kebanyakan guru Bahasa Inggeris tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman untuk mengajar topik berkenaan secara telus dan mendalam. Oleh yang demikian, guru harus meningkatkan kemahiran dan potensi

mereka dari masa ke semasa supaya seiring dengan perkembangan dan kemajuan dunia pendidikan.

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahman dan Jaafar (2022), menyatakan bahawa kebanyakan guru mengakui bahawa mereka tidak begitu mahir dalam subjek yang diberikan dan secara langsungnya ia menjejaskan kualiti PdPc dan pelaksanaan PBD. Menurut Hamimah Abu Naim (2018), guru Bahasa Inggeris terlebih dahulu harus mahir dalam subjek mereka bagi tujuan pengajaran dan pentaksiran. Ini adalah kerana guru harus menilai potensi pelajar secara berterusan dan menyeluruh. Masalah dalam pentaksiran sudah tentunya akan timbul sekiranya seseorang guru itu tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi serta tidak mempunyai latar belakang dari segi opsyen pengajaran (Yahaya, Saidun & Raja Abdul Rahman, 2019).

Hamzah Md. Omar (2020) menyatakan bahawa guru Bahasa Inggeris mempunyai tanggapan positif dalam melaksanakan PBD di sekolah mereka. Tambahnya, pemahaman guru lelaki lebih tinggi berbanding guru perempuan dalam melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Seterusnya, Ikhsan Othman & Norila Salleh (2021) pula mengatakan tahap pemahaman guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah terhadap pelaksanaan PBD berada pada tahap yang minimum berbanding dengan guru Bahasa Inggeris di sekolah menengah. Pernyataan ini turut disokong oleh dapatan kajian Chan Y. (2012) iaitu guru


Bahasa Inggeris mempunyai tahap pemahaman yang rendah dalam membangunkan instrumen PBD di sekolah mereka. Berdasarkan kajian Sulaiman (2018), seseorang guru harus memiliki ilmu yang luas terutamanya dalam mata pelajaran yang diajar. Justeru, guru Bahasa Inggeris harus melengkapkan diri dengan kemahiran dalam bidang masing-masing supaya dapat menyampaikan isi pelajaran dengan sempurna.

2.10.3 Masalah dalam Pelaksanaan Pentaksiran

Rahman dan Ali (2018), menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan permasalahan dan menghalang serta menghadkan pelaksanaan PBD. Guru merupakan faktor terpenting dalam melaksanakan pentaksiran di sekolah. Dapatan kajian oleh Rahman dan Ali (2018) juga menyatakan bahawa ramai guru mempunyai tahap pemahaman yang sederhana dalam mengendalikan pentaksiran bagi subjek diajar. Masalah yang dihadapi oleh kebanyakan guru Bahasa Inggeris adalah seperti kesuntukan masa, penambahan beban kerja dan kekurangan bengkel dan latihan (Aidarwati M. Baidzawi, 2018).

Kajian oleh Noor dan Sahip (2018), menunjukkan bahawa faktor utama yang menghalang pelaksanaan pentaksiran adalah jadual waktu guru yang sangat padat yang menyukarkan mereka dalam melaksanakan PBD. Ini adalah kerana mereka terpaksa mengejar masa untuk menghabiskan isi pelajaran serta membuat pentaksiran.

Hussin (2021) dalam kajiannya mendapati bahawa penambahan dalam ilmu pengetahuan berlaku melalui pendedahan seperti menghadiri kursus, seminar, bengkel, forum, persidangan dan sebagainya yang melibatkan skop pendidikan. Penambahbaikan dalam sistem pentaksiran negara memerlukan seseorang guru harus mendapat latihan yang sepenuhnya supaya bersedia untuk menjalankan proses PdPc dan seterusnya proses pentaksiran (Rohaya Talib, Mohd Zaki Kamsah, Hamimah Abu Naim & Adibah Abd Latif, 2022). Tambah mereka, guru yang kurang pendedahan latihan profesional mempunyai tahap pemahaman yang rendah dan seterusnya ia menyebabkan pencapaian dan prestasi pelajar tidak dapat diagihkan mengikut kriteria yang telah ditetapkan.



Kajian oleh Ahmad (2019), mendapati bahawa penggunaan komputer dalam segala aspek penilaian dan pengujian memudahkan pentadbiran dan pelaksanaan sesuatu ujian. Penambahbaikan dalam sistem pentaksiran negara menerusi PBD, memerlukan guru berkemahiran dalam bidang ICT. Para guru perlu cekap dalam mengendalikan komputer kerana segala maklumat dan data murid serta analisis prestasi mereka dimasukkan secara manual dalam tapak perekodan khas yang disediakan dalam bentuk Microsoft Excel (LPM, 2014).

Dapatan kajian oleh Hamzah Md Omar (2020), guru menghadapi kesuntukan masa dan mereka tidak dapat mengajar semula murid yang lemah dan mentaksir semula kriteria yang dinilai. Tambahnya, guru sering kali berhadapan dengan

masalah menghabiskan silibus kerana terpaksa memperuntukkan masa yang agak lama untuk mengendalikan proses pentaksiran dengan sempurna. Seterusnya, Fok W.K (2019) pula menyatakan bahawa guru harus menyediakan evidens jika seseorang murid tidak dapat menguasai aspek yang ditaksir. Tambahnya, kemahiran guru dalam pengurusan masa dan perancangan aktiviti PdPc merupakan dua faktor yang sangat penting supaya pelaksanaan proses PBD dapat diselaraskan.

Menurut kenyataan LPM (2021), Jadual Penentu Ujian (JPU) memainkan peranan yang sangat penting supaya memastikan soalan atau item yang diuji itu mempunyai kesahan kandungan yang tinggi supaya ia tidak mengandungi isi kandungan yang tidak diajar kepada murid. Mat Ali dan Jamaluddin (2021), dalam sebuah kajian mendapati kebanyakan guru tidak cenderung dalam penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) atau Jadual Penentu Ujian (JPU) semasa mereka menggubal item soalan untuk ditaksir. Kajian mereka juga menyatakan bahawa kebanyakan guru lebih cenderung untuk menggunakan buku panduan dan buku yang dijual di pasaran atau mengubahsuai soalan tahun-tahun lepas untuk dijadikan sebagai item pentaksiran.

2.10.4 Konsep PBD

Dalam Panduan Pelaksanaan PBD (2019), pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah menggariskan enam konsep yang harus dipatuhi oleh mana-mana

pihak yang diberi amanah untuk melaksanakan PBS. Berikut adalah huraian mengenai konsep-konsep PBD:

i. Dirancang di peringkat sekolah

Perancangan tentang murid yang ditaksir, masa atau waktu pentaksiran, kekerapan membuat penilaian dan pentaksiran, panel yang terlibat dalam pentaksiran, pembinaan instrumen serta penskoran dan penggredan dibuat oleh pihak sekolah sepenuhnya.

ii. Ditadbir di sekolah

Ia adalah merujuk kepada segala bentuk usaha mengenai proses pengumpulan maklumat berkaitan pentaksiran dan dilaksanakan oleh guru yang dilantik sebagai pentaksir dalam pengajaran serta pengurusan evidens murid.

iii. Diskor di peringkat sekolah

Proses pemberian skor dilaksanakan oleh guru yang mentaksir berdasarkan kepada skema penskoran atau dokumen standard prestasi.

iv. Dimoderasikan

Setiap murid harus ditaksir mengikut perkara yang sama. Mekanisme penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor agar dapat menjamin kualiti PBD.

v. Kesahan

Merujuk kepada kerelevanan perkara yang ditaksir. Ia dapat ditentukan dengan berpanduan kepada Huraian Sukatan Pelajaran atau Dokumen Standard Kurikulum.

vi. Kebolehpercayaan

Ia adalah merujuk kepada sejauh manakah skor pentaksiran itu adalah tepat dan tekal. Kesahan dan kebolehpercayaan skor PBD dipastikan melalui pelaksanaan mekanisme penyelarasan dan pemantauan oleh pegawai yang dilantik khas.

2.10.5 Komponen PBD

Selain daripada konsep PBD, adalah wajar untuk dibincangkan tentang komponen yang terkandung dalam PBD. Panduan Pelaksanaan PBD (2019), menyenaraikan sebanyak empat jenis komponen dalam pentaksiran iaitu projek, kerja kursus / PEKA, pentaksiran lisan berasaskan sekolah (PLBS) dan modul. Berikut merupakan penjelasan tentang keempat-empat komponen dalam PBD:

i. Projek

Semua calon harus menyiapkan tugas yang diberikan di sekolah. LPM mengedarkan panduan pentaksiran kepada semua sekolah. Pemarkahan dan pelaporan tentang projek harus dibuat oleh pihak sekolah dan markah harus dihantar kepada LPM.

ii. Kerja kursus / PEKA

Semua calon harus melengkapkan tugas di sekolah yang diurus sepenuhnya oleh guru mata pelajaran sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pemarkahan dan pelaporan tentang kerja kursus harus dibuat oleh pihak pengurusan sekolah dan markah harus dihantar kepada pihak LPM.

iii. Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS)

Murid-murid akan diuji terhadap kemahiran berlisani dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menerusi pelbagai konteks dalam situasi pengajaran dan pembelajaran. Guru mentaksir murid berdasarkan kepada panduan dan modul yang dibekalkan oleh LPM. Segala penskoran dan penggredan dibuat oleh pihak sekolah dan pelaporan harus dibuat kepada LPM.

iv. Modul

Murid-murid ditaksir tahap kompetensinya mengikut spesifikasi masing-masing. Pihak LPM menyediakan modul pentaksiran sebagai panduan kepada pentaksir.

(Sumber: Modul Panduan PBD, 2019)

2.10.6 Ciri-ciri PBS

i. Keserasian dengan kehendak kurikulum

PBS mengambil kira kemahiran, sikap dan nilai-nilai murni yang dikembangkan dalam proses PdPc.

ii. Berpusatkan calon

Segala aktiviti harus dibuat oleh murid sepenuhnya. Pemberian skor adalah berdasarkan kepada kriteria dan tidak relatif dengan murid lain.

iii. Luwes

Merujuk kepada konsep PBS yang tidak rigid dari perspektif tempat, kaedah dan jadual peperiksaan. Pentaksiran hanya dilaksanakan apabila didapati murid-murid sedia untuk ditaksir.

iv. Berpaksikan pembinaan insan

Merujuk kepada aspek menanam nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

v. Telus dan terbuka

Murid-murid adalah berpeluang untuk mengetahui apa yang ditaksir, masa dan bagaimana ia ditaksir.

vi. Kebolehlaksanaan dan sistematik

Ia mengambil kira aspek pentadbiran pentaksiran dapat dilaksanakan dengan cara yang sistematik.

vii. Kepelbagaian instrumen pentaksiran untuk memberi cakapan yang terperinci serta bilangan evidens pentaksiran yang agak banyak untuk menggambarkan pencapaian sebenar seseorang murid itu.

viii. Formatif dan berterusan

Murid-murid berpeluang untuk memperbaiki tahap pencapaian serta meningkatkan skor mereka dalam sesuatu mata pelajaran.

ix. Mempunyai skor

Skor murid harus mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang sangat tinggi sekiranya dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LPM.

x. Penyelarasan dan pemantauan yang berterusan

Untuk memastikan agar proses PBS dilaksanakan mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh LPM

(Sumber: Sektor Penilaian & Peperiksaan, JPN Kedah, 2011)

2.10.7 Ciri-ciri PBD

Berdasarkan kepada Modul Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi Ke-2, (2019) yang dikeluarkan oleh KPM, PBD mengandungi sembilan ciri utama seperti berikut:

i. Dirancang oleh guru

Guru sebagai pentaksir dalam sesuatu mata pelajaran adalah berhak untuk menilai muridnya sendiri dengan apa jua kaedah pentaksiran.

ii. Bersistem

Guru perlu merancang PdPc secara menarik, menentukan instrumen pentaksiran dan melaksanakan PdP serta merekod dan menganalisis maklumat pentaksiran.

iii. Formatif dan Sumatif

PBD dijalankan sepanjang masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu mengenalpasti potensi untuk perkembangan dan tahap penguasaan murid.

iv. Pelbagai Kaedah

PBD boleh dilaksanakan dengan pelbagai teknik dan pendekatan yang sesuai dengan tahap murid. Contohnya seperti kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan.

v. Berasaskan Kriteria

Seseorang guru perlu menilai tahap penguasaan murid dengan berpandukan kepada standard kandungan, standard pembelajaran, standard prestasi serta tahap penguasaan (TP) iaitu dari TP1 hingga TP6.

vi. Menekankan Perkembangan Individu

PBD perlu mengambil kira tahap kemampuan murid dan tidak seharusnya membuat perbandingan antara seorang murid dengan murid lain.

vii. Mengesan Perkembangan Pembelajaran Secara Menyeluruh


Pentaksiran Bilik Darjah perlu merangkumi semua aspek seperti jasmani, emosi, rohani, kognitif, intelek, afektif dan psikomotor.

viii. Membolehkan Tindakan Susulan

PBD memberi penekanan kepada dua aspek iaitu mengatasi kelemahan pembelajaran serta meningkatkan penguasaan dalam sesuatu pembelajaran.

ix. Mengaktifkan Pentaksiran Secara Kendiri Dan Pentaksiran Rakan Sebaya

Maklumat tambahan yang diperoleh menerusi hasil pelaksanaan PBD akan membantu guru untuk melatih murid-murid supaya menggalakkan kemajuan atau peningkatan secara berterusan.



2.11 Pentaksiran Formatif & Sumatif

Laporan LPM (2022) menyebut tentang dua jenis pentaksiran iaitu pentaksiran formatif dan sumatif yang perlu dilaksanakan di peringkat sekolah dan disimpan instrument-instrumen yang ditaksir supaya boleh dijadikan sebagai bukti dan rujukan pada bila-bila masa ia diperlukan. Catherine J. (2008) mengatakan bahawa pentaksiran formatif adalah suatu ujian formal ataupun tidak formal yang diadakan bagi tujuan mengesan tahap penguasaan dan kemajuan murid di sesebuah kelas. Tambahnya, tujuan utama pelaksanaan pentaksiran formatif

adalah mengenalpasti penguasaan dan perkembangan murid untuk memperbaiki kelemahan dengan kadar segera.

Kathleen M. dan James H. (2020) dalam kajian mereka menyatakan bahawa penilaian formatif merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan motivasi pelajar. Tambah mereka, terdapat hubungan yang positif antara penilaian formatif dalam kelas dan tahap motivasi pelajar. Mc Millan (2004) berpendapat bahawa penilaian formatif dilihat sebagai hanya mengumpul maklumat daripada pelajar dan menggunakannya untuk meningkatkan mutu pembelajaran.

Richard W. (2012) menyatakan pentaksiran formatif meliputi sesuatu kemahiran yang tidak formal untuk menguji beberapa kemahiran tertentu yang dipelajari. Tambahnya lagi, pentaksiran formatif lebih berfokuskan kepada individu dan kumpulan kecil murid. Berdasarkan kajian William (1998), penilaian formatif adalah sebenarnya menggunakan teknik-teknik khusus supaya guru boleh merealisasikan betapa pentingnya penilaian formatif untuk mentaksir pelajar. Kathleen M. & James (2020) juga berpendapat bahawa penilaian formatif merupakan satu proses yang dirancang untuk menyerap tahap prestasi murid serta menggunakannya untuk tujuan peningkatan tahap penglibatan dan motivasi murid.

Mc Millen (2004) menyenaraikan lima ciri penting yang perlu ada pada seseorang guru dalam melaksanakan sesuatu penilaian formatif iaitu:

- i. menyediakan sasaran pembelajaran yang jelas,
- ii. menawarkan maklum balas mengenai perkembangan terhadap pembelajaran pelajar,
- iii. memberi galakan dan pujukan terhadap kejayaan dan penguasaan pelajar,
- iv. menggalakkan penilaian sendiri pelajar, dan
- v. membantu pelajar untuk menentukan matlamat yang ingin dicapai.

Sadler (1998), menyatakan bahawa penilaian formatif merujuk kepada maklum balas yang digunakan untuk memperkasakan pelajar serta mengawal aspek pemikiran, motivasi dan tingkah laku pelajar.

David J. Nicol dan Debra Macfarlane (2016) dalam kajiannya, menyatakan tujuh prinsip asas dalam sesebuah penilaian formatif iaitu:

- i. mempunyai matlamat, kriteria dan standard yang dikehendaki,
- ii. memudahkan pembangunan penilaian sendiri (refleksi) dalam pembelajaran,
- iii. menyampaikan maklumat yang berkualiti kepada pelajar mengenai pembelajaran mereka,
- iv. menggalakkan guru dan rakan sebaya mengadakan dialog sekitar proses pembelajaran,

- v. menggalakkan kepercayaan motivasi secara positif,
- vi. menyediakan peluang untuk merapatkan jurang antara prestasi semasa dan sasaran, dan
- vii. memberi maklumat kepada guru lain supaya membentuk gaya pembelajaran yang sesuai.

Dari perspektif kajian ini, pentaksiran formatif merujuk kepada pentaksiran ringkas yang dikendalikan oleh guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris pada bila-bila masa terutamanya apabila guru berkenaan tamat sesuatu topik yang diajar. Kebiasaannya, pentaksiran formatif ini berbentuk lembaran kerja atau kuiz yang menepati standard descriptor sepertimana yang tercatat dalam Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Inggeris.

Seterusnya, Rosli Shah (2020) mengatakan pentaksiran sumatif adalah ujian formal yang dilakukan untuk mengesan tahap pencapaian dan perkembangan murid berdasarkan kepada beberapa unit pembelajaran dan pemeringkatan gred murid di sesebuah kelas. Menurutny lagi, pentaksiran sumatif dijalankan mengikut sistem penggal iaitu sebanyak dua kali dalam sesuatu tahun.

Abdul Razak Ismail (2018) berpendapat pentaksiran sumatif adalah lebih kepada membuat pertimbangan menggunakan pelbagai maklumat dan membuat penilaian secara bertulis tentang prestasi pencapaian seseorang murid. Tambahnya,

pentaksiran sumatif tidak bermotif untuk membandingkan seseorang murid dengan murid lain malah ia dianggap sebagai maklumat dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif mengikut piawaian yang ditetapkan oleh sekolah.

Seterusnya, Cheung & Yip (2018) mengatakan bahawa pentaksiran sumatif merupakan sejenis pentaksiran yang dijalankan pada akhir sesuatu kursus ataupun program. Tambahnya, tujuan pentaksiran sumatif adalah untuk memperoleh maklumat mengenai pencapaian pelajar dan mengetahui sejauh mana keberkesanan program tersebut kepada murid-muridnya.

Kajian oleh Alfred K. (2004) menyatakan pentaksiran sumatif merupakan proses pengumpulan maklumat untuk mengetahui kesan tahap pencapaian murid secara keseluruhan pada sesuatu program dan bidang yang dipelajari. Alfred K. (2016) juga menyenaraikan tiga kepentingan pentaksiran sumatif iaitu bukti keberkesanan PdPc, maklum balas tahap prestasi pencapaian pelajar dan membuat ramalan kerjaya atau potensi murid bagi subjek tertentu.

Dalam kajian ini, pentaksiran sumatif merupakan kaedah pentaksiran yang dijalankan secara sistem penggal (semester) iaitu sebanyak dua kali bagi sesuatu tahun. Pentaksiran sumatif bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dijalankan mengikut agihan jumlah instrumen yang perlu ditaksir pada tempoh masa tertentu.

Ini adalah selaras dengan laporan sumatif yang diberikan sebanyak dua kali iaitu selepas Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA) dan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA).

2.12 Perbandingan PBD *offline* dan Sistem Pengurusan Identiti (IdMe)

Dari perspektif dokumen standard, PBD secara offline adalah dikatakan terlalu rigid dan terikat dengan penyediaan pelbagai dokumen. Guru sebagai pentaksir harus menyediakan segala bentuk evidens yang ditaksir supaya boleh dijadikan sebagai bahan sokongan dan rujukan mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan (Laporan LPM, 2022).

Sejak tahun 2022, KPM telah memperkenalkan sebuah sistem baharu dalam PBD iaitu sistem pengurusan identiti atau lebih dikenali sebagai IdMe. Sistem ini menjadi repositori utama untuk menyimpan segala bentuk rekod dan mengesahkan semua kelayakan pengguna KPM termasuk guru sebagai agen pentaksir, ibu bapa, murid dan orang awam. Dengan ini, KPM bersetuju untuk melaksanakan Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA) dan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) bagi lima mata Pelajaran teras yang melibatkan murid-murid Tahap 2.

Oleh yang demikian, panduan perkembangan pembelajaran murid menjadi lebih fleksibel. Pentaksir hanya perlu mengenalpasti tahap penguasaan murid yang terdiri daripada 6 kategori iaitu Tahap Penguasaan (TP) 1 hingga 6 dan bukannya berdasarkan kepada sistem band yang diamalkan sebelum ini.

Dalam aspek prestasi pula, semasa pelaksanaan PBD secara offline, beban tugas guru semakin meningkat kerana mereka harus mentaksir dengan menggunakan pelbagai kertas soalan. Namun, PBD online hanya memberi fokus kepada proses PdP dan pentaksiran serta pernyataan evidens sudah ditamatkan. Selain itu, fail perkembangan murid, fail showcase dan rekod transit juga tidak diwajibkan. Justeru, dengan berubahnya sistem PBD kepada perekodan dalam IdMe, maka guru tidak perlu menguruskan segala bukti pentaksiran secara formal; mereka mempunyai kebebasan untuk merekod dan mengurus hasil pembelajaran murid mengikut kesesuaian mereka.

Kesimpulannya, usaha KPM untuk mengurangkan beban tugas guru dalam aspek pentaksiran menarik perhatian pelbagai pihak. Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa sistem IdMe ini akan membolehkan pihak guru untuk menganalisis perkembangan murid secara menyeluruh berdasarkan kepada markah dan tahap penguasaan.

2.13 Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (CBAM)

2.13.1 Pengenalan Kepada *Concern-Based Adoption Model* (CBAM)

Menurut Fok Wei Kei (2019), CBAM merupakan model yang dibangunkan oleh Hall, Wallace dan Dossett pada tahun 1977 setelah mereka menjalankan kajian selama tiga tahun setengah mengenai bagaimana sesuatu perubahan akan berlaku apabila individu dalam sesuatu institusi pendidikan telah diperkenalkan dengan inovasi atau dasar pendidikan yang baru. Model ini mengandungi tiga komponen yang utama iaitu Stages of Concern (SoC), Levels of Use (LoU) dan Innovation Configuration (IC). Kajian Fok Wai Kei (2019) mendapati model CBAM pada dasarnya adalah mengenai proses perubahan dan dibina di atas andaian yang berikut:

- a) perubahan adalah satu proses, bukan peristiwa;
- b) perubahan dicapai oleh individu;
- c) perubahan adalah satu pengalaman yang sangat peribadi;
- d) perubahan melibatkan pertumbuhan pembangunan dalam perasaan dan kemahiran
- e) perubahan boleh dipermudahkan dengan campur tangan yang diarahkan terhadap individu, inovasi dan konteks yang terlibat.

Hall and Hord (2011) telah memperkenalkan Stages of Concern (SoC) dalam menilai model ini. Menurutnya, terdapat tujuh komponen asas dalam SoC iaitu unconcerned, informational, personal, management, consequence, collaboration dan refocusing.

i. Awareness (kesedaran)

Pada tahap ini, individu adalah tidak menunjukkan kepedulian kepada perubahan yang bakal akan diperkenalkan. Ini adalah kerana mereka mempunyai sesuatu yang lebih penting dalam minda mereka berbanding dengan kepentingan perubahan itu. Kajian Fok Wai Kei (2019) menggunakan analisis kualitatif dan mendapati pada tahap awareness, kebanyakan guru tidak begitu peduli dan prihatin terhadap perubahan yang berlaku kerana mereka masing-masing sibuk dengan beban kerja mereka. Ramai guru beranggapan bahawa perubahan dalam sistem pendidikan yang sedang berlaku ini tidak akan kekal untuk tempoh yang lama. Contoh ayat yang dinyatakan oleh responden dalam kajian Fok Wai Kei (2019) pada tahap kesedaran adalah seperti (i) saya tidak sedar tentang apakah inovasi yang sedang berlaku dan (ii) saya benar-benar tidak tahu apakah yang terkandung dalam inovasi itu.

ii. *Informational* (maklumat)

Seseorang individu pada tahap ini adalah lebih sedar dan mempunyai pengetahuan tentang sesuatu perubahan. Mereka lebih peka terhadap sesuatu perubahan dan

mereka percaya bahawa perubahan itu akan mendatangkan manfaat kepada organisasi tersebut.

Guru sebagai agen pelaksana dalam perubahan yang berlaku sekarang seharusnya mempunyai maklumat yang lengkap dari masa ke semasa. Mereka boleh mengakses internet, menghadiri bengkel atau seminar, berkongsi maklumat dengan rakan sekerja, membaca jurnal dan artikel untuk memastikan bahawa mereka sentiasa berwaspada dan memiliki maklumat terkini tentang perubahan yang sedang dialami oleh sistem pendidikan di negara kita. Contoh ayat yang dinyatakan oleh peserta kajian dalam kajian Fok Wai Kei (2019) pada tahap informational adalah seperti (i) saya merupakan ahli baru dalam fakulti ini dan (ii) masih banyak perkara yang saya tahu. Tetapi saya akan membaca dan bertanya kepada rakan lain.

iii. *Personal* (peribadi)

Individu pada tahap ini mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap perubahan yang akan mereka alami kelak tetapi mereka tidak sedar tentang peranan dan sumbangan mereka dalam menjayakan inisiatif baru tersebut. Mereka lebih mempertikaikan soal nilai, moral dan kepercayaan berbanding dengan kepentingan terhadap perubahan baru itu.

Dalam erti kata lain, guru seharusnya mempunyai nilai peribadi yang boleh dicontohi dan diteladani supaya sentiasa peka terhadap perubahan yang berlaku seperti skop kajian ini iaitu pelaksanaan PBD dan amalan kurikulum baru iaitu KSSR. Contoh ayat yang dinyatakan oleh peserta kajian dalam kajian Fok Wai Kei (2019) pada tahap personal adalah seperti (i) saya bimbang jika ketidaksedaran saya akan menjejaskan hubungan kerja saya dan (ii) saya bimbang dengan perubahan dalam prosedur pengajaran dan pendekatan yang sepatutnya saya amalkan.

iv. *Management* (pengurusan)

Individu pada tahap ini lebih fokus kepada proses dan arah aliran inovasi berkenaan. Mereka juga berusaha gigih untuk memahami secara lebih mendalam serta menguruskan informasi yang berkaitan supaya dapat menjayakan perubahan tersebut.

Dari sudut skop kajian ini, guru sudah mula memberi fokus dan tumpuan terhadap proses dan tugas mereka dalam melaksanakan perubahan dan menggunakan maklumat dan sumber yang sedia ada secara optimum. Contoh ayat yang dinyatakan oleh peserta kajian dalam kajian Fok Wai Kei (2019) pada tahap management adalah seperti (i) saya bimbang untuk mendapatkan bahan yang cukup untuk kumpulan pelajar yang ramai dan (ii) saya perlu mengurus masa dengan teratur untuk menyediakan bahan bantu belajar.

v. *Consequence* (kesan)

Seseorang pada tahap ini lebih berfokus kepada impak atau kesan daripada perubahan baru itu kepada tahap pencapaian murid. Mereka menganalisis kebaikan dan keburukan daripada inisiatif baru itu kepada tahap perkembangan akademik pelajar. Jika dilihat dari skop penyelidikan ini iaitu dari perspektif pemahaman dan pelaksanaan guru terhadap amalan PBD, maka kebanyakan guru memang sudah mula menilai dan membandingkan kesan perubahan kepada murid mereka terutamanya menerusi menilai dan mentaksir hasil kerja mereka dan pemberian tahap penguasaan yang sebelum ini dikenali sebagai band. Contoh ayat yang dinyatakan oleh peserta kajian dalam kajian Fok Wai Kei (2019) pada tahap consequence adalah seperti (i) saya rasa saya boleh menukar inovasi untuk membantu pelajar dengan menggunakan pengalaman saya dan (ii) saya berminat untuk mendapat maklum balas daripada pelajar saya untuk menilai pengajaran saya.

vi. *Collaboration* (kerjasama)

Individu pada tahap ini bekerjasama dan berbincang dengan orang lain tentang perubahan tersebut. Mereka menggabungkan pendapat orang ramai dan akan membuat kesimpulan berdasarkan hasil pendapat yang diperolehi. Ciri ini menepati skop penyelidikan apabila terbukti bahawa guru sebagai pelaksana dalam perubahan sistem pendidikan ini sudah mula menunjukkan rasa minat serta memberi kerjasama dengan guru lain agar menjadikan sistem PBD di sekolah

mereka memberi kesan positif terhadap murid mereka. Contoh ayat yang dinyatakan oleh peserta kajian dalam kajian Fok Wai Kei (2019) pada tahap collaboration adalah seperti (i) saya bimbang tentang penggunaan inovasi yang merentasi seluruh jabatan dan (ii) saya berharap saya boleh mendapat kerjasama dengan pensyarah dari fakulti lain.

vii. *Refocusing* (tumpuan semula)

Individu pada tahap ini lebih mencari kepada kepentingan dan kelebihan daripada perubahan tersebut. Mereka sedar akan kepentingan perubahan namun mereka ingin mengetahui secara lebih terperinci tentang kesesuaian perubahan tersebut.

Selain itu, dari sudut skop kajian tidak dapat dinafikan bahawa para guru sudah mula memberi fokus untuk menerokai perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan sejak tahun 2011. Mereka percaya bahawa perubahan ini meningkatkan hasil pembelajaran mereka. Justeru, guru mencadangkan pendapat dan cadangan serta komen bagi tujuan penambahbaikan terhadap perubahan ini. Contoh ayat yang dinyatakan oleh peserta kajian dalam kajian Fok Wai Kei (2019) pada tahap refocusing adalah seperti (i) saya berminat dalam membantu menghasilkan professional yang cekap dan (ii) saya biasa dengan beberapa pendekatan yang mungkin lebih baik.

Justeru, penyelidik berpendapat bahawa pendekatan yang digunakan oleh Fok Wai Kei (2019) membantunya untuk mengkategorikan hasil dapatan daripada temubual mengikut 7 tahap CBAM yang telah dibincangkan di atas.

2.14 Kajian Menggunakan Model CBAM

Concern Based Adoption Model (CBAM) yang diubahsuai oleh Hall and Hord (2011) menjadi tumpuan penyelidik dalam menjalankan kajian dan penyelidikan mereka. Berikut merupakan huraian tentang beberapa kajian yang telah dijalankan dengan menggunakan model CBAM:

Jason Perry Kaplan (2011) telah menjalankan satu kajian tentang pelaksanaan amalan 'Responsiveness – To – Intervention' (RTI) dengan menggunakan model CBAM. Beliau telah menjalankan kajian ini untuk mengukur tahap penerimaan ahli-ahli psikologi dari Massachusetts Schools terhadap pelaksanaan RTI. Sebanyak 35 item telah diuji dengan menggunakan Stages of Concern (SoC). Jason (2011) juga menggunakan ketiga-tiga komponen utama dalam CBAM iaitu SoC, Level of Use (LoU) dan Innovation Configuration (IC). Hasil kajian menunjukkan tahap informational ataupun maklumat mempengaruhi kebanyakan sampel kajian terhadap sesuatu perubahan yang diperkenalkan.

Seterusnya, di Netherland, Van den Berg, Slegers, Geijsell dan Vandelberghe (2023) telah menjalankan sebuah kajian mengenai tahap keprihatinan 129 orang

guru terhadap penerimaan mereka dalam inovasi gaya pembelajaran dengan menggunakan model CBAM. Kajian ini telah berfokus kepada perubahan yang dialami oleh seseorang guru sebelum dan selepas sesuatu inovasi itu dilaksanakan. Van den Berg et al., (2023) mengenal pasti bahawa guru memberi keutamaan kepada keprihatinan diri sendiri pada awal kajian tetapi pada akhir penyelidikan ia berubah kepada tahap pengalaman seseorang guru.

Selain itu, Crawford, Chamblee dan Rowlett (2015) juga menggunakan model CBAM untuk mengetahui tahap keprihatinan guru-guru Matematik dalam perubahan kurikulum algebra di Scotland. Seramai 376 orang sampel telah diuji dengan menggunakan soalselidik SoC. Hasil kajian menunjukkan bahawa sampel lebih cenderung kepada tahap kesedaran, informasi dan peribadi berbanding dengan empat lagi tahap yang lain.

Seterusnya, Kelly dan Stever (2019) turut menggunakan model CBAM untuk mengkaji ciri-ciri dan proses yang dilaksanakan oleh 10 buah sekolah di suatu daerah terhadap pelaksanaan standard baru dalam kurikulum Sains iaitu K-6. Hasil dapatan soalselidik SoC menunjukkan bahawa peserta kajian lebih prihatin terhadap ciri peribadi dan pengurusan terhadap perubahan kurikulum Sains.

Christou, Eliophotou-Menon dan Philippou (2021) telah membuat sebuah penyelidikan di Cyprus untuk mengetahui tahap penerimaan guru terhadap perubahan kurikulum dan buku teks Bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian yang diuji telah menyatakan bahawa tahap kesedaran dan pengurusan mempengaruhi perubahan kurikulum dan buku teks Bahasa Inggeris. Ia juga menunjukkan tidak wujud hubungan signifikan antara pengalaman guru dengan tahap penerimaan mereka terhadap perubahan kurikulum Bahasa Inggeris.

Van den Berg dan Ros (2023) telah membuat satu kajian untuk mengetahui tahap kebimbangan guru dan peranan yang dimainkan oleh kebimbangan dalam pelaksanaan inovasi iaitu pengajaran dan penyesuaian kurikulum. Dalam kajian tersebut, mereka telah menggunakan model CBAM untuk menilai sama ada guru di pelbagai peringkat dalam proses pelaksanaan mempunyai sikap yang berbeza atau tidak terhadap sesuatu inovasi yang diamalkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru hanya berada pada tahap informasi apabila sesuatu inovasi baru dilaksanakan.

Selain itu, Atkins & Vasu (2022) pula melakukan kajian untuk mengetahui dan mengukur tahap kebimbangan guru terhadap pelaksanaan teknologi baru dalam sistem pendidikan di Perancis. Sebahagian besar daripada kajian ini telah meneliti

hubungan antara kebimbangan guru, tahap pemahaman dan pelaksanaan guru dalam merancang aktiviti pembangunan professional.

Model CBAM turut digunakan oleh Fenton (2018); Griswold, Marsick, & Snedeke (2015) untuk mengkaji persepsi guru ekoran daripada pelaksanaan Total Quality Schooling (TQS) di daerah Ohio. Hasil dapatan soal selidik SoC menunjukkan bahawa 65% daripada peserta kajian menyatakan tahap kebimbangan pada tahap yang tinggi terhadap amalan TQS.

Selain itu, Fenton (2018) juga menggunakan model CBAM untuk mengukur status penggunaan piawaian dan penanda aras di sekolah-sekolah menengah di Alaska. Penyelidik mengumpul data daripada semua sekolah menengah dengan menggunakan model CBAM. Penyelidik telah bertemu dengan semua ketua jabatan untuk mengumpul maklumat mengenai standard dan penanda aras. Hasil daripada temubual SoC menyatakan bahawa kebanyakan sampel kajian berada di luar kebimbangan maklumat dan mempunyai kebimbangan dalam komponen pengurusan iaitu management.

Seterusnya, Cheung & Yip (2018) telah menjalankan kajian untuk menilai kebimbangan empirikel dengan menggunakan SoC dalam model CBAM di Hong Kong. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kebolehppercayaan dan membina

kesahihan data merupakan aspek yang penting dalam menerima sesuatu inovasi baru. Laura J. Isbell (2020) telah menjalankan satu kajian untuk mengetahui tahap kebimbangan guru-guru sekolah menengah mengenai respons kepada intervensi dengan menggunakan model CBAM. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa guru-guru sekolah menengah di Utara Texas mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi dalam pelaksanaan RTI sebagai inovasi baru.

Oleh itu, penyelidikan berasa relevan untuk menggunakan model CBAM bagi meneroka tahap pemahaman dan pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris terhadap amalan pentaksiran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.

2.15 Kajian-kajian Terdahulu

2.15.1 Kajian PBD Di Malaysia

Faizah A. Majid (2022) mengatakan sistem pendidikan di Malaysia mengalami satu loncatan yang terbesar apabila sistem kurikulum sedia ada iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang telah digantikan dengan dasar baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sejak tahun 2011. Menurut Amir Hassan Dawi (2019), dengan pelaksanaan PBD di bawah dasar KSSR, tanggungjawab guru terutamanya guru di sekolah rendah semakin bertambah kerana mereka harus menyediakan instrumen khas untuk menguji tahap penguasaan murid. Seterusnya, kajian oleh Sanitah dan Norsiwati (2021)

menjelaskan bahawa pengalaman seseorang guru dalam sesuatu mata pelajaran menentukan tahap penguasaan dan pengetahuan mereka. Tambah mereka, apabila seseorang guru itu terlibat dalam PBD bagi jangka masa yang panjang, sudah tentu ia akan mendorong kepada penglibatan mereka secara menyeluruh dan juga akan meningkatkan minat mereka dalam meneroka skop PBD secara lebih mendalam.

Menurut Syed Ismail dan Ahmad Subki (2021), gaya kepimpinan pentabdir sekolah samada guru besar atau pengetua juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan PBD di Malaysia. Hasil kajian mereka mendapati kebanyakan guru besar di sekolah rendah tidak diberikan pendedahan yang secukupnya dalam mentadbir dan menyelia pelaksanaan PBD di sekolah mereka. Hujah mereka, kegagalan guru besar untuk mengetahui konsep PBD dengan baik membantutkan proses pelaksanaan PBD dengan lancar.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Noraini dan Saifulazri (2019) mendapati bahawa kesediaan guru-guru dalam menghadapi PBD adalah berada pada tahap yang sederhana. Ini adalah kerana peserta kajian yang dijadikan sebagai sampel kajian telah menyatakan bahawa mereka risau tentang beban tugas dan pengurusan masa dengan sewajarnya. Tambah mereka, kegagalan pihak sekolah dalam menyediakan peralatan yang selengkapnya juga melambatkan proses PBD serta menyebabkan objektif PBD tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Hasil kajian oleh Suseela Malakolunthu (2010), telah mengenal pasti 3 masalah utama dari segi kesediaan dan pemahaman guru terhadap PBD iaitu kekurangan bimbingan, kekurangan pengetahuan guru terhadap PBD dan kekurangan pemantauan luaran. Menurut beliau, kekurangan bimbingan menyebabkan pengetahuan guru terhadap PBD adalah sangat terhad dalam aspek kekerapan penilaian, kandungan, objektif serta beberapa idea lain untuk melaksanakan PBD.

Faizah Abdul Majid (2022) mendapati bahawa guru-guru mempunyai minat untuk meneroka PBD secara lebih mendalam, namun mereka masih memerlukan sokongan untuk pembangunan profesional dari segi bantuan coaching dan monitoring. Dari segi amalan PBD dalam lisan Bahasa Inggeris pula, Hamzah Md Omar (2020), menyatakan bahawa faktor masa dan beban kerja merupakan faktor terpenting yang menjayakan sesebuah inovasi baru yang berlaku terutamanya dalam aspek pentaksiran dalam kurikulum Bahasa Inggeris.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Chan Yuen Fook dan Gurnam Kaur Sidhu (2021) pula menyatakan bahawa ramai guru telah merasakan sebarang perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara telah menambahkan beban kerja mereka. Ini adalah kerana guru-guru mengalami kesukaran dalam menyediakan evidens dan instrumen pentaksiran yang menepati standard dan piawaian yang telah ditetapkan oleh LPM. Masalah ini wujud akibat kebolehan dan keupayaan murid yang berbeza-beza serta bilangan murid yang ramai

membebankan seseorang guru dari segi pengendalian dan pemantauan PBD terutamanya di kawasan bandar, (Suseela Malakolunthu, 2010).

Noraini Mat Ladin (2019) menyatakan bahawa guru perlu mempunyai 3 prinsip yang asas dalam melaksanakan PBD di sekolah iaitu:

i. Berfikiran Positif dalam Melakukan Perubahan

Seseorang guru harus berfikiran positif terhadap segala bentuk inovasi atau perubahan yang berlaku dalam sistem kurikulum negara. Konsep kurikulum lama yang terlalu berorientasikan peperiksaan telah digantikan dengan amalan PBD yang dibangunkan oleh KPM sudah pasti menjadi cabaran kepada warga pendidik. Oleh yang demikian, guru harus sentiasa bersedia dalam pelbagai aspek terutamanya dari segi sikap, minat, penguasaan kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan PBD di sekolah masing-masing.

ii. Bersedia untuk Meningkatkan Pengetahuan Pedagogi

Seseorang guru harus peka dan mahir dalam pengetahuan pedagogi kerana pengetahuan ini akan membantu mereka dalam sebarang pendekatan dan kaedah pengajaran yang menarik serta penyediaan sumber pengajaran. Guru juga harus tahu kaedah dan teknik untuk menarik minat pelajar dalam bentuk penjelasan, pendekatan, persembahan dan sebagainya. Maka, pelaksanaan PBD dalam

pelbagai kaedah dan metod yang menarik minat pelajar akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

iii. Membuat Perancangan

Selain itu, guru juga harus membuat perancangan awal supaya dapat melicinkan proses PdPc mereka dalam bilik darjah. Guru harus bijak dalam pengurusan masa agar objektif pembelajaran dapat dicapai sepertimana yang dirancang.

Hasil kajian Zurida dan Nooraisa (2021), mendapati beberapa permasalahan yang wujud sepanjang pelaksanaan KSSR. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa kesemua guru yang ditemu bual tidak mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang jelas tentang konsep PBD. Kebanyakan guru tidak pasti mengenai kesesuaian kaedah dan pendekatan yang harus digunakan dan yang terakhirnya kebanyakan guru memerlukan pendedahan menerusi kursus dan bengkel untuk mendapat gambaran jelas tentang pelaksanaan PBD.

2.15.2 Kajian PBD Di Luar Negara

Graham S. Maxwell (2015), seorang professor dari Griffith University, Queensland Australia, telah menjalankan kajiannya tentang keberkesanan pelaksanaan PBD di Australia berbanding dengan sistem pendidikan yang sedia ada. Hasil kajiannya mendapati bahawa kepelbagaian budaya, kesanggupan dan tahap kematangan pelajar memberi impak kepada kejayaan PBD.

Dalam sistem pendidikan di Kanada, PBD sudah lama diperkenalkan dan sudah menjadi satu komponen penting dalam pentaksiran dan penilaian murid. Moses (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa kerajaan di Kanada mewujudkan pelbagai program dan modul-modul khas kepada guru-guru dan pihak sekolah untuk melaksanakan PBD. Di situ, keutamaan adalah diberikan kepada nilai-nilai tersembunyi dalam kurikulum dan bukannya kepada sistem pendidikan yang terlalu menekankan kepada peperiksaan semata-matanya.

Kajian yang dijalankan oleh Buchan dan Jenkins (2020), menyatakan bahawa PBD di England lebih berfokuskan kepada bidang keberhasilan murid berbanding dengan peperiksaan awam. Mereka juga menyatakan PBD diperakui berkesan daripada hampir 95% daripada peserta kajiannya setelah mengambilkira faktor pengalaman, usia, beban tugas dan minat mereka dalam mengendalikan PBD di sekolah-sekolah yang terpilih.

Kajian oleh Wallace (2019) menyatakan bahawa guru merupakan agen yang terpenting terhadap perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di sesebuah negara. Hal ini kerana walaupun sesuatu dasar itu dirancang dan direka dengan teratur, namun kejayaan atau kegagalan sesebuah dasar itu bergantung kepada kesungguhan pelaksanaannya. Dalam konteks PBD, para guru merupakan agen yang menjadi penentu kepada kejayaan mahupun kegagalannya.

Genesee dan Hamayan (2019) telah menjalankan satu kajian tentang metodologi dan gaya penilaian dalam PBD. Mereka telah mengenal pasti 3 cara yang terutama dalam penilaian PBD iaitu pertama pemerhatian. Menurut mereka, Genesee dan Hamayan (2019), pemerhatian merupakan asas kepada PBD dan boleh dilakukan tanpa mengganggu apa yang sedang diperhatikan. Kedua adalah perbincangan iaitu merujuk kepada perbualan antara guru dan pelajar tentang kerja sekolah. Ketiga adalah penulisan jurnal iaitu pelajar boleh berkongsi pendapat dengan guru-guru dan kemudiannya memberi maklumat balas kepada pelajar.

Yochum dan Miller (2022) pula menjalankan kajian tentang masalah pengurusan dalam PBD. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik temu bual, sumbang saran dan pemerhatian dalam bilik darjah dapat menyelesaikan masalah yang timbul akibat pengurusan PBD.

2.16 Pengetahuan dan Pemahaman Guru Terhadap Pentaksiran

Berikutan dengan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), KPM telah merangka sistem penilaian prestasi pelajar berasaskan sekolah bagi mengatasi sistem pendidikan kini yang berorientasikan peperiksaan. Ia bertujuan melahirkan sekolah kelompok cemerlang yang mempunyai standard setaraf dengan sekolah cemerlang, (Suhaimi, 2023).

Kementerian Pelajaran sedang melaksanakan transformasi sistem pendidikan bermula 2010 bagi meningkatkan kualiti akademik, kokurikulum dan pembangunan sahsiah murid. Dengan pentaksiran berasaskan sekolah, pentaksiran yang bersifat alternatif dan autentik seperti pentaksiran kerja kursus, projek, persembahan, aktiviti jasmani, kokurikulum, sahsiah, budi pekerti dan pembinaan jati diri murid boleh dilaksanakan. Melalui pentaksiran ini bukan sahaja penguasaan murid dapat dilaporkan, malahan proses pembinaan modal insan dapat juga diteruskan.

Kajian yang dilakukan oleh Rosni Zamuddin dan Siti Fatimah (2022) mendapati pemahaman guru dalam melaksanakan PBD adalah sederhana iaitu min 2.7. Walaupun begitu soalan kajian ini mendapat persetujuan yang tinggi dalam kalangan guru untuk bekerja lebih masa demi memantau sikap dan sahsiah pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Di sini kita dapat melihat tugas guru sebagai seorang yang bertanggungjawab dan sanggup berkorban demi mendidik dan membimbing generasi pada masa akan datang. Thomas (2017) menyatakan bahawa walaupun masa bersama keluarga mungkin akan berkurang, tetapi mereka boleh mendisiplinkan diri mereka dengan menyusun aktiviti dengan bijak dan teratur serta mereka juga boleh meluangkan masa untuk melakukan pentaksiran berasaskan sekolah.

Menurut Hassan (2019), disiplin memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan sesuatu tugas. Berjaya atau gagalnya sesuatu tugas bergantung patuhnya individu mengikuti peraturan-peraturan yang dikenakan. Seterusnya, Ibrahim Saad (2017) menyatakan bahawa komitmen atau pemahaman guru pada zaman dahulu adalah berbeza dengan zaman sekarang kerana perubahan keadaan dan sistem nilai sama seperti anggota masyarakat yang lain iaitu guru juga menghadapi cabaran dari segi masa. Walaupun guru mempunyai pelbagai kerja yang diamanahkan, dengan adanya disiplin dan sikap bertanggungjawab ini, guru tidak kisah untuk melaksanakan PBD di dalam atau di luar bilik darjah walaupun tugas itu akan mengurangkan masa guru untuk berehat dan untuk bersama keluarga, (Zurina dan Norida, 2020).

Menurut Abdul Shafar (2019), guru tidak mampu bertahan lama sekiranya pemahaman dan kemahiran yang dimiliki berada pada tahap yang sedia ada. Kepekaan guru untuk mempertingkatkan pemahaman dan kemahiran dari semasa ke semasa mengikut perubahan yang berlaku seharusnya timbul di dalam diri sebagai seorang pendidik. Birenbaum (1996) menyatakan bahawa trend pendidikan masa kini yang semakin terarah kepada pentaksiran untuk pengajaran menggalakkan tenaga pengajar iaitu para guru untuk memberi tumpuan kepada proses dan hasil pembelajaran. Hal ini untuk mengelakkan guru membuat penilaian ke atas pelajar berdasarkan satu ujian semata-mata. PBS mampu melahirkan pelajar yang mempunyai pelbagai kemahiran dan kemampuan (Sambell, McDowell & Brown, 1997).

Tokoh yang terawal memperkenalkan PBD ialah Black dan William (1998) yang menyatakan PBD yang merupakan sebahagian daripada penilaian formatif membekalkan pelajar dengan tujuan yang jelas, tugas pembelajaran yang teratur dan mampu memperbaiki mutu pembelajaran terutamanya kepada kumpulan pelajar yang berprestasi rendah.

Kajian yang dijalankan oleh Hargreaves (2018) mendapati pelajar merasakan maklum balas yang diterima daripada guru selepas pelaksanaan PBD adalah efektif sekiranya tidak mengkritik personaliti dan tidak mengguris perasaan mereka. PBD adalah adil sekiranya pelajar menyedari kesalahan dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang mereka lalui semata-mata tanpa menyentuh hal peribadi. Dapatan kajian ini memberi kesedaran kepada guru bahawa persepsi dan pandangan pelajar adalah sama signifikan dengan pandangan orang dewasa, yang seterusnya menggambarkan emosi pelajar berkait rapat dengan pencapaian mereka (Stiggins, 2015).

2.17 Kesimpulan

Perbincangan tentang kajian-kajian yang berkaitan jelas menunjukkan bahawa terdapat banyak kajian yang telah dibuat berkaitan pemahaman dan pelaksanaan guru dalam melaksanakan PBD di sekolah rendah. Selain itu, terdapat juga pelbagai faktor yang mendorong kepada kejayaan pelaksanaan PBD terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Secara kesimpulannya, masih kurang

kajian yang dibuat dalam mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh guru terutamanya isu kekurangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris menyebabkan beban kerja mereka semakin bertambah akibat pelaksanaan PBD. Maklumat dan hasil daripada kajian ini diharap membantu pihak KPM untuk mengenal pasti tahap pemahaman guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris serta mencari langkah penyelesaian yang sewajarnya dalam segala bentuk usul dan perkara yang dibangkitkan daripada pihak guru.

Bab seterusnya iaitu Bab 3 akan membincangkan secara lebih mendalam mengenai kaedah kajian, sampel kajian, metodologi kajian, instrumen kajian, proses pengumpulan dan penganalisaan data yang dikutip melalui temu bual, pemerhatian di bilik darjah dan analisis dokumen.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini melaporkan keputusan yang dibuat berkaitan dengan reka bentuk dan metodologi kajian. Pertama, penyelidik membincangkan andaian penyelidikan, kaedah kajian dan rasional untuk memilih pendekatan kualitatif dalam kajian ini. Turut dibincangkan dalam bab ini berkaitan dengan subjek kajian yang terdiri daripada kategori guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris, proses pengumpulan data dan menganalisis data.

Selain itu, bab 3 ini juga membincangkan prosedur yang telah digunakan untuk memastikan data kajian ini adalah boleh dipercayai, tepat dan betul dari perspektif penyelidikan kualitatif. Akhirnya, oleh kerana kajian ini melibatkan interaksi bersemuka dengan guru, maka penyelidik turut membincangkan mengenai isu-isu etika dalam penyelidikan.

3.2 Andaian Penyelidikan

Metodologi kajian merupakan cara seseorang pengkaji menjalankan sesuatu kajian yang berkaitan dengan fenomena sosial (Corbin & Strauss, 2008). Manakala Gray (2004) menjelaskan metodologi yang dipilih sentiasa dipengaruhi oleh pemilihan teori yang digunakan untuk sesuatu kajian yang akan dilaksanakan. Dalam bab pertama, penyelidik telah menjelaskan tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka pemahaman dan pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran Bahasa

Inggeris. Oleh kerana penyelidik ingin memahami fenomena pelaksanaan PBD, maka pendekatan kualitatif telah dipilih oleh penyelidik. Pada masa yang sama, penyelidik juga ingin menjalankan kajian ini yang bersifat interpretivist sepertimana yang disarankan oleh Merriam (1998). Dalam konteks kajian ini, penyelidik ingin meneroka pemahaman tentang sesuatu fenomena secara lebih mendalam.

Menurut Robson (2011), interpretivisme memberi penekanan kepada andaian sesuatu fenomena sosial yang bersifat lebih kompleks, tidak terurus, dinamik dan sentiasa melibatkan proses pelaksanaan yang tidak stabil. Untuk mengeksplorasi sesuatu fenomena sosial, penyelidik dikehendaki menggunakan pendekatan induktif yang memerlukan seseorang pengkaji itu berinteraksi terus dengan peserta kajian. Ini adalah kerana peserta kajian merupakan agen atau individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan sebenar dalam fenomena tersebut. Ini sudah pasti akan membantu para penyelidik untuk mendapatkan gambaran keseluruhan dan makna terperinci mengenai aspek yang dikaji. Matlamat penyelidik yang bersifat interpretivist adalah untuk meneroka secara lebih mendalam tentang sesuatu fenomena tanpa mengharapkan hipotesis (Shaik-Abdullah, 2021). Maka, penyelidik berpendapat pendekatan deduktif adalah tidak begitu sesuai dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, guru-guru Bahasa Inggeris terlibat secara langsung dalam fenomena yang ingin dikaji iaitu eksplorasi pemahaman dan pelaksanaan PBD. Kesemua enam orang peserta kajian tersebut mempunyai pengalaman sebagai pentaksir sejak PBD diperkenalkan. Tambahan pula, mereka kerap menghadiri bengkel, kursus, perkongsian amalan terbaik dan sebagainya untuk meningkatkan tahap pemahaman mereka. Selain itu, penyelidik telah mengenal pasti bahawa setiap peserta kajian memiliki interpretasi dan penceritaan yang unik dan terbeza tentang pengalaman mereka dalam mentaksir Bahasa Inggeris di bawah PBD. Dengan memegang kepada anadai interpretif, penyelidik beranggapan bahawa guru-guru Bahasa Inggeris mempunyai maklumat, idea, penceritaan dan kefahaman yang lebih mendalam untuk menjayakan kajian ini. Penyelidik juga mengandaikan para peserta kajian akan meluangkan masa yang Panjang untuk meluahkan pemahaman mereka serta isu yang seringkali dihadapi dalam pelaksanaan PBD.

Merriam & Tisdell (2015) menyatakan bahawa sekiranya seseorang penyelidik memilih pendekatan kualitatif, maka ia bermaksud penyelidik tersebut ingin memahami sesuatu fenomena dari perspektif peserta kajian itu sendiri. Dalam konteks kajian ini, penyelidik menjadikan guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris sebagai peserta kajian. Penglibatan mereka secara terus dalam aspek pentaksiran membantu penyelidik untuk meneroka pemahaman dan pelaksanaan PBD. Selain itu, penglibatan peserta kajian dalam penyediaan instrument, mentaksir dan merekod pentaksiran juga membantu penyelidik untuk mendapat

gambaran tentang situasi sebenar yang berlaku di sekolah-sekolah Tamil semasa melaksanakan PBD terutamanya bagi mata Pelajaran Bahasa Inggeris.

3.3 Justifikasi Pemilihan Pendekatan Interpretivist

Interpretivisme sebagai paradigma penyelidikan memberi tumpuan kepada pemahaman pengalaman manusia dalam persekitaran semula jadi mereka, dengan menekankan tafsiran subjektif terhadap fenomena sosial (Robson, 2011). Berbeza dengan pendekatan deduktif, yang sering bergantung pada hipotesis yang telah ditetapkan dan pengukuran objektif, interpretivisme membolehkan penerokaan mendalam mengenai isu sosial yang kompleks dan dinamik. Paradigma ini amat sesuai untuk mengkaji fenomena yang dipengaruhi oleh perspektif individu, kerana ia menggalakkan penyelidik berinteraksi dengan peserta kajian untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai pengalaman hidup mereka.

Dalam konteks kajian ini, pemilihan pendekatan interpretivist adalah wajar berdasarkan sifat fenomena yang dikaji—pemahaman dan pelaksanaan PBD. Seperti yang dinyatakan oleh Merriam & Tisdell (2015), penyelidikan kualitatif adalah sesuai untuk meneroka fenomena dari perspektif peserta itu sendiri, memberi ruang untuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengalaman

dan pandangan mereka. Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengalaman langsung dalam pelaksanaan PBD dan memberikan cerita yang mendalam mengenai cabaran dan persepsi mereka. Pengalaman subjektif ini tidak dapat sepenuhnya diterangkan melalui pendekatan deduktif, yang hanya menumpukan kepada pengukuran objektif.

Kajian ini mengiktiraf bahawa setiap guru membawa tafsiran yang unik mengenai peranan mereka sebagai pentaksir di bawah kerangka PBD, yang memerlukan pendekatan yang menghargai naratif individu mereka. Di samping itu, penglibatan aktif guru-guru dalam latihan, bengkel, dan amalan pentaksiran memberikan wawasan yang bernilai, yang membantu penyelidik memperoleh gambaran menyeluruh mengenai pelaksanaan PBD di sekolah-sekolah Tamil, terutamanya dalam konteks pengajaran Bahasa Inggeris. Oleh itu, pendekatan interpretivist ini memudahkan penerokaan faktor sosial dan konteks yang mempengaruhi pengalaman guru-guru dalam pelaksanaan PBD, menawarkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran yang mereka hadapi.

3.4 Kaedah Kajian

Para pengkaji terkenal mempunyai pendapat yang berbeza mengenai kaedah kajian. Bryman (2008) menyatakan kaedah kajian adalah kerangka yang digunakan oleh sesebuah kajian bagi tujuan mengutip dan menganalisis data manakala Robson (2011) berpendapat kaedah kajian berperanan untuk menukar

persoalan kajian kepada kerja-kerja yang melibatkan aspek tujuan, teori, persoalan kajian, metodologi dan strategi persampelan. Crawford dan Irving (2015) berpendapat kaedah kajian merupakan sesuatu rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah, strategi dan metodologi penyelidikan.

Seterusnya, teknik yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada tiga komponen iaitu temu bual bersemuka dengan peserta kajian, pemerhatian di bilik darjah dan analisis dokumen.

3.4.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Kualitatif

Dalam menentukan kaedah kajian, beberapa perkara perlu diambil kira seperti persoalan kajian dan kepentingan kajian. Menurut Merriam (1998), pemilihan kaedah kajian harus berdasarkan kepada 4 kriteria yang berikut:

- i. tujuan kajian
- ii. pernyataan masalah kajian
- iii. pengalaman dan latar belakang penyelidik
- iv. kumpulan sasaran

Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif kerana ia membantu untuk meneroka secara lebih mendalam dalam meneroka pemahaman dan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT di Negeri Kedah. Kaedah kualitatif dipilih kerana beberapa sebabnya. Yang pertama, menurut Creswell 2007, kesesuaian untuk meneroka bidang yang kurang diselidik

memberi impak dan kefahaman secara terperinci. Ini terbukti apabila kebanyakan penyelidikan berkaitan dengan isu pentaksiran hanya dibuat secara kuantitatif. Kekurangan kajian secara kualitatif mendorong penyelidik untuk memilih kaedah kualitatif supaya dapat menggambarkan pemahaman guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris di SJKT dengan lebih menyeluruh dan jelas.

Kedua, kaedah kualitatif membantu penyelidik untuk memahami secara mendalam dalam mengkaji pemahaman dan pelaksanaan guru dalam menjalankan PBD. Ia selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Denzin dan Lincoln (2014) kerana kaedah lain kurang mencungkil masalah yang rumit dan kompleks secara lebih mendalam. Oleh itu, kaedah kajian secara kualitatif memberi dorongan kepada penyelidik untuk meneroka dan mengetahui tahap pemahaman dan pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam menjalankan PBD di sekolah-sekolah yang terpilih.

Creswell (2007), telah menyatakan bahawa sesuatu kajian kualitatif perlu memenuhi ciri-ciri yang tertentu seperti suasana kajian yang bersifat semulajadi, penyelidik sebagai instrumen utama dalam proses pengumpulan data, sumber data yang pelbagai yang merangkumi perkataan atau imej, menganalisis data secara induktif dan interaktif serta memberi tumpuan kepada perspektif, pandangan dan pendapat peserta kajian.

Selain itu, Patton (2002) menyatakan bahawa pendekatan kualitatif amat sesuai kerana penglibatan secara langsung di antara penyelidik dengan peserta kajian

dipercayai memberi penemuan dan gambaran yang lebih tepat dan dipercayai berbanding kaedah kajian yang lain.

3.5 Kajian Kes

Creswell (2007) menguhkan bahawa kajian kes merupakan salah satu strategi kajian yang sesuai dalam pendekatan kualitatif. Yin (2009) menyatakan kajian kes sesuai digunakan dalam pelbagai situasi untuk meneroka bidang psikologi, pendidikan, sosiologi, kerja sosial, sains politik dan perniagaan. Merriam (1998) menggariskan 3 kelebihan pendekatan kajian kes iaitu:

- i. penilaian dan analisis dokumen dilakukan dalam konteks penggunaannya.
- ii. maklumat yang diperoleh daripada kajian kes tidak sekadar membantu meneroka data dalam kehidupan sebenar, tetapi juga membantu untuk menjelaskan kompleksiti sebenar yang mungkin tidak dapat dicungkil melalui kaedah lain.
- iii. kepelbagaian dari aspek instrumen, intrinsik dan pendekatan pengumpulan data memudahkan analisis dokumen dibuat secara kualitatif.

Justeru, penyelidik telah membuat kajian ini berdasarkan kajian kes untuk menjawab tiga soalan kajian dalam penyelidikan ini iaitu meneroka pemahaman dan pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT terhadap amalan PBD serta memahami isu dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di bawah kurikulum baru KSSR.

3.5.1 Justifikasi Pemilihan Kajian Kes

Bryman (2008) menyatakan bahawa kajian kes adalah bersesuaian dengan kaedah kajian kualitatif. Tambahnya, kajian kes sesuai untuk mengumpul data yang melibatkan individu yang terlibat secara langsung dengan bidang yang ingin diterokai. Menurut Burn (1995), Merriam (1998) dan Yin (2009) penggunaan kaedah penyelidikan yang berbentuk kajian kes menggunakan data kualitatif adalah amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Sesuatu kajian kes harus memfokuskan kepada subjek yang mempunyai sesuatu kriteria atau ciri yang ingin dikaji. Ini bermakna sesuatu kajian kes kebanyakannya mengkaji tentang individu atau peristiwa-peristiwa dalam lingkungan budaya dan persekitaran mereka (Burn, 1995).

Penyelidik memilih kajian yang berbentuk kajian kes kerana ia merupakan suatu kaedah yang unik kerana tidak terbatas dengan had dan sempadan semasa proses pemerolehan data dijalankan, (Creswell, 2007). Selain itu, kajian kes juga menjawab soalan kajian yang berbentuk “Bilakah”, “Bagaimanakah” dan “Mengapakah” (Creswell, 2009). Merriam (1998) menyatakan bahawa kajian kes adalah sesuai digunakan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perubatan, sains sosial, sains fizikal, kejuruteraan dan sebagainya. Menurut Lopez (2004), kajian kes sesuai dijalankan sekiranya kajian adalah tentang proses, pengetahuan dan permasalahan. Beliau juga menyenaraikan kelebihan kajian kes seperti berikut:

- i) Dengan menjalankan kajian kes, lebih banyak maklumat dan data diperoleh secara lebih terperinci daripada peserta kajian berbanding dengan kaedah lain.
- ii) Kajian kes memberi peluang kepada seseorang peserta kajian untuk mempersembahkan data yang dipungut melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen untuk memberi ulasan secara lebih terperinci dan mendalam.

Dalam konteks kajian ini, pemilihan kaedah kajian kes diharap membuka ruang kepada penyelidik untuk meneroka dan memahami pemahaman guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris terhadap pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris sekaligus menjawab tiga soalan utama kajian ini. Ini adalah kerana penyelidik telah bertindak sebagai penemubual semata-matanya dan tidak membuat interapsi untuk memberi pendapat mahupun komen terhadap apa-apa pernyataan yang diutarakan oleh peserta kajian. Perkara sedemikian telah memberi peluang kepada peserta kajian untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan, idea-idea yang bernas, permasalahan yang timbul serta cadangan penambahbaikan dalam PBD yang semakin menjadi isu hangat dalam kalangan masyarakat kita saban hari.

Justeru, kaedah kajian kes secara kualitatif digunapakai dalam penyelidikan ini kerana penyelidik membuat temu bual bersama guru bukan beropsyen yang terlibat secara langsung dalam pengendalian PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Selain itu, penyelidik juga telah membuat pemerhatian di kelas untuk

melihat gaya pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan PBD di sekolah-sekolah terlibat dalam skop kajian.

3.6 Populasi Kajian

Kajian ini melibatkan populasi yang terdiri daripada guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Negeri Kedah. Secara keseluruhan, populasi ini merangkumi guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Inggeris dari pelbagai latar belakang pengajaran dan pengalaman, tetapi tidak memiliki kelulusan ikhtisas dalam Bahasa Inggeris. Populasi ini dipilih kerana mereka memainkan peranan utama dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBD) di sekolah masing-masing dan memiliki pengalaman serta pengetahuan yang relevan dalam konteks pengajaran Bahasa Inggeris di bawah PBD.

Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai kategori berdasarkan jenis dan status sekolah, iaitu Sekolah Gred A, Sekolah Gred B, dan Sekolah Kurang Murid (SKM). Pemilihan sekolah-sekolah ini bertujuan untuk memastikan keragaman dalam pengurusan dan pelaksanaan PBD serta cabaran yang dihadapi oleh guru dalam konteks yang berbeza. Perbezaan ini penting untuk mengkaji sejauh mana faktor-faktor seperti jenis sekolah dan bilangan murid mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan PBD.

Populasi kajian ini juga ditentukan berdasarkan kriteria pengalaman guru dalam mengajar Bahasa Inggeris dan dalam menggunakan sistem PBD. Setiap peserta kajian telah dipilih melalui teknik *purposive sampling*, dengan memberi tumpuan kepada guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan yang terlibat secara langsung dalam proses pentaksiran. Guru-guru ini juga dikenali sebagai pentaksir yang aktif dalam memberikan penilaian terhadap perkembangan murid di bawah sistem PBD, dan sering terlibat dalam sesi latihan serta bengkel berkaitan pentaksiran.

Secara keseluruhan, kajian ini menumpukan pada enam orang peserta dari pelbagai latar belakang dan sekolah, yang mewakili keragaman dalam pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Inggeris di SJKT semasa melaksanakan PBD. Pemilihan sampel yang kecil ini adalah sesuai dalam konteks kajian kualitatif, di mana tujuan utama adalah untuk memahami fenomena dengan lebih mendalam dan bukannya membuat generalisasi kepada populasi yang lebih besar.

3.7 Peserta Kajian

Patton (2002) menyatakan bilangan peserta kajian yang ingin ditemu bual tidak menjadi satu isu dalam kajian kualitatif kerana tiada sebarang peraturan khusus yang boleh digunakan dalam penentuan saiz sampel kajian. Tambahnya, dengan

limitasi faktor masa dan sumber, sesuatu kajian boleh memilih bilangan peserta kajian yang sesuai untuk ditemu bual. Oleh itu, penentuan sampel bukannya suatu keperluan kerana tujuan sesuatu kajian kualitatif adalah untuk memahami dan bukannya untuk membuat generalisasi (Creswell, 2007). Oleh yang demikian, penyelidik telah menghadkan sampel kajian kepada enam orang peserta kajian yang terdiri daripada guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris yang mengajar di SJKT di Negeri Kedah.

Menurut Robson (2011), sampel merupakan sebuah kumpulan kecil daripada keseluruhan populasi yang menjadi sasaran penyelidik untuk menjalankan penyelidikan. Seterusnya, Silverman (2005) berpendapat bahawa sampel merupakan sesuatu yang konkrit serta dapat diukur dan diambil kira secara tepat atau dikaji tingkah laku setiap subjek di dalamnya.

Seterusnya, penyelidik telah memberi nama samaran kepada kesemua enam orang peserta kajian supaya tidak mendedahkan maklumat dan profil sebenar peserta kajian kepada pembaca. Perkara ini telah pun dibincangkan dengan peserta kajian semasa sesi temu bual. Oleh itu, peserta kajian berasa lebih yakin dan memberi maklum balas tanpa was-was.

Nama Samaran	Opsyen Asal	Pengalaman Mengajar Bahasa Inggeris	Kategori Sekolah	Pengalaman Sebagai Pentaksir
Theva	Bahasa Tamil	19 tahun	Gred A	12 tahun
Uma	Sains	18 tahun	SKM	14 tahun
Mathavan	Matematik	20 tahun	Gred B	14 tahun
Sharveen	Bahasa Tamil	24 tahun	Gred B	14 tahun
Dhina	Pendidikan Seni	17 tahun	SKM	12 tahun
Lilly	Bahasa Tamil	28 tahun	Gred A	14 tahun

Jadual 3.1 *Maklumat Asas Peserta Kajian*

Jadual di atas menunjukkan maklumat asas peserta kajian yang terpilih. Daripada enam orang peserta yang terpilih, dua merupakan guru yang mengajar di sekolah Gred A, dua orang dari sekolah gred B dan dua lagi dari sekolah kurang murid (SKM). Kesemua peserta kajian ini mempunyai pengalaman yang luas dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris walaupun mereka tidak memiliki kelulusan ikhtisas dalam bidang Bahasa Inggeris.

3.7.1 Kriteria Pemilihan Peserta Kajian

Peserta kajian dalam kajian ini telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau purposive sampling, di mana sampel dipilih berdasarkan kriteria tertentu yang berkait rapat dengan objektif kajian (Merriam, 1998). Pemilihan peserta kajian bertujuan untuk memastikan peserta yang terlibat mempunyai

pengetahuan dan pengalaman yang relevan dengan fenomena yang dikaji, iaitu pelaksanaan PBD dalam pengajaran Bahasa Inggeris di SJKT.

Peserta kajian terdiri daripada enam orang guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris yang mengajar di SJKT di Negeri Kedah. Pemilihan guru-guru ini didasarkan kepada beberapa kriteria utama:

1. Pengalaman dalam Pengajaran Bahasa Inggeris: Semua peserta kajian mempunyai pengalaman yang luas dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris, yang membolehkan mereka memberikan pandangan yang mendalam mengenai pelaksanaan PBD. Tiga daripada mereka mempunyai pengalaman sebagai pemeriksa kertas soalan UPSR (Bahasa Inggeris), manakala yang lain terlibat dalam penilaian harian dan projek murid.
2. Pengalaman sebagai Pentaksir: Kesemua peserta kajian memiliki pengalaman sebagai pentaksir dalam sistem PBD, dengan pengalaman bertugas sebagai pentaksir selama lebih daripada 10 tahun, yang penting untuk memberikan gambaran tentang cabaran yang mereka hadapi dalam mengimplementasikan PBD.
3. Jenis Sekolah: Peserta kajian dipilih dari tiga kategori sekolah SJKT, iaitu sekolah Gred A, Gred B, dan Sekolah Kurang Murid (SKM), yang mencerminkan kepelbagaian dalam konteks pendidikan di SJKT. Hal ini penting kerana keadaan sekolah yang berbeza mungkin mempengaruhi cara PBD dilaksanakan dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru.

Pemilihan peserta juga mempertimbangkan faktor keberagaman dalam pengalaman dan peranan mereka dalam pengajaran dan pentaksiran Bahasa Inggeris. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat memperoleh pandangan yang lebih holistik dan mendalam tentang bagaimana PBD dilaksanakan di SJKT. Kajian ini tidak memberi fokus pada jumlah peserta yang besar kerana kajian kualitatif bertujuan untuk memahami fenomena secara mendalam, bukan untuk membuat generalisasi (Creswell, 2007). Oleh itu, jumlah enam orang peserta kajian ini mencukupi untuk mendapatkan data yang kaya dan pelbagai mengenai pelaksanaan PBD.

Dengan cara ini, kajian ini dapat menggambarkan diversiti dalam pengalaman guru serta perbezaan yang ada di kalangan sekolah-sekolah SJKT, yang melibatkan sekolah dengan sumber yang berbeza dan cabaran yang unik dalam melaksanakan PBD.

3.8 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan tiga instrumen utama untuk mengumpul data, iaitu temu bual, pemerhatian bilik darjah, dan analisis dokumen. Setiap instrumen ini telah dipilih berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai pemahaman dan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris di SJKT.

3.8.1 Temu bual

Menurut Robson (2011), teknik temu bual adalah salah satu kaedah utama untuk mengumpul dan menganalisis data daripada peserta kajian. Yin (2009) menyatakan bahawa temu bual adalah teknik yang sesuai digunakan dalam kajian kes untuk memperoleh data secara lebih terperinci dan mendalam. Dalam kajian ini, teknik temu bual digunakan untuk memperoleh maklumat mengenai pemahaman dan pelaksanaan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBD) oleh guru Bahasa Inggeris.

Temu bual dilakukan dengan menggunakan protokol temu bual yang telah disediakan terlebih dahulu oleh penyelidik dan alat perakam suara untuk merakamkan perbualan dengan peserta kajian. Protokol temu bual yang disediakan memastikan bahawa sesi temu bual lebih terstruktur, tetapi masih mengekalkan tahap fleksibiliti yang diperlukan untuk menggali maklumat mendalam. Sebelum temu bual dijalankan, protokol ini telah disemak dan disahkan oleh guru-guru pakar dalam bidang Bahasa Inggeris untuk memastikan soalan-soalan yang diajukan adalah relevan dan tepat.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual separa berstruktur, yang membolehkan penyelidik untuk mengemukakan soalan terbuka (open-ended questions) yang boleh dijawab secara bebas oleh peserta. Menurut Krueger (1994), lima jenis soalan utama digunakan dalam protokol temu bual, iaitu soalan pembuka, soalan pengenalan, soalan transisi, soalan kunci, dan soalan penutup.

Setiap soalan ini dirancang untuk menggali maklumat tentang pemahaman, pelaksanaan, dan cabaran dalam melaksanakan PBD di kalangan guru-guru.

Sebagai contoh, soalan kunci memberi tumpuan kepada pengalaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan PBD, sementara soalan transisi digunakan untuk beralih dari topik umum kepada isu yang lebih spesifik. Soalan penutup digunakan untuk merumuskan perbincangan dan memberi peluang kepada peserta untuk menambah sebarang maklumat tambahan yang dianggap penting.

Temu bual dalam kajian ini melibatkan guru-guru dari lima buah sekolah yang berbeza. Sebanyak dua puluh soalan digunakan untuk memahami pemahaman dan pelaksanaan sistem PBD, serta lima soalan tambahan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru bukan opsyen Bahasa Inggeris dalam pelaksanaan PBD. Setiap sesi temu bual dijalankan di bilik mesyuarat sekolah yang telah mendapat kebenaran daripada pihak sekolah, dan setiap peserta ditemu bual sebanyak tiga kali untuk memastikan pemahaman yang lebih mendalam diperoleh.

Selain itu, sepanjang sesi temu bual, penyelidik juga mencatat nota lapangan untuk merakamkan sebarang respons atau perbualan yang tidak dapat ditangkap sepenuhnya oleh perakam suara, serta untuk menambah konteks kepada data yang diperoleh. Nota lapangan ini membantu penyelidik untuk mengajukan soalan susulan yang lebih relevan bagi menggali lebih banyak maklumat penting.

Temu bual yang dijalankan dengan guru-guru di pelbagai sekolah SJKT adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang amalan PBD. Setiap temu bual dimulakan dengan soalan terbuka mengenai pemahaman guru terhadap konsep PBD. Soalan seperti, "Apa yang anda faham tentang PBD?" dan "Bagaimana anda melaksanakan PBD dalam kelas Bahasa Inggeris?" digunakan untuk merangsang perbincangan dan memberikan ruang kepada guru untuk menjelaskan amalan mereka. Temu bual ini tidak hanya memfokuskan pada apa yang dilaksanakan, tetapi juga pada bagaimana guru-guru mengadaptasi pendekatan ini kepada konteks pelajar mereka.

3.8.1.1 Justifikasi Pemilihan Teknik Temu bual

Kajian ini telah menggunakan teknik temu bual sebagai instrumen kajian kerana data dari temu bual adalah sesuai digabungkan dengan teknik pemerhatian dan analisis dokumen (Creswell, 2007). Selain itu, Silverman (2005) turut menyenaraikan beberapa kelebihan teknik temu bual seperti yang berikut:

- i. Memberi peluang kepada peserta kajian untuk menggunakan cara atau gaya tersendiri dalam mengemukakan pandangan, menjawab pertanyaan serta memberi cadangan.
- ii. Peserta kajian tidak terikat dengan turutan soalan yang akan ditemubual
- iii. Membenarkan peserta kajian untuk mengemukakan isu penting yang terdapat dalam rancangan.

Patton (2002) berpendapat temu bual kualitatif mempunyai kelebihan dari aspek memperoleh dan menerokai pengalaman peserta kajian dan dapat menghasilkan data yang unik. Silverman (2005) menyatakan teknik temu bual dalam mana-mana kajian kualitatif mempunyai kelebihan dari perspektif kedalaman kajian.

Justeru, penyelidik memilih kaedah temu bual sebagai salah satu teknik untuk memperoleh maklumat yang lebih terperinci dan mendalam daripada guru bukan opsyen Bahasa Inggeris mengenai pemahaman dan pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris di sekolah mereka.

3.8.2 Pemerhatian Bilik Darjah

Penyelidik telah melakukan pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang melibatkan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBD) untuk murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6. Setiap peserta kajian telah diperhatikan dua kali dalam sesi pengajaran mereka, mengikut kelulusan yang diperoleh daripada pihak pentadbiran sekolah yang terlibat. Pemerhatian ini difokuskan kepada dua aspek utama: (1) bagaimana guru melaksanakan dan menguruskan proses pentaksiran dalam kelas, dan (2) masalah yang dihadapi oleh guru semasa mengendalikan pentaksiran di dalam bilik darjah.

Semasa pemerhatian dijalankan, penyelidik telah mengambil nota lapangan secara terperinci sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk memastikan

bahawa tiada maklumat penting yang tercicir. Pengambilan nota ini juga membantu penyelidik membiasakan diri dengan konteks sebenar yang berlaku dalam bilik darjah, memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pengalaman guru dalam melaksanakan PBD.

Menurut Gillham (2000), pemerhatian boleh diklasifikasikan kepada dua jenis: pertama, pemerhatian ikut serta, di mana penyelidik terlibat secara aktif dalam proses yang diperhatikan, dan kedua, pemerhatian tanpa penglibatan, di mana penyelidik membuat pemerhatian dari luar tanpa berinteraksi atau campur tangan dalam aktiviti yang sedang berlangsung. Yin (2009) turut menyatakan bahawa pemerhatian boleh dilakukan secara formal atau bukan formal (casual), bergantung kepada tujuan dan cara pengumpulan data yang digunakan.

Dalam kajian ini, pemerhatian tidak ikut serta telah diterapkan, di mana penyelidik hanya berperanan sebagai pemerhati tanpa sebarang interaksi langsung dengan proses pengajaran atau pentaksiran. Penyertaan penyelidik dalam pemerhatian ini adalah untuk memisahkan dirinya daripada proses PdP yang diperhatikan. Hal ini penting kerana penyelidik berperanan sebagai instrumen kajian yang utama, bertanggungjawab untuk mengumpul dan memproses data dengan cara yang objektif dan tidak mempengaruhi kelancaran proses PdP yang berlaku di dalam bilik darjah (Gillham, 2000).

Penyelidikan langsung di bilik darjah juga memberikan insight mengenai bagaimana PBD dilaksanakan secara praktikal. Sebagai contoh, apabila guru menggunakan teknik *fun-based assessment* atau penilaian berbentuk permainan, pemerhati mencatat bagaimana aktiviti seperti kuiz dan permainan digunakan untuk mengukur penguasaan pelajar dalam kemahiran Bahasa Inggeris. Pemerhatian ini melibatkan penilaian terhadap cara guru berinteraksi dengan pelajar, bagaimana mereka memberi maklum balas semasa pentaksiran, dan bagaimana kemajuan pelajar dipantau secara berterusan.

3.8.2.1 Protokol Pemerhatian Bilik Darjah

Protokol pemerhatian digunakan untuk mengumpul data berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan PBD di bilik darjah. Pemerhatian bilik darjah dijalankan dalam dua sesi berasingan bagi setiap peserta kajian. Protokol pemerhatian ini telah dirancang untuk memastikan fokus yang jelas dalam setiap pemerhatian, iaitu:

1. Menilai bagaimana guru melaksanakan pentaksiran dalam bilik darjah.
2. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan PBD.

Penyelidik menggunakan format pemerhatian yang terperinci, termasuk senarai semak untuk menilai aktiviti pengajaran, penglibatan pelajar, dan kaedah pentaksiran yang digunakan. Catatan dan nota sepanjang sesi pemerhatian juga

dibuat untuk memastikan maklumat yang diperoleh adalah lengkap dan objektif. Pemerhatian ini dilakukan tanpa penglibatan langsung penyelidik dalam sesi pengajaran, bagi memastikan pemerhatian dilakukan dengan objektiviti sepenuhnya.

3.8.3 Analisis Dokumen

Analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan data tambahan berkaitan dengan pelaksanaan PBD melalui dokumen-dokumen yang disediakan oleh guru. Jenis dokumen yang dianalisis dalam kajian ini termasuk:

- i. • Borang senarai semak PBD.
- ii. • Rekod perkembangan murid.
- iii. • Rancangan Pengajaran Harian (RPH).
- iv. • Laporan formatif dan sumatif PBD.

Dokumen-dokumen ini dipilih berdasarkan relevansinya dengan pelaksanaan PBD dan sejauh mana ia mencerminkan pemahaman guru terhadap PBD. Proses pemilihan dokumen melibatkan pertimbangan terhadap kesesuaian dokumen dengan tujuan kajian, serta ketersediaan dan kebolehpercayaan dokumen tersebut dalam memberikan maklumat yang relevan. Prosedur analisis dokumen dilakukan dengan memeriksa dan menilai isi kandungan dokumen berdasarkan kategori-kategori tertentu yang relevan dengan kajian, seperti penggunaan teknik penilaian, kesesuaian dengan prinsip PBD, dan penglibatan guru dalam melaksanakan pentaksiran.

Penyelidikan dan analisis dokumen seperti lembaran kerja pelajar, laporan hasil pentaksiran, dan bukti-bukti penilaian lain digunakan untuk menilai bagaimana PBD didokumentasikan dan dilaksanakan dalam konteks yang lebih luas. Penyusunannya melalui rekod Google Classroom atau sistem lain yang digunakan oleh guru memberi gambaran yang jelas tentang bagaimana guru mengesan dan memantau kemajuan pelajar dari masa ke masa. Melalui analisis dokumen ini, penyelidik dapat melihat bagaimana guru mengintegrasikan PBD dalam pengajaran mereka untuk memastikan pemantauan yang menyeluruh terhadap kemajuan pelajar.

3.8.3.1 Justifikasi Pemilihan Analisis Dokumen

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan teknik analisis dokumen untuk mengetahui pemahaman dan pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris di SJKT terhadap amalan PBD serta memahami masalah yang dihadapi oleh mereka dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris. Teknik ini dipilih kerana ia merupakan suatu pendekatan yang sistematik dalam menganalisis data dan maklumat yang bersesuaian dengan kajian kualitatif (White dan Mars, 2006).

Selain itu, penyelidik juga membuat analisis dokumen terhadap fail ringkasan mengajar atau e-RPH, DSKP, fail perkembangan murid, fail pameran terbaik, laporan pentaksiran formatif dan sumatif serta pelaporan UASA.

3.9 Kajian Rintis

Sebelum menjalankan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilaksanakan untuk menilai kebolehlaksanaan kajian yang akan dijalankan (Creswell, 2007). Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian, menilai kebolehlaksanaan kajian, serta mengenal pasti isu-isu yang berkemungkinan berlaku dalam kajian sebenar. Neuman (2009) menyatakan bahawa kajian rintis juga bertujuan untuk meneliti keberkesanan reka bentuk kajian dan teknik persampelan yang digunakan, serta memastikan instrumen yang digunakan sesuai dengan tujuan kajian.

Dalam kajian rintis ini, penyelidik melibatkan dua orang guru yang dipilih secara *purposive sampling* daripada dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri Kedah. Kedua-dua peserta kajian rintis ini tidak terlibat dalam kajian sebenar. Semasa kajian rintis dijalankan, penyelidik mengadakan sesi temu bual dengan kedua-dua guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Soalan-soalan temu bual yang diajukan kepada peserta kajian rintis digunakan untuk menilai kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen kajian sebenar.

Sebagai langkah permulaan, penyelidik mengajukan soalan-soalan tentang konsep dan definisi PBD kepada salah seorang guru yang telah berkhidmat selama 18 tahun. Guru tersebut memberi respons yang jelas dan meyakinkan mengenai

konsep PBD. Sebagai contoh, beliau menerangkan PBD sebagai satu bentuk pentaksiran yang digunakan untuk menilai dan mengukur pemahaman murid pada akhir sesuatu PdPc atau setelah tamat topik.

“Setahu saya, PBD adalah sejenis pentaksiran yang diadakan untuk menilai dan mengukur pemahaman murid pada akhir sesuatu PdPc ataupun setelah tamat sebuah topik. Tetapi, apa yang pasti ialah PBD dijalankan di peringkat bilik darjah dan diurus di peringkat sekolah.”

Untuk meningkatkan kebolehpercayaan instrumen kajian, penyelidik telah mengajukan soalan yang sama kepada peserta kajian rintis kedua. Respons yang diterima daripada peserta kedua adalah hampir serupa dengan respons peserta pertama. Dengan ini, penyelidik dapat memastikan bahawa soalan temu bual yang digunakan adalah reliable dan mempunyai kesahihan yang tinggi, serta sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar yang akan dijalankan.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada kajian rintis ini, tiada perubahan besar yang perlu dibuat terhadap instrumen kajian. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan kecil dilakukan untuk memastikan soalan temu bual lebih jelas dan tepat. Sebagai contoh, beberapa soalan tambahan ditambah untuk memperdalam pemahaman tentang pelaksanaan PBD oleh guru-guru bukan opsyen Bahasa Inggeris.

3.10 Prosedur Pengumpulan Data

Bahagian ini menerangkan beberapa prosedur yang telah dilakukan untuk merancang dan melaksanakan proses pengumpulan data. Oleh kerana proses pengumpulan data adalah rumit, ia harus dirancang dan dijalankan dengan teliti, (Creswell, 2007). Glesne (1999) menyatakan bahawa *rappo* antara penyelidik dan peserta kajian adalah perlu untuk mengurangkan kebimbangan dan kepercayaan dalam sesuatu kajian yang berbentuk kualitatif. *Rappo* memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat yang secukupnya untuk penyelidikannya (Glesne, 1999) kerana *rappo* yang terbina membolehkan peserta kajian memberikan pelbagai maklumat peribadi atau beraksi dalam keadaan yang biasa dan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran penyelidik.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah bekerja bersama-sama dengan guru yang terpilih sebagai peserta kajian. *Rappo* antara penyelidik dengan guru dipilih tersebut merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan kejayaan penyelidikan ini. Oleh kerana penyelidik merupakan rakan kepada guru-guru yang dipilih sebagai sampel, maka *rappo* yang telah sedia terbentuk memudahkan peserta kajian memberikan jawapan mereka semasa sesi temu bual. Penyelidik telah merancang untuk menentukan:

- i. Prosedur
- ii. Masa
- iii. Tempat

Penyelidik tidak menentukan prosedur yang menyusahkan kerana penyelidik sedar dan amat memahami situasi kekangan masa dan kesibukan yang dialami peserta kajian dengan tugas. Sebaliknya, penyelidik telah hanya menetapkan masa untuk menemu bual adalah selepas sesi persekolahan sahaja. Sesi temu bual telah diadakan di bilik mesyuarat di setiap sekolah.

3.11 Kaedah Menganalisis Data

Menurut Braun & Clarke (2017), analisis data kualitatif merupakan suatu usaha yang dijalankan oleh penyelidik dengan cara bekerja dengan data yang terkumpul, menganjurkannya secara sistematik serta memecahkan data berkenaan kepada unit-unit kecil mengikut beberapa tema. Seterusnya, Creswell (2009) mengatakan analisis data kualitatif merupakan proses yang sistematik dalam mengurus dan memaparkan hasil dapatan sesebuah kajian dengan cara yang mudah difahami oleh pembaca. Dalam menganalisis data yang diperoleh dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa kaedah yang disarankan oleh Creswell iaitu:

(i) Transkripsi

Penyelidik telah membuat transkripsi daripada hasil temu bual yang dijalankan bersama guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris. Pertama sekali penyelidik menanyakan sebanyak dua puluh lima soalan untuk memperoleh maklumat untuk tiga soalan kajian yang telah ditetapkan. Jawapan dan maklumat daripada peserta kajian telah dirakam oleh penyelidik dari awal hingga akhir sesi temu bual. Seterusnya, penyelidik melakukan proses transkripsi ini secara menyeluruh tanpa

mengabaikan sebarang perkataan walaupun difikirkan ia tidak relevan dengan skop kajian. Walaupun proses transkripsi ini memerlukan masa, perhatian dan kesabaran yang banyak, namun proses ini memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami setiap data yang diperoleh.

(ii) Organisasi Data

Setelah menyelesaikan proses transkripsi, penyelidik telah menyusun data mengikut bahagian yang mudah untuk dirujuk. Penyelidik memberi nombor kepada setiap temubual dan membahagikannya mengikut tarikh pungutan data dan menyimpannya dalam *folder* yang berlainan supaya mudah digunakan semula.

(iii) Pelaziman (Membiasakan Diri Dengan Data)

Selepas lambakan data telah dibuat mengikut bahagian tertentu, penyelidik telah membiasakan dirinya dengan segala data yang diperolehi itu. Penyelidik telah mendengar rakaman audio untuk beberapa kali, membaca semula transkripsi yang ditulis serta membuat ringkasan sebelum memulakan proses analisis data secara formal.

(iv) Coding

Thomas (2017) menyatakan bahawa *coding* merupakan langkah terpenting dalam proses menganalisis data kualitatif. Penyelidik telah membuat *coding* secara manual kepada setiap transkripsi data yang dibuat agar boleh dibuat pengasingan data dan dirujuk dengan mudah apabila diperlukan.

(v) Tema

Creswell (2012) menyatakan tema dapat diwujudkan daripada sorotan kajian lepas dan ciri-ciri fenomena yang dikaji dalam sesebuah penyelidikan. Penyelidik telah mengasingkan data yang diperoleh mengikut beberapa tema tertentu seperti konsep PBD, ciri-ciri PBD, tahap penguasaan, komponen PBD, penyediaan instrumen dan pengurusan fail.

(vi) Penulisan Laporan

Patton (2002) mengatakan penulisan laporan merupakan peringkat penyempurnaan dalam sesebuah kajian kualitatif. Penyelidik telah mentafsir, mengulas dan menyebarkan segalan data yang diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Penyelidik juga mempersembahkan laporan akhir dengan jelas, kemas serta meyakinkan para pembaca.

3.12 Triangulasi

Menurut Cohen dan Morrison (2000), triangulasi merupakan suatu teknik kajian yang menggunakan dua atau lebih kaedah bagi tujuan kutipan data untuk mengkaji tingkah laku manusia. Seterusnya, Creswell (2007) pula menyatakan bahawa proses triangulasi melibatkan sokongan bukti daripada pelbagai sumber yang berbeza untuk memahami dengan lebih terperinci terhadap sesuatu tema atau fenomena.

Selain itu, Cummins (2009) mengatakan triangulasi merupakan prosedur pengesahan data yang sangat penting dalam kajian yang berbentuk kualitatif untuk membina kebolehsandaran, kebolehpindahan dan kredibiliti daripada dapatan sesebuah kajian.

Kaedah kajian kes menggunakan pengumpulan data secara triangulasi kerana penyelidik telah membuat pengumpulan data dari tiga sumber iaitu menerusi pemerhatian PdPc di bilik darjah, proses temubual dan analisis dokumen. Maka, kajian kes menurut De Vaus (2006) merupakan sebuah penerokaan mendalam yang menjurus kepada pembinaan konsep kerana kajian ini telah memberi fokus kepada amalan pelaksanaan PBD serta kekangan yang dialami oleh peserta kajian dalam melaksanakan PBD untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah.

3.13 Kebolehpercayaan (*Trustworthiness*)

Menurut Merriam (1998), kebolehpercayaan adalah merujuk kepada sejauh manakah sesebuah penyelidikan atau kajian itu boleh diulang semula. Seterusnya, Mc Millan (2004) menyatakan kebolehpercayaan menggambarkan sejauh mana penyelidik melaksana dan melapor secara eksplisit prosedur kajian dengan benar dan jitu. Dalam kajian ini penyelidik telah melaksanakan kajian serta melaporkannya mengikut prosedur yang telah ditentukan.

Berikut merupakan antara teknik dan kaedah yang perlu diambilkira oleh penyelidik dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpercayaan sesebuah kajian yang berbentuk kualitatif:

(i) Jejak Audit

Bagi memastikan kebolehpercayaan kajian ini, penyelidik telah menggunakan teknik jejak audit. Jejak audit merupakan satu kaedah iaitu individu dari luar kajian diminta untuk memeriksa neratif atau laporan kajian supaya dapat menambahkan kredibiliti kajian tersebut (Creswell, 2007). Dalam usaha ini, penyelidik telah mendokumenkan segala aktiviti dan proses inkuiri, penyimpanan log penyelidikan serta pembentukan kronologi pengumpulan data dan merekod prosedur menganalisis dengan jelas dan mendalam.

Justeru, penyelidik meminta seorang pembaca untuk menjalankan pemeriksaan laporan dan segala dokumen yang berkaitan dengan proses pengumpulan data untuk disahkan.

(ii) Semakan Rakan Sekerja

Selain itu, semakan rakan sekerja juga meningkatkan kredibiliti sesuatu kajian. Menurut Low & Michelle (2019), kumpulan data yang lengkap perlu dirujuk dengan teliti oleh panel pakar untuk semakan dan pengesahan. Proses ini yang dikenali sebagai semakan rakan sekerja.

Oleh yang demikian, penyelidik telah mendapat khidmat seorang guru cemerlang Bahasa Inggeris dan seorang Jurulatih Utama (JU) Bahasa Inggeris yang mempunyai pengalaman yang luas dalam skop kajian ini.

(iii) Bias Penyelidik

Menurut Creswell (2007), bias, andaian dan peranan sebagai penyelidik boleh mempengaruhi sesuatu teks terutamanya pada kajian yang berbentuk kualitatif. Justeru, penyelidik memberi tumpuan terhadap isu berkaitan dengan bias dalam kajiannya. Dalam sesuatu kajian kualitatif, penyelidik bermain peranan sebagai instrumen kajian dan seringkali kurang objektif (Merriam, 1998). Tambahnya lagi, faktor bias mungkin wujud dari sudut perspektif penyelidik yang turut

mempengaruhi soalan temu bual, pemilihan dan proses interpretasi kategori soalan. Untuk mengelakkan perkara-perkara sebegini, penyelidik telah menggunakan bantuan dua orang rakan setugas untuk membuat semakan dan pengesahan kategori maklumat yang dikumpul menerusi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

(iv) Semakan Oleh Peserta Kajian

Lincoln & Guba (2004), berpendapat bahawa semakan oleh peserta kajian itu sendiri merupakan suatu teknik yang penting untuk memastikan kredibiliti dalam dapatan kajian. Tambahan pula, teknik ini memberi peluang kepada peserta kajian untuk menyemak sendiri dan menjelaskan segala transkrip temu bual dan interpretasi bagi mengukuhkan ketepatan idea masing-masing. Seterusnya, Creswell (2009) mengatakan semakan oleh peserta kajian adalah prosedur penting yang memberi peluang kepada peserta kajian untuk membaca sendiri kandungan kajian sekaligus meningkatkan kredibiliti mereka. Dalam proses ini, penyelidik telah meminta peserta kajian agar meneliti data mentah dan diberi peluang kepada mereka untuk memberi komen tentang ketepatan data yang dicatatkan mahupun diinterpretasikan.

Segala bentuk komen, *response* dan cadangan yang diutarakan oleh peserta kajian telah dimasukkan ke dalam laporan akhir. Perkara ini meningkatkan lagi kredibiliti dapatan kajian.

(v) Penerangan Yang Terperinci

Menurut Creswell (2007), penerangan yang terperinci menjadikan pembaca merasai dan mengalami sendiri perkara-perkara yang telah pun dibincangkan dalam sesebuah kajian. Interpretasi secara terperinci dan mendalam membolehkan pembaca merasai dan mengalami pengalaman berkaitan dengan isu PBD yang menjadi semakin hangat saban hari. Oleh itu, penyelidik telah memegang kepada konsep yang disarankan oleh Sherman dan Webb (2001), iaitu penerangan sesuatu kajian kualitatif hendaklah disertakan dengan data yang konkrit serta tepat dari pelbagai sumber dan harus ditulis dengan menggunakan gaya komunikasi mengikut budaya pendidikan agar ia dapat difahami dengan mudah oleh pembaca.

Dalam kajian ini, data telah dipersembahkan dengan penerangan yang terperinci tentang pemahaman dan pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris terhadap PBD, kaedah pelaksanaan pentaksiran di bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris serta masalah yang dihadapi oleh peserta kajian dalam mengendalikan proses pentaksiran di sekolah mereka.

3.14 Etika dalam Penyelidikan Kualitatif

Creswell (2012) mengatakan isu etika sangat penting dalam sesebuah penyelidikan sebagai panduan untuk menyempurnakan kajian yang dijalankan itu. Tambahnya, mana-mana penyelidik yang tidak mematuhi etika penyelidikan merosakkan reputasi penyelidikan sosial. Seterusnya, Merriam (1998) pula berpendapat bahawa isu etika diberi perhatian serius dalam sesebuah kajian kualitatif kerana ia melibatkan manusia sebagai peserta kajian. Oleh itu, penyelidik mematuhi beberapa isu etika seperti yang berikut agar dapat memenuhi kriteria sebuah kajian yang baik.

Kesemua enam orang peserta kajian melibatkan diri mereka dalam kajian ini secara sukarela dan bukannya atas paksaan. Pernyataan ini disokong oleh Nafisah Mahmud (2010) iaitu peserta kajian berhak untuk menarik diri daripada menjadi peserta kajian pada bila-bila masa sekiranya merasakan kajian berkenaan adalah tidak menyenangkan mereka sama ada secara fizikal mahupun mental. Oleh yang demikian, penyelidik telah mengadakan perjumpaan serentak bersama peserta kajian untuk menjelaskan kepada mereka tentang tujuan dan skop kajian ini.

Selain itu, penyelidik juga mengedarkan borang persetujuan menjadi peserta kajian kepada kesemua enam orang yang terpilih. Dalam borang berkenaan, penyelidik telah menyatakan dengan jelas tentang objektif kajian, reka bentuk

kajian dan tatacara pemerolehan data. Dalam borang berkenaan turut dijelaskan bahawa maklumat dan latar belakang peserta kajian adalah dirahsiakan dan peserta diberi nama samaran supaya tidak mendedahkan maklumat sebenar kepada pembaca. Langkah ini sudah pasti boleh meyakinkan peserta kajian agar memberi maklum balas secara lebih mendalam tanpa was-was.

Seterusnya, penyelidik telah memberi masa yang secukupnya kepada peserta kajian untuk menghujahkan pendapat dan cadangan mereka tanpa memberi limitasi had masa. Ini memberi peluang kepada peserta kajian supaya dapat memberi respons secara lebih mendalam. Selain itu, penyelidik menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh peserta kajian semasa proses temu bual dijalankan. Etika dalam pertuturan juga diambil kira sepanjang menjalankan kajian ini supaya tidak memberi tekanan kepada peserta kajian sama ada secara fizikal mahupun mental.

Akhir sekali, penyelidik turut berpegang kepada dua etika yang dicadangkan oleh Creswell (2007). Pertama ialah *anonymity* iaitu nama peserta dan tempat bertugas mereka dirahsiakan supaya para pembaca kajian tidak dapat mengenal pasti peserta kajian yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Kedua ialah *confidentiality* iaitu penyelidik memastikan segala maklumat yang diperoleh adalah sentiasa dirahsiakan walaupun proses pengumpulan data telah selesai.

3.15 Rumusan Bab

Bab ini menjelaskan tentang reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, proses pengumpulan data dan kaedah analisis data dalam menjalankan penyelidikan ini serta kajian rintis yang dijalankan. Dalam bab ini juga, penyelidik menerangkan bagaimana sesuatu proses kajian yang hendak dibangunkan. Selain itu, bab ini turut membincangkan bagaimana peserta kajian yang hendak ditemu bual dipilih dan instrumen yang digunakan sebagai alat pengukuran bagi menilai tahap keberkesanan dan penguasaan murid dalam pelaksanaan pentaksiran di enam buah SJKT yang berbeza di Negeri Kedah.



BAB EMPAT

ANALISIS DATA DAN INTERPRETASI

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan tiga kategori sekolah yang terlibat dalam kajian ini, iaitu Sekolah Gred A, Sekolah Gred B, dan Sekolah Kategori Murid (SKM). Setiap kategori sekolah ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza yang memberi impak kepada pemahaman dan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu, dapatan akan disusun mengikut kategori sekolah untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perbezaan dan persamaan dalam amalan PBD di pelbagai jenis sekolah.

Selain itu, penyelidik akan menumpukan perhatian kepada aspek bagaimana hasil kajian yang diperoleh dari temu bual, pemerhatian di bilik darjah, dan analisis dokumen telah memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah SJKT. Fokus utama adalah untuk menjelaskan bagaimana setiap kaedah pentaksiran dijalankan, bagaimana data dikumpul, dan bagaimana proses ini memberi impak kepada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

4.2 Penyampaian Dapatan Mengikut Kategori Sekolah

4.2.1 Sekolah Gred A

Berdasarkan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dijalankan di Sekolah Gred A, peserta kajian menunjukkan pemahaman yang tinggi terhadap konsep PBD. Mereka menekankan pentingnya PBD sebagai pendekatan yang holistik dan berterusan dalam menilai kemahiran Bahasa Inggeris murid.

4.2.1.1 Kaedah Pentaksiran di Sekolah Gred A

Sebagai contoh, Sharveen menyatakan bahawa beliau sering menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran untuk menilai kemahiran Bahasa Inggeris murid. Beliau tidak hanya mengandalkan lembaran kerja, tetapi juga melibatkan murid dalam aktiviti seperti membaca, mendengar, bertutur, serta seni bahasa seperti "action songs" dan "jazz chant". Kaedah-kaedah ini membolehkan beliau menilai kemahiran yang lebih pelbagai dan menyeluruh dalam kalangan muridnya.

“Saya selalu gunakan kaedah yang pelbagai. Bukannya selalu bagi worksheets kemudian failkan benda tu. Contohnya saya mentaksir budak dengan cara buat reading, listening and speaking, buat kerja folio, language arts macam actions songs, jazz chant dan sebagainya.” (SH/AD1)

Selain itu, pemerhatian juga mendapati bahawa guru-guru di Sekolah Gred A lebih cenderung untuk melibatkan murid dalam aktiviti berkumpulan. Ini membolehkan mereka menilai kemahiran sosial dan kerjasama murid yang tidak dapat dinilai melalui pentaksiran individu sahaja.

“Murid-murid saya memang aktif apabila saya buat aktiviti yang bercorak fun-based assessment seperti dalam bentuk permainan, pop kuiz dan sebagainya. Saya buat pentaksiran melalui pemerhatian saya, menilai kemahiran bersosial dan banyak lagi method yang saya rasa sesuai dilaksanakan.” (LL/TB3)

Guru-guru di sekolah ini juga melaksanakan PBD secara berterusan, memberikan peluang kepada murid untuk memperbaiki kesilapan mereka melalui kaedah yang fleksibel dan menyeluruh.

4.2.2 Sekolah Gred B

Di Sekolah Gred B, guru-guru juga menerapkan pendekatan yang serupa dengan Sekolah Gred A tetapi dengan beberapa perbezaan berdasarkan keperluan murid-murid mereka. Sekolah Gred B mempunyai jumlah murid yang lebih ramai, dan oleh itu, pentaksiran berkumpulan menjadi lebih dominan dalam pelaksanaan PBD.

4.2.2.1 Kaedah Pentaksiran di Sekolah Gred B

Theva menjelaskan bahawa beliau menggunakan "checklist" untuk memantau kemajuan murid, dan memastikan setiap murid mendapat peluang yang sama untuk menguasai kemahiran yang diajar. Walaupun bilangan murid yang ramai, Theva mengatur masa dengan bijak untuk memastikan semua kemahiran dapat dinilai.

“Saya selalu akan update check list saya dari masa ke masa. Walaupun bilangan murid ramai, saya tetap akan berjaya mentaksir semua kemahiran kerana saya akan membahagikan masa dengan baik. Saya akan mengulang kemahiran yang tidak dikuasai murid sebanyak maksimum 3 kali supaya beri peluang kepada mereka untuk menguasainya. Saya tetap akan stay back lepas habis sekolah untuk settle benda-benda macam ni.” (THV/TB2)

Kaedah PBD di Sekolah Gred B lebih berfokus kepada pentaksiran formatif yang memungkinkan murid untuk memperbaiki kesilapan mereka. Selain itu, guru-guru di sekolah ini juga memanfaatkan teknologi dalam proses pentaksiran, contohnya melalui penggunaan "Google Classroom" untuk menghantar tugas Bahasa Inggeris.

4.2.3 Sekolah Kategori Kurang Murid (SKM)

Sekolah kategori kurang murid (SKM) menunjukkan pendekatan yang lebih fleksibel dalam pelaksanaan PBD. Guru-guru di SKM lebih menekankan pada pembelajaran yang tidak berorientasikan peperiksaan, memberikan lebih banyak peluang untuk murid belajar secara bebas tanpa tekanan peperiksaan kerana enrolmen murid di SKM pada dasarnya kurang daripada 50 orang murid. Ini menyebabkan guru-guru di SKM tidak terasa tertekan dengan pengendalian PBD.

4.2.3.1 Kaedah Pentaksiran di SKM

Di SKM, Dhina menekankan pentingnya untuk memberi murid-murid peluang untuk belajar dengan lebih santai dan bebas daripada tekanan peperiksaan. Beliau menggunakan kaedah pentaksiran yang berfokus pada pembelajaran melalui aktiviti, seperti kuiz dalam talian dan tugas jangka masa. Ini membantu mengurangkan stres dan memberi ruang kepada murid untuk menunjukkan kebolehan mereka. Walau bagaimanapun, aktiviti kumpulan di SKM tidak membuahkan hasil yang dikehendaki kerana faktor kekurangan murid. Maka, guru-guru di SKM lebih rela memberi tugas secara individu.

“Saya rasa format baharu dalam pentaksiran ini memang wajar diamalkan. Murid-murid akan bebas daripada stress dan exam fobia. Macam saya selalu hantar tugas BI dalam Google Classroom. Then, bagi tempoh 1 atau 2 minggu untuk depa settle tugas itu. Last sekali, saya akan jadikan tugas tersebut sebagai pentaksiran. Lagi mudah kerja kita. Rekod pun ada dalam Google Classroom. At least ada bukti jika dipantau oleh mana-mana pegawai nanti.”
(DHN/TB2)

Dengan pendekatan ini, murid diberi peluang untuk menguasai kemahiran Bahasa Inggeris secara berterusan, dan tidak tertekan dengan format peperiksaan yang tradisional.

4.2.4 Kesimpulan Penyampaian Dapatan

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa perbezaan dalam amalan PBD di setiap kategori sekolah, terdapat juga persamaan utama iaitu semua guru berusaha untuk melaksanakan pentaksiran secara holistik dan berterusan. Mereka menggunakan pelbagai kaedah untuk menilai kemahiran murid secara menyeluruh, mengurangkan tekanan peperiksaan, dan memberi peluang kepada murid untuk memperbaiki kesilapan mereka. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD bukan sahaja memberi impak positif kepada pemahaman murid, tetapi juga memberi ruang kepada guru untuk melaksanakan amalan pengajaran yang lebih fleksibel dan berfokus kepada keperluan setiap murid.

4.3 Pemahaman Guru Terhadap PBD

Soalan Kajian Pertama: *Apakah pemahaman guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT terhadap konsep Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam KSSR?*


Penyelidik telah mengadakan sesi temu bual dengan peserta kajian dan membentuk beberapa tema berdasarkan respon yang diberikan. Selain itu, penyelidik juga merujuk kepada kajian-kajian lepas untuk tujuan pembentukan tema. Proses pembentukan tema ini dimulakan dengan mengenal pasti maklum balas yang berulang daripada peserta kajian mengenai pelaksanaan PBD di

sekolah mereka. Berdasarkan jawapan yang diberikan semasa temu bual, penyelidik telah mengkategorikan pandangan guru kepada tiga tema utama yang berbeza. Langkah pertama dalam pengkodan adalah mengkategorikan respon-respon yang serupa, kemudian membentuk tema yang menggambarkan pemahaman yang lebih luas mengenai amalan PBD di kalangan guru.

Berdasarkan kepada hasil temu bual, penyelidik mengenal pasti tiga tema berkaitan pemahaman guru terhadap amalan PBD di sekolah mereka iaitu:

- i. PBD sebagai pentaksiran di peringkat sekolah,
- ii. Pentaksiran yang bukan berorientasikan peperiksaan sepenuhnya, dan
- iii. PBD sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di bilik darjah.

Ketiga-tiga tema yang dibentuk ini mempunyai beberapa subtema yang akan turut dibincangkan dalam bab ini secara lebih mendalam.



Rajah 4.1. Pemahaman Guru Terhadap PBD.

4.3.1 PBD sebagai Pentaksiran di Peringkat Sekolah

Pada bahagian ini, penyelidik akan membincangkan dapatan daripada tema pertama, iaitu PBD sebagai pentaksiran di peringkat sekolah. Peserta kajian menyatakan bahawa mereka menganggap PBD sebagai suatu proses pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah sahaja. Selepas tamat sesi suai kenal secara informal, penyelidik telah memulakan sesi temu bual dengan para peserta kajian. Soalan pertama yang telah diajukan kepada mereka adalah, “Apakah yang anda faham tentang konsep PBD?”. Walaupun kesemua peserta kajian mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentaksiran, namun mereka tetap mempunyai pandangan yang berbeza terhadap konsep PBD.

“Saya rasa PBD ini seolah-olah macam pentaksiran yang hanya dilaksanakan di sekolah sebab ini merupakan peringkat dalaman dan tiada kaitan dengan KPM.”
(UM/TB1)

Uma menyatakan PBD sebagai sebuah bentuk pentaksiran yang hanya dilaksanakan di peringkat sekolah dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pihak KPM kerana pentaksiran ini hanya dijalankan di peringkat dalaman sahaja.

Pandangan yang hampir sama telah diutarakan oleh Theva yang merupakan Ketua Panitia Bahasa Inggeris di sebuah SJKT kategori kurang murid.

“Bagi saya PBD merupakan satu kaedah pentaksiran yang dijalankan di setiap sekolah mengikut subjek masing-masing oleh guru mata pelajaran berkenaan. Contohnya, saya yang mengajar English untuk Darjah 3 dan 6 akan sentiasa

membuat pentaksiran untuk murid-murid saya mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.” (THV/TB1)

Walaupun mereka berdua menggunakan istilah yang berbeza iaitu 'dalaman' dan 'peringkat sekolah', namun kedua-dua istilah ini membawa maksud yang sama, iaitu pelaksanaan di peringkat sekolah sahaja. Seterusnya, Mathavan yang mengajar di salah sebuah SJKT kategori Gred A pula menyatakan pendapat yang sama sepertimana dinyatakan oleh Theva dan Uma. Walau bagaimanapun, Mathavan dapat membezakan konsep pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah dan pusat. Menurutnya,

“Setahu saya, ada dua jenis pentaksiran untuk setiap subjek. Misalnya, untuk Bahasa Inggeris, murid-murid akan menduduki pentaksiran pusat iaitu UASA dan pentaksiran di peringkat sekolah yang dilaksanakan oleh guru mata pelajaran. Sebenarnya, PBD ini memang dijalankan secara berterusan sehingga guru itu habis mengajar kesemua standard kandungan dalam DSKP.” (MT/TB1)


Berdasarkan pandangan yang diberikan ini, dapat dirumuskan bahawa Mathavan juga mempunyai pemerihalan yang sama seperti peserta kajian sebelum ini, iaitu PBD sebagai pentaksiran di peringkat sekolah. Walaupun Mathavan menggunakan istilah yang berbeza sedikit, namun pendapat beliau tetap mempunyai persamaan dengan Uma dan Theva.

Pada masa yang sama, Lilly dan Dhina yang mengajar di SJKT yang terletak di kawasan bandar Kulim juga mengatakan bahawa PBD sememangnya dilaksanakan di peringkat sekolah masing-masing secara formatif dan sumatif oleh guru mata pelajaran berkenaan.

“Okay, kalau ikut saya, PBD adalah sejenis pentaksiran yang diadakan untuk menilai dan mengukur pemahaman murid pada akhir sesuatu PdPc ataupun setelah tamat sebuah topik. Tetapi, apa yang pasti ialah PBD dijalankan di peringkat bilik darjah dan diurus di peringkat sekolah.” (LL/TB1)

“Setahu saya PBD dilaksanakan untuk memudahkan urusan sekolah dan meringankan beban guru kerana PBD tidak berfokus kepada exam.” (DHN/TB1)

Setelah meneliti maklumat yang diperolehi daripada kesemua peserta kajian, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa mereka mempunyai persamaan antara satu sama lain dalam isu memerihalkan PBD. Kesemua mereka menyatakan bahawa PBD merupakan sejenis pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran di peringkat sekolah untuk menentukan tahap penguasaan murid pada sesuatu kemahiran yang diajar. Tambahan pula, mereka turut menjelaskan bahawa PBD merupakan bentuk pentaksiran yang berterusan sepanjang masa dan dibuat secara holistik.



Rajah 4.2. Pentaksiran Di Peringkat Sekolah

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, sepertimana yang dikatakan oleh Theva, Uma, Mathavan, Sharveen, Lilly dan Dhina, PBD dapat diklasifikasikan kepada tiga subtema iaitu PBD sebagai pentaksiran yang dibuat oleh guru mata pelajaran, pentaksiran yang ditetapkan oleh pihak LPM dan KPM serta pentaksiran yang dijalankan sepanjang pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPr).

4.3.2 Pentaksiran Yang Dibuat oleh Guru Mata Pelajaran

Subtema pertama adalah pentaksiran di peringkat sekolah yang dikendalikan oleh guru mata pelajaran. Misalnya, dalam konteks kajian ini, guru-guru Bahasa Inggeris merupakan insan-insan yang diberi amanah untuk melaksanakan pentaksiran dan memberi tahap penguasaan yang sewajarnya kepada murid-murid mereka. Para peserta kajian telah memerihalkan kaedah pelaksanaan PBD di sekolah mereka terutamanya untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris. Walaupun

peserta kajian menyatakan PBD hanya dilaksanakan di peringkat sekolah pada permulaan sesi temu bual, namun mereka memerihalkan konsep pelaksanaan PBD secara lebih khusus. Contohnya, Uma pada peringkat awal temu bual menyatakan PBD adalah sejenis pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah, namun pada sesi temu bual yang seterusnya Uma dapat mengulas dengan lebih lanjut mengenai PBD yang diuruskan oleh guru mata pelajaran tersebut.

“Jika melihat dari perspektif Bahasa Inggeris, guru sebagai pentaksir mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menyediakan instrumen pentaksiran, melaksanakan pentaksiran, menyemak dan menyimpan rekod pentaksiran untuk rujukan pada masa akan datang.” (UM/TB2)

Menurut penerangan yang diberikan oleh Uma, PBD dianggap sebagai pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah dan mempunyai perkaitan yang rapat dengan tanggungjawab seseorang guru sebagai pentaksir.

“PBD mempunyai hubungan dan berkait rapat dengan guru mata pelajaran. Sebagai contoh, dalam pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris, guru seharusnya memastikan murid-muridnya untuk menguasai kemahiran listening, speaking, reading, writing, language arts dan grammar pada setiap unit dalam buku teks.” (THV/TB2)

Pada masa yang sama, Theva pada sesi temu bual yang kedua menyatakan PBD mempunyai kaitan dengan peranan guru dalam melaksanakan pentaksiran di kelas mereka. Namun, terdapat sedikit perbezaan antara pandangan Uma dan Theva kerana Theva menjelaskan beberapa peranan penting yang dimainkan oleh guru Bahasa Inggeris sebagai pentaksir di sekolah masing-masing.

“Bagi pandangan saya, PBD dan guru tidak dapat dipisahkan. Ini adalah kerana setiap guru mempunyai komitmen yang tinggi untuk mengurus dan mengendalikan PBD. Macam untuk subjek BI ini, kita sebagai pentaksir perlu memastikan murid-murid di kelas kita untuk menguasai elemen-elemen penting sepertimana yang terkandung dalam DSKP. Kalau, macam dulu apabila ada UPSR, kita tahu format dan cikgu-cikgu akan memperbanyakkan latihan berfokus dengan format sedia ada. Tapi, dengan syllabus CEFR sekarang, memang payah untuk kita predict format tertentu sebab kandungan dalam buku CEFR merupakan sesuatu yang baharu kepada kita.” (DHN/TB3)

Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh Dhina, dapat dirumuskan bahawa PBD merupakan sejenis pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah dan mempunyai kaitan yang rapat dengan guru mata pelajaran diberi amanah untuk mentaksir murid-murid. Selain itu, terdapat juga peserta kajian yang menganggap PBD sebagai suatu kaedah pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah tetapi perlu merujuk kepada garis panduan yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

4.3.3 Pentaksiran Yang Ditetapkan oleh LPM

Seterusnya, penyelidik akan membincangkan hasil dapatan temu bual untuk subtema kedua. Ini adalah kerana para peserta kajian memberi pendapat mereka bahawa pelaksanaan PBD di sekolah harus berdasarkan kepada piawaian dan garis panduan yang diedarkan oleh pihak LPM terutamanya dalam pelaksanaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) yang meliputi murid-murid tahap 2.

“Setahu saya, PBD ini walaupun dijalankan di peringkat sekolah, namun ia tetap terikat dengan prosedur-prosedur tertentu yang telah ditetapkan oleh LPM. Pada awal, saya pun agak keliru dengan konsep PBD ini. Dulu saya ingat kita sebagai pentaksir boleh modify apa sahaja mengikut kesesuaian budak-budak kita. Tapi, lepas attend beberapa kursus di peringkat PPD, baru saya pun dapat sedikit gambaran yang lebih jelas. Apa yang saya difahamkan ialah segala tapak perekodan dan garis panduan pelaksanaan PBD disediakan oleh LPM. Itu kena follow apa yang terkandung dalamnya.” (LL/TB3)

Misalnya, Lilly mengatakan PBD sebagai suatu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah, tetapi konsep pelaksanaannya perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak LPM. Menurut Lilly, LPM akan menentukan bilangan pentaksiran untuk sesuatu mata pelajaran, template pelaporan PBD serta garis panduan untuk penyediaan dan penilaian evidens murid.

Pendapat yang sama turut diutarakan oleh Sharveen yang menyatakan PBD walaupun pelaksanaannya hanya meliputi peringkat sekolah, tetapi aspek penskoran dan pemantauan evidens pentaksiran harus berpandukan kepada standard yang digariskan oleh pihak atasan seperti PPD, JPN dan KPM. Walaupun Sharveen mengatakan PBD sebagai kaedah pentaksiran yang melibatkan peringkat sekolah sahaja, namun dia mampu untuk memberi ulasan yang lebih terperinci mengenainya.

“Walaupun PBD sering dikatakan dengan pelaksanaannya di peringkat sekolah sahaja, tapi ia tetap melibatkan aspek penskoran dan pemantauan oleh pihak atasan. Kalau ikut pengalaman saya, setiap tahun memang ada sekurang-kurangnya pegawai SISC+ dari PPD ini akan datang untuk membuat observation dan dia akan check fail PBD saya. Jadi, saya tetap akan follow garis panduan supaya dapat melaksanakan PBD dengan cara yang sepatutnya.” (SHV/TB2)

Sharveen menghuraikan dengan lebih lanjut dengan kaedah pentaksiran yang diamalkan di sekolahnya. Menurutnya, guru-guru yang berada dalam Panitia Bahasa Inggeris di sekolahnya, diminta untuk menyeragamkan kaedah penskoran dan perekodan evidens pentaksiran supaya mudah untuk dirujuk oleh mana-mana pihak yang berkepentingan. Tambahnya, pegawai dari PPD dan JPN akan sentiasa melakukan lawatan bimbingan untuk memantau kaedah pelaksanaan PBD di sekolahnya.

Manakala Mathavan pula menjelaskan PBD sebagai sebuah bentuk pentaksiran yang menjurus kepada beberapa dokumentasi yang dikhususkan oleh LPM. Menurutnya, hal ini memudahkan guru-guru untuk dapat melaksanakan pentaksiran mengikut mata pelajaran masing-masing mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

“Ya, memang betul. Lembaga memang ada edarkan garis panduan untuk kita rujuk apabila membuat pentaksiran. Saya rasa dalam website BPK pun ada juga maklumat berkaitan. So, senang lah untuk kita rujuk bila perlu. (DHN/TB2)

Berdasarkan pandangan Dhina, pihak LPM menghantar garis panduan pelaksanaan PBD dalam bentuk booklet kepada setiap sekolah sebagai rujukan. Tambahnya, maklumat berkaitan garis panduan pelaksanaan PBD, rekod transit dan rekod perkembangan murid juga boleh diakses melalui laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).

Setelah meneliti dapatan temu bual bersama kesemua peserta kajian, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa mereka mempunyai persamaan dari segi pendapat iaitu pentaksiran di sekolah dijalankan berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak LPM.

4.3.4 Pentaksiran Sepanjang PdPc dan PdPr

Selain melihat PBD sebagai sejenis pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah, peserta kajian juga menghubungkan kaitkan PBD sebagai pentaksiran yang dijalankan sepanjang PdPc dan PdPr. Uma menyatakan PBD tidak dapat diasingkan daripada PdPc dan PdPr kerana pentaksiran dianggap sebagai komponen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada secara bersemuka mahupun secara dalam talian. Ini jelas terbukti apabila guru-guru dikehendaki mentaksir murid walaupun mereka telah mengikuti kelas secara norma baharu iaitu secara dalam talian sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak COVID-19 yang melanda Malaysia sejak 2020 yang lalu.

“Pentaksiran memang tetap berlaku tidak kira kita berada di sekolah ataupun di rumah. Contohnya kita akan membuat pentaksiran bilik darjah apabila kita membuat PdPc di sekolah. Apa yang menarik di sini ialah kita juga perlu menjalankan PBD walaupun semasa PKP.” (UM/TB2)

Pada masa yang sama, Theva menjelaskan pentaksiran dijalankan bersama dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya, beliau membuat pentaksiran sepertimana yang dirancang dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Tambahnya, pihak pengurusan sekolah telah menetapkan jadual pentaksiran mengikut standard kandungan yang telah dipelajari. Theva juga mengatakan pihak

pentadbiran sekolah sentiasa akan memantau pelaksanaan pentaksiran dari masa ke semasa.

“Biasanya saya akan menjalankan PBD untuk setiap komponen yang ada dalam DSKP Bahasa Inggeris. Misalnya, ada beberapa themes dalam English Year 3. Jadi, saya akan follow themes yang ada dalam CEFR dan saya tetap akan membuat pentaksiran sejurus selepas saya covered theme berkenaan.” (THV/TB1)

Seterusnya, Mathavan mengatakan beliau meneruskan pentaksiran walaupun semasa pelaksanaan PdPr. Menurutnya, menjalankan PdPr secara atas talian iaitu menerusi *Google Meet* tidak menghalangnya untuk membuat PBD. Tambahnya, beliau mempelbagaikan kaedah pentaksiran sepanjang PdPr supaya memudahkan murid-muridnya dapat menguasai kemahiran yang dipelajari walaupun tidak dapat bersemuka untuk tempoh yang agak lama. Mathavan juga menyatakan murid-murid lebih minat sekiranya pentaksiran dibuat dalam bentuk kuiz atau secara permainan berbanding dengan kaedah klasik iaitu penulisan.

“Okay, saya nak share sedikit pengalaman saya tentang PBD yang saya buat sepanjang PdPr. Memang mencabar untuk membuat kelas online iaitu melalui Google Meet. Tapi, saya telah simplify dan memperbanyakkan kaedah pentaksiran supaya murid-murid rasa lebih selesa dan confident walaupun mereka tidak dapat pulang ke sekolah hampir enam bulan. Saya mentaksir murid-murid saya dengan cara verbal test, kuiz spontan, Quizizz, Kahoot, Google Form dan macam-macam lagi. Mereka lebih gemar jika diberikan kuiz, games, fun-

based activities berbanding dengan kaedah penulisan esei yang agak membosankan mereka.” (MT/TB2)

Pada masa yang sama, Dhina dan Sharveen masing-masing memberikan pendapat yang sama iaitu PBD diteruskan sama ada semasa PdPc bersemuka mahupun semasa PdPr yang diadakan secara atas talian. Kedua-dua mereka membuat justifikasi bahawa pentaksiran merupakan aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, seseorang guru harus melaksanakan PBD sepanjang masa untuk memastikan murid-murid dapat mengikuti apa yang disampaikan oleh guru mereka.

Tambahan pula, Sharveen mengingatkan bahawa guru-guru dikehendaki mengisi laporan pentaksiran semasa menghantar kehadiran PdPr setiap hari setelah selesai proses pengajaran dan pembelajaran di rumah pada hari yang sama.


“Alright, macam dulu masa PdPr kita perlu hantar laporan maklumat kehadiran PdPr dalam sistem setiap hari sebelum pukul 6:00p.m. Jadi, masa itu kita perlu key in maklumat pentaksiran dalam sistem tersebut yang dikenali sebagai SPdPr. Kalau lewat key in selepas 6:00p.m, maklumat itu hanya akan tertera pada hari berikutnya”. (MT/TB2)

Kesimpulannya, analisis data temu bual bersama kesemua enam orang peserta kajian membuktikan bahawa guru-guru Bahasa Inggeris melihat PBD sebagai

sejenis pentaksiran yang dibuat di peringkat sekolah, namun mereka mempunyai pemahaman yang berbeza mengikut perspektif masing-masing.

4.3.5 PBD Yang Tidak Berorientasikan Peperiksaan

Selain mengklasifikasikan PBD sebagai sejenis pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah, para peserta kajian juga memerihalkan PBD sebagai pentaksiran yang tidak terlalu berorientasikan peperiksaan semata-mata. Justifikasinya, mereka mengatakan melalui pelaksanaan PBD, beban peperiksaan dapat dikurangkan dalam kalangan murid, guru serta ibu bapa.



Rajah 4.3. PBD Yang Tidak Berorientasikan Peperiksaan

Berdasarkan rajah di atas, penyelidik dapat membentuk tema seterusnya iaitu PBD sebagai pentaksiran yang tidak berorientasikan peperiksaan. Oleh itu, penyelidik telah mengenal pasti tiga subtema yang dapat menjelaskan tema ini dengan lebih mendalam. Subtema tersebut adalah perubahan format pentaksiran,

pengajaran dan pembelajaran yang tidak ke arah peperiksaan dan pengintegrasian pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4.3.6 Perubahan Format Pentaksiran

Berdasarkan pandangan Dhina, pelaksanaan PBD telah mendatangkan perubahan pada format pentaksiran. Semasa sesi temu bual, Dhina menjelaskan PBD sebagai perubahan yang seringkali dikaitkan dengan format pentaksiran terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

“Biasanya dalam pentaksiran Bahasa Inggeris, terdapat beberapa perubahan yang berlaku ekoran daripada penambahan jam kredit dalam waktu mengajar. Kalau dulu, untuk BI cuma ada satu kertas dalam format UPSR. Tetapi sejak tahun 2016, kertas 2 iaitu Paper Penulisan diperkenalkan dalam Bahasa Inggeris.” (DHN/TB2)

Seterusnya, Dhina menjelaskan penambahan dalam jam kredit Bahasa Inggeris menyebabkan lebih waktu mengajar. Selain itu, perubahan yang dibuat oleh LPM dalam penambahan Kertas Penulisan dalam Bahasa Inggeris UPSR sejak tahun 2016 yang lalu juga menjadi antara punca kepada perubahan format pentaksiran.

Selain itu, Lilly berpendapat perubahan format dalam pentaksiran memberi peluang kepada murid-murid supaya dapat meneroka secara lebih mendalam terutamanya pada bahagian penulisan esei ringkas dan penulisan format. Menurutnya, sebelum perubahan format tumpuan hanya diberikan kepada soalan aneka pilihan dan berstruktur. Namun, dengan adanya perubahan format, maka murid-murid turut diuji tentang kemahiran penulisan yang merangkumi tiga bahagian iaitu pemindahan maklumat, penulisan berformat dan penulisan esei ringkas.

“Kalau dulu, untuk BI cuma ada satu paper. Itu pun fokus banyak kepada soalan objektif dan struktur sahaja. Tetapi dengan adanya perubahan format sejak tahun 2016, maka murid-murid turut diuji dalam komponen penulisan yang mengandungi 3 bahagian utama iaitu information transfer, format writing and guided writing for short essays.”. (LL/TB1)

Di samping itu, Sharveen mengulas lagi tentang perubahan format pada pentaksiran Bahasa Inggeris menyebabkan murid-murid diuji dalam pelbagai skop dan kemahiran. Ini menyebabkan komponen pentaksiran Bahasa Inggeris yang ingin ditaksir menjadi semakin luas. Dengan adanya PBD, murid-murid diuji dengan pelbagai skop seperti pendengaran, pertuturan, bacaan, menulis, tatabahasa dan seni bahasa. Pada masa yang sama, Uma dan Mathavan juga menyebut tentang perubahan format pentaksiran dalam PBD Bahasa Inggeris

namun kedua-dua mereka gagal untuk menjelaskan perubahan yang berlaku itu secara terperinci.

“Ya, setahu saya memang wujud perubahan format dalam pentaksiran Bahasa Inggeris. Boleh dikatakan lebih mencabar berbanding format lama yang kita guna pakai sebelum ini.” (MT/TB2)

Berdasarkan kepada pendapat yang diketengahkan oleh Uma dan Mathavan, mereka tetap menyatakan PBD Bahasa Inggeris menampakkan perubahan pada format. Walaupun mereka tidak menjelaskan perkara itu dengan lebih lanjut, namun penggunaan istilah ‘perubahan format’ masih dapat dikesan dalam sesi temu bual bersama mereka.

4.3.7 Pengajaran dan Pembelajaran Yang Tidak Ke Arah Peperiksaan

Subtema kedua ini membincangkan pandangan peserta kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang tidak menekankan peperiksaan. Kesemua peserta kajian sepakat bahawa pelaksanaan PBD tidak seharusnya tertumpu pada peperiksaan pusat, sebaliknya memberi penekanan kepada penilaian berterusan yang bersifat holistik. Mereka turut menyatakan sokongan terhadap pemansuhan UPSR yang diumumkan oleh KPM pada tahun 2020. Pengumuman tersebut dipandang

sebagai satu keputusan bijak yang memberi ruang kepada PBD untuk diterapkan dengan lebih meluas.

i. PBD sebagai Pendekatan Holistik:

Mathavan, sebagai contoh, menyatakan bahawa pemansuhan UPSR memberi peluang untuk PBD dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih holistik. Menurutnya, “Memang bagus tindakan KPM yang memansuhkan UPSR sejak tahun 2020. Saya rasa UPSR tidak lagi dilihat sebagai kaedah untuk menilai potensi murid dalam akademik. Malah, dengan adanya PBD, kita boleh menilai tahap murid dalam pelbagai kaedah kerana PBD merupakan satu pendekatan yang holistik” (MT/TB2). Ini menunjukkan bahawa dengan pemansuhan peperiksaan pusat, guru-guru kini mempunyai lebih banyak kebebasan dalam menilai kemahiran murid tanpa terikat dengan format peperiksaan yang kaku.

ii. Perbandingan antara Format Lama dan Baru:

Sama seperti Mathavan, Theva juga memberi penekanan terhadap perbezaan format PBD berbanding sistem peperiksaan tradisional. Theva berpendapat bahawa format baru ini lebih memberi peluang kepada murid untuk menguasai kemahiran yang diajar melalui latihan berterusan dan pembetulan kesilapan. "Saya rasa format baru dalam PBD ini memang bagus sebab kita boleh menguji murid seberapa mungkin agar mereka dapat menguasai skill tersebut. Tapi, kalau dalam exam seperti UPSR, jika mereka buat silap, markah tetap akan dipotong.

Sudah tentu peluang kedua tidak akan diberikan dalam peperiksaan pusat" (THV/TB3).

iii. Kesempatan untuk Membetulkan Kesilapan:

Uma turut berkongsi pandangan yang serupa, terutamanya mengenai impak positif perubahan format ini kepada murid kategori sederhana. Dalam pandangannya, perubahan ini memberi peluang kepada murid untuk memperbaiki kesilapan yang dibuat semasa pentaksiran pertama. "Pada pendapat saya, memang perubahan format ini beri banyak effect positive kepada murid especially kepada moderate group. Sebab mereka dapat second chance untuk membaiki kesilapan yang mereka buat semasa pentaksiran seterusnya" (UM/TB2).

iv. Bimbingan dan Sokongan kepada Murid:

Sharveen juga menyuarakan pandangan serupa, di mana beliau menekankan bahawa PBD membolehkan guru membimbing murid dalam memperbaiki kesilapan mereka, terutamanya dalam aspek tatabahasa dan struktur ayat. "Ya, betul. Kalau dulu buat grammatical errors, wrong sentence structure dan spelling errors, pemeriksa akan potong markah dalam UPSR. Tapi, sekarang dengan adanya PBD, kita sebagai pentaksir akan membimbing dan membantu anak murid kita untuk buat corrections. Jadi, mereka sangat beruntung dengan pentaksiran yang kita lakukan ini" (SHV/TB2).

v. Mengurangkan Tekanan Peperiksaan:

Dhina pula memberikan perspektif tentang bagaimana perubahan format ini mengurangkan tekanan kepada murid. Menurutnya, pemberian tugas dalam bentuk kuiz dan penilaian berterusan memberi peluang kepada murid untuk melaksanakan tugas dengan lebih tenang, tanpa tertekan oleh peperiksaan. "Saya rasa format baharu dalam pentaksiran ini memang wajar diamalkan. Murid-murid akan bebas daripada stress dan exam fobia. Macam saya selalu hantar tugas BI dalam Google Classroom. Then, bagi tempoh 1 atau 2 minggu untuk depa settle tugas itu. Last sekali, saya akan jadikan tugas tersebut sebagai pentaksiran. Lagi mudah kerja kita. Rekod pun ada dalam Google Classroom" (DHN/TB2).

Secara keseluruhan, kesemua peserta kajian menyatakan bahawa perubahan format dalam PBD memberi impak yang positif terhadap penguasaan murid. Dengan adanya peluang kedua untuk memperbaiki kesilapan dan pengurangan tekanan peperiksaan, guru-guru merasa lebih yakin dalam melaksanakan penilaian yang lebih menyeluruh dan holistik. Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa format baharu ini memberi manfaat kepada murid dengan cara mengurangkan ketegangan dan memberi lebih banyak peluang untuk berjaya.

4.3.8 Pengintegrasian Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Subtema yang seterusnya adalah pengintegrasian PBD dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, Lilly mengaitkan segala bentuk pentaksiran dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya, proses PdPc berlaku semasa murid-murid menjawab tugas yang diberikan.

“Jika kita melihat kepada aspek PBD, sebenarnya murid-murid akan melibatkan diri dalam PBD semasa berlakunya proses PdPc. Contohnya, kita mengajar dan kita meminta murid-murid kita untuk menjawab pentaksiran yang kita lakukan.”
(LL/TB2)

Penjelasan yang diberikan oleh Lilly terhadap PBD membawa maksud bahawa murid-murid membuat tugas Bahasa Inggeris semasa proses pembelajaran berlaku di bilik darjah. Ketika guru mengajar, murid-murid akan diberikan masa yang secukupnya untuk menyiapkan tugas mereka.

Seterusnya, Uma juga menceritakan bahawa pelaksanaan PBD memberi peluang kepada murid-muridnya untuk mempelajari sesuatu kemahiran semasa dia mengajar sesuatu topik yang tidak pernah dilalui mereka. Tambahnya, silibus Tahun 3 iaitu CEFR atau *Get Smart Plus* yang direka berdasarkan sukatan pelajaran Cambridge merupakan sesuatu yang sukar untuk disampaikan kepada murid-muridnya yang kebanyakannya dari ladang dan estet-estet berdekatan.

Maka, beliau mengubah dan memudahkan isi kandungan tersebut supaya mudah difahami.

“Okay, saya nak share sedikit tentang apa yang sedang berlaku dalam CEFR Year 3 ini. Topik-topik dalam buku Get Smart Plus ini merupakan sesuatu yang luar biasa kepada students saya yang kebanyakannya datang dari kawasan luar bandar. Jadi, dengan adanya PBD, maka saya akan simplify difficult topics mengikut situasi di negara kita. At least, mereka boleh faham apa yang saya nak sampaikan.” (UM/TB1)

Selain itu, Dhina juga menjelaskan perbezaan antara kaedah lama dan kaedah baharu dalam skop pentaksiran Bahasa Inggeris. Menurut Dhina, kaedah pentaksiran sebelum ini tidak memberi peluang kepadanya untuk membuat pentaksiran secara berperingkat dan menyeluruh tetapi corak pentaksiran sekarang sangat sesuai untuk dilaksanakan kerana dapat mentaksir secara holistik. Tambahnya lagi, PBD sekarang membantu murid-muridnya untuk menguasai pelbagai kemahiran serta dapat melengkapkan tugas yang diberikan berdasarkan kepada kemahiran yang dipelajari.

Kesimpulannya, Lilly, Uma dan Dhina berpendapat PBD merupakan kaedah terbaik yang memberi ruang kepada murid-murid untuk mendalami kemahiran berbahasa Inggeris serta membantu untuk aspek kemenjadian murid. Melalui sesi temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati Lilly, Uma dan Dhina

menjelaskan gambaran tentang amalan konsep PBD ini dengan proses PdPc yang dilaksanakan di bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.

4.4 PBD Sebagai Proses Pembelajaran

Selain mendefinisikan PBD sebagai pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah dan pentaksiran yang tidak terlalu berorientasikan peperiksaan, peserta kajian juga memerihalkan PBD sebagai sebahagian besar daripada proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Mereka memberi penerangan bagaimana murid-murid dapat mempelajari kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Inggeris menerusi pelaksanaan PBD.


“Saya sangat yakin bahawa PBD adalah sebahagian besar dalam proses pentaksiran yang kita buat di sekolah. Begitu juga proses PBD ini sudah pasti akan membimbing murid-murid saya untuk memahami dan menguasai sesuatu tajuk pembelajaran yang kita mengajar.” (UM/TB2)

Contohnya, Uma berpendapat proses PBD dapat membimbing murid-muridnya untuk memahami serta menguasai sesuatu tajuk pembelajaran dalam Bahasa Inggeris. Tambahnya, proses ini bukan sekadar untuk topik tertentu sahaja, malah akan berterusan sepanjang masa dengan pelbagai pendekatan yang lebih efektif.

“Apa yang saya faham ialah PBD ini bukan lagi bermatlamatkan peperiksaan. Tetapi, murid-murid akan terus diuji dengan pelbagai kaedah pentaksiran. Contohnya, tugas, kerja folio, presentation, role-play, kuiz, checklist dan

sebagainya. Motif utama pelaksanaan PBD adalah untuk menghapuskan sistem peperiksaan dan membuat pentaksiran berskala.” (LL/TB2)

Seterusnya, Lilly berkongsi pendapat beliau iaitu tujuan utama pelaksanaan PBD di semua sekolah adalah untuk menghapuskan sistem peperiksaan yang tidak lagi relevan. Oleh yang demikian, Lilly menggunakan pelbagai kaedah untuk mentaksir murid-muridnya bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Antaranya adalah tugas ringkas, penyediaan kerja folio, sesi pembentangan, aktiviti main peranan, kuiz, senarai semak dan lain-lain lagi.




Rajah 4.4. PBD Sebagai Proses Pembelajaran

Hasil daripada sesi temu bual yang lebih terperinci bersama Sharveen, Dhina dan Mathavan mencetuskan sub tema yang seterusnya iaitu kaedah pentaksiran dalam Bahasa Inggeris, guru mentaksir – murid belajar dan KBAT dalam PBD Bahasa Inggeris.

4.4.1 Kaedah Pentaksiran dalam Bahasa Inggeris

Setelah berbincang dengan peserta kajian, mereka telah menyenaraikan beberapa kaedah yang digunakan dalam pentaksiran Bahasa Inggeris di kelas masing-masing. Antaranya ialah pemerhatian, permainan, kuiz, projek mudah, bercerita dan main peranan.



Rajah 4.5. Kaedah Pentaksiran PBD Bahasa Inggeris

Hasil temu bual bersama kesemua peserta kajian telah menunjukkan mereka menggunakan pelbagai pendekatan atau kaedah dalam PBD Bahasa Inggeris di kelas mereka. Misalnya, Theva mengatakan dia kerap menggunakan kaedah projek mudah dan permainan dalam pentaksiran Bahasa Inggeris di kelasnya. Menurutnya, kaedah ini sesuai dilaksanakan kerana dapat menarik perhatian dan minat murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4.5 Pelaksanaan PBD dalam Kalangan Guru

Soalan Kajian Kedua: Bagaimanakah guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam KSSR?

Bagi menjawab soalan kajian kedua ini, temu bual separa struktur telah dijalankan bersama guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini. Penyelidik telah menyaringkan data untuk soalan kajian kedua dan membentuk tema berdasarkan maklumat yang diperoleh. Selain merujuk data, penyelidik juga telah merujuk sorotan karya lepas untuk tujuan pembentukan tema.

Penyelidik telah menggunakan pelbagai teknik untuk meneroka pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam melaksanakan PBD dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam KSSR. Antaranya adalah menerusi temu bual bersemuka dengan peserta kajian, pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah serta analisis beberapa dokumen yang berkaitan dengan PBD seperti buku rancangan pengajaran harian, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), fail guru PBD, rekod perkembangan murid dan instrumen pentaksiran Bahasa Inggeris.

Oleh kerana pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2020 dan 2021, guru-guru di seluruh Malaysia telah menjalankan pengajaran dan pembelajaran di rumah atau dikenali sebagai PdPr. Oleh yang demikian, penyelidik telah mendapat keizinan

daripada para panel dan penyelia untuk meneruskan proses pengumpulan data secara atas talian. Maka, penyelidik telah mengedarkan soalan-soalan temu bual secara *Google Form* manakala pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran juga dibuat dengan cara penyelidik memohon kebenaran para peserta kajian untuk menyertai PdPr secara *aplikasi Google Meet*.

Berdasarkan data yang diperoleh, pelaksanaan pentaksiran diperihalkan oleh guru dalam tiga tema, iaitu PBD sebagai pentaksiran di peringkat sekolah, pentaksiran bukan berorientasikan peperiksaan, dan pentaksiran untuk pembelajaran. Tema-tema ini juga mempunyai subtema yang akan dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

(i) Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Bahagian ini akan membincangkan tema pertama, iaitu PBD sebagai pentaksiran peringkat sekolah. Menurut guru-guru Bahasa Inggeris, PBD dianggap sebagai satu proses pentaksiran yang hanya dilakukan diperingkat sekolah. Setelah penyelidik menjalankan sesi suai kenal, penyelidik telah memulakan temu bual. Semasa proses temu bual, soalan pertama yang diajukan kepada kesemua peserta kajian ialah “Apakah yang cikgu faham tentang PBD?” Walaupun soalan yang diajukan adalah sama untuk semua guru, namun jawapan yang diperoleh adalah berbeza daripada konsep pemahaman mereka.

Daripada hasil temu bual bersama peserta kajian, pelbagai jenis takrifan yang diberi berkaitan dengan konsep Pentaksiran Bilik Darjah.

Pada pendapat saya, PBD adalah sistem baru dalam menilai murid. PBD ini merupakan pengganti kepada sistem lama yang berorientasikan peperiksaan dari pusat. Tapi dalam PBD ini pun ada penilaian yang kita panggil pentaksiran sumatif dan formatif. Bagi saya PBD dengan BI memang tak dapat dipisahkan sebab saya kerap membuat assessment ringkas apabila saya dah tamatkan sesuatu topik. (THV/TB3)

Misalnya, Theva telah menyatakan bahawa PBD merupakan pengganti kepada kaedah penilaian hasil murid iaitu peperiksaan awam digantikan dengan pentaksiran formatif dan sumatif di peringkat sekolah. Theva juga berpendapat bahawa PBD dengan Bahasa Inggeris tidak dapat dipisahkan kerana beliau sentiasa membuat pentaksiran ringkas pada penghujung proses pengajaran dan pembelejaran mengikut tema dan juga kesesuaian murid.

Tambahnya, PBD walaupun pada awalnya tidak menunjukkan gambaran yang jelas, namun setelah menghadiri pelbagai bengkel dan taklimat sepanjang tahun, maka beliau dapat meningkatkan tahap pemahamannya dalam bidang PBD. Theva kerap mengadakan perjumpaan secara formal dan bukan formal bersama rakan-rakan guru di sekolahnya supaya dapat membincangkan segala isu dari segi pemahaman dan pelaksanaan yang timbul berkaitan dengan PBD di sekolahnya.

Contoh lain iaitu Mathavan pula menyatakan bahawa PBD merupakan idea dari negara-negara barat seperti Amerika, Britain dan Australia dalam mentaksir murid. Tambahnya, PBD adalah satu kaedah untuk menilai prestasi murid dimana murid-murid akan dikategorikan kepada Tahap Penguasaan (TP) 1 (terendah) hingga Tahap Penguasaan 6 (tertinggi). Menurutnya, TP digantikan dengan sistem Band. Tambahnya, semua sekolah wajib menjalankan PBD mengikut kesesuaian murid dan lokasi sekolah. Setiap murid akan ditaksir dengan dua jenis penilaian iaitu formatif (sepanjang tahun) dan sumatif (pada penghujung setiap penggal).

Bagi saya PBD adalah idea dari beberapa negara barat seperti US, UK dan Australia dalam mentaksir murid-murid. Kaedah ini mengutamakan pentaksiran dalaman oleh guru dengan cara pemberian TP iaitu Tahap Penguasaan. Dulu masal awal-awal kita disuruh untuk bagi band terendah iaitu Band 1 hingga band tertinggi iaitu Band 6 kepada murid. Tapi, lepas PBS online dimansuhkan, sistem Band juga ditukar nama kepada sistem TP. Walaupun berbunyi lain, tapi memang sama lah TP dengan band ini. (MT/TB1)

Selain itu, Mathavan menyatakan bahawa beliau mengalami kekeliruan dalam pelaksanaan pentaksiran pada peringkat awal pelaksanaan terutamanya dalam memasukkan prestasi secara atas talian. Namun, beliau tidak pernah berasa malu untuk merujuk dengan rakan-rakan guru sama ada dari sekolah yang sama atau berlainan untuk mendapat penjelasan tentang konsep PBD. Selain itu, Mathavan juga mempunyai hubungan yang baik dengan JU dan pegawai SISC+ Bahasa

Inggeris supaya sentiasa mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada mereka dalam mengendalikan PBD Bahasa Inggeris.

Kalau ditanya pasal konsep PBD, ia bukannya berasal dari negara kita pun. I rasa semua ini dah lama dilaksanakan di negara barat macam US, UK dan Australia. Kita sebagai guru perlu sediakan pentaksiran dalam peringkat sekolah untuk mentaksir murid kita mengikut kemampuan dan tahap mereka. Semuanya pakai sistem band dari band 1 sampailah kepada band 6. (SH/TB2)

Seterusnya, Sharveen pula menyatakan pendirian yang sama seperti Mathavan iaitu PBD merupakan idea yang diambil dari orang barat dimana sudah lama beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, England dan Australia mengamalkan PBD dalam kurikulum mereka. Tambahnya, PBD merupakan kaedah penilaian murid dengan menggunakan beberapa band iaitu dari Band 1 hingga Band 6. Sharveen turut menjelaskan bahawa guru seharusnya menyediakan pelbagai instrument untuk mentaksir murid mengikut kemampuan dan tahap mereka.

Pelaksanaan PBD lebih menjurus kepada komponen Kurikulum Standard Sekolah Rendah iaitu KSSR. Kalau dalam KBSR dulu, kita sebagai guru memberi fokus sepenuhnya kepada UPSR supaya murid-murid kita dapat result yang cemerlang. Tapi dalam KSSR dan KSSR Semakan, bukan lagi macam tu. PBD itu yang akan menentukan tahap murid, bukannya exam. PBD ini sebenarnya bersifat holistic

iaitu menyeluruh. PBD beri keutamaan kepada kemenjadian murid dan bukannya keputusan exam. (UM/TB3)

Manakala Uma pula menyatakan bahawa PBD merupakan sistem baru dalam kurikulum baharu iaitu KSSR yang menggantikan peperiksaan UPSR. Uma turut menyatakan bahawa PBD merupakan suatu kaedah penilaian secara menyeluruh dan holistik iaitu kaedah penilaian di bawah PBD tidak hanya bersandarkan kepada peperiksaan malah melalui kaedah lain seperti pergaulan, pemerhatian, kerja kursus dan sebagainya. Tambahnya, PBD memberi keutamaan kepada konsep kemenjadian murid dan bukannya kepada keputusan peperiksaan semata-matanya.

“Hmmm PBD ini dasar baru kerajaan dalam sitem pendidikan negara kita. Guru akan main peranan untuk mentaksir murid dan memberi gred yang sewajarnya mengikut Performance Level (TP). Bagi saya PBD memberi peluang kepada semua guru untuk menilai potensi dan kemampuan murid-murid dalam kedua-dua bidang kurikulum dan kokurikulum.” (DHN/TB2).

Contoh lain seperti Dhina berpendapat bahawa pelaksanaan PBD merupakan dasar baru dalam sistem pendidikan negara kita yang diperkenalkan di peringkat sekolah rendah sejak tahun 2011. Thina mengatakan bahawa PBD merupakan kaedah baru dalam sistem pendidikan negara iaitu guru-guru akan memainkan

peranan masing-masing dalam menilai potensi dan kemampuan murid dalam pelbagai aspek sama ada dalam bidang kurikulum mahupun aktiviti kokurikulum.

Tambahnya, PBD akan kekal untuk tempoh yang lama kerana mendapat sambutan yang baik dalam kalangan guru setelah beberapa penambahbaikan dan pengubahsuaian yang dilakukan dari masa ke semasa demi keselesaan dan kesenangan para pentaksir.

Pada pendapat saya, PBD ialah trend baru dalam kurikulum negara kita. Kalau ikut sistem lama, kita mengkategorikan murid ikut gred A, B, C, D dan E. Tapi, dalam PBD ini takda lagi pemberian gred. Kita akan mentaksir murid dan kemudian memberi mereka Performance Level yang sewajarnya mengikut perkara yang kita taksir. Saya rasa PBD ini memang menyeronokkan murid-murid kerana mereka berasa seolah-olah bebas daripada exam. (LL/TB3)

Seterusnya, Lilly mengatakan bahawa PBD adalah tren baru dalam pemberian markah dan gred kepada murid dimana kaedah penilaian lama memberi gred A, B, C dan D manakala sistem PBD pula berfokus kepada Tahap Penguasaan @ Band dari 1 hingga 6. Lilly juga berpendapat bahawa konsep PBD ini menyeronokkan para pelajar kerana bebas daripada peperiksaan kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan berkaitan pemansuhan UPSR dan PBD akan memainkan peranan penting kepada murid-murid sekolah rendah untuk memasuki alam sekolah menengah kelak.

Secara kesimpulannya, kesemua enam orang peserta kajian mempunyai persepsi dan tanggapan masing-masing terhadap pelaksanaan PBD. Kesemua mereka menyatakan PBD adalah pengganti kepada sistem yang berorientasikan peperiksaan. Manakala dua daripada mereka menyatakan walaupun PBD itu merupakan idea dari beberapa negara barat, namun pelaksanaan PBD di negara kita mendapat sambutan baik dalam kalangan guru setelah beberapa penambahbaikan dibuat. Peserta kajian juga memahami bahawa guru harus menyediakan instrumen yang bersesuaian dengan tahap penguasaan murid supaya dapat memberi mereka Tahap Penguasaan (TP) yang sewajarnya setelah proses pentaksiran selesai dijalankan.

Pendapat mereka berkaitan pelaksanaan PBD mempunyai perkaitan yang rapat dengan pengumuman pemansuhan UPSR yang telah dibuat oleh mantan Menteri Kanan Pendidikan, YB Dr Mohd Radzi Md Jidin pada 28/04/2021 yang lalu. Para guru terutamanya peserta kajian menganggap bahawa pemansuhan UPSR mulai 2020 merupakan satu petanda yang baik dalam usaha mentransformasikan pendidikan Malaysia ke arah peringkat global. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat aspek pentaksiran di peringkat sekolah terutamanya menerusi PBD nescaya akan memainkan peranan yang sangat penting dalam proses menilai tahap murid dengan menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian.

Ini jelas terbukti apabila peserta kajian sudah mula melaksanakan PBD secara atas talian dengan menggunakan pelbagai pendekatan untuk menguji pemahaman murid. Contohnya, mereka menggunakan aplikasi *Google Classroom* (Delima), *live worksheets*, *wordwall*, *Quizizz*, modul, pemerhatian dan sebagainya untuk mentaksir murid-murid mereka dalam matapelajaran Bahasa Inggeris. Aspek ini turut diberi penekanan oleh pihak PPD dan JPN kerana komponen pelaksanaan PBD disoal apabila setiap kali guru mengisi laporan PdPr secara atas talian.

(ii) Ciri-ciri PBD

Dari aspek ciri-ciri PBD, Sharveen dan Mathavan menyatakan PBSB adalah berpusatkan kepada murid dan semua aktiviti dan kaedah pentaksiran yang dilakukan akan berpaksikan kepada murid dan tidak lagi berpaksikan pusat iaitu KPM.

... Ciri utama adalah PBD berpusatkan murid dan tidak lagi dengan berpusatkan guru dan pihak KPM. Kalau dalam KBSR dulu, kita akan busy dengan menyediakan murid untuk menduduki peperiksaan UPSR pada bulan September. Tapi, dalam KSSR bukan lagi begitu. Dengan adanya PBD, murid dan guru tidak perlu risau pasal exam sebab 60% itu akan diperoleh daripada pentaksiran pusat. Yang kita kena fokus hanya kepada selebihnya 40% yang datang dari exam pusat. (SHV/TB1)

... PBD ini dipecahkan kepada dua jenis pentaksiran iaitu formatif yang dibuat sepanjang tahun dan sumatif yang ditaksir hanya dua kali setahun mengikut sistem penggal. Cikgu sebagai pentaksir akan mentaksir murid dengan eviden

yang disediakan olehnya dari setiap masa lepas habis topik tertentu. Itu kita panggil sebagai formatif assessment. Yang satu lagi adalah sumatif iaitu sama seperti peperiksaan penggal yang kita selalu buat dua kali dalam setahun. (MT/TB2).

Mereka juga berpendapat bahawa PBD terdiri daripada dua jenis pentaksiran iaitu formatif dan sumatif iaitu pentaksiran formatif dilaksanakan sepanjang tahun selepas guru berkenaan menghabiskan pengajarannya pada topik-topik tertentu dan pentaksiran sumatif hanya dilaksanakan sebanyak dua kali dalam tempoh setahun mengikut sistem penggal iaitu sumatif pertama pada pertengahan tahun dan sumatif kedua pada akhir tahun.

Seterusnya, Dhina mengatakan bahawa ciri utama PBD adalah memiliki kepelbagaian dalam aspek pentaksiran. Menurutnya, PBD tidak memaksa mana-mana murid dengan peperiksaan semata-mata malah memberi ruang kepada murid untuk menonjolkan bakat dan kefahaman mereka dalam pelbagai jenis pentaksiran seperti lakonan, nyanyian, komunikasi dengan orang lain, penyediaan buku skrap, lukisan, memainkan alat-alat muzik dan sebagainya.

... PBD itu memang mengandungi variety dalam pentaksiran. Dia tak terikat dengan exam. Kita boleh buat pentaksiran dalam pelbagai cara seperti lakonan drama, communication, scrapt book dan memainkan pelbagai instrument muzik. (DHN/TB3).

Manakala, Lilly pula menyatakan ciri PBD adalah seperti penyediaan evidens, penyediaan fail dan perekodan tahap penguasaan murid. Menurutnya, guru mata pelajaran perlu menyediakan evidens yang bersesuaian dengan merujuk kepada DSKP Bahasa Inggeris dimana bilangan evidens yang sepatutnya sudah dinyatakan dalam DSKP dan guru perlu mentaksir murid dengan kesesuaian dan kebolehan murid.

... Kalau dalam BI, kita kena sentiasa rujuk dengan DSKP Bahasa Inggeris untuk buat evidens kerana dalam DSKP itulah dinyatakan bilangan dan kemahiran yang perlu kita taksir. Macam untuk Year 3, saya kena sediakan sebanyak 28 kali PBD untuk murid. (LL/TB2).

Tambahnya, ciri lain PBD pula seperti yang dinyatakan di atas iaitu penyediaan fail dan membuat perekodan. Menurutnya lagi, guru kelas harus menyediakan fail induk untuk setiapmurid dimana kesemua evidens akan disimpan dalam fail tersebut bagi sepanjang tahun.

Kita boleh download tapak Excel dari website lembaga peperiksaan untuk masuk perekodan. Tapi kebanyakan sekolah memang dah dibekalkan tapak tersebut dalam kursus PBS. (LL/TB2).

Selain itu, ciri lain yang dinyatakan juga seperti membuat perekodan hasil kerja dan tahap penguasaan murid dalam bentuk Microsoft Excel menerusi tapak yang dibekalkan kepada setiap sekolah atau boleh memuat turun dari portal LPM.

Saya rasa PBD ini special kerana cirinya iaitu murid ataupun parents memang ada rights untuk refer dengan fail murid. Mereka boleh bincang dengan guru kelas untuk mengetahui level of achievement pada bila-bila masa mereka perlukannya. PBD ini bersifat terbuka. Sesiapa pun boleh mengetahui gred dan skor yang diperolehi. (THV/TB3).

Contoh seterusnya iaitu Theva menyatakan ciri utama PBD adalah bersifat keterbukaan dimana seseorang murid mempunyai hak untuk mengetahui skor mereka pada bila-bila masa diperlukan. Mereka boleh merujuk fail masing-masing untuk mengetahui tahap pencapaian terkini. Tambahnya, peluang ini turut diberi kepada pihak ibu bapa dimana mereka juga boleh merujuk kepada guru kelas anaknya untuk membuat semakan dan tinjauan hasil kerja anak-anak mereka.

Kesimpulannya, peserta kajian dapat menyenaraikan beberapa ciri yang berkaitan dengan pelaksanaan PBD. Antara ciri yang disebut ramai adalah pelaksanaan PBD seperti berpusatkan kepada murid dan tidak lagi bergantung kepada peperiksaan pusat semata-matanya, kepelbagaian dalam instrumen untuk mentaksir dan pentaksiran formatif dan sumatif.

(iii) Tahap Penguasaan (TP) dalam PBD

Dalam meneroka pengetahuan guru terhadap perbezaan tahap penguasaan, pelbagai respons telah diberikan oleh peserta kajian yang dapat membezakan pemberian gred pada sistem lama dan pemberian TP pada sistem PBD sekarang.

Sistem band sudah lama tak wujud. Kita dilarang untuk menggunakan istilah band. Setahu saya, kita kena pakai sistem TP iaitu Performance Level. Apabila PBS online dan SPPBS dimansuhkan, sistem band juga turut ditukar nama. Walaupun nampak macam sama iaitu band dan TP dengan level 1 hingga 6, tapi memang ada perbezaan dari segi kriteria penguasaan murid bagi TP tertentu. Jadi kita kena selalu rujuk dengan DSKP sebelum bagi TP kepada murid. Tak boleh bagi TP ikut suka hati. (LL/TB2)

Sebagai contoh, Lilly mengatakan bahawa sistem band sudah lama digantikan dengan sistem TP. Menurutnya lagi, sistem band ditukar nama ekoran daripada pemansuhan PBS *online*. Guru-guru diwajibkan untuk memberi TP yang bersesuaian kepada murid mengikut DSKP dan bukannya dengan buat rujukan deskripsi band lagi. Lilly juga menjelaskan bahawa walaupun TP dan band mempunyai skala yang sama iaitu 1 hingga 6, namun kriteria pemberian TP adalah sangat berbeza dengan sistem band. Tambahnya, guru harus meneliti DSKP terlebih dahulu dan tidak boleh memberi TP mengikut sesuka hati.

Sistem band takda lagi. Yang baru diperkenalkan sekarang ialah TP. Kita kena bagi Tahap Penguasaan Terendah iaitu TP1 dan tertinggi itu TP6. Jadi, tak logic

lah kalau kita masih gunakan lagi term band lagi. Tak sama band dengan TP ini. Jauh berbeza. Kalau sekadar nak dapat TP3 pun, bukan senang. Murid itu kena excellent sampai boleh bagi examples baru kita boleh award dia TP3. (DHN/TB2)

Seterusnya, Dhina menyatakan bahawa sistem band tidak lagi diguna pakai dan sudah digantikan dengan sistem TP. Katanya, murid yang cemerlang akan diberi sehingga maksimum TP6 dan murid yang lemah akan memperoleh TP1 sebagai pencapaian minimum bagi sesuatu kemahiran yang ditaksir oleh guru berkenaan. Dhina juga mengatakan bukan mudah untuk memperoleh TP yang tinggi kerana murid-murid perlu memiliki kebolehan dan kemampuan yang baik untuk melepasi TP3 dan selebihnya.

Bagi saya TP 1 merupakan penguasaan minimum dan TP 6 adalah penguasaan maksimum seseorang murid. Kalau dalam TP 1, budak hanya memiliki kemahiran Bahasa Inggeris yang sangat lemah dan mereka perlu terlalu banyak guidance. Tapi, murid dalam kategori TP6 pula memang hebat kerana mereka ada knowledge yang tinggi, boleh bagi idea yang baik secara confiden. (MT/TB1).

Seterusnya, Mathavan pula menyatakan bahawa pada TP 1 seseorang murid hanya mempunyai kemahiran bahasa yang sangat terhad dan memerlukan bimbingan dan dorongan yang banyak daripada guru. Begitu juga dengan tahap-tahap lain yang menunjukkan perkembangan sehinggalah pada TP 6 dimana murid yang berjaya mencapai TP 6 memiliki tahap pengetahuan bahasa dan

kecekapan yang cemerlang serta konsisten dan juga mengungkapkan idea yang jelas dan secara penuh keyakinan.

Daripada hasil pemerhatian yang dibuat oleh penyelidik, Theva dan Lilly memiliki senarai semak untuk setiap TP yang perlu ditaksir dalam Bahasa Inggeris. Mereka melekatkan borang khas pada bahagian belakang buku rancangan pengajaran harian untuk membuat analisa TP yang dicapai murid. Mereka turut menyediakan instrument yang bersesuaian bagi setiap TP serta mempamerkan hasil kerja murid pada ruangan khas yang disediakan di bilik darjah. Kedua-dua peserta kajian tersebut berupaya memberi penjelasan dan justifikasi kepada setiap TP yang diberi kepada anak murid mereka bagi subjek Bahasa Inggeris manakala Sharveen dan Dhina tidak memiliki senarai semak yang sewajarnya bagi merekodkan TP murid. Mereka hanya sekadar membuat pelaporan terus ke dalam komputer peribadi masing-masing supaya mudah untuk diuruskan.

Kesimpulannya, pengurusan Tahap Penguasaan (TP) dalam kalangan peserta kajian adalah berlainan antara satu sama lain. Dua daripada mereka memiliki senarai semak yang lengkap beserta dengan contoh-contoh evidens yang ditaksir dari masa ke masa manakala yang selebihnya sekadar memiliki tapak Excel yang dilengkapi dengan butir-butir dan maklumat murid bagi kelas yang diajar. Kesemua mereka berjaya mengemaskini maklumat dan TP dalam Excel. Apa

yang membezakan mereka adalah dari aspek penyediaan bukti yang meningkatkan kebolehpercayaan seseorang yang memantau.

(iv) Komponen PBD

Kesemua enam orang peserta kajian menyatakan perkara yang sama iaitu PBD terdiri daripada empat komponen utama iaitu pentaksiran sekolah, pentaksiran pusat, pentaksiran PAJSK dan pentaksiran psikometrik. Penyelidik meminta para peserta kajian supaya memberi penjelasan secara mendalam tentang setiap komponen yang dinyatakan di atas.

... Pentaksiran sekolah itu adalah segala apa yang kita taksir dari Darjah 1 sampailah ke Darjah 6. Kita bagi 40% untuk murid dalam semua pentaksiran di peringkat sekolah. Pentaksiran pusat tu macam lah UPSR. Tapi cuma 60% saja diberi untuk exam dari LPM itu. (UM/TB3).

Contohnya, Uma mengatakan bahawa Pentaksiran Sekolah adalah segala bentuk pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Inggeris berkenaan dari Darjah 1 hingga ke Darjah 6. Tambahnya, wajaran yang harus diberi kepada pentaksiran sekolah adalah sebanyak 40% dan selebihnya 60% akan ditentukan menerusi Pentaksiran Pusat yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) pada pertengahan September 2021.

Jumlah skor memang 100% tapi kita kena tahu yang 40% itu datang dari guru yang mengajar Bahasa Inggeris dan yang balance 60% itu daripada peperiksaan pusat yang akan ditaksir di Darjah 6. So, kena total up kedua-dua markah. Baru boleh tahu sama ada budak itu dapat A atau B atau gred lain untuk subjek Bahasa Inggeris. Lagi pun, skala gred sekarang dah berubah. Kalau dulu 40 markah sudah boleh dapat gred C. Tapi sekarang 40-59 markah masih dalam gred D. Nak C, kena ada 60 and above. (LL/TB2).

Contoh lain seperti Lilly menyatakan murid akan diberi gred setelah menambah markah pentaksiran di peringkat sekolah (40%) dan markah pentaksiran pusat sebanyak (60%). Tambahnya, berlaku perubahan dalam skala penggredan iaitu gred C hanya akan diberi kepada murid yang mendapat 60 markah dan ke atas manakala lingkungan markah dari 40 hingga 59 akan diberi gred D.

PAJSK adalah singkatan kepada Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum. Murid akan turut dinilai dengan aktiviti sukan sebab kebanyakan murid yang cemerlang dalam akademik, tak aktif dalam aktiviti GERKO. Jadi, memang baik kalau dua-dua aspek ini ditaksir. (THV/TB2).

Theva turut menyatakan bahawa pentaksiran PAJSK adalah untuk aspek sukan dan kokurikulum. Menurutnya, seseorang murid tidak seharusnya dinilai dari

aspek kurikulum malah aspek kokurikulum juga harus diberi perhatian. Ini adalah kerana murid yang cemerlang dalam bidang akademik, pada hakikatnya terpinggir dengan segala aktiviti jasmani yang diadakan di sekolah.

Bukan itu sahaja, murid akan diberi empat result yang berlainan selepas tamat Darjah 6 iaitu result dari pentaksiran sekolah, keputusan UASA, psikometrik dan PAJSK. Kesemua slip keputusan akan disediakan oleh pihak sekolah dengan bimbingan daripada pihak LPM. (LL/TB3).

Seterusnya, Lilly menyatakan bahawa setiap murid akan dibekalkan dengan empat slip keputusan yang berlainan iaitu keputusan pentaksiran sekolah, keputusan pentaksiran pusat (UASA), keputusan ujian psikometrik dan keputusan ujian PAJSK. Tambahnya lagi, tiga slip keputusan harus dikeluarkan oleh pihak sekolah kecuali slip pentaksiran pusat.

Ujian PAJSK merangkumi aktiviti badan beruniform, kelab, persatuan, sukan dan permainan. Tapi, saya dengar ujian SEGAK juga akan dimasukkan dalam PAJSK, tak pasti benar atau tidak. (UM/TB2).

Misalnya, Uma mengatakan bahawa Pentaksiran PAJSK adalah sangat luas dari skopnya kerana ia meliputi pentaksiran yang melibatkan aktiviti dan sumbangan dari badan beruniform, kelab dan persatuan, sukan serta permainan. Beliau juga berpendapat pentaksiran SEGAK mungkin akan dimasukkan dalam skop PAJSK.

Apabila ditanya untuk menjelaskan tentang pentaksiran psikometrik, hanya Theva yang dapat mengulas serba sedikit pemahamannya terhadap Psikometrik.

Kalau tak silap saya, psikometrik ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh guru bimbingan dan kaunseling. Guru tersebut akan mentaksir murid dari setiap gerak geri dan involvement mereka dalam kegiatan amal. I tak pasti samada statement saya ni betul atau salah. (THV/TB3).

Manakala, tiga lagi peserta kajian tidak mempunyai sebarang idea mengenai Pentaksiran Psikometrik.

... Saya tak pasti dengan apa itu psikometrik. Mungkin untuk murid yang ada masalah psikologi rasanya. Hihhi...(MT/TB1).

... Sorry, no idea. (DHN/TB1).

... Sorry, I have no idea about Pentaksiran Psikometrik. (SH/TB1)

Kesimpulannya, daripada enam orang peserta kajian, hanya seorang daripada mereka iaitu Theva mampu memberi pendapatnya mengenai pentaksiran psikometrik. Walaupun beliau kurang yakin atas pernyataan yang dikeluarkannya itu, namun beliau dapat menjelaskan bahawa psikometrik merupakan pentaksiran yang dilaksanakan sepenuhnya oleh guru bimbingan dan kaunseling di setiap sekolah.

(v) Kaedah Pentaksiran dalam Bahasa Inggeris

Hasil daripada temu bual bersama peserta kajian dan pemerhatian di bilik darjah menunjukkan pelbagai kaedah pentaksiran yang dijalankan oleh guru-guru dalam melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah mereka. Penyelidik mendapati bahawa para peserta kajian menggunakan pendekatan yang pelbagai dan berbeza-beza dalam melaksanakan pentaksiran bagi memastikan penilaian murid lebih menyeluruh dan berfokus kepada perkembangan murid secara holistik.

Sharveen, contohnya, menyatakan bahawa beliau tidak hanya mengandalkan lembaran kerja sahaja dalam pentaksiran. Sebaliknya, beliau mempelbagaikan kaedah dengan menggunakan aktiviti seperti reading, listening, dan speaking, serta aktiviti seni bahasa seperti action songs dan jazz chant. Menurutnya, pentaksiran yang hanya bergantung pada lembaran kerja tidak akan memberikan gambaran yang jelas tentang kemahiran murid. Oleh itu, beliau memastikan bahawa aktiviti yang dilakukan adalah lebih interaktif dan bervariasi.

“Saya selalu gunakan kaedah yang pelbagai. Bukannya selalu bagi worksheets kemudian failkan benda tu. Contohnya saya mentaksir budak dengan cara buat reading, listening and speaking, buat kerja folio, language arts macam actions songs, jazz chant dan sebagainya.” (SH/AD1)

Kaedah ini membantu murid untuk menguasai kemahiran Bahasa Inggeris dalam konteks yang lebih praktikal dan menyenangkan. Selain itu, menurut pemerhatian penyelidik, peserta kajian juga cenderung untuk melibatkan murid dalam aktiviti umpulan sebagai satu pendekatan penting untuk mentaksir kemahiran tertentu yang sukar diukur secara individu. Guru-guru turut mendapati bahawa aktiviti berkumpulan dapat meningkatkan interaksi murid, sekaligus memberi mereka lebih peluang untuk menunjukkan pemahaman dan kemahiran mereka.

“Murid-murid saya memang aktif apabila saya buat aktiviti yang bercorak fun-based assessment seperti dalam bentuk permainan, pop kuiz dan sebagainya. Saya buat pentaksiran melalui pemerhatian saya, menilai kemahiran bersosial dan banyak lagi method yang saya rasa sesuai dilaksanakan.” (LL/TB3)

Lilly turut menjelaskan bahawa kaedah fun-based assessment sangat digemari oleh murid-murid, kerana ia memberi peluang kepada murid untuk lebih aktif dan terlibat dalam proses pembelajaran. Selain permainan, beliau juga menggunakan pemerhatian untuk menilai kemahiran sosial murid. Ini memperlihatkan bahawa guru bukan sahaja menilai kemahiran akademik, tetapi turut memberi perhatian kepada perkembangan sosial murid, yang penting dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Di samping itu, hasil analisis dokumen menunjukkan bahawa Theva, yang mengajar di SJKT dengan bilangan murid yang ramai, sering memperbaharui

senarai semak pentaksirannya. Beliau juga membahagikan masa dengan baik untuk memastikan setiap kemahiran dapat dinilai dengan secukupnya. Theva juga memberi peluang kepada murid untuk menguasai kemahiran yang belum dikuasai dengan mengulang pentaksiran sebanyak tiga kali.

“Saya selalu akan update check list saya dari masa ke masa. Walaupun bilangan murid ramai, saya tetap akan berjaya mentaksir semua kemahiran kerana saya akan membahagikan masa dengan baik. Saya akan mengulang kemahiran yang tidak dikuasai murid sebanyak maksimum 3 kali supaya beri peluang kepada mereka untuk menguasainya. Saya tetap akan stay back lepas habis sekolah untuk settle benda-benda macam ni.” (THV/TB2)

Melalui pendekatan ini, Theva berjaya memastikan bahawa setiap murid mempunyai peluang yang sama untuk memperbaiki dan menguasai kemahiran yang mereka pelajari. Pendekatan ini mencerminkan komitmen guru dalam memberi perhatian yang lebih kepada keperluan individu murid, serta usaha untuk menilai kemahiran secara menyeluruh.

Selain itu, Theva juga menyatakan bahawa beliau sentiasa mengemaskini senarai semak evidens setelah proses pentaksiran selesai. Antara kaedah yang seringkali dilaksanakan oleh Theva dalam membuat pentaksiran Bahasa Inggeris untuk Darjah 4 adalah seperti pentaksiran lisan, menilai sikap murid, kemahiran reka cipta, pemberian kerja kursus, bercerita dan sebagainya. Tambahnya lagi, pelaksanaan PBD menjadi mudah sekiranya membahagikan masa dengan baik.

Theva mengatakan faktor enrolmen murid yang ramai tidak menghalang beliau kepada pelaksanaan PBD kerana beliau sanggup untuk meneruskan pentaksirannya di luar waktu persekolahan agar dapat mentaksir sebanyak tiga kali kepada kemahiran-kemahiran tertentu yang tidak dapat dikuasai oleh muridnya.

Saya selalu bagi worksheet yang saya bina dan mana-mana instrument yang saya rasa sesuai dengan level murid. Saya rasa cara ini adalah lebih mudah dan selamat kerana boleh ditunjukkan sebagai bukti kepada mana-mana pegawai PPD dan JPN yang datang untuk membuat pemantauan PBD. (UM/TB2)

Selain itu, Uma menyatakan bahawa beliau kerap melakukan pentaksiran yang bercorak lembaran kerja setelah tamat setiap topik pembelajaran. Menurutnya, murid perlu ditaksir dalam bentuk *paper work* supaya boleh dijadikan sebagai bukti yang boleh ditunjukkan kepada mana-mana pegawai dari PPD dan JPN yang datang untuk membuat pemantauan.

Kesimpulannya, peserta kajian mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan dari sudut kaedah pentaksiran dalam Bahasa Inggeris. Antara persamaan yang dinyatakan adalah seperti bilangan evidens, kekerapan pentaksiran untuk murid yang tidak menguasai dan pelaksanaan PBD di luar waktu persekolahan bagi kemahiran tertentu. Manakala perbezaan yang ditunjukkan oleh peserta kajian adalah dari aspek cara pentaksiran. Terdapat dua kategori guru dalam pelaksanaan pentaksiran iaitu mempunyai kepelbagaian dalam kaedah pentaksiran dan satu

lagi adalah yang terlalu berfokuskan kepada lembaran kerja supaya dapat difailkan sebagai bukti.

(vi) Penyediaan Instrumen Pentaksiran

Theva mengatakan bahawa evidens merupakan alat yang digunakan untuk mentaksir murid yang tidak semestinya dalam bentuk *paperwork*, malah evidens juga boleh dibuat dengan menilai tingkah laku dan personaliti murid. Namun, Theva sedar bahawa kebanyakan guru membuat evidens dalam bentuk lembaran kerja untuk memudahkan pengurusan fail dan dirujuk pada bila-bila masa diperlukan.

Evidens adalah alat yang kita gunakan untuk mentaksir murid. Tetapi setengah orang salah faham bahawa evidens itu hanya dalam bentuk lembaran atau paper work. Sebenarnya, perkara itu tidak benar. Sebab kita boleh jadikan pemerhatian terhadap seseorang murid sebagai evidens. Tak semestinya, ia boleh difailkan. Saya pun ada koleksi evidens. Biasanya kami dalam panel BI sekolah, akan menyediakan set instrument setiap tahun. Jadi, tak perlu susah payah sepanjang tahun itu. (THV/TB2)

Theva bersama ahli-ahli lain dari Panitia Bahasa Inggeris akan mengadakan bengkel penyediaan instrumen pentaksiran pada cuti hujung tahun supaya dapat digunakan bersama apabila sesi persekolahan bermula pada bulan berikutnya. Walaubagaimanapun, Theva juga mengaku bahawa kadang-kadang akan

membuat salinan daripada buku-buku yang dijual di pasaran sekiranya ianya difikirkan sesuai dengan aras kebolehan murid.

... Terlalu banyak contoh-contoh item pentaksiran yang dimuat naik dalam portal KSSR. Saya rasa ianya boleh dijadikan sebagai panduan, tetapi jangan menggunakan sebiji serupa kerana kadangkala ada yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. (THV/TB3).

Selain itu, Theva juga mengatakan bahawa laman portal KSSR turut membantunya dalam penyediaan evidens kerana terlampau banyak contoh evidens telah dimuat naik dalam laman sesawang tersebut untuk dijadikan sebagai panduan kepada warga pendidik tetapi beliau memesan guru Bahasa Inggeris supaya mengubahsuai item berkenaan mengikut kebolehan murid serta berlandaskan diskriptor dalam DSKP. Tambahnya pula kolaboratif sekolahnya dengan sekolah terdekat turut membantunya dalam penyediaan evidens dimana mereka akan saling berkongsi instrumen dengan sekolah jirannya supaya mempelbagaikan kaedah dan skop pentaksiran.

Evidens ialah instrument pentaksiran. Pada pendapat saya, evidens itu tidak semestinya dalam bentuk lembaran kerja ataupun worksheet yang kita selalu bagi dekat murid. Kadang-kadang, kita juga boleh fikirkan cara lain yang lebih digemari murid. Contohnya, saya akan gunakan permainan kumpulan,

persembahan action song, pop kuiz dan sebagainya untuk mentaksir kemahiran yang dipelajari murid pada hari tersebut. (MT/TB1)

Seterusnya, Mathavan mengatakan bahawa evidens juga dikenali sebagai instrumen pentaksiran. Menurutnya, evidens tidak semestinya dalam lembaran kerja sahaja. Walaupun, kebanyakan kemahiran ditaksir dengan menggunakan *worksheets*, namun ada juga kemahiran yang tidak dapat ditaksir dengan lembaran kerja. Katanya, beliau kadang-kadang akan membuat pentaksiran secara tidak formal dimana akan mentaksir dengan kaedah permainan dalam kumpulan, pemerhatian, kerja kumpulan dan pop kuiz yang tidak memerlukan sebarang evidens.

... Saya membuat kedua-dua jenis pentaksiran formal dan tidak formal. Contohnya, apabila saya buat pentaksiran dengan cara pemerhatian, group work, discussion dan sebagainya tidak dapat mengemukakan sebarang evidens. (MT/TB3).

Dari segi evidens yang berbentuk lembaran, Mathavan memiliki satu koleksi contoh instrumen yang difailkan mengikut Tahap Penguasaan. Beliau mendapat evidens dari pelbagai sumber seperti dari portal KSSR, blog-blog yang dihasilkan oleh guru Bahasa Inggeris dan juga membeli buku-buku rampaian pentaksiran yang dijual di kedai-kedai buku.

(vii) Pengurusan Fail PBD

Setahu saya, terdapat dua jenis fail PBD iaitu Fail Induk dan Fail Perekodan Murid. Kita sebagai guru BI di kelas tertentu perlu memiliki fail induk untuk setiap kelas yang kita ajar. Dalam fail yang sama kita perlu ada maklumat dan senarai semak evidens serta DSKP Bahasa Inggeris. Manakala untuk fail perekodan murid akan dipegang oleh guru kelas mengikut jumlah murid pada kelas tersebut. (THV/TB2)

Theva mengatakan bahawa fail PBD dibahagikan kepada dua kategori dimana Fail Induk PBD dan satu lagi adalah Fail Perekodan Prestasi Murid. Menurutnya, Fail Induk akan dipegang oleh guru mata pelajaran dimana segala maklumat berkaitan dengan deskriptor yang ingin ditaksir, salinan Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) disimpan dalam fail tersebut manakala Fail Perkembangan Murid adalah berdasarkan kepada bilangan murid di sesebuah kelas. Katanya, setiap murid diberikan dengan sebuah fail peribadi kepada guru kelas supaya dijadikan sebagai fail perekodan prestasi. Dalam fail tersebut, guru kelas akan membuat pembahagi mengikut jumlah mata pelajaran. Maka, perkara ini memudahkan urusan guru mata pelajaran untuk memasukkan evidens sekaligus mengemaskini fail murid setelah proses pentaksiran dan penggredan selesai.

Daripada hasil pemerhatian penyelidik, Theva selaku guru kelas untuk Tahun 3, telah menyediakan sebanyak tiga puluh empat buah fail perkembangan murid untuk murid-muridnya. Beliau melabel setiap fail dengan maklumat lengkap beserta gambar murid. Kesemua fail tersebut disimpan dengan kemas dan rapi di sebuah bilik khas yang diwujudkan oleh pihak pentadbiran sekolah. Penyelidik juga diberi penjelasan bahawa murid-murid dan ibu bapa serta pegawai yang ditugaskan adalah berhak untuk merujuk kepada fail perkembangan murid pada bila-bila masa ianya diperlukan. Theva turut mengatakan bahawa fail perkembangan murid akan dibawa oleh murid berkenaan untuk tahun-tahun seterusnya sehingga mereka menamatkan pengajian di sekolah rendah.

Segala kandungan fail tidak akan dipulangkan kepada murid untuk tempoh tiga tahun terkini kecuali bagi kes pertukaran sekolah, mereka akan memberi segala kandungan fail kepada warisnya supaya diserahkan kepada sekolah barunya.

Fail PBD ini sangat penting kepada kita. Kita harus menyimpan rekod pentaksiran dengan sistematik dan teratur. Macam saya, sebagai guru kelas Darjah 5 Valluvar, saya pegang sebanyak 36 fail kerana bilangan murid di kelas saya agak ramai. Saya sedar yang fail ini tak wajib di peringkat KPM, tapi saya kena ikut dengan keputusan di peringkat management sekolah yang diminta untuk berbuat demikian. (MT/TB1)

Contoh lain seperti Mathavan berpendapat bahawa fail PBD adalah sangat penting supaya dapat menyimpan segala rekod pentaksiran dengan cara yang sistematik dan efisien. Beliau yang sedang mengajar Bahasa Inggeris selaku guru kelas untuk Tahun 5, memiliki sebanyak tiga puluh enam buah fail PBD untuk murid-muridnya. Oleh kerana kewujudan fail tidak diwajibkan di peringkat KPM, namun pihak sekolahnya sendiri membuat keputusan untuk mewujudkan sebuah fail untuk seorang murid supaya dijadikan sebagai rujukan utama. Beliau menyatakan bahawa ada sekolah yang langsung tidak menyediakan fail PBD setelah kemasukan prestasi secara online dimansuhkan. Namun, menurutnya kewujudan fail itu adalah berdasarkan kepada budi bicara Guru Besar sekolah masing-masing.

Mathavan berkata beliau sentiasa mengemaskini fail PBD supaya dapat dilengkapi dengan segala komponen yang ditaksir dari masa ke masa. Selain fail perkembangan murid, Mathavan juga memiliki sebuah fail guru yang mempunyai maklumat lengkap tentang pentaksir, jadual waktu, DSKP, *Teacher's Guide Module*, contoh evidens serta laporan lengkap prestasi pencapaian murid mengikut kemahiran dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Saya akan selalu update fail PBD saya dari setiap masa. Biasanya saya akan key in TP murid dalam tapak Excel yang disediakan khas untuk Bahasa Inggeris. Selepas mengemaskini kesemua data, saya akan print dan masukkan laporan tersebut dalam fail PBS murid. (MT/PMT1).

Menurut Mathavan, beliau memiliki tapak kemasukan prestasi murid secara offline dalam bentuk Microsoft Excel. Beliau menyimpan tapak tersebut dalam komputer ribanya dan memasukkan Tahap Penguasaan yang dicapai murid selepas proses pentaksiran selesai disemak.


Kita selalu kena update fail PBD. Kalau ada Nazir atau pegawai lain datang, at least kita boleh tunjuk mereka check list ataupun benda yang kita siap key in dalam tapak perekodan excel. Kalau tak dapat tunjuk apa-apa, sudah pasti akan mendapat teguran daripada mereka. Jadi, elok lah kalau kita ada fail yang mempunyai rekod pentaksiran bersama dengan beberapa evidens yang kita fikirkan sesuai untuk attach sekali. (SH/TB3)

Contoh seterusnya iaitu Sharveen pula mengatakan bahawa beliau sentiasa akan mengemaskini failnya. Tambahnya lagi, seseorang pentaksir wajib memiliki tapak tersebut yang dikenali sebagai *Headcount 3* (HC3) dan harus mengemaskininya agar dapat ditunjukkan kepada Jemaah nazir atau mana-mana pegawai yang datang untuk membuat pemantauan PBD. Sharveen mengatakan bahawa ketiadaan rekod semasa pemantauan akan menyebabkan guru berkenaan akan mendapat teguran daripada pegawai yang memantau.

Kesimpulannya, kesemua enam orang peserta memiliki persamaan dalam pengurusan fail perkembangan murid iaitu mereka mengatakan guru mata pelajaran wajib memiliki sebuah fail induk yang merangkumi maklumat murid, senarai semak, DSKP dan beberapa contoh evidens yang telah digunakan. Perbezaan yang dilihat adalah dalam aspek bilangan fail yang dikhaskan kepada murid. Lima orang peserta kajian menyatakan bahawa setiap murid akan dibekalkan dengan sebuah fail yang mempunyai *divider* untuk kesemua mata pelajaran manakala seorang peserta kajian lagi iaitu Uma menyatakan bahawa setiap murid di sekolahnya dibekalkan fail berasingan mengikut jumlah mata pelajaran.

4.6 Isu dan Masalah dalam Pelaksanaan PBD

Soalan Kajian Ke-3: Apakah isu dan masalah yang dihadapi guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dari SJKT dalam melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam KSSR?



Rajah 4.6. Isu dan masalah dalam pelaksanaan PBD

Menerusi pemerhatian bilik darjah dan dapatan daripada temu bual yang dijalankan oleh penyelidik, peserta kajian telah menyatakan pelbagai masalah yang dihadapi oleh mereka sepanjang pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah masing-masing. Antara isu dan masalah yang dapat dikenal pasti adalah seperti kekangan masa, ketidakyakinan guru dalam pentaksiran, ketidaksungguhan guru, frasarana ICT yang agak lemah, beban guru yang semakin bertambah, amalan birokrasi dalam pentaksiran dan kekurangan bimbingan dan pementoran.

(i) Kekangan Masa

Kesemua enam orang peserta kajian telah menyatakan bahawa mereka sering berhadapan dengan kekangan masa di sekolah.

...Sejak kebelakangan ini, saya kerap mengalami kekangan masa. Pengurusan kelas menjadi isu utama. Saya pegang kelas yang ada bilangan murid yang ramai. Bayangkan sebuah kelas ada sampai 40 orang murid. Kena buat BBM, sediakan RPH, buat pentaksiran, marking buku murid. Macam macam. Tambah lagi dengan program dan aktiviti di sekolah. Memang tak cukup masa. Bukan satu kelas untuk buat assessment. Tahun ini saja saya pegang empat kelas: dua untuk BI dan dua lagi untuk Matematik. Bayangkan mana cukup masa? Level murid pun berlainan. Nak pakai instrument sama pun tak boleh juga. (UM/TB3).

Sebagai contoh, Uma mengatakan bahawa beliau mengajar kelas yang paling ramai muridnya sehingga empat puluh orang di sebuah kelas. Penyediaan ringkasan mengajar, penyediaan bahan bantu belajar (BBM), memeriksa buku latihan murid dan program dan aktiviti yang dianjurkan di sekolah menyebabkan beliau berasa tertekan dengan mengalami kekangan masa. Tahap penguasaan dan potensi murid yang berlainan menyebabkan beliau harus menyediakan instrument yang berlainan untuk kesemua empat kelas yang diajarnya. Maka, di sini peserta kajian berhadapan dengan kekangan masa.

Saya membuat pentaksiran empat hari dalam sebulan. Kadang-kadang hampir setiap minggu ada pentaksiran. Ini menyebabkan saya bertambah sibuk. Saya ajar 32 period dalam satu minggu. Itu belum termasuk waktu relief yang setiap hari guarantee ada. Tambah lagi dengan macam-macam jawatan. Guru kelas, Ketua Panitia, SU Sukan, Bendahari PIBG. Mana cukup masa nak buat PBD ni

lagi? Kalau kita buat pun, tak pasti ianya standard atau tidak. So, yang jadi mangsa ini murid-murid lah. (MT/PMT2).

Seterusnya, Mathavan menyatakan perkara yang sama dimana jumlah waktu yang mengajar yang banyak iaitu 32 waktu dalam seminggu serta jawatan dan komitmen lain di sekolah turut menyebabkan kekangan masa dan hilang fokus dalam perkara yang dibuat. Ini menyebabkan penyediaan instrumen yang belum pasti sama ada mengikut standard yang ditetapkan ataupun tidak.

Saya selalu berdepan dengan kekangan masa untuk melaksanakan PBD untuk anak murid saya. Sebab saya pegang jawatan Ketua Panitia dan juga JU di peringkat daerah. Jadi saya selalu sibuk dengan hal-hal yang berkaitan dengannya seperti menghadiri mesyuarat, menyediakan modul BI dan sebagainya. Jadi, memang takde masa untuk melakukan PBD. (LL/TB2)

Sebelum bermula pandemic COVID-19, saya kerap pergi kursus dan bengkel untuk Panitia Bahasa Inggeris. Oleh kerana SKM, takda guru lain untuk menggantikan saya. Jadi, saya kena kejar masa untuk habiskan PBD ini. Sometimes, saya kena buat kelas tambahan untuk settle PBS. So, memang berhadapan dengan kekangan masa. (DHN/TB3)

Dhina dan Lilly juga mengutarakan permasalahan yang sama iaitu mereka seringkali berhadapan dengan faktor kekangan masa dalam pelaksanaan PBD di

sekolah mereka. Ini adalah ekoran daripada tugas mereka selaku Ketua Panitia Bahasa Inggeris yang seringkali dipanggil untuk mengikuti pelbagai kursus, taklimat, bengkel dan mesyuarat yang dianjurkan oleh pihak PPD dari masa ke masa. Justeru, mereka bekerja keras dengan mengadakan kelas tambahan di luar waktu persekolahan untuk menghabiskan silibus serta membuat pentaksiran yang terlepas. Maka, adalah jelas terbukti bahawa peserta kajian sering berhadapan dengan kekangan dan kesuntukan masa dalam mengendalikan PBD Bahasa Inggeris.

Kesimpulannya, kesemua enam orang peserta mengatakana bahawa faktor kekangan masa merupakan antara masalah yang seringkali dihadapi oleh mereka dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris di sekolah masing-masing. Menurut mereka, pengendalian kelas yang mempunyai enrolmen murid yang ramai dan kekerapan menghadiri mesyuarat dan bengkel berkaitan dengan Panitia Bahasa Inggeris menyebabkan mereka seringkali berhadapan dengan kekangan masa.

(ii) Ketidaksungguhan Guru dalam Pentaksiran

Isu seterusnya adalah ketidaksungguhan guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan PBD. Seperti yang sedia dimaklum, hasrat utama PBD adalah untuk menilai dan menguji prestasi murid secara menyeluruh. PBD merangkumi prestasi murid dari segi akademik, ko-akademik, dan sahsiah sepanjang proses PdPc. Guru sebagai pentaksir harus memainkan peranan untuk menjalankan PBD

dengan mengikuti langkah dan prosedur pentaksiran yang ditetapkan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa ketidaksungguhan guru dalam mentaksir murid akan menjejaskan keseluruhan sistem pentaksiran. Pada masa yang sama, kualiti pentaksiran juga akan dipertikaikan sekiranya guru mengambil sikap acuh semasa mentaksir murid.

Fenomena ini dapat dirasai oleh penyelidik semasa membuat pemerhatian PdPc. Misalnya, Dhina yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris tahun 5 tidak menyediakan perekodan PBD yang lengkap walaupun sudah memasuki penggal kedua. Menerusi semakan fail perkembangan murid di kelasnya, didapati instrumen yang digunakan tidak sepadan dengan aras TP yang hendak ditaksir. Sekiranya perkara ini berterusan, ketelusan dan keseragaman dalam pentaksiran akan menjadi tanda soal kerana ketidaksungguhan daripada guru itu sendiri. Dapatan kajian oleh Tan Ai Mei (2010) juga menyentuh isu yang sama iaitu ketidaksungguhan guru dalam aspek pentaksiran akan menyebabkan kegagalan dalam pemberian TP kepada murid setimpal dengan usaha murid sepanjang proses PdPc. Tambahnya, perkara ini berlaku ekoran daripada kurang pemantauan oleh pihak atasan seperti pentadbir sekolah, pegawai-pegawai dari PPD, JPN dan KPM.

Justeru, guru perlu dipantau oleh pihak atasan dengan menggunakan sesuatu piawaian atau standard pentaksiran yang sah dan sesuai dengan DSKP.

Kekurangan pemantauan menyebabkan segelintir guru mentaksir sambil lewa dan menjadikan pemarkahan itu tidak telus.

(iii) Ketidakyakinan Guru dalam Pentaksiran

Isu seterusnya adalah berkaitan dengan ketidakyakinan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam membuat pentaksiran di bilik darjah. Walaupun peserta kajian kerap mengikuti pelbagai bengkel dan kursus, namun mereka masih merasa kurang yakin untuk mentaksir murid terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Perkara ini berpunca daripada kekurangan pengetahuan, sumber material dan kemahiran berbahasa Inggeris menambahkan lagi ketidakyakinan mereka dalam aspek pentaksiran.

“Saya bukan opsyen pun. Kalau murid-murid lemah, masih ok dan boleh manage. Tapi kalau nak ajar kelas yang ada murid pandai-pandai itu, saya rasa takut juga sebab mereka memang daripada keluarga yang speaking. Ada juga yang lagi pandai daripada kita dalam BI. Jadi, ini menyebabkan saya rasa kurang confident” (SHV/TB2)

Contohnya, Sharveen mengatakan beliau kurang yakin untuk mengendalikan PBD di kelas yang mempunyai murid-murid pintar yang fasih dalam Bahasa Inggeris. Perkara ini menyebabkannya kekeliruan dalam memberi TP kepada murid-murid berkenaan. Perkara yang sama dibincangkan oleh Raden (2008) di mana para guru

memerlukan latihan yang professional untuk menjalankan pentaksiran agar mereka dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran pentaksiran yang dapat meningkatkan tahap keyakinan mereka. Latihan, bengkel, kursus, amalan perkongsian terbaik (*best practice*) perlu diperbanyakkan untuk meningkatkan tahap keyakinan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dalam mengendalikan PBD.

(iv) Amalan Birokrasi dalam Pentaksiran

Selain itu, penyelidik juga difahamkan berlakunya amalan birokrasi dalam pentaksiran Bahasa Inggeris. Hasil temu bual bersama peserta kajian menyatakan guru diminta secara am untuk memberi TP yang baik kepada murid-murid di sekolah mereka. Arahan yang dikeluarkan oleh pihak pentadbiran sekolah, secara tidak langsung mendorong peserta kajian untuk mengurus PBD hanya sekadar pengisian TP dalam sistem IdMe tanpa memberi pertimbangan profesional yang sewajarnya. Perkara ini berpunca daripada sasaran sekolah untuk mencapai KPI mengikut mata pelajaran dan membelakangkan elemen kemenjadian murid. Kenyataan ini disokong oleh Norazilawati Abdullah (2021) iaitu pemantauan pihak atasan hanya berfokus kepada ‘hitam putih’ tanpa mempedulikan kemenjadian murid. Tambahnya, pemantauan pihak atasan dibuat secara bertulis iaitu dengan cara memeriksa laporan-laporan yang telah difailkan.

Oleh itu, pemantauan secara amali perlu diperbanyakkan untuk menilai PBD di sekolah. Ini adalah kerana jadual pemantauan telah disediakan pada awal tahun namun pelaksanaan pemantauan kurang dilaksanakan sepertimana yang dijadualkan. Pemantauan oleh pihak atasan sekadar berfokuskan kepada laporan penulisan telah menyebabkan pelbagai isu mengenai akauntabiliti pentaksiran. Antaranya ialah isu perbuatan penipuan dalam pemberian TP, pembentukan sikap murid yang tidak berfokus kepada sahsiah, penilaian terhadap projek, kerja lisan yang tidak relevan dan sebagainya.

(v) Frasarana ICT Yang Lemah

Selain itu, kelemahan dalam frasarana ICT di sekolah-sekolah Tamil juga diklasifikasikan sebagai isu dan masalah dalam pentaksiran Bahasa Inggeris. Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil yang terletak di ladang-ladang, estet-estet dan di luar bandar seringkali berhadapan dengan masalah capaian internet dan frasarana ICT yang tidak memuaskan. Ini adalah kerana kebanyakan sekolah Tamil merupakan sekolah bantuan modal yang tidak mendapat bantuan penuh daripada pihak kerajaan menerusi KPM untuk membeli atau membaikpulih kemudahan ICT di sekolah mereka.

Menurut laporan Koperasi Sekolah-sekolah Tamil Kedah (2021), terdapat sebanyak 60 buah sekolah Tamil di negeri Kedah. Walaubagaimanapun, daripada 60 sekolah Tamil tersebut, hanya sebanyak 6 buah sekolah sahaja yang

dikategorikan sebagai sekolah bantuan penuh kerajaan manakala yang selebihnya merupakan sekolah-sekolah bantuan modal kerajaan. Dalam situasi sebegini, pihak sekolah terpaksa mengharapkan sumbangan daripada PIBG, LPS atau mana-mana NGO untuk membiayai kos perbelanjaan kemudahan ICT di sekolah masing-masing.

Saya mengajar di sekolah SKM. Memang jauh dari kawasan bandar. Dari pekan, saya rasa lebih sejam baru boleh sampai sekolah. Murid-murid saya memang daripada keluarga B40. Mereka takda kemudahan di rumah dan hanya bergantung kepada sekolah. Tetapi, sekolah saya pun takda banyak LCD, laptop dan lain-lain ICT tools. Kalau nak buat pentaksiran untuk listening and speaking, memang saya perlukan kemudahan ICT yang bagus. (UM/TB2)

Perkara ini turut diutarakan oleh Uma yang mengajar di sebuah sekolah kurang murid yang terletak jauh dari kawasan bandar. Menurutnya, beliau sering berhadapan dengan masalah capaian internet dan peralatan ICT seperti projector LCD dan komputer riba yang tidak mencukupi. Situasi ini menyebabkan beliau untuk mengalami kesukaran dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris terutamanya apabila pentaksiran itu melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur kerana guru perlu menayangkan video atau rakaman suara untuk mentaksir murid. Tambahnya, beliau menggunakan peranti sendiri bersama dengan *hotspot* dari telefon pintarnya untuk mendapatkan capaian internet agar memudahkan aktiviti PdPc serta proses pentaksiran di kelasnya.

(vi) Beban Guru Yang Semakin Meningkat

Selain itu, peserta kajian juga menyatakan beban tugas mereka semakin bertambah ekoran daripada pelbagai perubahan dalam pentaksiran. Kesemua enam orang peserta kajian menyatakan pendirian mereka bahawa beban tugas semakin bertambah dengan PBD yang berkuatkuasa sekarang. Mereka terpaksa menyediakan rancangan pengajaran, menyediakan instrumen yang sesuai, menyemak instrumen, merekod tahap penguasaan murid secara manual dan atas talian (IdMe) serta mengadakan perjumpaan waris untuk membincangkan perkembangan murid.

Contohnya, Dhina dan Mathavan menyatakan mereka berasa tertekan dengan jumlah waktu mengajar yang sangat banyak iaitu 34 waktu dalam seminggu serta kerja-kerja sampingan seperti PLC, mesyuarat, kemaskini data murid dan sebagainya menjadi cabaran kepada mereka untuk melaksanakan PBD sepertimana yang dirancang. Selain itu, penyelidik juga difahamkan beban tugas guru semakin bertambah sekiranya mereka memegang jawatan lain di sekolah seperti guru kelas, ketua panitia, setiausaha sukan, penyelarar kokurikulum dan sebagainya. Perkara ini menyebabkan guru banyak tertinggal dan mengejar masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran serta mentaksir murid. Akhirnya, guru-guru berkenaan berasa tertekan dan mengganggu proses PdPc dan pentaksiran. Tidak dapat dinafikan bahawa sebilangan besar daripada guru-guru di sekolah rendah mengambil keputusan untuk bersara awal kerana isu beban tugas yang kian meningkat saban hari.

Kenyataan ini turut disokong oleh Simangunsong (2023) iaitu guru-guru bukan sahaja melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pemudahcara dalam kelas malah mereka juga menjadi kerani, tukang kebun, tukang kayu, pembersih sekolah, pegawai pemakanan, pegawai aset sekolah, penyelesaian masalah disiplin di sekolah, badan kebajikan dan sebagainya. Selain itu, beban tugas guru juga semakin hari semakin meningkat (Marshall et.al.,2023) apabila menjalankan pelbagai tugas luar seperti tugas pengorganisasi program serta aktiviti sukan di peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

(vii) Kekurangan Bimbingan dan Pementoran

Isu seterusnya yang dikenal pasti merupakan kekurangan bimbingan dan pementoran daripada pihak atasan untuk membantu para guru Bahasa Inggeris agar dapat melaksanakan PBD dengan lebih berkesan. Oleh kerana peserta kajian merupakan guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris, maka mereka lebih memerlukan bimbingan, pementoran dan bantuan daripada guru-guru opsyen atau guru-guru senior yang mahir dalam bidang Bahasa Inggeris. Pihak pentadbiran sekolah boleh mendapatkan khidmat bantuan daripada pegawai-pegawai SISC+ atau pasukan rakan sekolah untuk mengadakan Latihan Dalam Kumpulan (LDP) atau *Professional Learning Community* (PLC) kepada guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris untuk berkongsi idea dan teknik pengurusan pentaksiran yang lebih efisien.

4.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan pelbagai reaksi dan maklum balas daripada peserta kajian terhadap pemahaman dan pelaksanaan PBD di sekolah rendah. Selain itu, bab ini juga dapat mengenal pasti beberapa isu dan masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan PBD di sekolah-sekolah Tamil. Isu-isu yang dibangkitkan oleh peserta kajian adalah berkaitan kekangan masa, beban tugas guru, ketidaksungguhan guru, ketidakyakinan guru, isu birokrasi dalam pentaksiran, kemudahan ICT yang lemah serta kekurangan bimbingan dan pementoran daripada pihak atasan. Melalui isu yang dibangkitkan ini, penyelidik juga dapat meneroka beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru-guru ini sepanjang mereka melaksanakan PBD. Antara cabaran yang dinyatakan oleh peserta kajian adalah tempoh masa pelaksanaan yang terlalu singkat, perubahan dunia pendidikan yang semakin canggih dan berkonsepkan teknologi serta isu kekurangan guru beropsyen Bahasa Inggeris di SJKT. Sekiranya isu dan masalah ini dapat dibendung di peringkat awal, sudah tentu nilai tambah profesionalisme guru dan kemenjadian murid dapat dibangunkan di peringkat global.

BAB LIMA

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Dalam bab lima ini, pengkaji membincangkan dapatan yang diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan. Kesemua hasil dapatan yang telah dibincangkan dalam bab lepas, diuraikan dan beberapa cadangan berkaitan dengan kajian lanjutan akan dikemukakan sebagai panduan kepada mana-mana pihak yang ingin mendapatkan sumber rujukan dan maklumat mengenai tajuk dan skop kajian. Bab ini akan turut mengulas lanjut implikasi kajian, kesimpulan kajian dan beberapa perbincangan berdasarkan dapatan. Selain itu, penyelidik akan menghujahkan beberapa cadangan kajian agar isu-isu yang berkaitan dengan PBD dapat dikongsi dalam kalangan guru. Semua dapatan yang diperolehi adalah berdasarkan kepada keikhlasan dan kejujuran peserta kajian.

5.1 Pendahuluan

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka pemahaman dan mengetahui pelaksanaan guru-guru Bahasa Inggeris bukan beropsyen dari SJKT serta isu dan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di bawah KSSR. Bagi tujuan penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan tiga cara untuk memperoleh maklumat daripada peserta kajian iaitu temu bual bersemuka dan secara atas talian, pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan proses pelaksanaan PBD.

Ketiga-tiga proses ini diteruskan agar dapat meneroka dengan lebih mendalam untuk memahami pengetahuan peserta kajian terhadap PBD serta masalah-masalah yang dihadapi mereka dalam menjalankan pentaksiran bagi Bahasa Inggeris.


Sebelum menganalisis data terlebih dahulu, pengkaji telah membuat transkripsi untuk sesi temu bual yang telah dirakamkan. Kesemua dua puluh lima soalan telahpun dijawab oleh peserta kajian secara terperinci. Peserta kajian terdiri daripada enam orang guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris tetapi mengajar dan melaksanakan PBD Bahasa Inggeris sejak tahun 2011 diperkenalkan. Walaupun peserta kajian mempunyai opsyen yang berlainan, tetapi kesemua mereka mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Inggeris melebihi sepuluh tahun. Tempoh pengalaman peserta kajian ini menepati kenyataan yang dikeluarkan oleh (Gay, 1996) iaitu pengalaman peserta kajian merupakan penentu kejayaan sesebuah kajian yang bercorak kualitatif. Tambahnya, pemilihan peserta kajian yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang yang ingin dikaji akan menyebabkan terbentuknya hasil kajian yang lebih realistik, mantap dan lengkap.

Didapati pengalaman mereka mengajar Bahasa Inggeris adalah dari sepuluh hingga dua puluh lapan tahun. Walaupun mata pelajaran Bahasa Inggeris dikategorikan sebagai subjek kritikal, namun atas kesungguhan dan minat mereka dalam mempelajari ilmu, maka peserta kajian meneruskan khidmat dan

sumbangan mereka yang tidak terhingga dalam menyampaikan ilmu kepada anak murid mereka.

5.2 Perbincangan

Dalam bahagian ini, perbincangan kajian adalah berdasarkan kepada analisis data yang disampaikan dalam bab empat sebelum ini. Dapatan kajian ini akan membandingkan dengan beberapa dapatan yang diperoleh pengkaji-pengkaji lepas atau mana-mana penulisan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Di samping itu, bahagian ini turut akan membincangkan implikasi dapatan kajian.



Rajah 5.1. Model Penemuan Kajian

Model yang dihasilkan daripada kajian ini menggabungkan tiga komponen utama yang saling berhubungan: pemahaman, pelaksanaan, keyakinan, dan kepedulian; teori konstruktivisme; serta 7 *stages of concern* (SoC) daripada Model CBAM

(*Concerns-Based Adoption Model*). Setiap komponen ini membentuk satu kerangka yang menggambarkan bagaimana guru bukan opsyen Bahasa Inggeris di sekolah SJKT melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan mengintegrasikan aspek-aspek kognitif dan sosial dalam pengajaran mereka. Berikut adalah penerangan terperinci mengenai setiap bulatan dalam model ini:

Bulatan pertama mewakili empat elemen penting yang mempengaruhi cara guru melaksanakan PBD dalam bilik darjah.


- i. **Pemahaman:** Guru memahami konsep PBD sebagai satu bentuk penilaian berterusan yang berfokus kepada kemajuan pelajar.
- ii. **Pelaksanaan:** Guru menerapkan pelbagai kaedah penilaian seperti *fun-based assessment* dan aktiviti interaktif untuk mengukur kemahiran pelajar.
- iii. **Keyakinan:** Guru membina keyakinan terhadap PBD melalui pengalaman dan sokongan profesional.
- iv. **Kepedulian:** Guru menunjukkan kepedulian terhadap hasil pembelajaran pelajar, dan bagaimana PBD boleh membantu meningkatkan pencapaian mereka.

Seterusnya, bulatan kedua membincangkan tentang teori konstruktivisme. Teori ini memainkan peranan penting dalam membentuk pendekatan guru terhadap PBD. Pendekatan ini menekankan bahawa pembelajaran berlaku apabila pelajar membina pengetahuan mereka melalui pengalaman aktif dan interaksi dengan rakan sekelas serta guru. Dalam konteks ini, guru bukan opsyen Bahasa Inggeris

di SJKT mengadaptasi kaedah yang membolehkan pelajar belajar melalui aktiviti yang melibatkan penyelesaian masalah, permainan, dan interaksi sosial.

Pembelajaran Aktif: Murid-murid membina pengetahuan mereka dengan cara yang lebih interaktif dan berfokus pada pengalaman langsung dalam bilik darjah.

Akhir sekali, bulatan ketiga merujuk kepada *7 stages of concern* (SoC) yang digariskan dalam Model CBAM. SoC menggambarkan peringkat kebimbangan guru apabila mereka mula mengadaptasi dan melaksanakan PBD. Setiap peringkat ini menunjukkan cabaran yang dihadapi guru serta keperluan sokongan pada setiap tahap.

- 
- i. *Stage 1: Awareness* – Guru mula menyedari tentang PBD dan kemungkinan faedahnya.
 - ii. *Stage 2: Information* – Guru mencari maklumat lebih lanjut mengenai bagaimana untuk melaksanakan PBD Bahasa Inggeris secara efektif.
 - iii. *Stage 3: Personal* – Guru mengaitkan PBD dengan pengalaman dan keperluan peribadi mereka.
 - iv. *Stage 4: Management* – Guru memberi perhatian kepada cara untuk menguruskan PBD dalam bilik darjah.
 - v. *Stage 5: Consequence* – Guru menilai kesan PBD terhadap pelajar dan proses pembelajaran.

vi. *Stage 6: Collaboration* – Guru berkongsi pengalaman dan bekerjasama dengan rakan sekerja dalam melaksanakan PBD.

vii. *Stage 7: Refocusing* – Guru menilai semula dan memperbaiki kaedah PBD berdasarkan pengalaman mereka.

Ketiga-tiga bulatan ini saling berinteraksi dan membentuk satu kerangka yang menyokong keberkesanan pelaksanaan PBD dalam bilik darjah. Pemahaman guru tentang PBD (bulatan pertama) dipengaruhi oleh teori konstruktivisme (bulatan kedua) yang membolehkan mereka mengadaptasi pendekatan pembelajaran aktif. Pada masa yang sama, kebimbangan yang dirasakan oleh guru pada setiap tahap pelaksanaan PBD (bulatan ketiga) memberi impak kepada cara mereka merancang dan melaksanakan aktiviti penilaian dalam bilik darjah. Model ini mencerminkan dinamika proses pengajaran dan pembelajaran yang holistik, di mana faktor pemahaman, teori pembelajaran dan kebimbangan guru saling melengkapi.

Model ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana guru bukan opsyen Bahasa Inggeris mengintegrasikan PBD dalam bilik darjah mereka, sambil menanggapi cabaran dan kebimbangan yang timbul sepanjang pelaksanaan. Dengan menggunakan model ini, kajian ini memperlihatkan bahawa keberkesanan PBD bergantung kepada pemahaman guru, sokongan teori dan respon mereka terhadap cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan kaedah penilaian ini.

5.2.1 Pemahaman Guru Bukan Beropsyen Bahasa Inggeris Terhadap PBD

Berdasarkan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji, peserta kajian mempunyai pelbagai takrifan dari segi konsep, pengurusan, penyediaan serta amalan pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris yang berbeza-beza. Mereka merasakan bahawa sungguh berkeyakinan dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris di sekolah mereka. Walau bagaimanapun, dua daripada mereka mengakui bahawa mereka akan berasa kurang yakin sekiranya dipantau atau diselia oleh pegawai-pegawai SISC+ yang ditugaskan khas untuk membimbing mereka sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran pada hari-hari tertentu. Dalam kes sebegini, peserta kajian akan mendapat bantuan dan cadangan daripada guru-guru *senior* mahupun ketua panitia Bahasa Inggeris untuk merancang PdPc yang menarik lagi berkesan. Penemuan kajian ini juga disokong oleh dapatan kajian Faizah A. Majid (2022) dan Suseela Malakolunthu (2010) iaitu seseorang guru memerlukan bantuan *coaching* dan *monitoring* daripada rakan setugas mahupun pakar untuk memantapkan lagi proses perancangan dan pelaksanaan sesuatu PdPc.

Selain itu, dapatan ini juga selari dengan pendapat yang diutarakan oleh Hassan (2019) iaitu pemimpin yang berkesan sentiasa akan mendorong dan memberi bimbingan kepada orang bawahannya dengan lebih efektif. Ini jelas terbukti dengan dapatan kajian yang menunjukkan guru-guru *senior* dalam bidang Bahasa Inggeris serta pegawai yang ditugaskan khas memberi tunjuk ajar dan bimbingan

kepada peserta kajian supaya memantapkan lagi proses pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris di sekolah mereka.

Selain itu, kesemua peserta kajian menyatakan bahawa mereka adalah sedar akan perubahan yang berlaku dalam inovasi kurikulum negara menerusi amalan PBD. Ini terbukti apabila mereka memahami kriteria pelaksanaan PBD walaupun pada dasarnya berbeza dari aspek pelaksanaan dan pengurusan. Walaupun peserta kajian merupakan guru bukan opsyen, namun mereka prihatin dan mempunyai kepedulian dalam mengetahui isu-isu terkini berkaitan dengan PBD. Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian Fok Wai Kei (2019) iaitu individu dalam sesebuah organisasi harus sentiasa peka terhadap perubahan dan inovasi yang berlaku dalam organisasinya dari masa ke masa.

Sebahagian besar daripada peserta kajian mempunyai maklumat yang lengkap tentang perubahan yang sedang berlaku dalam bidang kurikulum. Mereka mengambil pelbagai inisiatif untuk mendapat maklumat terkini yang sedang berlaku dalam sistem pendidikan negara terutamanya dalam pelaksanaan PBD.

Contohnya, peserta kajian berkongsi maklumat dengan rakan sekerja, membaca jurnal pendidikan, melayari internet serta mendapat khidmat nasihat daripada pegawai-pegawai dan Jurulatih Utama di peringkat PPD untuk mendapat maklumat terkini tentang perubahan yang berlaku dalam PBD. Maka, dapatan ini adalah bertentangan dengan pendapat yang diutarakan oleh Aidarwati M.

Baidzawi (2018) iaitu guru-guru di sekolah rendah adalah kurang menunjukkan minat untuk memahami dan meneroka PBD berbanding dengan guru-guru di sekolah menengah.

Penyataan yang sering menjadi isu hangat dalam media massa iaitu pelaksanaan PBD membebankan warga pendidik turut dibincangkan dalam dapatan kajian ini. Terdapat peserta kajian yang telah mengutarakan isu yang sama iaitu mereka menyatakan bahawa tanggungjawab dan tugas guru semakin bertambah sejak PBD diperkenalkan di Malaysia. Hakikatnya, beban tugas guru turut bertambah dan ini menyebabkan terganggunya proses PdPc. Kenyataan ini turut disokong oleh dapatan kajian Aisamuddin (2018) iaitu beban tugas seseorang guru semakin bertambah ekoran daripada amalan pelaksanaan PBD di sekolah rendah. Dapatan kajian lain seperti Noor Azizah Jamil (2022) dan Rohaya Talib (2022) turut menyatakan pendapat yang sama iaitu beban tugas guru semakin menjadi kritikal selepas PBD diperkenalkan.

Namun, dua lagi peserta kajian berpendapat bahawa PBD tidak akan membebankan seseorang guru jika mereka pandai membahagikan masa mereka dengan lebih teratur dan efisien. Tambah mereka, pendedahan murid kepada istilah *self-learning* dan pembimbing rakan sebaya merupakan antara teknik yang dapat mengurangkan beban tugas guru. Pendapat yang diketengahkan oleh pengkaji dari China iaitu Xuefeng (2023) turut memberi cadangan yang sama dalam

menyelesaikan isu beban tugas dalam kalangan guru iaitu menerusi pengagihan dan pengurusan masa secara lebih professional agar dapat mengurangkan beban kerja mereka.

5.2.2 Pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris Di Bawah KSSR

Dalam aspek penyediaan instrumen pentaksiran pula, kebanyakan peserta kajian bergantung kepada instrumen yang dibekalkan melalui laman sesawang LPM dan buku-buku yang dijual di pasaran. Empat daripada mereka menyatakan bahawa walaupun mereka mempunyai niat untuk menghasilkan item tersendiri namun mereka gagal untuk menyediakan item untuk bilangan kemahiran yang begitu banyak sepertimana yang disenaraikan dalam DSKP Bahasa Inggeris. Maka, mereka mengharapkan contoh buku pentaksiran yang boleh diperolehi dengan mudah di pasaran saban hari. Walau bagaimanapun, seorang peserta kajian menyatakan bahawa hasil daripada kerjasama daripada ahli-ahli panitia Bahasa Inggeris di sekolahnya, maka beliau berjaya menghasilkan item pentaksiran untuk keseluruhan kemahiran yang akan ditaksir. Dapatan ini disokong oleh kajian Fok Wai Kei (2019) iaitu perbincangan secara bersama dan semangat berpasukan dalam sesuatu kumpulan individu misalnya sekumpulan guru yang berada pada bidang yang sama akan memberi penyelesaian segera kepada sesuatu masalah yang timbul.

Selain itu, hasil kajian menunjukkan berlakunya kolaborasi antara peserta kajian dengan pihak lain seperti Jurulatih Utama (JU), pegawai SISC+ dari PPD, rakan sekerja serta ahli-ahli dalam Panitia Bahasa Inggeris. Kerjasama ini membantu peserta kajian untuk mendapat penerokaan yang lebih mandalam dalam PBD serta mendapat bantuan dan bimbingan daripada pihak berkenaan agar dapat melaksanakan PBD Bahasa Inggeris secara lebih efektif.

Gaya pengurusan yang berlainan dapat dikenal pasti dalam kalangan peserta kajian. Peserta kajian menunjukkan kreativiti yang berlainan dari aspek penyediaan instrumen pentaksiran, fail dan sistem perekodan PBD. Kebanyakan peserta kajian berusaha dengan gigih dalam mengemaskini fail perekodan murid dari masa ke masa serta mengurus fail berkenaan secara sistematik. Peserta kajian menggunakan maklumat dan sumber yang sedia ada secara optimum dalam menguruskan sistem PBD di sekolah mereka. Sistem perekodan perkembangan murid juga sentiasa dikemaskini oleh peserta kajian dengan menggunakan borang senarai semak yang dibekalkan oleh pihak KPM.

Dalam konteks pengurusan fail PBD, kesemua enam orang peserta kajian mengetahui prosedur pengurusan fail yang betul sepertimana yang disarankan oleh pihak LPM. Hasil daripada pemerhatian penyelidik di sekolah-sekolah terlibat melihatkan bahawa mereka mengetahui cara pengurusan fail secara teratur dan mengemaskininya dari masa ke masa. Mereka mentaksir dan merekodkan

prestasi murid dalam bentuk *hardcopy* ke dalam tapak yang dibekalkan oleh LPM semasa kursus pendedahan PBD yang dijalankan setiap tahun. Tambah mereka, guru-guru boleh memuat turun tapak pengisian prestasi PBD melalui laman web Portal KSSR dan laman rasmi LPM.

Terdapat peserta kajian yang berpendapat bahawa mereka mengalami kesukaran dalam memberi penskoran kepada murid-murid yang tidak memberi sebarang sumbangan dalam pentaksiran yang bercorak aktiviti kumpulan. Selain itu, sikap segelintir murid yang meminta bantuan sepenuhnya daripada pihak lain untuk menyiapkan pentaksiran di luar bilik darjah seperti penyediaan buku skrap dan folio menyebabkan berlakunya kekeliruan kepada guru berkenaan dalam memberi Tahap Pencapaian (TP) yang sewajarnya.

Hasil kajian ini menunjukkan peserta kajian memberi keutamaan kepada kepentingan dan kelebihan melaksanakan PBD yang memberi manfaat kepada murid-murid. Selain itu, peserta kajian juga mengambil inisiatif untuk meneroka perubahan yang berlaku dalam kurikulum negara dengan amalan PBD. Mereka juga percaya bahawa pelaksanaan PBD dapat meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti PdPc. Namun, peserta kajian mengharapkan pihak KPM dan LPM harus membuat penambahbaikan dalam PBD agar dapat melicinkan proses pengendalian pentaksiran di peringkat sekolah.

5.2.3 Masalah Yang Dihadapi Guru Bukan Beropsyen Bahasa Inggeris dalam PBD

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian menghadapi masalah kekangan masa dalam melaksanakan PBD. Ini adalah kerana proses pelaksanaan PBD terganggu dengan adanya pelbagai aktiviti dan program yang seringkali diadakan di peringkat sekolah mahupun di peringkat daerah. Hal ini menyebabkan guru-guru bertungkus lumus membahagikan masa mereka dengan proses PdPc, pelaksanaan PBD serta program-program yang perlu dititikberatkan.

Beban tugas guru dilihat semakin bertambah dengan perubahan kehendak semasa. Pelaksanaan KSSR dan PBD meningkatkan beban tugas guru di sekolah. Guru berasa tertekan dengan pertambahan tugas sedia ada dan proses pelaksanaan baru yang memerlukan komitmen tinggi guru dan pihak sekolah. Kemahiran dan penggunaan peralatan ICT yang tinggi diperlukan untuk melaksanakan PBD di sekolah. Guru menggunakan kemahiran penggunaan dan peralatan ICT seperti komputer, alat cetak, mesin imbas dan pelbagai perisian seperti *microsoft word*, *powerpoint*, *excel*, *paint* dan internet untuk membina instrumen.

Rohaya Talib (2022) menyatakan selain mengajar, guru juga perlu melakukan tugas-tugas lain seperti menyemak buku latihan murid, menyemak kertas ujian, merekodkan kemajuan murid, menanda kedatangan, menyimpan fail, membuat nota pelajaran dan menulis surat kepada ibu bapa serta penjaga berkenaan hal ehwal murid. Ini jelas menunjukkan melalui pelaksanaan PBD, semakin

bertambah tugas guru di sekolah dan menyebabkan tugas utama sebagai pengajar semakin terhimpit dan kurang diberikan penekanan oleh guru.

Tugasan sampingan seperti menghadiri bengkel dan taklimat, pengurusan aktiviti di sekolah dan lain-lain tugas baru adalah didapati membebankan guru. Mereka juga mengatakan bahawa kadang-kadang mereka tidak berkesempatan untuk memberi tumpuan khas kepada murid-murid yang pasif dan lemah akibat kekangan masa. Golongan murid yang lemah memerlukan pemulihan dan penilaian semula dalam hasil kerja mereka. Situasi sebegini memakan masa yang lama dengan gangguan lain seperti bilangan aktiviti sekolah yang banyak. Maka, peserta kajian turut merasakan rasa tidak puas hati mereka kerana tidak sempat untuk mentaksir murid-muridnya sebanyak tiga kali sebagaimana yang diminta oleh pihak LPM seperti yang dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan PBD (2019).

Bagi meningkat kemahiran serta maklumat semasa guru, banyak kursus atau program dijalankan bagi membolehkan guru-guru memperoleh kemahiran dan maklumat yang terkini. Guru dikehendaki mengikuti pelbagai kursus atau program anjuran kementerian, JPN, PPD dan sekolah. Kursus berkenaan meliputi bidang KSSR, PBD, sistem IdMe, sistem fail, bilik PBD, peralatan PBD dan bermacam-macam lagi supaya guru dapat melaksanakan KSSR dan PBD di sekolah dengan berkesan. Meskipun pelbagai program dan kursus yang dijalankan, didapati masih lagi terdapat masalah timbul dalam pelaksanaan PBD. Kursus

yang dijalankan selama hampir seminggu kepada wakil setiap sekolah meliputi hampir keseluruhan intipati penting pelaksanaan PBD.

Kursus ini sepatutnya mampu memberi gambaran, maklumat serta kemahiran yang diperlukan oleh guru. Akan tetapi masalah wujud apabila guru yang menghadiri kursus pulang ke sekolah dan memberikan kursus dalaman di sekolah hanya selama dua jam. Situasi ini meningkatkan kadar kecairan maklumat berlaku dan mengurangkan kadar keberkesanan kursus. Prestasi pencapaian KSSR dan pentaksiran PBD yang dijalankan bergantung kepada tahap kesediaan guru dan sekolah sepenuhnya.

Kajian oleh Sanitah dan Norsiwati (2021) terhadap pemahaman guru Bahasa Inggeris melaksanakan PBD di daerah Kluang, Johor, mendapati bahawa tahap pemahaman, minat dan sikap guru serta kemahiran guru berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kesediaan minat dan sikap guru yang positif mengajar Bahasa Inggeris memberikan impak yang berkesan dalam proses pelaksanaan PBD. Guru perlu bersedia dari semua aspek dan bersedia mengorbankan masa, tenaga dan kepentingan diri dalam melaksanakan PBD. Ini kerana kurikulum baharu dan sistem pentaksiran selalunya terdapat banyak kelemahan dan penambahbaikan akan sentiasa berlaku sehingga sampai satu tahap kesempurnaan dicapai. Oleh itu, guru perlu bersedia untuk berubah mengikut ketetapan baru serta bersedia memperbaiki kelemahan diri.

Selain itu, kekurangan bimbingan dan rujukan pakar juga antara masalah yang sering dihadapi oleh peserta kajian dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris di sekolah mereka. Oleh kerana peserta kajian merupakan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris, maka keyakinan mereka difahamkan berada pada tahap yang rendah. Mereka menyatakan bahawa mereka sering merujuk kepada kamus untuk mengetahui maksud bagi perkataan tertentu yang ditanya oleh murid mereka.

Dalam pada itu, isu birokrasi dan peraturan pemarkahan juga antara masalah yang dibangkitkan oleh peserta kajian dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris di sekolah mereka. Masalah ini wujud terutamanya dalam pemberian kerja kursus terutamanya dalam mentaksir kebolehan dan pemahaman murid dari komponen *literature* (sastera). Peserta kajian kebiasaannya memberi kerja kursus secara individu dan secara berkumpulan bagi tempoh masa yang tertentu. Maka, kerjasama antara kumpulan, kesungguhan setiap ahli kumpulan dalam menyediakan tugas yang diberi itu merupakan antara aspek yang perlu diambilkira oleh peserta kajian dalam pemberian markah dan penggredan bagi tugas yang diberikan itu.

Selain itu, terdapat peserta kajian turut menyatakan bahawa kos perbelanjaan yang tinggi juga turut menyekat mereka dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris dengan lebih berkesan. Oleh kerana terdapat peserta kajian dari sekolah gred A yang mempunyai enrolmen murid yang sangat ramai, maka faktor ini

menyumbang kepada perbelanjaan yang banyak terutamanya dalam aspek penyediaan dan membuat salinan fotostat bagi setiap instrumen yang ingin ditaksir. Tambah mereka, walaupun pada peringkat permulaan, pihak pentadbiran sekolah berjanji untuk membayar balik kos perbelanjaan berkenaan, namun lama-kelamaan perkara itu diabaikan oleh pihak pentadbir akibat kekurangan peruntukan. Maka, secara langsungnya peningkatan kos perbelanjaan ini menyebabkan beban guru turut bertambah dalam soal kewangan.

Akhir sekali, setelah proses PBD selesai, para guru berhadapan dengan masalah penyimpanan hasil kerja murid dengan baik dan selamat agar boleh dirujuk pada bila-bila masa sekiranya ada pemantauan dari dalam mahupun luar untuk melihat perkembangan murid dalam PBD Bahasa Inggeris. Justeru, peranan pihak pentadbiran sekolah dalam aspek penyusunan fail-fail PBD dan lain-lain dokumen berkaitan PBD harus disediakan bagi memudahkan urusan guru. Pihak sekolah harus menyediakan ruang atau bilik khas yang difikirkan selamat untuk menyimpan dokumen dan fail PBD. Walau bagaimanapun, penyimpanan dokumen dan fail PBD hanya sehingga pengumuman keputusan UASA dan sehingga tiada apa-apa perkara yang berbangkit (Panduan Pelaksanaan PBD, 2020).

5.3 Model CBAM

Pengkaji menggunakan *Concern-Based Adoption Model* (CBAM) yang telah diutarakan oleh Hall and Hord (2011). Terdapat kategori peserta kajian yang memiliki ciri-ciri *personal* yang dinyatakan dalam Model CBAM. Mereka lebih mengutamakan nilai, etika dan kepercayaan berbanding dengan kepentingan lain. Contohnya, Theva dan Uma yang memberi penekanan pada aspek kemenjadian murid dengan nilai-nilai moral dan tingkah laku yang bersopan dalam mewujudkan murid-murid yang berdaya saing. Mereka lebih mengutamakan sifat-sifat yang dapat dicontohi oleh murid lain agar dijadikan sebagai teladan. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan pendapat yang dikatakan oleh Gurnam Kaur Sidhu (2017) iaitu seorang pendidik sepatutnya mementingkan nilai etika, moral dan sahsiah dalam diri seseorang pelajarnya berbanding dengan aspek-aspek lain. Selain itu, peserta kajian juga mempunyai skop pentaksiran yang berlainan iaitu mereka mengambil pelbagai inisiatif untuk merancang PdPc serta membina item pentaksiran yang sesuai mengikut kemampuan murid. Hasil dapatan menunjukkan peserta kajian mempunyai pelbagai kaedah pentaksiran yang efektif dan bersesuaian dengan peredaran zaman agar dapat menarik minat murid dalam skop pengajaran dan pembelajaran. Peserta kajian tidak hanya bergantung kepada pentaksiran dalam bentuk lembaran, malah mereka mempelbagaikan kaedah pentaksiran iaitu dengan cara memerhati, aktiviti bacaan, lakonan drama, kerja folio, main peranan, aktiviti berkumpulan dan sebagainya. Penyataan ini adalah mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh Johnson (2012) iaitu guru-

guru pada zaman ini sudah berjaya melangkah ke pelbagai gaya pentaksiran yang menarik minat dan perhatian pelajar.

5.4 Teori Konstruktivisme

Kajian ini dijalankan berdasarkan teori konstruktivisme. Hal ini adalah kerana tujuan utama PBD diperkenalkan ialah untuk membantu perkembangan pembelajaran yang lebih proaktif. Berdasarkan teori konstruktivisme, murid akan mencari ruang untuk menimba ilmu pengetahuan. Pada masa yang sama, PBD juga telah memberi penekanan terhadap proses pembelajaran yang berpusatkan murid. Apabila dilihat semua aspek ini, didapati teori ini banyak membincangkan tentang kemenjadian murid. Namun, apabila dilihat semula kepada apa yang diketengahkan oleh Vygotsky (1978), proses meningkatkan ilmu hanya akan berlaku jika guru dan murid memainkan peranan masing-masing untuk mencapai halatuju pendidikan negara.

Justeru, guru harus memainkan peranan sebagai seorang penyampai maklumat ataupun sebagai fasilitator manakala murid pula melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Kebanyakan kajian yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan konstruktivisme lebih berfokus kepada murid sebagai peserta kajian dan mengabaikan peranan guru (Borhan, 2003). Kenyataan ini telah menarik perhatian penyelidik untuk menggunakan teori ini dari perspektif guru terutamanya dalam aspek pengendalian PBD.

Sepanjang kajian ini, didapati proses pembelajaran berasaskan konstruktivisme berlaku apabila guru memainkan peranan yang bersesuaian dengan teori konstruktivisme. Selain itu, guru juga merupakan seorang insan yang diberi amanat untuk melaksanakan kurikulum yang mampu untuk memastikan proses pembelajaran berpusatkan murid berlaku secara berterusan. Sekiranya proses pelaksanaan PdPc guru tidak berpandukan kepada peranan ini, maka proses pembelajaran berpusatkan murid tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Oleh yang demikian, kajian ini juga didapati telah membuka satu dimensi yang baharu terhadap teori konstruktivisme. Melalui kajian ini, didapati teori konstruktivisme yang selama ini digunakan untuk kajian yang melibatkan perspektif murid juga penting untuk penyelidikan-penyelidikan yang melibatkan guru terutamanya untuk melihat proses pelaksanaan PBD.

Apa yang dapat dirumuskan adalah sekiranya guru dapat memainkan peranan seperti yang digariskan dalam pendekatan konstruktivisme, maka proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berpusatkan murid sebaliknya jika guru-guru masih mengamalkan pendekatan tradisional maka proses PdPc mereka akan beralih kepada aktiviti yang berpusatkan guru. Melalui kajian ini, didapati teori konstruktivisme mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan amalan guru sebagai pelaksana PBD. Jelas terbukti bahawa proses membina ilmu berpusatkan murid hanya akan berlaku sekiranya guru memainkan peranan

sebagai pembimbing, perancang dan pemudah cara atau fasilitator. Peranan-peranan inilah yang disarankan dalam teori konstruktivisme.

5. 5 Pencapaian Kajian

Kajian ini memberikan beberapa pencapaian penting yang menyumbang kepada teori, praktikal, dan dasar dalam bidang pendidikan, khususnya berkaitan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) oleh guru bukan opsyen Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

i. Sumbangan kepada Teori

Kajian ini menyumbang kepada literatur pendidikan dengan memperluaskan aplikasi teori konstruktivisme dalam konteks pelaksanaan PBD. Teori konstruktivisme menekankan bahawa pembelajaran adalah proses aktif di mana pelajar membina pengetahuan melalui interaksi dengan persekitaran dan pengalaman mereka. Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa guru-guru bukan opsyen Bahasa Inggeris di SJKT mengadaptasi pendekatan konstruktivis untuk memenuhi keperluan pelajar mereka. Sebagai contoh:

- Guru menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan permainan (fun-based assessment) untuk mewujudkan persekitaran bilik darjah yang interaktif dan menyeronokkan, selaras dengan prinsip pembelajaran melalui pengalaman.

- Aktiviti kumpulan yang dirancang oleh guru memperkuat interaksi sosial pelajar, yang merupakan elemen penting dalam pembinaan pengetahuan secara kolaboratif.

Selain itu, kajian ini mengintegrasikan Model CBAM (Concerns-Based Adoption Model) untuk memahami tahap penggunaan PBD oleh guru bukan opsyen. Model ini membantu mengenal pasti cabaran dan kebimbangan guru pada pelbagai tahap pelaksanaan, seperti:

- Tahap kesedaran dan penguasaan: Guru di SJKT menunjukkan tahap adaptasi berbeza terhadap PBD bergantung pada sokongan latihan dan pengalaman mereka.
- Tahap impak: Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD yang holistik memberi impak positif kepada pelajar dari segi penguasaan bahasa dan keyakinan diri.

Dengan menerapkan Model CBAM dalam kajian ini, penyelidik telah memperluaskan penggunaannya dalam konteks pendidikan vernakular, yang sebelum ini kurang diterokai.

ii. Sumbangan kepada Praktik

Kajian ini juga memberi panduan praktikal kepada guru bukan opsyen Bahasa Inggeris dalam melaksanakan PBD:

- Strategi Penilaian Kreatif: Guru menggunakan pelbagai kaedah seperti aktiviti seni bahasa (action songs dan jazz chants) serta penilaian digital melalui Google Classroom untuk menilai kemahiran pelajar secara kreatif dan inklusif.
- Penyesuaian kepada Keperluan Pelajar: Guru berjaya mengadaptasi pendekatan berdasarkan tahap penguasaan bahasa pelajar. Contohnya, guru menggunakan teknik pemerhatian langsung untuk menilai kemahiran sosial pelajar dalam aktiviti berkumpulan.
- Penilaian Berterusan: Proses penilaian berterusan dalam PBD membolehkan guru bukan sahaja menilai tetapi juga membimbing pelajar untuk memperbaiki kelemahan mereka secara progresif.

Dapatan ini menawarkan amalan terbaik yang boleh dicontohi oleh guru lain, terutamanya dalam konteks sekolah vernakular.

iii. Sumbangan kepada Dasar

Kajian ini memberikan implikasi penting kepada pembuat dasar, khususnya dalam memperkukuhkan pelaksanaan PBD di Malaysia:

- Latihan Guru: Dapatan menunjukkan keperluan mendesak untuk meningkatkan latihan guru bukan opsyen, termasuk modul khas untuk melatih mereka dalam pendekatan kreatif dan berkesan.

- Sumber Tambahan: Kajian ini menegaskan pentingnya menyediakan sumber dan panduan yang lebih khusus untuk membantu guru bukan opsyen menyesuaikan PBD dengan konteks unik sekolah vernakular.
- Pemantauan Berfokus: Kajian ini mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memantau pelaksanaan PBD secara lebih berfokus, dengan mengambil kira cabaran unik yang dihadapi oleh guru bukan opsyen di sekolah SJKT.

Pencapaian kajian ini menonjolkan peranan penting guru bukan opsyen Bahasa Inggeris dalam pelaksanaan PBD di sekolah SJKT. Kajian ini bukan sahaja mengisi jurang literatur tetapi juga menawarkan panduan praktikal dan cadangan dasar yang relevan. Melalui penerapan teori konstruktivisme dan Model CBAM, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam memahami dan memperkukuhkan pelaksanaan PBD dalam konteks pendidikan vernakular di Malaysia.

5. 6 Implikasi Kajian

Pemahaman guru Bahasa Inggeris adalah berbeza dari aspek pemahaman konsep, penyediaan instrumen dan pelaksanaannya. Ini menunjukkan peserta kajian memerlukan maklumat dan sumber yang lebih mendalam bagi tujuan pelaksanaan PBD. Walaupun peserta kajian menghadiri pelbagai kursus, bengkel dan mesyuarat berkaitan dengan pelaksanaan PBD, namun kebanyakan guru yang

melaksanakan PBD masih berada dalam keraguan, ketidakpastian dan kurang keyakinan.

Hasil dapatan kajian ini memberikan beberapa implikasi khususnya kepada guru yang terlibat dengan PBD Bahasa Inggeris, pihak sekolah dan pihak PPD. Implikasi-implikasi berikut wajar diberi perhatian agar perancangan yang teliti dan sistematik dapat dilaksanakan. Berikut merupakan implikasi dapatan kajian:

i. Pihak pentadbiran di sekolah harus memberi lebih perhatian kepada isu birokrasi sepanjang pelaksanaan PBD di sekolah masing-masing. Oleh kerana kebanyakan peserta kajian menyatakan bahawa berlakunya penyelewengan dalam pemberian skor dan gred, maka pelaksanaan PBD harus dilaksanakan berdasarkan kepada prosedur sebenar dan bukannya memberi gred atau tahap penguasaan yang tinggi semata-mata untuk mempertahankan nama dan imej sekolah.

ii. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan peserta kajian bersandarkan kepada stage *informational* dan *management* dalam Model CBAM. Ini terbukti apabila kesemua peserta kajian memiliki pemahaman yang luas dalam konsep PBD serta penyediaan dan pengurusan instrumen pentaksiran. Maka, pihak pentadbiran sekolah dengan kerjasama pihak PPD harus memperbanyakkan bengkel dan kursus serta membuat perkongsian ilmu agar guru-guru dapat meluaskan

pemahaman mereka kepada *stages* yang lebih mendalam mengikut Model CBAM seperti *consequence*, *collaboration* dan *refocusing*.

iii. Guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris harus meningkatkan inisiatif mereka untuk meneroka pemahaman dan pengetahuan mereka dalam aspek pengajaran dan pembelajaran agar dapat memantapkan lagi proses pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris. Penganjuran bengkel dan amalan perkongsian ilmu adalah sangat terhad bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris berbanding dengan subjek-subjek lain. Penerokaan melalui kursus, bengkel, khidmat pakar dan kerjasama antara anggota panel Bahasa Inggeris juga akan mengukuhkan lagi pemahaman guru terhadap proses pelaksanaan PBD.

iv. Hasil kajian menunjukkan beberapa faktor yang menjadi kekangan kepada guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan PBD di sekolah mereka. Maka, pihak sekolah terutamanya ketua jabatan, ketua panitia Bahasa Inggeris serta anggota panel Bahasa Inggeris harus bekerjasama dengan guru yang melaksanakan PBD agar halangan-halangan yang timbul di peringkat sekolah dapat diambil tindakan sewajarnya supaya memudahkan urusan pelaksanaan PBD.

v. Selain itu, pihak PPD juga harus memainkan peranan dalam memantau pelaksanaan PBD di peringkat sekolah. Perkara sedemikian akan meningkatkan

kualiti pelaksanaan PBD sekaligus dapat menyelesaikan keraguan guru-guru. Ketiadaan guru opsyen Bahasa Inggeris di SJKT juga membawa kepada kemerosotan dalam pencapaian akademik terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Maka, pihak PPD harus memandang serius dalam mengisi jawatan guru opsyen Bahasa Inggeris ke sekolah-sekolah Tamil supaya dapat memperkasakan pedagogi Bahasa Inggeris di peringkat SJKT.

Hall dan Hord (2011) dalam prinsip Model CBAM telah menyatakan intervensi dan inisiatif yang bersesuaian akan dapat mengurangkan cabaran dalam sesuatu proses perubahan. Hasil kajian menunjukkan peserta kajian lebih positif terhadap perubahan yang berlaku dalam inovasi kurikulum khasnya dalam pelaksanaan PBD. Justeru, pihak sekolah dapat berbincang dengan mana-mana guru yang mempunyai kesukaran dalam melaksanakan inovasi kurikulum iaitu PBD.

Menurut Hall dan Hord (2011), sekolah adalah unit terpenting dalam perubahan kurikulum yang berlaku. Oleh itu, guru besar selaku ketua jabatan di sesebuah sekolah harus memainkan peranan penting sebagai pemudah cara sekolah agar dapat menyelesaikan masalah guru dalam pelaksanaan PBD dengan cara menyediakan kemudahan dan prasarana yang mencukupi kepada guru. Cheung & Yip (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa tahap keprihatinan guru tidak dipantau selepas guru berkenaan menghadiri bengkel dan kursus. Tambahnya,

guru dibiarkan dan diberi tanggungjawab yang besar dalam melaksanakan inovasi tersebut mengikut kefahaman tersendiri.

Maka, adalah penting agar pegawai dari JPN, KPM dan LPM yang menganjurkan kursus PBD dan KSSR, harus memantau sekolah-sekolah terlibat bagi tujuan membantu dan membimbing pelaksanaan PBD. Sekiranya guru berkenaan menghadapi sebarang masalah dalam pelaksanaan PBD, pegawai PPD dan JPN harus mengambil langkah intervensi untuk membantu serta menganjurkan kursus lanjutan kepada mereka agar mendapat gambaran yang lebih jelas dan betul.

5.7 Cadangan Kajian

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak-pihak berkenaan seperti berikut:

Kajian ini mendapati bahawa pemahaman dan pelaksanaan guru adalah dua aspek yang penting bagi melicinkan proses pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Selain itu, kajian ini juga mendapati pengkhususan adalah aspek penting dalam PBD untuk melaksanakan apa-apa inovasi yang diperkenalkan oleh pihak LPM mahupun KPM. Pelbagai kursus pendedahan harus diberikan kepada guru-guru bukan beropsyen sama ada yang baharu ditempatkan di sekolah mahupun guru-guru *senior* yang sudah lama berkhidmat di sekolah. Menerusi anjuran kursus sebegini, para guru boleh mendapat pendedahan secara lebih jelas

dan terperinci dalam usaha pelaksanaan PBD khasnya dalam Bahasa Inggeris. Dalam pada itu, Panitia Bahasa Inggeris di setiap sekolah harus memainkan peranannya supaya memastikan guru-guru Bahasa Inggeris memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan PBD. Maka, penyelidik mencadangkan bahawa kursus dalaman harus diadakan pada awal tahun sebelum sesi persekolahan bermula.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pihak pentadbiran sekolah harus menyediakan kemudahan yang mencukupi kepada semua guru agar proses PBD dapat berjalan tanpa sebarang gangguan. Misalnya, lebih banyak bahan rujukan dan alat-alat bantu mengajar perlu disediakan di setiap sekolah terutamanya di pusat sumber sekolah atau bilik alat bantu mengajar supaya mengurangkan beban guru dalam aspek penyediaan bahan bantu belajar dan pentaksiran.

Bagi memperoleh kebolehpercayaan dalam konteks penskoran dan penggredan, kajian ini mendapati bahawa para guru yang menilai instrumen pentaksiran terutamanya yang berbentuk kerja kursus dan folia haruslah dari kumpulan bukan guru yang mengajar mata pelajaran di sesebuah kelas berkenaan. Sebagai contohnya, guru yang mengajar di Darjah 4A boleh menukar hasil kerja muridnya dengan guru yang mengajar Darjah 4B. Guru-guru seharusnya memberi peluang untuk menilai dan mentaksir bukan muridnya supaya dapat meningkatkan tahap kebolehpercayaan dalam kalangan murid, guru, pihak ibu bapa dan juga pihak

pentadbir sekolah. Justeru, penyelidik berpendapat bahawa masalah berat sebelah dalam sistem pemarkahan dan penggredan dalam kalangan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris dapat dielakkan dengan cara yang mudah dan efektif.

Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa pihak KPM dan LPM harus memantapkan elemen-elemen yang akan diuji dalam PBD Bahasa Inggeris tanpa prejudis. Kedua-dua pihak yang disebut di atas ingin menjadikan PBD sebagai alat untuk merealisasikan matlamat KSSR. Oleh yang demikian, PBD meningkatkan pembinaan modal insan sekaligus melihat tahap perkembangan individu (murid) dalam aspek pedagogi. Oleh kerana KSSR berhasrat untuk membentuk jati diri pelajar, maka pihak yang terlibat harus memantapkan isi kandungan dan intipati PBD ke arah sistem pendidikan yang berkualiti dan lebih holistik serta memansuhkan sepenuhnya sistem lama yang berkonsepkan *exam oriented* sepenuhnya.

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan

Dalam bab ini, penyelidik juga ingin mencadangkan beberapa cadangan kajian lanjutan berkaitan dengan PBD Bahasa Inggeris agar terus dilakukan pada masa akan datang. Antara cadangan yang ingin dikemukakan adalah seperti yang berikut:

- i. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik hanya melibatkan enam buah sekolah Tamil di negeri Kedah iaitu hanya 10% daripada bilangan keseluruhan SJKT di Negeri Kedah. Kajian boleh diteruskan ke semua enam puluh sekolah di negeri Kedah bagi meneroka pemahaman dan pelaksanaan guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris secara lebih mendalam.
- ii. Kajian ini telah berfokus kepada warga guru sahaja. Maka, penyelidik ingin mencadangkan supaya kajian lanjutan harus meluaskan skop kajiannya kepada pihak murid dan ibu bapa untuk memahami pemahaman mereka dalam pentaksiran Bahasa Inggeris.
- iii. Memandangkan pelaksanaan pentaksiran di sekolah rendah yang berbentuk PBS sejak 2011 dan PBD sejak 2018, maka kajian lanjutan boleh diperpanjangkan kepada pihak pentadbir sekolah terutamanya Guru Besar, Guru Kanan Kurikulum serta Ketua Panitia Bahasa Inggeris agar dapat memahami dan meneroka pemahaman mereka dalam sudut yang berlainan.
- iv. Kajian ini berfokus kepada peserta kajian yang bukan beropsyen Bahasa Inggeris yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengajaran

Bahasa Inggeris. Maka, penyelidik menyarankan agar kajian lanjutan yang melibatkan guru opsyen dan bukan opsyen Bahasa Inggeris harus dibuat untuk melihat persamaaan dan perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua kategori guru tersebut secara lebih mendalam.

5.9 Impak Pelaksanaan PBD terhadap Pengajaran Bahasa Inggeris: Kesan dan Implikasi terhadap Pembelajaran Murid

- i. Pelaksanaan Kaedah PBD: Dalam pelaksanaan PBD, guru-guru menggunakan pelbagai kaedah untuk menilai kemajuan pelajar. Sebagai contoh, beberapa guru menggunakan pemerhatian langsung untuk menilai kemahiran sosial dan interaksi pelajar semasa aktiviti berkumpulan. Dalam kajian ini, guru seperti Lilly menjelaskan bahawa mereka lebih suka menggunakan kaedah *fun-based assessment* yang melibatkan permainan, kuiz, dan aktiviti berbentuk interaktif, kerana ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara lebih santai dan semulajadi. Bagaimana guru memilih aktiviti tersebut adalah berdasarkan keperluan pelajar dan objektif pembelajaran. Contoh lain adalah penggunaan aktiviti seni bahasa seperti lagu aksi dan jazz chant yang menggabungkan pembelajaran bahasa dengan elemen seni untuk menguatkan ingatan pelajar.

- ii. Kaedah Kumpulan: Bagaimana aktiviti kumpulan dilaksanakan juga penting untuk difahami. Guru menggunakan aktiviti kumpulan apabila mereka mendapati kemahiran tertentu lebih berkesan ditaksir dalam suasana kerjasama. Dalam kajian ini, bagaimana aktiviti ini dilaksanakan adalah dengan membahagikan pelajar kepada kumpulan kecil untuk melaksanakan tugas yang melibatkan kemahiran berbahasa seperti berbicara, mendengar, dan membaca. Guru akan memantau proses ini melalui pemerhatian langsung dan memberi maklum balas yang sesuai berdasarkan kemajuan setiap kumpulan.
- iii. Penilaian Berterusan: Salah satu aspek utama dalam PBD adalah penilaian berterusan. Bagaimana guru memastikan penilaian yang berterusan ini dilakukan dengan betul adalah melalui pembahagian masa yang teratur dan perancangan yang rapi. Seperti yang dijelaskan oleh Theva, walaupun dalam kelas dengan bilangan murid yang ramai, beliau masih dapat menilai kemahiran pelajar dengan memastikan setiap kemahiran yang belum dikuasai diberikan peluang untuk diperbaiki, dengan mengulang kemahiran tersebut sehingga tiga kali. Proses ini dilakukan dengan cara memastikan pelajar mendapat ruang untuk memperbaiki kesilapan mereka dalam masa yang sesuai tanpa tekanan peperiksaan.
- iv. Pemantauan Kemajuan Pelajar: Bagaimana guru memantau kemajuan pelajar dalam PBD termasuklah dengan menggunakan platform seperti Google Classroom. Di sini, guru menghantar tugas dan memberi pelajar masa untuk menyelesaikan tugas tersebut secara berperingkat. Sebagai

contoh, Dhina menjelaskan bahawa dengan menggunakan Google Classroom, beliau dapat memberi tugas dan rekodkan kemajuan pelajar dengan lebih efisien. Pelajar juga diberi masa yang mencukupi untuk menyelesaikan tugas ini, memberikan mereka peluang untuk belajar dengan lebih mendalam dan tanpa tekanan.

Dengan mengambil kira aspek 'bagaimana' dalam pelaksanaan PBD, dapat dilihat bahawa amalan PBD di kalangan guru-guru SJKT sangat beragam dan sesuai dengan keperluan pelajar mereka. Kaedah pentaksiran yang digunakan bukan sahaja bergantung pada pendekatan berasaskan peperiksaan, tetapi lebih kepada kaedah yang holistik dan berterusan yang memberi ruang kepada pelajar untuk berkembang secara menyeluruh. Penyelidikan ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana PBD dilaksanakan di bilik darjah dan bagaimana ia mempengaruhi perkembangan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

5.10 Kelebihan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kelebihan yang memberi sumbangan yang signifikan kepada aspek pengetahuan, konteks, skop dan pengalaman penyelidik. Antaranya ialah:

i. Sumbangan Pengetahuan: Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam memahami cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang tidak mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBD). Kajian ini menyentuh konteks yang kurang diberi perhatian dalam literatur sedia ada, terutamanya dalam sekolah vernakular, yang memberikan pandangan baharu mengenai halangan dan isu yang dihadapi oleh para pendidik dalam aplikasi PBD.

ii. Konteks Kajian yang Unik: Kajian ini juga menumpukan kepada konteks yang unik, iaitu pelaksanaan PBD dalam sekolah vernakular, yang mana perbezaan bahasa dan budaya boleh memberikan cabaran tertentu dalam pelaksanaannya. Ini menjadikan kajian ini sebagai satu penyelidikan yang penting dan relevan dalam memperluaskan pemahaman kita tentang amalan PBD dalam pelbagai jenis sekolah di Malaysia.

iv. Pengalaman Penyelidik: Penyelidikan ini dijalankan oleh penyelidik yang memiliki pengalaman yang luas dalam bidang PBD. Kepakaran ini telah

memperkaya proses penyelidikan dengan kefahaman yang mendalam mengenai isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan PBD, sekaligus meningkatkan kredibiliti kajian ini dalam memberikan analisis yang tepat dan menyeluruh.

- iv. Skop Kajian yang Tepat: Skop kajian ini adalah tepat dan relevan, memberikan fokus yang jelas terhadap pelaksanaan PBD dalam kalangan guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris. Skop yang dipilih dengan teliti ini membolehkan kajian ini memberi sumbangan yang signifikan dalam mengisi jurang pengetahuan yang ada dalam literatur pendidikan sedia ada.

5.11 Kelemahan Kajian

Seperti mana-mana kajian lain, penyelidikan ini tidak terlepas daripada beberapa kekangan dan kelemahan. Walaupun kajian ini berjaya memberikan pandangan baharu terhadap pelaksanaan PBD di sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), beberapa aspek kajian ini boleh diperbaiki pada masa hadapan.

- i. **Kelemahan analisis data:** Salah satu kelemahan utama yang dikenal pasti ialah kekurangan kedalaman dalam analisis data dan perbincangan dapatan kajian. Walaupun usaha telah dilakukan untuk menganalisis data secara menyeluruh, terdapat ruang untuk memperluaskan perbincangan bagi menyediakan penjelasan yang lebih mendalam dan menyeluruh. Ini terutama penting untuk memastikan

dapatan kajian lebih sejajar dengan soalan kajian serta memberikan nilai tambahan kepada pembaca.

ii. **Penyesuaian dengan konteks SJKT:** Dapatan kajian ini, walaupun relevan, boleh dibincangkan dengan lebih mendalam dalam konteks unik pelaksanaan PBD di SJKT. Keterbatasan masa dan sumber mungkin menjadi faktor yang mempengaruhi kemampuan untuk mengeksplorasi implikasi dapatan secara lebih spesifik dalam konteks ini.

iii. **Kekangan masa dan sumber:** Kajian ini juga menghadapi kekangan dari segi masa dan sumber, yang mungkin menghadkan skop dan kedalaman analisis. Dengan tempoh kajian yang lebih panjang dan akses kepada sumber tambahan, analisis yang lebih menyeluruh boleh dijalankan untuk memberikan gambaran yang lebih komprehensif.

5.12 Kesimpulan

Pelaksanaan PBD di sekolah rendah terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris merupakan dasar yang diamanahkan oleh LPM dan KPM sebagai kriteria untuk penilaian dan pentaksiran yang membantu penskoran murid dalam peperiksaan dalaman. Pemahaman guru dalam melaksanakan PBD merupakan perkara yang sangat penting yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan dasar tersebut. Berdasarkan dapatan kajian, opsyen asal seseorang guru tidak menyekat seseorang itu untuk melibatkan diri mereka sepenuhnya dalam bidang baharu yang diamanahkan. Perkara ini jelas terbukti dengan hasil dapatan kajian

yang diperoleh daripada peserta kajian yang datangnya dari kumpulan bukan beropsyen Bahasa Inggeris tetapi menunjukkan minat dan kesungguhan mereka dalam meneroka ilmu itu.

Guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris mempunyai pemahaman yang baik dalam pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris di sekolah mereka. Tempoh masa perkhidmatan dan pengalaman mereka dalam bidang Bahasa Inggeris juga antara faktor yang merangsang mereka ke arah lebih memantapkan gaya pengajaran dan pentaksiran Bahasa Inggeris menjadi lebih bermakna di bilik darjah. Walaupun minat mereka menjurus kepada pemantapan pentaksiran Bahasa Inggeris, namun beberapa faktor menjadi halangan kepada mereka dalam melaksanakan PBD dengan berjaya. Sesungguhnya, masalah yang timbul itu diselesaikan pada peringkat permulaan sebelum mencapai tahap yang lebih kritikal, nescaya akan membuahkan hasil yang baik dalam aspek pentaksiran Bahasa Inggeris sepertimana yang diharapkan oleh pihak KPM amnya dan LPM khasnya.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan status pelaksanaan PBD yang baik dan berada pada tahap tinggi dalam ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu pemahaman, pelaksanaan dan pelaporan PBD. Guru mengakui bahawa PBD memberikan pentaksiran yang holistik walaupun terdapat pelbagai cabaran. Untuk itu, kerjasama daripada pihak pelaksana di peringkat sekolah, daerah dan negeri perlu ditambahbaik dalam menjamin kualiti pelaksanaan PBD. Antara usaha yang

boleh dilaksanakan bagi membantu guru menangani cabaran-cabaran dalam pelaksanaan PBD adalah meneruskan penataran seperti mengadakan amalan perkongsian terbaik, webinar, taklimat dan kursus atau bengkel PBD yang memberi fokus kepada penentuan TP dalam mata pelajaran termasuklah pertimbangan profesional. Di samping itu, pengukuhan penjaminan kualiti PBD di peringkat sekolah akan terus dipergiatkan dengan penyediaan senarai semak penjaminan kualiti, kunjung bimbing dan pemantauan.



RUJUKAN

- Abdullah, N., Wong, K. T., Zaini, S.H., Ali, S.R., & Hasan, M. (2020). Science teachers' teaching practice in the implementation of 21st century education in classroom. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(9), 933-940.
- Abdul Khadir. (2017). Teachers' Readiness Towards Implementation of School Based-Assessment. *Journal Of Education*, 15(2). pp 45-50.
- Abdul Rahman, M. A & Jaafar, K. (2022). Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah: *Kajian Kes*. UTM, Johor.
- Abdul Razak Ismail. (2018). Assessment For Learning: A practitioner's view. *TESL-EJ*, 11(4). pp 37-45.
- Ahmad, M. F. (2008). *Amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti di negeri Johor* (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Tun Hussin Onn, Malaysia.
- Ahmad, A. (2019). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aidarwati M. Baidzawi (2018). A comparative analysis of primary and secondary school teachers in the implementation of SBA. *Malaysian Journal of Research MJR*. Vol. 1, No. 1 (January, 2018) pp 28-36.
- Ainsworth, L., & Viegut, D. (2006). *Common formative assessments: How to connect standards-based instruction and assessment*. London: Corwin Press.
- Airasian, P. W. (2004). *Classroom assessment: Concepts and applications (5th ed.)*: McGraw-Hill.
- Aisamuddin, M.H. (2018). Perception towards SBA implementation among teachers in Malaysian schools. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2018)*: Kuala Lumpur.
- Al-ruqeishi, M., & Al-humaidi, S. (2022). *Alternative assessment as perceived by EFL teachers*. XI (3), 88–102.
- Alfred, K. (2016). The Contribution of Field Experiences to Student Primary teachers Professional Learning. *Research In Education*. 40(3). pp 43-46.

- Amir Hassan Dawi. (2019). Enhancing The Validity and Reliability of Classroom Test. Seminar Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan. *2nd Research Symposium*. Kuala Lumpur.
- Annaliza Mohd Isa, Al-Amin Bin Mydin, Abdul Ghani Kanesan Bin Abdullah & Wan Fadhlurrahman W. Md. Rasidi. (2020). Tranformasi Pendidikan Tahap 1: Peperiksaan ke Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Kesan Terhadap Autonomi Guru. *Isu Dan Cabaran Dalam Pendidikan: Strategi Dan Inovasi, August*, 218–231.
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152-161.
- Atkins & Vasu. (2022). How Does the ICT Influence the New Curriculum in France. *RELC Journal*. 32(3). pp 16-30.
- Azlin, N. M., Ong, H. L., Mohd Sattar, R. & Rose A. R. (2021). The Benefits of School-Based Assessment. *Asian Social Science: Vol. 9, No. 8: 2021: Canadian Center of Science & Edu.* pp 32-37.
- Aziz, A. A. A., Nallaluthan, K., Kanapathy, K., Kho, F. C. Y., & Zainal, M. (2022). The Digital Media Platforms and Students' Emotional Intelligence during COVID-19 Pandemic in Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 1-12.
- Azizullah Fatahi. (2022). The Iranian EFL Journal, June 2022. Vol. 10, No. 3. ISSN1836-8751.pp 234-242.
- Bae, S., & Kokka, K. (2016). *Student engagement in assessments: What students and teachers find engaging*. Retrieved from <http://edpolicy.stanford.edu>
- Begum, M., & Farooqui, S. (2008). School Based Assessment: Will it Really Change the Education Scenario in Bangladesh? *International Education Studies*, 1(2), p45
- Bench & Capon (1990). *Learning style inventory*. Lawrance: Kansas Prince System Inc.
- Black & William. (1998). Measured lives: The rise of assessment as the engine of change in English schools. *The Curriculum Journal*, 11(3), pp 343–364.
- Boekaerts, M., & Corno, L. (2005). Self-regulation in the classroom: A perspective on assessment and intervention. *Applied Psychology*, 54(2), 199-231.

- Borhan, L. (2003). Penilaian Autentik dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Melalui Portfolio. *Masalah Pendidikan*, 26, 13-20.
- Borhan, L. (2005). The Development of Children's Cognition through Social Interaction. *Masalah pendidikan*, 28, 13-20.
- Boston, C. (2002). The Concept of Formative Assessment. ERIC Digest.
- Braun, V. & Clarke, V. (2017). Successful Qualitative Research. London. SAGE.
- Brookhart, S. M. (2001). Successful students' formative and summative uses of assessment information. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 8(2), 153-169.
- Brophy. (1991). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. Sage.
- Brown, G. T., Kennedy, K. J., Fok, P. K., Chan, J. K. S., & Yu, W. M. (2009). Assessment for student improvement: Understanding Hong Kong teachers' conceptions and practices of assessment. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 16(3), 347-363.
- Bruner, J.S. (1986). *Towards a theory of instruction*. Cambridge: Harvard University Press.
- Bryman. (2008). *Elementary Statistical Procedures 3rd ed*. Toronto: Mc Graw-Hill.
- Burn, R. B. (1995). *Introduction to research method*. Melbourne: Longman.
- Campbell. (2002). *Assessment in Education*. Berlin: Springer Science and Business Media.
- Cankoy, O. (2014). Mathematics Teachers' Topic-Specific Pedagogical Content Knowledge in the Context of Teaching. *Educational Sciences: Theory and Practice*, 10(2), 749-769.
- Catherine J. (2008). *Research Methods in Education* (6th ed). London and New York: Routledge.
- Chan Y. (2019). Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Inggeris Terhadap Komponen PBD. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 16(3). pp 115-124.
- Chan Y. F., Gurnam Kaur S. (2021). Teachers' Knowledge and Understanding of the Malaysian School-Based Oral English Assessment. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*: Vol. 8 (2021): pp 93-115.

- Cheung, A. (2022). Washback, impact and consequences. In E. Shohamy & N. H. Hornberger (Eds.), *Encyclopedia of language and education*, Vol. 7: *Language testing and assessment* (2nd ed, pp. 349–364). Berlin: Business Media.
- Cheung, D., Stephen A., Ying, Y. (2019). *Impact and consequences of SBA: Students' and parents' views of SBA in Hong Kong*. *Language Testing*. 28(2), pp 221-249. SAGE.
- Cheung, D., & Yip, D. Y. (2018). How Science teachers' concern about school-based assessment of practical work vary with time: *The Hong Kong experience*. Carfax Publishing, 22(2), pp 153-170.
- Cheung, H., Ng. (2021). Implementation Of SBA In Hong Kong. *Journal Of Language Teaching & Research*. 16(3). pp 38-42.
- Chris, D. (2007). Views from the chalkface: *School-based assessment in Hong Kong*. *Language Assessment Quarterly*, 4(1), pp 37-68.
- Christou, E., M., Philippou. (2021). *The Roles of English textbooks In the New Curriculum*. New York: Prentice Hall.
- Cohen, L., Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education* (5th Ed), *Educational and Psychological Measurement*. 30(1). pp 607-610.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cummins, D. (2009). *An inductive approach for qualitative research*. (5th ed). New York: Routledge.
- Crawford, I., Rowlett. (2015). Origins of English Teachers Perception in Scotland. *Science & Mathematics Education*. 83(2). pp 174-188.
- Creswell J. W. (2007). *Educational Research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. (2nd ed). New Jersey: Pearson Education Inc.
- Creswell J. W. (2009). *Educational Research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. (3rd ed). New Jersey: Pearson Education Inc.
- Creswell J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (4th ed). New Jersey: Pearson Education Inc.

- Creswell J.W., Dana L. Miller. (2009). Determining Validity in Qualitative Inquiry. *Theory Into Practice*. 39(3). pp 127-130.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed method approaches*. Sage Publications.
- Crooks, T. J. (2010). Classroom assessment in policy context (New Zealand). *The international encyclopedia of education*, 443-448.
- Daniels, H., & Bizar, M. (1998). *Methods that matter: Six structures for best practice classrooms*. Stenhouse publication.
- Darling-Hammond, L. (2010b). Teacher education and the American future. *Journal of teacher education*, 61(1-2), 35-47.
- David J. Nicol & Debra McFarlane. (2016). The Principles of Formative Assessment. *European Journal of Social Sciences*, 28(3). pp 76-83.
- Dewey, J., & McLellan, J. (1964). What psychology can do for the teacher. *John Dewey on education: selected writings*, 195-211.
- De Vaus. (2006). *A Passion for Teaching*. London: Routledge Falmer.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2014). *Introduction: Entering the field of qualitative research*. London: Sage Publications.
- Dokumen Standard KSSR. (2020). *DSKP Bahasa Inggeris (2nd ed)*. Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Dorin, A. D., & Yasin, R. M. (2019). *Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD)*. Persidangan Antarabangsa Pendidikan dan Kemajuan Masa Depan (ICOFEA) 2019, 8–15.
- Duhaney, D. C., & Zemel, P. C. (2000). Technology and the educational process: Transforming classroom activities. *International Journal of Instructional Media*, 27(1), 67-72.
- Dunn, R., Gemake, J. ((1991). Hemispheric preference: *The newest element of learning style*, *The American English Teacher*, 48(4), pp 293-296.
- Dunn, R., Dunn, K. (1978). *Teaching students through their individual learning styles: A practical approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.
- Fahkri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang. (2016). Isu kesediaan guru dalam amalan melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah. *EDUCATUM Journal of Social Science.*, 1–7.

- Faizah A. Majid. (2022). Classroom assessment in Malaysian Schools: The concern of the English teachers. *Journal Of US-China Education Review*, 8(10): 1548-6613.
- Fenton. (2018). Education For Teachers of English in Alaska. *Journal of Education for Teaching: International Research & Pedagogy*. 22(3). pp 153-165.
- Fischer, K. W. (1980). A theory of cognitive development: The control and construction of hierarchies of skills. *Psychological review*, 87(6), 477.
- Fok Wai Kei (2019). *HKCEE English Language school-based assessment: Its implementation at the frontline*. Durham University. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan).
- Fullan, M. (2014a). *Leading in a culture of change personal action guide and workbook*. New York: John Wiley & Sons.
- Fullan, M. (2014b). *Teacher development and educational change*. UK: Routledge.
- Gagné, R. M., & Driscoll, M. P. (1975). *Essentials of learning for instruction*. Hinsdale, IL: Dryden Press.
- Gardner, R. C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. London: Arnold.
- Gan. (2000). *The Level of Use in Effective Evaluation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Gay, L. R. (1996). *Educational research: Competencies for analysis and applications*. Pearson Higher Ed.
- George, A. A., Hall G. E., and Stiegelbauer, S. M. (2008). *Measuring implementation in schools: The Stages of Concern Questionnaire*. New York, NY: Teachers College Press.
- Genesee, Hamayan. (2019). *A Study of Language Teachers' Personal Practical Knowledge*. UK: Falmer Press.
- Ghazali, D. & Sufean, H. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. 3rd ed. Universiti Malaya (UM).
- Gijbels, D., Van De Wattering, G., Dochy, F., & Van Den Bossche, P. (2006). New learning environments and constructivism: The students' perspective. *Instructional Science*, 34(3), 213-226.

- Gillham. (2000). *Research interviewing: The range of techniques*. (2nd ed). England: Open University Press.
- Gillham. (2005). *Research interviewing: The range of techniques*. (3rd ed). England: Open University Press.
- Goh, L.H. (2015). *The Effect of The MBI Proficiency Course on The Perceived Proficiency and Self-Efficacy of Non-Option English Language Teachers*. Universiti Tun Abdul Razak.
- Gopal K. S., Setia, R., Samad, N. Z. A., Zahri, R. N. H. B. R., Luqman, A., Vadeveloo, T., & Ngah, H. C. (2021). Teachers' Knowledge and Issues in the Implementation of Classroom Assessment: A Case of Schools in Terengganu. *Asian Social Science*, 10(3), p186.
- Graham Maxwell (2015). *Towards a methodology of naturalistic inquiry in educational evaluation*. Los Angeles: Center Of the Study of Evaluation.
- Graham, S., Hebert, M., & Harris, K. R. (2021). Formative Assessment and Writing. A meta-analysis. *The Elementary School Journal*, 115(4), 523-531.
- Griswold, M., S. (2015). Teachers' Perception on Total Quality Management (TQM). *English Language Teacher Journal*, 48. pp 214-220.
- Gurnam, K.S. (2017). *Empowering Malaysian ESL learners through school-based assessment*. Paper presented at ASIA TEFL International Conference, Kuala Lumpur, 8-10 June 2017.
- Haji Mahmud, N. (2010). *Learning to plan: An Investigation of Malaysian students' teachers' lesson planning during their practicum* (Unpublished PhD. Thesis). University Of East Anglia.
- Hajmi, H., & Jamaludin, K. (2022). Kesiapan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 119-125.
- Hall & Hord. (2011). Concern-Based Adoption Model: Theories and Practices. *American Educational Research Journal*, 28. pp 175-196.
- Hall et al. (1977). *Language Programme Evaluation and Assessment: Theory and Practice*. New York: Cambridge University Press.
- Hall, G., and Hord, S. (2011). *Implementing change: Patterns, principles, and potholes*. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.

- Hamimah Abu Naim. (2018). The Concern of English Teachers' Towards SBA in Malaysian Primary Schools. *Journal Of Language Teaching and Research*, 6(2). pp 78-90.
- Hamp-Lyons, L. (1997). Washback, impact and validity: Ethical concerns. *Language Testing*, 14(3), pp 295–303.
- Hamre, B. K., Pianta, R. C., Downer, J. T., DeCoster, J., Mashburn, A. J., Jones, S. M., & Hamagami, A. (2013). Teaching through interactions. *The Elementary School Journal*, 113(4), 461-487.
- Hamzah, M. Omar, & Sinnasamy, P. (2020). Between the ideal and reality: teachers' perception of the implementation of school-based oral English assessment. *English Teacher*, Vol 38, pp 13 – 29.
- Hanover Research. (2020). *The Impact of Formative Assessment and Learning Intentions on Student Achievement*. 16.
- Harden, R. M. (2002). Developments in outcome-based education. *Medical teacher*, 24(2), 117-120.
- Harlen, W. (2005). Teachers' summative practices and assessment for learning—tensions and synergies. *Curriculum Journal*, 16(2), 207-223.
- Hargreaves. (2018). Student's perception towards School Based Assessment. *Language Testing*, 34(3), pp 313-336.
- Hariatul Hafidzah Mahmad Khory, Mohd Nazri Abdul Rahman & Muhammad Azhar Zailaini (2021). Pengurusan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran bahasa arab berasaskan keperluan pembelajaran murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41–57.
- Hasin, I., Othman, R., Abdullah, N. S., Yusoff, K. M., & Ab Rahman, M. R. (2022). Issue and challenge on the national transformation of digital learning in post-Covid-19: Isu dan Cabaran Pembelajaran Digital dalam Transformasi Pendidikan Negara Pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23-32.
- Hassan. (2019). Faktor Disiplin Dalam Penentuan Kerjaya. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan: UKM.
- Hattie, J. (2016). Assessment for success in primary schools a response to the New Zealand green paper on assessment. In J. Hattie, "Large-scale Assessment of Student Competencies," Paper presented as part of the "Symposium: Working in Today's World of Testing and Measurement: Required Knowledge and Skills (Joint ITC/CPTA Symposium)" 26th International Congress of Applied Psychology. July 16-21, Athens, Greece.

- Hazuriana, H. & Khairul, J. (2022). Kesiapan Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 4, No. 4, 119-125. Asian Scholars Network.
- HKEAA. (2006). HKCE English Language Examination: *Introduction to the school-based assessment component*. Hong Kong: Hong Kong Examinations and Assessment Authority.
- Hopmann, S. T. (2008). No child, no school, no state left behind: schooling in the age of accountability 1. *Journal of Curriculum Studies*, 40(4), 417- 456.
- Hussain, A. (2011). *The relationship between assessment and teachers' view of point*. The case of Sekolah Menengah Teknik Kerian. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan).
- Hussey, T., & Smith, P. (2003). The uses of learning outcomes. *Teaching in higher education*, 8(3), 357-368.
- Hussin, S. (2021). *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hwa, T. Y. (2018). Implementing School Based Assessment : *The Mathematical Thinking Assessment* (MATA). Seminar Inovasi Pedagogi IPBL/28 Ogos 2018/ IP Batu Lintang, Kuching, Sarawak. pp 73-88.
- Ibrahim S. (2017). Developing school heads as instructional leaders in school – based assessment: Challenges and next steps, 41(2).
- Ikhsan Othman, Norilah M. S., and Nurul Aida M. N. (2021). The Implementation of School Based Assessment in Primary School Standard Curriculum. *International Journal of Education and Research*: Vol. 1, No. 7. pp 48-57.
- Ilhavenil, N., Wan Nor Fadzilah, W. H., Loges Arumugam, M. P., Noor Aliza, N. & Nooraini, K. (2022). *Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Sekolah Rendah*.
- Isaacson, S. (2001). Instructionally relevant writing assessment. *Reading & Writing Quarterly*, 15(1), 29-48.
- Ishak, N. I. (2020). School-Based Assessment as Transformation in Educational Assessment. In *4th International Conference on Measurement and Evaluation in Education*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my>
- Jacobsen, D. A., Eggen, P. D., & Kauchak, D. P. (2002). *Methods for teaching: Promoting student learning in K-12 classrooms*. Prentice Hall.

- James, M. (2000). Measured lives: The rise of assessment as the engine of change in English schools. *The Curriculum Journal*, 11(3), 343–364.
- Jamil, A. (2009). *Kesediaan guru kolej vokasional dalam pengajaran amali teknologi elektronik di Negeri Pahang* (Tesis Doktor Falsafah Tidak Bercetak). Universiti Tun Hussin Onn, Malaysia.
- Jason, P. K. (2011). Massachusetts school psychologists' concerns regarding the implementation of responsiveness to intervention: *A concerns-based adoption model approach*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan).
- John Dewey. (2001). *Self theories: Teachers' role and knowldege*. Philadelphia: Psychology Press.
- Johnson. (2012). *How Readiness Effects In Classroom*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Johnston, P., & Costello, P. (2015). Principles for literacy assessment. *Reading Research Quarterly*, 40(2), 256-267.
- Joohari, A. & Kalai Selvan, A. (2021). Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD): Satu Tinjauan dalam Kalangan Guru Besar. *Asian People Journal* 2021. Vol 4(2). 80-89. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Kalai Selvan Arumugham. (2019). *Pentaksiran Bilik Darjah dan Kemenjadian Murid: Pengukuran Tahap Perkembangan Pembelajaran Murid dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. April, 0–13.
- Kalai Selvan Arumugham (2020). Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152–161. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.175>
- Kane, M. (2008). Terminology, emphasis, and utility in validation. *Educational Research*, 37(2), 76-82.
- Kathleen M., Cauley & James H. (2020). *Formative Assessment Techniques to Support Sudent Motivation and Achievement*. Routledge: United Kingdom.
- Katz, L. G., & McClellan, D. E. (1997). *Fostering Children's Social Competence: The Teacher's Role. Volume 8 of the NAEYC Research into Practice Series*. NAEYC, 1509 16th Street, NW, Washington, DC 20036-1426.
- Kaufman, A. S. (2018). *Contemporary intelectual assessment: Theories, tests and issues*. Guilford Publications.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Dokumen Standard Kurikulum, Bahasa Inggeris (Tahun 1)*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2020*. Kuala Lumpur: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2023). Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan, KPM.
Diperoleh www.moe.gov.my/upload/galeri/1275279590.
- Kelly & Stever. (2019). The Development Of Teachers' Practical Theory of Teaching. *Teaching and Teacher Education*. 4(1). pp 76-80.
- Knight, K. (2008). *A Study Investigating the Levels of Concerns in Teachers and Administrators Regarding the Adoption of a New Math Curriculum*. Lamar University. ProQuest Dissertation.
- Krueger, R. A. (1994). *Analyzing and reporting focus group results*. London: Sage Publications.
- Laporan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan NUTP. (2022). *The Monthly Report*: Kuala Lumpur.
- Laporan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan NUTP. (2023). *The Monthly Report*: Kuala Lumpur.
- Latham, H. (1977). *On the action of examinations considered as a means of selection*. Cambridge: Deighton, Bell.
- Laura, J. I. (2013). *Secondary Teachers' Concerns About Response to Intervention: Using The Concerns-Based Adoption Model*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan).
- Laurence Richardson. (2004). *How knowledge leads the teaching skill*. Boston: D.C. Heath.
- Lee, C. A., & Houseal, A. (2021). Self-efficacy, standards, and benchmarks as factors in teaching elementary school science. *Journal of Elementary Science Education*, 15(1), 37-55.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Prestasi Bahasa Inggeris*, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.

- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2019). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2021). *Modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah (MPBS)*. Mata Pelajaran Bahasa Inggeris, Kuala Lumpur.
- Lembaga Peperiksaan (2022). *Panduan Perekodan Perkembangan Murid*. Mata pelajaran Bahasa Inggeris, Kuala Lumpur.
- Lichtenberg, J. W., Portnoy, S. M., Bebeau, M. J., Leigh, I. W., Nelson, P. D., Rubin, N. J., & Kaslow, N. J. (2007). Challenges to the assessment of competence and competencies. *Professional Psychology: Research and Practice*, 38(5), 474.
- Lincoln, G. (2004). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches* (2nd edition). Boston, MA: Pearson Education Inc.
- Linn, C. (2014). Educational assessment: Expanded expectations and challenges. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 15(1), pp 1–16.
- Linn, C. (2018). Assessment and accountability. *Educational Researcher*, 29, pp 4–16.
- Lionad Lius & Zamri Mahamod. (2021). Tahap tekanan guru Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan cina terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 361–373.
- Lopez. (2004). *Teachers' Beliefs About School-Based Assessment*. Basingstoke, London: McMillan Press.
- Low, M. (2019). *Measurement and Assessment in Teaching*. Prentice Hall.
- Mahamod, Z., & Lim, N. R. (2017). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.
- Majid, F. A. (2022). Classroom Assessment in Malaysian Schools: The Concerns of the English Teachers. *Journal of US-China Education Review*, 10(8), 1-15.
- Malakolunthu, S., & Hoon, S. K. (2010). Teacher perspectives of school-based assessment in a secondary school in Kuala Lumpur. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 9, 1170-1176.

- Marshall, D. T., Pressley, T., Neugebauer, N. M., & Shannon, D. M. (2023). *Why teachers are leaving and what we can do about it*. Phi Delta Kappan, 104(1), 6-11.
- Masfarizan, M., & Mohammad Yusof, M. N. (2020). *Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) secara atas talian sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) di Daerah Sentul, Kuala Lumpur*. Prosiding Seminar Nasional FIP 2020, 213–218.
- Masters, G. N., & Mislevy, R. J. (1991). New views of student learning: Implications for educational measurement. *ETS Research Report Series*, 1991(1), i-30.
- Mat Ali, & Jamaluddin, S. (2021). *Amalan Pentaksiran Untuk Pembelajaran di Sekolah Rendah*. Jurnal Pendidikan, 27 (1), pp 19-39.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria & Suhaila Muner. (2021). Tahap Kesediaan Guru Sekolah Rendah di Daerah Klang, Selangor dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dari Aspek Pengetahuan. *International Journal of Modern Education*, 3 – 9.
- Mc Clellan, D. E., & Katz, L. G. (2010). *Assessing young children's social competence*. ERIC Clearinghouse on Elementary and Early Childhood Education, University of Illinois.
- Mc Diarmid, G. (1989). On the interpretation of classroom observations. *Educational Researcher*, 5-10.
- Mc Laudon. (1998). Corrective Feedback In Teachers's Knowledge. *RELC Journal*, 30(2). pp 16-21.
- Mc Millan, J. H. & Schumacher (2004). *Research in education: Evidence based inquiry*. United States of America: Pearson Education Inc.
- Mc Millen. (1995). *Tools In Formative Learning*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Megat A. T. (2022). Keberkesanan Pelaksanaan PBD. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 9, pp 172-180, Kuala Lumpur: Bakti Publishers.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education (2nd ed)*. San Francisco: Jossey- Bass Publishers.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

- Merriam, S.B., & Tisdell, E.J., (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & sons.
- Michael, P. K. (2013). *Assessment in the secondary school band programs of British Columbia*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan). Department Of Curriculum and Instruction: University of Victoria.
- Miles, M.B. and Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook (2nd ed)*. Thousand Oaks, Calif: Sage.
- Modul Panduan Pelaksanaan PBD. (2019). Lembaga Peperiksaan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Modul Teras KSSR Semakan. (2017). Lembaga Peperiksaan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Mohammad Ali. (2018). *Teachers' and students' perspectives on English Language assessment in the secondary English Language Teaching (ETL) curriculum in Bangladesh*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan). Univ. Of Canterbury: New Zealand.
- Mohd Zohir Ahmad. (2017). *Keberkesanan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Moses J. (2018). *School-Based Assessment in Canadian Free Schools*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan). The University of Auckland, New Zealand.
- Mutanekelwa, N. N., & Sakala, C. T. (2015). Promoting Learning Through Assessment: The Zambian Experience. Paper presented in *3rd Sub-regional Conference on Assessment*. Mangochi: Malawi National Examinations Board.
- Nafisah Mahmud. (2010). *Learning To Plan: An investigation of Malaysian student teachers' lesson planning during their practicum*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan). The University of East Anglia, United Kingdom.
- Neuman (2009). Value-Added Modeling of Teacher Effectiveness: An Exploration of Stability across Models and Contexts. *education policy analysis archives*, 18(23), n23.
- Noor Azizah J. (2022). *Pengurusan PBS Di Kawasan Durian Tunggal, Melaka*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan). UTM: Skudai.
- Noor & M. Sahip. (2018). *Faktor-faktor Yang Menyumbangkan Pelaksanaan PBS*. (Thesis PhD yang tidak diterbitkan). UKM: Bangi.

- Noorzeliana Idris, Norazilawati A., Saniah Sembak. (2021). Isu dan Cabaran Pentaksiran Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Aminudin Baki* 13(1): pp 65-81.
- Noraini M. L., & Suhaida A. K. (2019). *Penerimaan Guru Terhadap PBD Dengan Komitmen Guru Dalam Melaksanakan PBD Sekolah Rendah*. Fakulti Pengajian Pendidikan: UPM.
- Nor Azimah. (2021). *Feedback Report on National Education Blueprint*. Asian Strategy and Leadership Institute. pp 145-160.
- Norizan Razak. (2023). Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Di Malaysia. *Kesediaan Guru, Isu dan Panduan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Gerak Budaya Ent.
- Norlida Mat Adam, Raja Nor Farah Azura & Mazlini Adnan (2022). Manfaat dan Cabaran Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Sorotan Literatur Bersistematik. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15 (1), 41 – 49.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1–13.
- Omar, H. M., & Sinnasamy, P. (2017). Between the ideal and reality: teachers' perception of the implementation of school-based oral English assessment. *The English Teacher*, 17.
- Patton, M. Q. (1980). *Qualitative evaluation and research: A practical handbook*. London. Thousand Oaks. New Delhi: Sage.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (2nd ed). Newbury Park, CA: SAGE.
- Patton, M.Q. (2002). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (4th ed). Newbury Park, CA: SAGE.
- Panduan Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). (2019). Lembaga Peperiksaan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia 2013- 2025 (2012). Diambil daripada <http://buletinkpm.blogspot.com/2012/11>.
- Piaget, J. (1952). *The origins of intelligence in children* (Vol. 8, No. 5, p. 18). New York: International Universities Press.

- Powell, R., Smith, R., Jones, G., & Reakes, A. (2006). Transition from primary to secondary school: Current arrangements and good practice in Wales. *Final Report. Slough: NFER*.
- Pryor, J., & Crossouard, B. (2008). A socio-cultural theorisation of formative assessment. *Oxford Review of Education*, 34(1), 1-20.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2007). PKSM: *Buku panduan penilaian kendalian sekolah menengah*. PPK: Kuala Lumpur.
- Qian, D. D. (2019). School Based English Language Assessment as A High Stakes Examination Component in Hong Kong: Insights of frontline assessors. *Assessment In Education: Principles, Policy & Practice*, 21(3), 251-255.
- Raden. (2022). Teachers' Knowledge and Learning to Teach. *Handbook of research on teacher education*. pp 132-138. New York: McMillan.
- Rahman & Ali. (2018). Factors Encouraged the Implementation of SBA in Malaysian Schools. *Journal of Marketing Education*. 23(3). pp 186-199.
- Ramalingam, D., & Awang, M. I. B. (2022). Exploration of Understanding and Implementation of Classroom Assessment Among English Language Teachers in Kedah. *Educational Management Administration & Leadership*, 52(2), [179-193].
- Ramalingam, D., & Awang, M. I. B. (2023). The implementation of classroom assessment among English language teachers and the challenges. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 99(1), 1–11. <https://doi.org/10.11591/ijere.v99i1.paperID>.
- Ravikumar Varatharaj. (2021). *Penilaian pelaksanaan mata pelajaran vokasional- Landskap dan nurseri (MPV-LN) di peringkat sekolah menengah di semenanjung Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah Tidak Bercetak). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Retnawati, H., Hadi, S., & Nugraha, A. C. (2021). Vocational High School Teachers' Difficulties in Implementing the Assessment in Curriculu 2013 in Yogyakarta Province of Indonesia. *International Journal of Instruction*, 9(1), 33-40.
- Richard W. (2012). Significant and Worthwile Change in Teaching Practice. *Educational Research*, 22(7). pp 23-31.
- Ritchie, J., & Lewis, J. (2003). *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers*. London: SAGE Publications.

- Robert C. Calfee. (1996). Knowledge Based Assessment. *A guide for researchers in educational field*. New York: Teachers College Press.
- Robson. (2011). Framing collaborative behaviors: Listening and speaking in Problem based learning. *The Interdisciplinary Journal of Problem Based Learning*. 2(1). pp 1-20.
- Robson, C. (2019). *Real world research: A resource for social scientists and practitioner-researchers*. UK: Blackwell Publishers Ltd.
- Rohaya Talib. (2022). *Kajian Pembinaan dan Pengesahan Instrumen bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Rendah di Malaysia*.
- Rohaya Talib, Mohd Zaki, K., Hamimah A. N. & Adibah A. L. (2019). *From Principle to Practice: Assessment for Learning in Malaysian School-Based Assessment Classroom*. *Internation J. Soc. Sci. & Edu*. Vol. 4, Issue 4. pp 42-51.
- Romberg, T. A. (1993). How one comes to know: Models and theories of the learning of mathematics. In *Investigations into assessment in mathematics education*, 97-111. Springer Netherlands.
- Rosni Zamuddin & Siti Fatimah. (2022). Kesiediaan Guru Bahasa Inggeris Terhadap Amalan PBS. *Novitas Royal*. 13(5). pp 76-90.
- Royson L. (2011). Understanding teaching through the mind of teacher: *Teaching and Teacher Education*, 20(4). pp 321-330.
- Rozaidi Salim. (2019). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Daerah Muar*. *Jurnal Pendidikan Sarjana - JPBM*. Fakulti Pendidikan: UTM.
- Rubin & Barbie. (2000). *Understanding of Qualitative Research & Methodology*. New York: Cambridge University Press.
- Sambell, K., McDowell, L., & and Brown, S. (1997). But is it fair?: An exploratory study of student perceptions of the consequential validity of assessment. *Studies in Educational Evaluation*, 23(4), pp 349-371.
- Sadler, D. R. (1998). Formative assessment: Revisiting the territory. *Assessment in education*, 5(1), 77-84.
- Sanitah Mohd Yusof & Norsiwati Ibrahim. (2021). Tahap Kesiediaan Guru dalam melaksanakan KSSR. *Journal of Science and Mathematics Education*. 6(1), pp 245-259.

- Sektor Penilaian & Peperiksaan. (2021). *Kaedah Pengendalian PBD Di Sekolah Rendah*. Jabatan Pelajaran Negeri Kedah: Alor Setar.
- Shabani, A., & Kharaji, F. N. (2020). The Process of Development and Evolution of Reading in the Field of Library and Information Science. *AISS: Advances in Information Sciences and Service Sciences*, 2(4), 172-178.
- Shaik-Abdullah, S. (2021). *Constructing understanding around text: Investigating EFL reading as a social practice* (Unpublished PhD. Thesis). University Of Birmingham.
- Sharifah N. P., Kamarul A. S., and Kamaruzaman J. (2021). Using CBAM to Evaluate Teachers' Concerns in Science Literacy for Human Capital Development at the Preschool World Applied Sciences *Journal 14 (Learning Innovation and Intervention for Diverse Learners): pp 81-87, 2021 ISSN 1818-4952*.
- Sharifah N. P., Nor Adibah G., Mohd M. T., Aliza A. (2019). *Keprihatinan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JPBM. Fakulti Pendidikan: UTM.
- Shepard, L. A. (2010). Linking Formative Assessment to Scaffolding. *Educational leadership*, 63(3), 66-70.
- Sherman, W. (2001). *Assessment of student achievement*. Toronto: Ontario Ministry of Education.
- Shulman L. (1986). Those Who Understand Knowledge : Growth In Teaching. *Educational Researcher*, Vol. 15, No. 2, pp 4-14.
- Shirron. (2020). *Knowledge vs Motivation: A theory of educational change*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Silva, E. (2008). Measuring Skills for the 21st Century [Report]. Washington, DC: Education Sector.
- Silverman, D. (2005). *Doing qualitative research* (2nd ed.). London: SAGE Publications.
- Silverman, D. (2009). *Doing qualitative research* (3rd ed.). London: SAGE Publications.
- Simangunsong (2023). Pengaruh Beban Kerja dan Kompensasi Terhadap Kinerja Guru. *Jurnal Bisnisan: Riset Bisnis dan Manajemen*, 4(3), 62-76.

- Singh, P., Supramaniam, K., & Teoh, S. H. (2017). Re-assess or risk the slow death of school-based assessment. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 25(S), 71-80.
- Sluijsmans, D. M., Moerkerke, G., Van Merriënboer, J. J., & Dochy, F. J. (2001). Peer assessment in problem-based learning. *Studies in educational evaluation*, 27(2), 153-173.
- Smith, D., & Higgins, S. (2005). Opening classroom interaction: The importance of feedback. *Cambridge Journal of Education*, 36(4), pp 485-502.
- Stiggins, S. (2015). Assessment through student's eyes. *Educational Leadership*, 64(8), pp 22-26.
- Stiggins, R. & Chappuis, J. (2006). *What a difference a word makes: Assessment for learning rather than assessment of learning helps students succeed*. *JSD*, 27(1), pp 10-14.
- Stufflebeam, D. L. (1971). The CIPP Model for evaluation. In Kellaghan, T., and Stufflebeam, D. L. (eds). *International Handbook of Educational Evaluation*. Dordrecht: Kluwer Academic Publishers.
- Sulaiman Masri. (2018). *Pentaksiran Kerja Amali Sains Berdasarkan Sekolah: Satu Tinjauan Di Beberapa Sekolah Menengah Di Daerah Segamat*. Laporan Kajian Pendidikan Ijazah Sarjana, UTM, Skudai.
- Suhaimi. (2023). Konsep Pentaksiran Dalam KSSR. *Journal Pendidikan Sains & Matematik*. Vol. 4, No. 1. Jan 2023/ ISSN2232-0394.
- Suseela M., Sim K.H. (2010). *Teacher perspectives of school based assessment in a secondary school in Kuala Lumpur* : *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9 (2010) pp 170-176.
- Swaffield, S. (2008). The central process in assessment for learning. *Unlocking Assessment: Understanding for Reflection and Application*, 57.
- Syed Ismail & Ahmad Subki. (2021). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Utusan Malaysia.
- Tan, J. Y. & Husaina Banu Kenayathulla. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah Dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(Julai), 70-90.
- Tan Ai Mei. (2022). *Keberkesanan Pemantauan Terhadap PBD Di Sekolah*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). UKM, Bangi.

- Tebeje, M., & Abiyu, A. (2019). Improving Implementation of Formative Continuous Assessment at College of Agriculture, Wolaita Sodo University, Ethiopia, 6(19), 110–117.
- Thomas, D. (2017). A General Inductive Approach to Analyzing Qualitative Evaluation Data. *American Journal of Evaluation*, pp 25-29.
- Topping, K. J. (2010). Peers as a source of formative assessment. *Handbook of formative assessment*, 61-74.
- Tsheko, G. N. (2006). A teacher with a vision and school-based assessment. Paper presented in *International Association of Assessment Conference*.
- Tuah, A. B. (2017). National Educational Assessment System: A proposal towards a more holistic education assessment system in Malaysia. Paper presented in *International Forum on Educational Assessment System*.
- Tunstall, P., & Gipps, C. (1996). Teacher feedback to young children in formative assessment: A typology. *British Educational Research Journal*, 22(4), 389-404.
- Umer, M., Majeed, A., & Omer, A. (2019). An Investigation of Saudi English-Major Learners “ Perceptions of Formative Assessment Tasks and Their Learning, 8(2), 109–115. <http://doi.org/10.5539/elt.v8n2p109>.
- Van de Wattering, G., Gijbels, D., Dochy, F., & Van der Rijt, J. (2008). Students’ assessment preferences, perceptions of assessment and their relationships to study results. *Higher Education*, 56(6), 645-658.
- Veloo, A., Krishnasamy, H. N., & Md Ali, R. (2015). Teachers “ Knowledge and Readiness towards Implementation of School Based Assessment in Secondary Schools, 8(11). <http://doi.org/10.5539/ies.v8n11p193>.
- Ven den Berg & Ros. (1999). The Impact for Implementing New Curriculum. *Rethinking Educational Research*. London: Hodder & Stouhton.
- Ven den Berg, S., Geijssel & V. (2023). The Impact Of New Innovation Towards CBAM Model. *Social and Behavioral Sciences*. 63(4). pp 432-440.
- Vhyshnavi Kanafadzi & Khairul Azhar Jamaludin. (2022). Tahap Kesiediaan Dan Sikap guru terhadap perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan: kajian sistematik terhadap artikel-artikel yang terpilih. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 461-475.
- Vygotsky, L. S. (1978). The prehistory of written language. *Mind in society: The development of higher psychological processes*, 105-119.

- Wallace, M., and Pocklington, K. (2019). *Managing complex educational change: Large-scale reorganization of schools*. London: Routledge Falmer.
- White, M. (2006). A general inductive approach to analyze qualitative evaluation data. *American Journal of Evaluation*, 13(3), pp 45-52.
- Wilhelm & Chen Pei. (2008). ESL students' attitude, learning problems, and needs for online writing. *Journal of Language Studies*, 12(1), pp 47-56.
- William. (1998). *Psychology For Language Teachers: A Social Constructivist Approach*. Cambridge University Press.
- Wilson, E. (Ed.). (2017). *School-based research: A guide for education students*. Sage Publications.
- Xuefeng. (2023). Bridging the implementation gap: an ethnographic study of English teachers' implementation of the curriculum reform in China. *Ethnography and Education*, 7(1), 1-19.
- Yaakop, N. (2022). Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan bahasa Melayu di sekolah rendah: satu penilaian kualitatif. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 5(2), 65-71.
- Yahaya, A., Saidun, N. & Raja Abdul Rahman, R. R. (2019). *Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Bahasa Inggeris*. Fakulti Pengajian Pendidikan: UKM.
- Yan, Z., & Cheng, E. C. K. (2015). Primary teachers' attitudes, intentions and practices regarding formative assessment. *Teaching and Teacher Education*, 45, 128-134.
- Yildizli. (2020). Feedback in the English Language Classroom: Developing the use of assessment for learning. *Teaching English*, 30(3), 161-163.
- Yin, R.K. (1994). Case study research: *Design and method*. (2nd ed). Thousand Oak. Calif: Sage Publications.
- Yin, R.K. (2009). Case study research: *Design and methods* (4th ed). Thousand Oak. Calif: Sage Publications.
- Yochum & Miller. (2022). Teachers' Perspective Towards School Based Assessment. *Instructional Journal of Applied Linguistics*. 6(3). pp 88-96.
- Yusof B. & Mohd Musa S. (2019). *Kepimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan PBD Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor*.

- Zaki, A. W., Darmi, R., & Selamat, S. (2022). Exploring classroom assessment and its importance in 21st-Century Learning: Meneroka pentaksiran bilik darjah dan kepentingannya dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *Sains Insani*, 7(2), 84-91.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Muhd Rahimi Mohd Yusoff. (2022). *Pentaksiran Bilik Darjah: Panduan Untuk Guru Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuraida Kamaruddin. (2023). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu –JPBM*, 9(Mei), 56–67.
- Zurida, Nooraisa. (2021). Keberkesanan Pelaksanaan PBD Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*. 28(4). pp 187-196.
- Zurina & Norida. (2020). Masalah dalam Penaakulan KSSR. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*. 12(2), pp 230-245.



Lampiran A: Surat Persetujuan Peserta Kajian

Kepada,

En. Ramalingam A/L Dhanapalan,

School of Arts and Sciences,

Universiti Utara Malaysia.

Borang Kebenaran Sebagai Peserta Kajian

Saya, _____ bersetuju untuk menyertai kajian yang tuan kendalikan untuk memenuhi keperluan penulisan tesis Ijazah Kedoktoran di Universiti Utara Malaysia. Saya memahami tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk memahami pelaksanaan PBD dalam kalangan guru-guru bukan beropsyen Bahasa Inggeris.

2. Saya maklum bahawa pemerhatian dalam kelas dan sesi temu bual akan dijalankan terhadap diri saya. Di samping itu, saya bersetuju untuk membenarkan tuan meneliti kerja-kerja penulisan, rekod-rekod akademik dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan saya untuk maksud memenuhi kehendak kajian tersebut.

3. Dalam penulisan tesis tersebut, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Untuk gentian, nama samaran sahaja akan digunakan. Segala maklumat yang dikumpul, dirakam dan ditulis saya berhak mengetahui dan menelitinya.

4. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini sekiranya saya rasa perlu. Untuk sebarang persoalan yang timbul saya akan menghubungi tuan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan Peserta Kajian,

Tarikh: _____

Lampiran B: Jadual Perancangan Temu bual

Guru	Temu bual 1	Temu bual 2	Temu bual 3
Uma	12/10/2021	03/02/2022	11/06/2022
Sharveen	12/10/2021	03/02/2022	11/06/2022
Lilly	19/10/2021	09/02/2022	24/06/2022
Dhina	19/10/2021	09/02/2022	24/06/2022
Mathavan	01/11/2021	17/02/2022	28/06/2022
Theva	01/11/2021	17/02/2022	28/06/2022

Lampiran C: Jadual Perancangan Pemerhatian

Guru	Pemerhatian 1	Pemerhatian 2	Pemerhatian 3
Uma	07/11/2021	15/04/2022	08/09/2022
Sharveen	07/11/2021	15/04/2022	08/09/2022
Lilly	15/11/2021	11/05/2022	13/10/2022
Dhina	15/11/2021	11/05/2022	13/10/2022
Mathavan	18/11/2021	20/05/2022	29/11/2022
Theva	18/11/2021	20/05/2022	29/11/2022

Lampiran D: Soalan Temu bual

Pemahaman Guru

1. Apakah yang cikgu faham tentang Pentaksiran Bilik Darjah atau dikenali sebagai PBD?
2. Pada pandangan cikgu, mengapa PBD diperkenalkan?
3. Apa perkaitan PBD dengan PdPc cikgu?
4. Adakah PBD berbeza dengan peperiksaan?
5. Mengikut pemahaman cikgu apa yang menyebabkan PBD berbeza dengan peperiksaan?
6. Bagaimana cikgu dapat maklumat tentang PBD ini?
7. Sejauhmana maklumat-maklumat yang diperolehi ini membantu cikgu untuk melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris?
8. Siapakah sumber utama untuk cikgu untuk mendapatkan maklumat tentang PBD?
9. Selain itu, apa lagi sumber rujukan untuk cikgu mendapatkan maklumat tentang PBD?
10. Bagaimanakah maklumat-maklumat ini digunakan untuk meningkatkan kefahaman cikgu tentang PBD Bahasa Inggeris?
11. Adakah pemahaman cikgu tentang PBD membantu dalam melaksanakan PBD?
12. Apakah yang cikgu faham tentang konsep Tahap Penguasaan (TP)?
13. Bagaimana cikgu menentukan TP kepada murid selepas PBD selesai dilaksanakan?

Perancangan Pelaksanaan PBD

1. Apakah yang cikgu akan lakukan sebelum melaksanakan PBD?
2. Kenapa cikgu berbuat demikian?
3. Apakah yang cikgu faham tentang perancangan untuk melaksanakan PBD?
4. Adakah cikgu melakukan perancangan untuk melaksanakan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris?
5. Mengapa cikgu merancang seperti ini?
6. Apakah bentuk-bentuk perancangan PdPc yang cikgu lakukan untuk melaksanakan PBD di bawah kurikulum KSSR?
7. Bagaimana cikgu mendapat idea seperti ini untuk melakukan perancangan?
8. Sejauhmanakah perancangan-perancangan ini membantu cikgu untuk melaksanakan PBD?

Pelaksanaan PBD

1. Apakah kebiasaan yang cikgu lakukan untuk melaksanakan PBD?
2. Bagaimana cikgu melaksanakan PBD?
3. Mengapa cikgu melaksanakan kaedah seperti ini?
4. Adakah cikgu merasakan kaedah pelaksanaan ini menepati kehendak LPM?
5. Sejauhmana kaedah ini membantu cikgu untuk melaksanakan PBD?
6. Mengapa cikgu berpendapat kaedah ini sesuai untuk melaksanakan PBD?
7. Pada pandangan cikgu, PBD yang cikgu laksanakan ini sesuai atau tidak? Mengapa?

Pentaksiran

1. Bagaimanakah cikgu melaksanakan pentaksiran terhadap murid?
2. Mengapa cikgu amalkan kaedah-kaedah seperti ini?
3. Sejauhmanakah kaedah ini mengukur perkembangan pembelajaran murid?
4. Pada pandangan cikgu, mengapa kaedah ini dianggap besesuaian?
5. Bagaimana cikgu menilai hasil kerja murid?
6. Adakah kaedah ini seperti yang dicadangkan oleh LPM?
7. Apakah kekerapan cikgu melakukan proses pentaksiran @ PBD?

Isu dan Cabaran

1. Adakah cikgu dapat melaksanakan PBD seperti yang disarankan? Mengapa?
2. Apakah isu yang timbul sepanjang cikgu melaksanakan PBD?
3. Pada pandangan cikgu, mengapa isu-isu seperti ini timbul?
4. Bagaimana cikgu menyelesaikan masalah ini?
5. Siapakah pihak-pihak yang membantu cikgu untuk menangani isu ini?
6. Selain isu, adakah cikgu menghadapi sebarang cabaran dalam melaksanakan PBD?
7. Kenapa cikgu merasakan cabaran-cabaran ini timbul?
8. Bagaimana cikgu menyelesaikan cabaran-cabaran ini?
9. Adakah cabaran-cabaran ini menggugat pelaksanaan PBD?
10. Adakah opsyen asal dianggap sebagai satu cabaran dalam melaksanakan PBD Bahasa Inggeris? Mengapa?
11. Apakah harapan cikgu dalam proses pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris?


Lampiran E: Kod dan Kategori Peserta Kajian

Pemahaman	Perancangan	Pelaksanaan	Pentaksiran	Isu	Cabaran
#Pentaksiran Peringkat Sekolah	#Menghabiskan Sukatan @ SOW	#Guru Sebagai Pengajar dan Pembimbing	-Pentaksiran Pelbagai Komponen	#Ketelusan Murid	#Masa Terlalu Singkat
-Pentaksiran Guru Mata Pelajaran BI	-Mengaplikasikan pembelajaran	-Taklimat	-Pentaksiran Berpanduan Draf	#Minat dan Komitmen Murid	#Kemahiran Pentaksiran Guru
-Pentaksiran Berpanduan Lembaga Peperiksaan Malaysia	- Menyusun semula tajuk-tajuk dalam DSKP	-Pembentukan Kumpulan	-Pentaksiran Tugas Akhir (UASA)	#Kaedah Pelaksanaan PBD	#Kemudahan ICT
-Pentaksiran Bersama PdPc	-Kitaran diajar bersama PBD	- Guru Mengajar	-Pentaksiran Secara Pemerhatian	#Peraturan Pemarkahan	#Amalan Birokrasi
#Bukan Berorientasikan Peperiksaan	# Berpanduan Dokumen LPM	-Guru Membimbing dan pemudahcara	#Pentaksiran Sepanjang Proses Pengajaran	#Beban Guru Meningkat	
-Perubahan Format Peperiksaan	- Perancangan <i>Ad-Hoc</i>	#PBD Diasingkan daripada PdPc	-Pentaksiran Menggunakan Draf	#Kekurangan bimbingan dan pementoran	
-PdPc Tidak Berpanduan Peperiksaan		-Sesi Taklimat	-Pemerhatian		
-Sambil Belajar Sambil Buat Tugas		-Mengasingkan PBSB daripada PdPc	-Tugas Murid		
#Pentaksiran Untuk Pembelajaran		-PBD Dijalankan diluar waktu sekolah	#Pembentangan Tugas		
-Aplikasi	-Guru-guru <i>senior</i>	-Bimbingan rakan sebaya	#Peranan Ketua Panitia BI		
-Guru Mentaksir Murid Belajar		#PBD dilaksanakan secara koperatif			
-Kemahiran Berfikir		-Taklimat peringkat pertama			
		-Taklimat peringkat kedua			
		-Guru bersama ketua kumpulan			
		-Bimbingan Murid (MTM)			
		-Projek Mudah (PBL)			

Lampiran F: Contoh Instrumen PBD Bahasa Inggeris


A. Write the country's name and the nationality of the person.

1.



He's from _____
He's a _____

2.



She's from _____
She's a _____

3.



She's from _____
She's a _____

4.




He's from _____
He's a _____

5.



She's from _____
She's a _____

6.



He's from _____
He's a _____

7.



He's from _____
He's a _____

8.



She's from _____
She's an _____

B. Circle the correct answer.

1. I _____ going to the field to play with my friends.

- A. are
- B. am
- C. is

2. Umar and Felix _____ doing their homework in the school library.

- A. are
- B. am
- C. is

3. We _____ riding our bikes around the lake.

- A. are
- B. am
- C. is

4. Matilda _____ from Brazil. She is a Brazilian.

- A. are
- B. am
- C. is

5. Uncle Jim and his friends _____ eating burgers at the fast food restaurant.

- A. are
- B. am
- C. is

6. Fiona and I _____ at school for our volleyball practice.

- A. are
- B. am
- C. is

7. Amanda _____ exercising with her friends at the playground.

- A. are
- B. am
- C. is

8. They _____ planning their annual holiday trip together.

- A. am
- B. is
- C. are

9. Where _____ you from?


- A. are
- B. am
- C. is

10. I _____ going for a walk to just enjoy some peace of mind.

- A. are
- B. am
- C. is

C. Write three sentences in a paragraph based on the picture.

1.



2.



D. Read the text and answer the following questions.

Ganesh has got hockey practice at school every evening during the weekdays. He goes for practice at half past four. He usually eats lunch at school at quarter to two and completes his homework with his friends. They go to the school library to do their homework. This month, Ganesh and his team are preparing for the district hockey tournament. They work very hard during their practice.



1. Where does Ganesh practise hockey?

2. Does he go for hockey practice on Saturdays and Sundays?

3. What time does he go for his hockey practice?

4. In your opinion, why do you think Ganesh and his friends go to the school library to complete their homework ?

5. Why are Ganesh and his team working hard for the tournament?

Lampiran G: Contoh Pelaporan PBD



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH AKHIR SESI AKADEMIK 2023/2024

NAMA MURID AAKAASH A/L ELANGGO
 ID PENGESALAN 120423020879
 TINGKATAN / TAHUN TAHUN LIMA (ELANGGO)
 JANTINA LELAKI
 SEKOLAH SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SARASWATHY
 TARIKH 28/01/2024

MATA PELAJARAN	TAHAP PENGUSAAN PENTAKSIRAN BERTERUSAN (AKHIR SESI AKADEMIK)	PENYATAAN TAHAP PENGUSAAN PENTAKSIRAN BERTERUSAN (AKHIR SESI AKADEMIK)	TAHAP PENGUSAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK	PENYATAAN TAHAP PENGUSAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK	ULASAN GURU MATA PELAJARAN	USHA MURID
BAHASA MELAYU SJK	TP5	Mencapai tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa yang sangat baik dalam memberi maklum balas semasa menghuraikan, bersoal jawab dan menyatakan pertimbangan dan keputusan yang rasional terhadap ujaran di samping membaca, meneliti dan memahami maklumat dalam bahan dengan merujuk kamus. Selain itu, menulis pendapat, karangan pelbagai format dan mengedit bahan penulisan dengan betul, tepat dan berupaya belajar secara sendiri.	TP5	Penguasaan pengetahuan sistem bahasa iaitu pengetahuan kata, ayat dan peribahasa bilangan pada tahap kepujian. Berkemahiran tinggi dalam kemahiran membaca dan memahami serta menaakul pelbagai bahan secara kritis. Kreatif dan matang dalam kemahiran menulis dan menghasilkan wacana yang sesuai mengikut konteks, mengemukakan idea yang kreatif dan matang, menggunakan ayat yang gramatis serta pengolahan yang menarik dan berkesan.	Murid menepati tempoh masa yang diberikan untuk menyelesaikan tugas yang diberi dengan teliti dan bijaksana. CADANGAN INTERVENSI: Perlu meningkatkan latihan dalam kemahiran menulis.	TINGGI
BAHASA INGGERIS SJK	TP5	Can read and understand simple texts of two paragraphs or more with little or no guidance. Can communicate and organise basic information by describing people, places, objects, events and narrate stories with little guidance.	TP4	Can show good ability to understand the main ideas, specific information and details of simple texts, and communicate meaning using appropriate strategies in writing. Responds to the given language tasks reasonably well.	Murid menunjukkan kefahaman yang amat jelas mengenai konsep dan kemahiran yang dipelajari.	TINGGI
MATEMATIK	TP5	Menggunakan pengetahuan dan kemahiran matematik dengan pelbagai strategi dalam menyelesaikan masalah berayat yang kompleks dengan yakin.	TP4	Pencapaian murid adalah baik. Murid menguasai dan boleh mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran matematik dalam menyelesaikan masalah harian.	Murid memahami dan membuat dengan sistematik dan teliti.	SANGAT TINGGI

MATA PELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAAN PENTAKSIRAN BERTERUSAN (AKHIR SESI AKADEMIK)	PENYATAAN TAHAP PENGUSAHAAN PENTAKSIRAN BERTERUSAN (AKHIR SESE AKADEMIK)	TAHAP PENGUSAHAAN UJIAN AKHIR SESE AKADEMIK	PENYATAAN TAHAP PENGUSAHAAN UJIAN AKHIR SESE AKADEMIK	ULASAN GURU MATA PELAJARAN	USARA MURID
BAHASA TAMIL SJK	TP5	செவிமடுத்தவற்றிலுள்ள முக்கியக் கருத்துகளை யொட்டிக் கருத்துரைக்கவும் வரைபடத்தில் உள்ள சுவைகளை விவரித்துக் கூறவும் தலைப்பையொட்டிய கருத்துகளைத் தொகுத்து விவரம் செய்யவும் தெரிவு செய்யப்பட்ட பல்வேறு பனுவல்களைச் சரளமாக வாசிக்கவும் கருத்துரைவும் வரையறுக்கப்பட்ட பல்வகை எழுத்துப் படவங்களைப் படைக்கவும் சிறந்த இறன் பெற்றுள்ளார். ஆய்வு, ஆக்கச் சிந்தனையோடு ஏற்றமான கருத்துகளையும் எண்ணங்களையும் இலக்கணப்பிழையின்றி வெளிப்படுத்துகின்ற இறனும் உள்ளது. இவருக்குச் சுயமாகக் கற்கும் இறன் உள்ளது. (berupaya memberi komen tentang isi penting daripada perkara yang diperdengarkan, menguraikan maklumat yang terkandung dalam peta, membincangkan fakta berkaitan tajuk, membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan terpilih serta menghasilkan pelbagai bentuk penulisan yang diletakkan pada tahap yang sangat baik. Mempunyai pemikiran kritis dan kreatif serta berupaya menyampaikan idea dan pandangan secara rasional tanpa kesalahan latabahasa. Berupaya belajar secara kendin.)	TP5	Dapat menguasai bahasa tamil dengan sangat baik, menggunakan pengetahuan yang sesuai dan sangat baik dengan memperihalkan penggunaan bahasa tamil yang cekap, tersusun dan idea yang lepat.	Murid menunjukkan prestasi yang semakin meningkat.	TINGGI
SAINS	TP5	Membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan memben hujah secara saintifik dalam melaksanakan tugas berdasarkan pengetahuan sains dan kemahiran saintifik serta mempamerkan sikap saintifik.	TP5	Menilai dengan wajar keputusan atau tindakan terhadap sesuatu isu berkaitan sains berdasarkan pengetahuan sains untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan atau melaksanakan tugas. Menguasai kemahiran saintifik pada tahap sangat baik. Menunjukkan minat yang tinggi dan bersifat ingin tahu dalam bidang ilmu sains.	Bagus. Teruskan usaha anda.	TINGGI
SEJARAH	TP5	Membuat penilaian berdasarkan ilmu sejarah, kemahiran pemikiran sejarah dan nilai yang dipelajari berkaitan kedaulatan negara.	TP4	Mengetahui dan memahami fakta sejarah pada tahap baik. Mengaplikasi pengetahuan dan pemahaman fakta sejarah dalam menjelaskan sesuatu isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap baik. Menganalisis fakta sejarah serta isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap baik.	Murid telah mencapai objektif pembelajaran dan secara konsisten boleh menghubungkan idea dan konsep yang dipelajari dalam kelas dengan situasi yang sebenar. CADANGAN INTERVENSI: Memberi latihan penguatan bagi meningkatkan prestasi pencapaian.	TINGGI
PENDIDIKAN MORAL SJK	TP5	Mengamalkan pengetahuan, emosi dan perlakuan moral bagi tema saya dan masyarakat berpandukan nilai universal dalam kehidupan seharian.	TP5	Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam situasi baharu mengikut prosedur secara analitik, sistematik serta tehal.	Murid adalah seorang yang cemerlang dan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. CADANGAN INTERVENSI: Tahliah	TINGGI

MATA PELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAAN PENGAKHIRAN BERTERUSAN (AKHIR SESI SESI AKADEMIK)	PENYATAAN TAHAP PENGUSAHAAN PENGAKHIRAN BERTERUSAN (AKHIR SESI AKADEMIK)	TAHAP PENGUSAHAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK	PENYATAAN TAHAP PENGUSAHAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK	ULASAN GURU MATA PELAJARAN	USHA MURID
PENDIDIKAN SENI VISUAL	TP5	Menguasai pengetahuan dan kemahiran menghasilkan karya seperti karya kolaj gabungan gunisan dan poster gabungan monaj dengan menunjukkan prestasi yang baik.	TP4	Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mengikut prosedur secara analitik serta sistematik.	Murid mengambil inisiatif dan menunjukkan komitmen serta usaha yang berterusan untuk belajar.	TINGGI
PENDIDIKAN JASMANI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN	TP5	Melakukan pelbagai corak pergerakan gimnastik, pergerakan kreatif bertema dengan props, asas permainan, olahraga asas, akuatik atau rekreasi dan kesengangan (maka luang) serta aktiviti kecergasan fizikal yang khusus dalam pelbagai situasi baharu secara positif serta mendengar dan menghormati pendapat orang lain, menggunakan kemahiran menyelesaikan masalah untuk meningkatkan kebersihan, kesihatan dan keselamatan diri dalam kehidupan harian.	TP4	Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mengikut prosedur secara analitik serta sistematik.	Murid menunjukkan kefahaman yang amat jelas mengenai konsep dan kemahiran yang dipelajari.	TINGGI
REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI	TP6	Mencipta atau menghasilkan reka bentuk produk berkaitan rekabentuk, artikel jahitan, tenaga boleh baharu, pertanian bandar dan pengaturcaraan dengan mengamalkan langkah keselamatan dan amalan kerja yang baik, positif, kreatif, inovatif dan boleh dicontohi.	TP6	Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam situasi baharu mengikut prosedur secara analitik, sistematik serta tekal.	Murid telah mencapai objektif pembelajaran dan secara konsisten boleh menghubungkan idea dan konsep yang dipelajari dalam kelas dengan situasi yang sebenar.	SANGAT TINGGI
PENDIDIKAN MUZIK	TP5	Menyanyikan lagu berkambar, memainkan alat perkusi, melakukan pergerakan berdasarkan meter lagu dan memainkan rekorder secara konsisten; dan mencipta corak irama dan melodi.	TP5	Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam situasi baharu mengikut prosedur secara analitik, sistematik serta tekal.	Murid menunjukkan contoh kecerdasan dan kemahiran menyelesaikan masalah dengan gigih. CADANGAN INTERVENSI: Perlu meningkatkan lagi usaha berlatih bermain rekorder.	TINGGI

ULASAN GURU KELAS : Tahniati, Teruskan usaha cemerlang anda!

PETUNJUK USAHA MURID			
RENDAH Murid kurang daya usaha dan memerlukan lebih dorongan	SEDERHANA Murid menunjukkan daya usaha dan memerlukan dorongan/sokongan	TINGGI Murid menunjukkan daya usaha yang tinggi dan memerlukan sokongan untuk terus maju	SANGAT TINGGI Murid menunjukkan daya usaha yang tinggi dan mampu berdiskusi

D. Ramalingam

GURU KELAS
RAMALINGAM A/L
DHANAPALAN

Ravi Ammasi
RAVI AMMASI
Guru Besar
SJKT Saraswathy
Sungai Petani, Kedah Darul Aman
PENGETUA / GURU BESAR

TANDATANGAN IBU BAPA/PENJAGA
NAMA:
TARIKH:

Lampiran H: Surat Kelulusan EPRD



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
ARAS 1-4, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

TEL : 0388846591
FAX : 0388846579

Ruj. Kami : KPM.600-3/2/3-eras(10366)
Tarikh : 10 Januari 2021

RAMALINGAM A/L DHANAPALAN
NO. KP : 830814025681

NO 280 JALAN RESIDENSI 8, PUTERI RESIDENCE
SUNGAI PETANI 8000 SUNGAI PETANI
KEDAH

Tuan,

**KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN :
EKSPLORASI PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM KALANGAN GURU BUKAN BEROPSYEN
BAHASA INGGERIS**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan dengan syarat :

" KELULUSAN INI BERGANTUNG KEPADA KEBENARAN PENGARAH JPN DAN PERTIMBANGAN PENTADBIR SEKOLAH YANG BERKAITAN. PENGLIBATAN, PEMERHATIAN SERTA RAKAMAN VIDEO TERHADAP AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID DI DALAM BILIK DARJAH TIDAK DIBENARKAN. "

3. Kelulusan adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **15 Januari 2021** hingga **30 November 2022**

5. Tuan dikehendaki menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat pdf dalam CD kepada Bahagian ini. Tuan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak diterbitkan di mana-mana forum seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Penyelidikan dan Penilaian Dasar
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

salinan kepada:-

JABATAN PENDIDIKAN KEDAH

* SURAT INI DIJANA OLEH KOMPUTER DAN TIDAK PERLU TANDATANGAN DIPERLUKAI *